

Bil. 11

**Khamis
30 Mac 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 13)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Y.B. Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah)</i>	(Halaman 14)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beras) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO

7. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB

10. Yang Berhormat Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS

48. Yang Berhormat Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO

-
85. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB

-
120. Yang Berhormat Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - Keadilan
122. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. " Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. " Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. " Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. " Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 30 Mac 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan warga asing yang memohon dan mendapat kelulusan menjadi warganegara Malaysia bagi tahun 2005 melalui proses pendaftaran dan kemasukan (naturalisasi). Mengikut rekod kementerian, apakah faktor yang mendorong mereka memohon untuk menjadi warganegara. Selain itu, berapa ramaikah dari mereka yang memohon menjadi warganegara terdiri dari golongan profesional.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2005 bagi permohonan melalui cara pendaftaran adalah sebanyak 1,301 permohonan dan melalui cara kemasukan (naturalisasi) adalah sebanyak 1,283 permohonan. Daripada jumlah tersebut bilangan permohonan yang diluluskan dengan cara pendaftaran ialah sebanyak 111 permohonan dan permohonan dengan cara kemasukan sebanyak 24 permohonan.

Di antara faktor utama yang mendorong orang-orang asing memohon taraf kewarganegaraan ialah:

- (i) kedudukan negara Malaysia yang aman, tidak ada keganasan dan bencana alam;
- (ii) kedudukan politik yang stabil, ekonomi yang mantap dan pembangunan yang begitu pesat;
- (iii) warganegara yang pada suatu ketika berhijrah ke luar negara yang kembali semula ke negara ini; dan
- (iv) kebanyakan ahli keluarga mereka telah berada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, warganegara asing dari golongan profesional yang diluluskan taraf kewarganegaraannya pada tahun 2005 seramai 17 orang dan mereka adalah terdiri daripada doktor, jurutera, arkitek, pensyarah dan pengarah syarikat. Sekian, terima kasih.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak tiga atau lima tahun yang lalu, berapa ramai warga asing yang sudah menjadi warganegara Malaysia dan daripada negara mana asal mereka. Kedua, saya ingin tahu kenapakah agaknya lambat proses untuk memberi jawapan sama ada ya atau tidak atas permohonan-permohonan mereka itu.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan bahagian kedua dahulu kerana ini adalah satu soalan yang sentiasa ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu apa sebab agak lambat untuk proses dan meluluskan permohonan kewarganegaraan Malaysia.

Saya ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pemohon mestilah memenuhi syarat kelayakan yang ditentukan di dalam Bahagian 3, Perlembagaan

Persekutuan di mana mereka barulah boleh mengemukakan permohonannya. Mengenai taraf kewarganegaraan, pemberian atau penganugerahan kewarganegaraan adalah satu hak mutlak Kerajaan Persekutuan kepada warganegara asing. Oleh yang demikian, pemohon perlu melalui beberapa tapisan dan hendaklah juga memenuhi syarat-syarat tertentu sebelum mereka dipilih atau dipertimbangkan. Oleh itu proses ini akan mengambil masa yang panjang. Jadi pemohon mestilah bersikap sabar menunggu. Kerajaan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya

Mengenai jumlah permohonan yang telah diluluskan kepada warga asing dalam tempoh tiga atau lima tahun yang lepas... *[Menyemak dokumen]* saya tidak ada perangkaan yang spesifik...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, Yang Berhormat. Kalau tidak dapat jawab, tidak apa. *[Dewan riuh]*

Datuk Tan Chai Ho: Nanti, nanti. Saya ada perangkaan mengenai permohonan kewarganegaraan yang diluluskan. Semenjak tahun 2000 hingga 2005, sebanyak 2,326 ...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk dulu. *[Mengarah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih berdiri]* Duduk diam. Yang Berhormat, boleh...

Datuk Tan Chai Ho: *[Duduk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudahkah Yang Berhormat? Baik. Yang Berhormat bagi Keningau.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, dalam proses untuk memastikan pemohon-pemohon itu sebagai warganegara Malaysia yang begitu penting bagi kita sekalian sama ada mereka diminta melalui satu upacara mengangkat sumpah sebagai warganegara Malaysia di khalayak ramai ataupun secara terbuka kerana kita sebagai warganegara Malaysia tidak sama sekali mengetahui siapakah warganegara Malaysia yang baru, yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menyebut bahawa pemohon mestilah memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Bahagian 3, Perlembagaan Persekutuan iaitu pemohon tadi sama ada warga asing atau orang-orang tempatan, mereka mestilah memenuhi syarat-syarat yang tertentu. Saya bagi contoh, kalau Perkara 15(a) ini bermakna kuasa khas bagi mendaftar kanak-kanak, dan 15(1) ini bermakna isteri kepada warganegara apabila mereka memohon taraf kewarganegaraan mestilah mengikut Perkara 15 (1)....

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Tan Chai Ho: Samalah juga dengan Perkara 16 di mana orang-orang yang lahir di Persekutuan sebelum hari Merdeka. Jadi inilah....

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Jawab soalan. Jawab soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagi peluang menteri untuk menjawab soalan.

Datuk Tan Chai Ho: Inilah yang saya katakan tadi mestilah memenuhi syarat-syarat yang tertentu. Warga asing yang telah diluluskan untuk menjadi warganegara Malaysia mestilah ada memenuhi kriteria atau syarat-syarat.

2. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pandangan pakar undang-undang negara sekiranya pembinaan jambatan di Tambak Johor diteruskan sama ada melibatkan perobohan tambak yang sedia ada jika perkara ini dibawa ke Mahkamah Antarabangsa.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sebelum saya mulakan jawapan ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke Dewan Rakyat kepada pengundi saya dari kawasan Parlimen Kota Tinggi.

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Jangan tepuk tangan, ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu saya tidak suruh, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Yang Berhormat, saya minta maaf sebab Yang Berhormat tidak *welcome* ada *backbenchers* DUN dari Sabah. [Ketawa]

Datuk Seri Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan selamat datang kepada *backbenchers* daripada Sabah. Minta maaf, Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat tujuh soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu dua hala tertunggak di antara Malaysia dan Singapura yang telah ditujukan untuk diberikan jawapan. Soalan-soalan tersebut adalah daripada Yang Berhormat bagi Gombak bertarikh 15 Mac, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bertarikh 21 Mac, Yang Berhormat bagi Ledang pada hari ini, Yang Berhormat bagi Indera Mahkota, Yang Berhormat bagi Kudat, Yang Berhormat bagi Lipis serta Yang Berhormat bagi Kampar. Saya mohon izin untuk menjawab kesemua soalan itu sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pelbagai soalan terhadap isu rundingan di antara Malaysia dan Singapura. Semasa saya membuat penggulungan semalam, saya telah menghuraikan pandangan dan pendekatan kerajaan bersabit perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sedar dan insaf bahawa isu Malaysia-Singapura ini adalah isu mustahak dan penting kepada kerajaan dan rakyat Malaysia. Segala tindakan dan langkah yang kita ambil sememangnya mengambil kira kepentingan rakyat dan negara dan kerajaan menghayati sensitiviti kita terhadap isu-isu ini.

Biarlah saya memberi jaminan semasa rundingan dilaksanakan kita akan menentukan bahawa kepentingan negara adalah menjadi asas panduan untuk mencari rumusan yang tidak merugikan negara kita dan ia akan mendatangkan manfaat kepada kita semua.

Jika pada bila-bila masa kita dapati bahawa ia tidak bermanfaat, maka Kementerian Luar Negeri akan kemukakan dan mengesyorkan kepada kerajaan untuk membuat pendirian dan arahan yang sewajarnya. Saya berharap Ahli Yang Berhormat akan dapat meletakkan keyakinan dan kepercayaan kepada Kementerian Luar Negeri untuk melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Luar Negeri dengan secara yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memudahkan proses perundingan Malaysia dengan Singapura kita memerlukan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, tanpanya kredibiliti kita sendiri akan terjejas dan dipertikaikan. Setiap langkah yang diambil adalah berteraskan nasihat sama ada dari aspek undang-undang ataupun aspek-aspek lain untuk menentukan kumpulan-kumpulan pakar memberikan pandangan dan perhatian mereka, dan ini diuruskan dengan teliti dan berhemah dengan tujuan untuk mendapat manfaat yang terbaik sekali. Jadi, saya berharap Yang Berhormat akan sentiasa memberikan kita kefahaman dan dukungan ke atas segala tindakan yang kita ambil untuk kepentingan kita bersama. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan cukup komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terbinanya Tambak Johor pada tahun 1924 walaupun kehidupan laut terpisah antara timur dan barat. Tetapi hubungan Malaysia dan Singapura bertambah baik. Sehingga mewujudkan hubungan dagangan melebihi 100 bilion begitu juga pelancongan dan sebagainya. Ibarat cubit paha kiri paha kanan terasa dan sebaliknya.

Soalan saya ialah saya yakin dengan jambatan baru yang dibina akan meningkatkan lagi hubungan yang mesra ekonomi, alam sekitar baik dan sebagainya. Cuma Tuan Yang di-Pertua, apakah kesan, sekiranya rundingan ini dihentikan kerana kita gagal mencapai persetujuan tetapi sekiranya ia menjadi kenyataan apa pula kesan terhadap jambatan link yang kedua yang telah pun digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Silakan Yang Amat Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita ketahui bahawa rundingan telah kita berhentikan pada tahun 2002. Oleh sebab kita tidak mencapai apa-apa persetujuan, namun demikian kerajaan berpendapat adalah elok kalau kita mempunyai laluan baru menggantikan Tambak Johor yang dianggap tidak sesuai memandangkan perkembangan semasa.

Oleh itu kita telah memulakan di atas keputusan kerajaan untuk kita mencari langkah kerjasama dengan Singapura bagi membina laluan baru melalui jambatan sama ada *scenic* atau jambatan lurus yang kita fikirkan adalah penting untuk memberikan *the southern gateway*, dengan izin, menjadi lebih indah dan mudah untuk pelancong ataupun pelawat ke Malaysia, daripada kita punya gerbang selatan untuk memasuki pintu utama Malaysia ke Selatan.

Oleh sebab itu, andainya kita tidak berjaya untuk mencapai apa-apa persetujuan, maka sudah tentu ia bermakna kita kena teruskan sebagaimana kita berada di dalam keadaan sekarang. Hubungan ekonomi, perdagangan, pelancongan dan hubungan-hubungan lain tidak seharusnya terjejas dengan apa-apa juga keputusan. Akhirnya dibuat di dalam menentukan kedudukan Singapura dan Malaysia.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat bahawa Singapura adalah merupakan jiran kita yang terdekat dan selain daripada mempunyai masalah-masalah dua hala yang kita menghadapi sekarang di antara Malaysia dan Singapura, saya percaya tentulah kita inginkan satu perhubungan yang *constructive* di antara Singapura dan Malaysia. Apakah usaha-usaha kerajaan dan apakah usaha-usaha Kementerian Luar di dalam membuatkan perhubungan yang lebih *constructive* kerjasama-kerjasama di antara pemimpin-pemimpin pelapis, dan pemimpin-pemimpin yang sedia ada di antara Singapura dan Malaysia. Saya rasa pada masa-masa hadapan kita masih lagi akan menghadapi masalah-masalah dua hala ini. Saya rasa di antara jalan penyelesaian terbaik ialah untuk kita mengadakan kerjasama di peringkat pemimpin, di peringkat Parlimen di antara pemimpin-pemimpin sekarang dan pemimpin-pemimpin pelapis. Apakah usaha-usaha yang akan dijalankan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengambil alih pucuk pimpinan negara, beliau telah membuat pendekatan untuk cuba melanjutkan hubungan kita di paras yang lebih tinggi lagi dengan meninggalkan bagasi ataupun beban-beban sejarah yang telah menaungi perhubungan kita dan kadangkala melahirkan ketegangan hubungan di antara kedua-dua negara. Oleh itu, beliau meminta kita supaya melihat kepada '*low-lying fruit*', dengan izin yang mudah kita mencari jalan penyelesaian. Ini diterima oleh pihak Singapura.

Hasil daripada kemesraan dan keakraban yang telah terjalin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, maka mulalah kita adakan hubungan di semua peringkat. Di peringkat pimpinan politik, pimpinan kerajaan dan juga jabatan-jabatan kerajaan, kementerian-kementerian membuat lawatan dua hala untuk melahirkan kemesraan dan persefahaman di antara kedua-dua rakyat di Singapura dan juga di Malaysia. Tujuan ini telah melahirkan satu keyakinan baru di antara kedua-dua negara. Dengan itu, kita

mengambil peluang di dalam suasana dan iklim *atmospheric*, dengan izin, yang baik, positif, membina maka kita harus mengambil langkah baru dan cuba mengetepikan apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

3. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan bilakah negara akan mengeluarkan daging lembu, kambing dan ayam yang mencukupi sehingga kita tidak lagi perlu mengimport barangan keperluan ini dari negara luar.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran ataupun bekalan daging ayam dan telur di negara kita ini telah melebihi tahap sara diri bagi tahun 2005. Tahap sara diri bagi daging ayam mencapai 121% dan telur sebanyak 113% pada tahun tersebut. Kedudukan ini akan terus dikekalkan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa hadapan. Namun demikian, bagi pengeluaran daging lembu dan kambing kita masih di tahap defisit di mana pada tahun 2005 tahap sara diri bagi bekalan daging lembu ialah 23% dan daging kambing 8%.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), sasaran pengeluaran adalah untuk mencapai tahap sara diri sebanyak 28% bagi daging lembu dan 10% bagi daging kambing. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun menyediakan satu dasar dan Pelan Pengeluaran Daging Negara yang mensasarkan pengeluaran daging lembu mencapai 40% tahap sara diri menjelang 2015. Lima strategi utama digariskan untuk mencapai matlamat dasar keluaran daging lembu di negara kita iaitu:

- (i) meningkatkan operasi asas ternakan lembu yang sesuai untuk pengeluaran yang mampan dan juga ekonomi. Pada tahun 2006, sebagai contoh pengeluaran daging lembu kita ialah sebanyak 30,270 metrik tan berbanding dengan permintaan sebanyak 126,540 metrik tan. Mengikut sasaran bagi tahun 2015, kita insya-Allah, akan dapat mengeluarkan sebanyak 62,300 metrik tan, berbanding dengan keperluan kita sebanyak 153,600 metrik tan;
- (ii) meningkatkan keupayaan daya saing industri pedaging;
- (iii) untuk menambah baik persekitaran *business* dan prasarana serta skim insentif yang dianggap sesuai untuk menarik penyertaan GLC, dengan izin, dan syarikat-syarikat swasta untuk menceburkan diri secara besar-besaran dalam sektor ternakan di negara kita;
- (iv) memperkukuhkan langkah-langkah *sanitary* termasuk untuk memastikan dalam tempoh tiga tahun yang akan datang. Menjelang tahun 2009 kita akan berupaya untuk mencapai tahap sifar penyakit kuku dan mulut ataupun FMD di negara kita. Dengan usaha itu, memungkinkan kita untuk mengeksport sebahagian daripada hasil ternakan lembu kita dalam bentuk daging diproses dan sebagainya ke peringkat antarabangsa; dan
- (v) untuk menambah baik kualiti produk dan pengeluaran produk tambah nilai.

Dalam keadaan iklim, keluasan tanah, sumber makanan haiwan dan sebagainya yang ada di negara kita adalah didapati tidak begitu praktikal ataupun *comparative* dari segi jangka panjangnya, bagi kita mengeluarkan 100% keperluan untuk sara diri dalam negara kita.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya kita masih jauh daripada sasaran untuk berdikari dalam perkara lembu dan juga kambing, tetapi sesuatu yang rasanya sesuai dengan persekitaran ataupun iklim kita ialah ternakan ikan air tawar. Saya rasa kemajuan dalam bidang ini pun masih ketinggalan.

Jadi ikan-ikan seperti patin, jelawat dan terutamanya ikan kelah yang bergelar *king of the river* ataupun raja sungai ini saya rasa kluatir semakin hari semakin pupus jika kita tidak mengambil sesuatu tindakan untuk memelihara dan apatah lagi untuk membiakkannya. Jadi, apakah rancangan kementerian, kerajaan dalam hal memelihara dan apatah lagi membiakkan terutamanya ikan kelah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak jawab, boleh jawab.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kalau Tuan Yang di-Pertua kata saya jawab, saya boleh jawablah, insya-Allah walaupun soalan di sini ialah daging lembu dengan kambing dan ayam, jauh sikit daripada ikan tetapi tidak apalah. Kerana Yang Berhormat berminat kepada ikan kelah, saya hendak menyatakan di sini memang kita memberikan perhatian yang agak besar sekarang ini kepada pembangunan sektor akuakultur kalau dibandingkan dengan sasaran kita dari segi pengeluaran ikan negara. Sektor akuakultur akan dianggap lebih penting daripada sektor tangkapan ikan daripada lautan terbuka.

Kita harapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia industri akuakultur akan berkembang dan menyumbang lebih daripada 72% keperluan bekalan ikan di negara kita. Dalam soal ini, ikan seperti yang disebutkan Yang Berhormat, kelah adalah salah satu daripada jenis ikan yang memang kita cuba biakkan secara lebih luas. Sudah ada projek-projek perintis yang diusahakan oleh Jabatan Perikanan kita seperti di Pahang mungkin belum lagi agaknya di Perak yang nampaknya membuktikan sesuatu kejayaan yang agak menggalakkan.

Sebenarnya dalam Kabinet baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah pun mengarahkan supaya kita mengambil langkah untuk mempromosikan ikan kelah ini. Bukan setakat untuk tujuan makanan tetapi seperti mana contohnya di negara Jepun, koi sudah jadi satu jenis ikan hiasan yang popular dan mahal harganya. Arowana pun begitu juga. Jadi, insya-Allah kalau kita dapat usahakan kelah akan jadi satu produk *brand* tempatan Malaysia dan jika kita promosikan bukan sahaja untuk tujuan makanan, tetapi juga untuk industri ikan hiasan. Insya-Allah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita ini terlalu banyak sangat bergantung pada pengimportan semua bahan pertanian. Semalam kita dengar daripada Yang Berhormat bagi Pasir Mas, mereka menyeludup beras. Ini akan berlaku Yang Berhormat Menteri bila kita terlalu bergantung kepada pengimportan akan berlaku penyeludupan. Kadang-kadang ternakan yang dibawa masuk pun yang sakit, yang tidak sihat, dengan harga yang tidak berpatutan. Belum tahu daging yang disembelih di sana halal.

Saya sudah tanya Yang Berhormat Menteri satu *time frame* yang seharusnya ada yang selain Yang Berhormat sebutkan tadi. Masalahnya ialah pusat pembiakan. Kadang-kadang benih ternakan lembu kambing bukan sahaja tidak cukup yang diberi kepada orang kampung itu kurus, kadang-kadang sudah hendak mati – ini berlaku. Jadi, apakah Yang Berhormat sedar bahawa *delivery system* pegawai dan kakitangan kementerian ini tolonglah, kurangkanlah bermain golf kalau boleh. Pastikan mereka ini turun ke padang memberi penerangan, penjelasan. Walaupun dalam kempen bumi hijau yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau ini tidak dapat diselesaikan sampai bila pun itulah yang akan kita hadapi. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri? LKIM pun rugi, kita tahu. Jadi, bagaimana kita hendak menggalakkan ternakan ikan akuakultur ini? Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan itu tidaklah benar untuk menyatakan bahawa tidak ada kemajuan dalam industri penternakan ataupun perikanan di negara kita. Saya mungkin di dalam sesi perbahasan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti akan cuba bentangkan data-data dan angka menunjukkan prestasi dan pencapaian kita berdasarkan *key performance index* agensi dan jabatan-jabatan yang ada di bawah kementerian. Ini untuk mempertahankan

kedudukan pegawai saya yang bekerja keras, dia main golf turun padang juga. Tetapi di luar waktu pejabatlah.

Sebagaimana yang Yang Berhormat sebutkan tadi, kita pun sudah faham tentang masalah isu *delivery system* yang telah pun disebutkan semalam, dalam perbincangan pun dibangkitkan panjang lebar dan saya telah jelaskan memang kita berikan perhatian. Umpama dalam industri ternakan kita tidak mempunyai baka lembu, kambing yang mencukupi. Ini satu yang bagi saya menjadi masalah dan cabaran bagi kita. Umpama disebutkan tadi untuk meningkatkan 40% pengeluaran daging dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Sepuluh tahun bukan lima tahun. Ini disebabkan kerana kita tidak mempunyai baka bagi ternakan lembu ataupun kambing yang mencukupi. Sebahagian besarnya kita terpaksa membawa masuk dari Australia, dari New Zealand dan negara-negara yang tidak mempunyai penyakit dan di sinilah baru kita biakkan dalam sistem *feed lot* dan sebagainya.

Sebab itu, dalam keadaan sebegini berlakulah sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Sepatutnya untuk dihantarkan kambing bagi *feed lot*, digemukkan kambing itu, sudah gemuk siang-siang lagi. Mungkin dalam masa sebulan ia disembelih sahaja dan ini melibatkan kos yang lebih tinggi dan tidak komparatif bagi kita untuk menghasilkan pengeluaran sebegini.

Kita akan ambil langkah bagaimana kita hendak mengeluarkan sumber-sumber baka dalam negara kita dan ini perlu diambil kira pelbagai masalah dan pihak jabatan kita sudah pun mengambil kira dan insya-Allah, kita akan melaksanakan.

4. Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin] minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan sedar bahawa ramai pelabur asing telah hilang keyakinan terhadap Bursa Malaysia pada tahun 2005 kerana kegagalan Suruhanjaya Sekuriti yang menjadi *regulator* pasaran yang adil dan apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak terdapat sebarang tanda-tanda bahawa pelabur asing telah hilang keyakinan terhadap Bursa Malaysia dan tiada juga tanda-tanda kegagalan Suruhanjaya Sekuriti menjadi penguat kuasa pasaran yang adil.

Sebaliknya rekod-rekod penguatkuasaan (SC) pada tahun 2005 membuktikan bahawa SC telah pun mengambil tindakan dengan tegas dan cepat terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang sekuriti. Pada tahun 2005, SC telah mendakwa 14 individu di mahkamah di atas pelbagai kesalahan jenayah di bawah Undang-undang Sekuriti. Ini termasuklah individu-individu yang terlibat dalam kes-kes manipulasi saham dalam syarikat-syarikat tersenarai di Papan Kedua, Bursa Malaysia pada pertengahan tahun 2005.

Dalam tempoh yang sama, lima individu telah menerima hukuman penjara apabila disabitkan kesalahan. Beberapa individu yang lain juga telah dikenakan denda yang tinggi oleh mahkamah sehingga jumlah RM1 juta bergantung kepada fakta kes. Selain daripada tindakan-tindakan di dalam mahkamah, pada tahun 2005 juga SC telah mengambil berbagai-bagai tindakan sivil dan *administrative*.

Sebagai contoh, dalam kes Omega Holding Berhad, SC telah berjaya melindungi wang pelabur minoriti sebanyak RM31 juta dengan mengambil tindakan mahkamah di Mahkamah Sivil. Bagi tindakan *administrative* pula, sebanyak 69 tindakan *administrative* telah dikenakan oleh SC pada tahun itu. Tindakan *administrative* yang kita maksudkan termasuklah denda yang dikenakan SC, arahan mengeluarkan semula penyata kewangan dan celaan awam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Setiausaha Parlimen. Saya tidak dapat menerima kenyataan ini kerana kalau kita lihat di akhir tahun 2005, Bursa Saham Singapura meningkat, Bursa Saham Thailand meningkat. Indonesia pun meningkat, pak. Kok Malaysia gini-gini aja? [*Dewan riuh*]

Surat khabar *Business Time Singapura*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, “*KL watch dog must clarified the stand of QSR and KFC issues.*” Di Filipine pun berita ini keluar, di Bangkok pun keluar dan kita lihat *Kulim Berhad* hendak mengambil alih QSR/KFC. Sebut sahaja bulan Jun, bulan Ogos dia sudah halau kawan saya sebagai Lembaga Pengarah.

Seorang Ahli: Siapa dia?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: MP Arau [*Dewan riuh*] Belum apa-apa lagi, belum selesai, dia sudah ambil alih syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi, bagaimana? Berita-berita ini sudah tersebar, Tuan Yang di-Pertua dan membuatkan pelabur asing tidak mahu datang ke negara kita untuk melabur.

Seorang Ahli: Itu betul.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya berharap kalau benar SC mengambil tindakan, apakah tindakan SC terhadap pengambilan alih Kulim kepada QSR ini? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin ialah suatu perkara yang spesifik. Tetapi kalau kita lihat secara keseluruhannya, minat daripada pelabur memang tinggi sebenarnya di Bursa Saham Malaysia ini. Kalau kita boleh melihat angka untuk pelabur asing, mereka datang.

Kalau kita lihat tahun 2003 contohnya, peratusan pelabur asing dalam Bursa Malaysia hanya 19%. Kecuali pada hujung tahun 2005 sudah meningkat sehingga hampir 25%. Ini suatu perangkaan yang ternyata. Tidak tahulah mungkin ada yang di sebaliknya. Tetapi yang penting ialah *figures* atau perangkaan yang menunjukkan minat pelabur asing di sini meningkat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pun berasa gembira jugalah Yang Berhormat begitu yakin kepada Bursa Saham Malaysia. Saya berharap pihak dalam dan luar negara pun yakin juga. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini

Seorang Ahli: Kepong dia maju.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong. *Tie* elok hari-hari.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Melihat tali leher yang dipakai*] Cantik!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Seksi [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Masih ketawa*] Bolehkah Yang Berhormat terangkan berbanding dengan bursa misalnya dari China sebab beberapa tahun yang lepas, China pun tidak ada bursa, tidak ada langsung. Masalah bursa di Korea pun kecundang.

Tetapi sekarang, apakah kalau kita bandingkan dengan bursa-bursa ini, kedudukan Malaysia? Selain daripada tindakan SC tadi, apakah yang kita buat untuk menarik orang kerana pasaran ini memang ia sensitif dan tersangat-sangat sensitif. Kita tidak boleh menafikan apa yang kita buat sekarang dan esok kita ada Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya berharap Rancangan Malaysia Kesembilan dengan fokus yang betul

Beberapa Ahli: Soalan-soalan.

[*Dewan riuh*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu memang soalan [*Menghalakan pandangan kepada Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Arau*] Itu memang soalan. Itu memang soalan.

Seorang Ahli: Bukan, bukan

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan mukadimah ini memang soalan. Apakah Rancangan Malaysia Kesembilan akan menarik pelabur-pelabur di dalam bursa? Itu soalan, Tuan Yang di-Pertua. Itu ialah soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Baik. Sila jawab Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Fashion show!* [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan keyakinan. [*Disorak*]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya lupa tentang soalan sebab tertengok *tie* merah. Tengok *tie* merah, baju merah saya hampir lupa soalan, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Patutnya Yang Berhormat tumpu kepada soalan. [*Ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu belum waktu kerja. [*Ketawa*]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok tahun sudah, tahun 2005, memang pasaran saham (*share market*) kita memang tidak bergerak banyak, naik turun sedikit. Kalau kita lihat kepada hujung tahun 2004 907 *point*, hujung tahun 2005 lebih kurang 899 *point*, jadi naik dan turun sedikit-sedikit.

Tetapi nampaknya pada tahun ini mungkin nanti spesifikasinya lebih baik dan jangkaan *projection* ekonomi kita 6% berbanding dengan 5% tahun lepas. Tahun lepas *projection* ekonomi kita 5% tetapi sebenarnya 5.3%. Tahun ini *projection* kita 6%, bermakna keyakinan sudah meningkat dan kalau kita lihat bursa saham kita *performance*, prestasinya, Januari sehingga kelmarin, 29 Mac telah meningkat ke 32 *point*. Ini bermakna keyakinan sudah ada dan mungkin kerana *anticipation* besok Perdana Menteri akan membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan, mungkin akan bertambah minatlah pelabur-pelabur kita terhadap ekonomi kita.

Sebenarnya ekonomi kita dengan prestasi bursa saham adalah *interrelated*. Bermakna kita boleh melihat kalau ekonomi meningkat maka meningkatlah bursa saham itu. Lebih kurang macam itu *coloration*nya, Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kementerian sudah menimbangkan kebaikan menyeluruh hasil penyeragaman prosedur dan kadar bayaran lesen perniagaan, lesen pasar malam dan pagi, cukai, penalti dan hasil bukan cukai dan bilakah ianya boleh dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di negara ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah terletak di bawah tanggungjawab kerajaan negeri seperti mana termaktub di bawah butiran 4, Senarai Kedua, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan hanya terhad dari segi memberi khidmat nasihat kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan aspek-aspek dasar, perundangan dan teknikal di samping mengurus dan mengagihkan peruntukan kewangan dari Kerajaan Persekutuan kepada PBT dalam melaksanakan program-program PBT.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek prosedur dan kadar bayaran lesen, ia tertakluk di bawah Seksyen 107, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta No. 171, di mana PBT berhak untuk menetapkan bayaran atau caj bagi sebarang lesen yang dikeluarkan di bawah

kawasan pentadbirannya. Dalam hubungan ini, prosedur dan kadar bayaran lesen perniagaan, lesen pasar malam dan bagi cukai penalti dan hasil bukan cukai PBT adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam undang-undang kecil PBT masing-masing, di mana PBT boleh menentukan pindaan terhadap sebarang undang-undang kecil yang diguna pakai untuk disesuaikan dengan keadaan dan keperluan semasa seperti yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 102 Akta 171 bagi tujuan memelihara aspek kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk.

Kementerian telah mengambil tindakan untuk menyeragamkan 19 undang-undang kecil untuk diguna pakai semua PBT di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, daripada maklum balas yang diterima, terdapat PBT yang meminda undang-undang kecil sedangkan ini untuk disesuaikan dengan keadaan setempat. Dalam hal ini, kementerian sentiasa menjalankan usaha berterusan bagi meminda undang-undang kecil yang lain supaya dapat diseragamkan pemakaiannya di semua PBT di Semenanjung Malaysia dengan mengambil kira keperluan keadaan semasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Banyak yang tidak faham. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Banyak yang kita tidak faham dari yang kita faham daripada jawapan. Walau bagaimanapun, ucapan terima kasih perlu disampaikan atas usaha tersebut. Tuan Yang di-Pertua, kutipan hasil bagi sesebuah PBT adalah merupakan perkara yang sungguh kritikal bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan kepada masyarakat setempat lebih efisien, berkesan dan mendapat sanjungan daripada semua pihak. Kurangnya kutipan hasil di setiap pihak berkuasa tempatan akan menjejaskan perkhidmatan ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak pihak berkuasa tempatan sekarang ini sudah melantik, dengan izin, *debt collector* (pemungut hutang) yang terdiri dari firma guaman atau syarikat-syarikat persendirian dan mereka ini mendapat komisen daripada jumlah hasil yang dikutip bagi pihak PBT. Saya ingin mendapat tahu, adakah perkara ini dibenarkan oleh undang-undang. Kalau dibenarkan saya ingin tahu di mana peruntukannya dan jika perkara ini sampai ke pengetahuan pihak kementerian adakah pihak kementerian merestui kaedah pungutan hasil dengan cara pihak ketiga ini? Dan, satu lagi, adakah usaha lain dilaksanakan oleh KPKT bagi memastikan kutipan hasil ini dapat menampung keperluan pihak berkuasa tempatan? Sebagai satu contoh Majlis Perbandaran Kajang yang mempunyai kutipan hasil tertunggak lebih kurang RM20 juta yang belum dipungut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat. PBT di negara kita kementerian saya sedar banyak mereka tidak mendapat hasil kewangan yang mencukupi untuk pembayaran semua kosnya mengurus pembangunan. Kerana itu kementerian saya sentiasa mengkaji dan memberikan bantuan kewangan kepada PBT yang perlu bantuan. Ini adalah satu dasar. Dengan kutipan itu, undang-undang saya fikir ini ialah bukan urusan langsung dari kementerian saya. Ini adalah bergantung kepada PBT tertentu mungkin mereka, *outsourc*e dengan izin. Tugas kutipan ini kepada pihak ketiga mungkin lebih berkesan. Saya fikir ini bukan satu syarat kemudian saya boleh diberi keputusan.

Dengan itu, kalau PBT kurang kekuatan kewangan ini, saya fikir PBT tertentu harus mewujudkan satu sistem yang berkesan. Contohnya kalau dia mahu rancang projek pembangunan. Tambah pula mereka perlu cari jalan untuk meningkatkan pendapatan mereka. Ini bergantung kaunselor-kaunselor atau ahli-ahli PBT mereka yang mempunyai *political will*, dengan izin. Kerana saya difahamkan banyak PBT mereka tidak dapat meningkatkan *assessment rate*, dengan izin, kerana takut ini adalah satu perkara sensitif isu, sensitif *politically*. Saya haraplah kita harus *strive* satu *balance*, dengan izin, supaya pendapatan PBT dan kosnya menguruskan pembangunan boleh seimbang sedikit.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar ada PBT pihak berkuasa tempatan seperti DBKL mengenakan kompaun yang tinggi ke atas peniaga atau penjaja menerusi Jabatan Pelesenan. Kerana pada tahun 2006 ini DBKL tidak menghantar notis peringatan memperbaharui lesen kepada para peniaga dan penjaja yang membabitkan ramai peniaga terperangkap terpaksa membayar kompaun yang begitu tinggi

sebanyak RM500. Walaupun '*fees licence*' hanya RM360 sahaja. Ini suatu penindasan kepada peniaga seperti seorang yang berhutang dengan 'Along'.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya Yang Berhormat?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Adakah Yang Berhormat memberi ingatan kepada DBKL supaya memberhentikan atau memansuhkan dasar ini sebab kita tidak mahu imej DBKL menjadikan satu 'Along' besar di negara ini. Terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih sahabat saya dari pembangkang. Yang Berhormat, '*licence fees*' penjaja di negara kita, saya difahamkan sangat murah dan sangat rendah. Kalau kita boleh tender itu tempat-tempat penjaja saya fikir mungkin ini PBT termasuk DBKL boleh mendapat dua atau tiga kali ganda. Iaitu saya pun ada pengalaman dahulu YDP, di satu PBT. Penjaja adalah satu isu sangat banyak masalah iaitu saya harap penjaja harus faham. Mereka punya tempat atau sewaan mereka berniaga di *market* itu ialah '*subsidise*'; ia di '*subsidized*', dengan izin oleh PBT supaya mereka boleh mendapatkan keuntungan lebih banyak. Kerana itu paling penting mereka harus ikut syarat-syarat lesen.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan jawapan. Orang tanya fasal kompaun dia jawab fasal *fees*.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Sabar dahulu Yang Berhormat. Ini kerana saya pun ada pengalaman ok. Penjaja perlu ikut syarat-syarat lesen penjaja. Kalau dia tidak ikut kena kompaun dan kompaun itu bergantung itu PBT termasuk DBKL berapa banyak mereka kasi denda. Itu hak PBT. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingin memberi pesanan sedikit bahawa kalau Menteri atau pihak Menteri menjawab, Ahli-ahli Yang Berhormat saya harap dapat memberi kerjasama untuk mendengar jawapan itu sama ada Yang Berhormat terima atau tidak terima terpulanglah kepada Yang Berhormat. Baik atau buruknya terpulanglah kepada Yang Berhormat tetapi peluang mesti diberikan kepada pihak Menteri untuk menjawab.

6. Dato' Chor Chee Heung [Alor Star] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sama ada kerajaan mempunyai dasar pendidikan tinggi seperti di Republik Singapura di mana kerajaan menentukan bidang dan kursus yang wajar diambil oleh pemohon-pemohon yang ingin masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam berpandukan keperluan tenaga manusia yang relevan. Jika ya, berikan penjelasan. Jika tidak, apakah usaha kerajaan memandangkan ramai graduan selepas tamat pengajian masih menganggur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat pelajar yang mempunyai keputusan yang melayakkan mereka ke IPTA di negara ini bebas memilih bidang dan kursus yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Umumnya keputusan pelajar tersebut adalah berdasarkan kepada faktor pasaran kursus atau *marketability* dengan izin peluang mendapatkan pekerjaan dan peluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Kementerian ingin memaklumkan bahawa IPTA mempunyai keupayaan untuk menawarkan program akademik yang pelbagai sebagai memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan mereka. IPTA mempunyai kebebasan untuk menawarkan kursus yang selaras dengan kepakaran mereka. Walau bagaimanapun, kursus-kursus yang ditawarkan adalah merujuk kepada keperluan tenaga kerja dan kuasa pasaran. Oleh hal yang demikian, adalah wajar untuk kerajaan tidak menentukan atau menetapkan bidang pengajian yang ditawarkan kepada setiap calon.

Kementerian dari masa ke semasa menjalankan usaha memberikan penerangan *outreach* program, dengan izin, berkenaan pengajian yang ditawarkan secara konsisten di IPTA dan ia ternyata telah memberikan gambaran sebenar kepada bakal pemohon-pemohon ke IPTA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fenomena pengangguran di kalangan siswazah mempunyai kaitan dengan berbagai-bagai faktor antaranya termasuk kemahiran berkomunikasi, kemahiran berbahasa Inggeris, penampilan dan keyakinan diri, kepimpinan dan pengetahuan hal ehwal semasa yang meluas. Selain dari itu, faktor pengangguran juga disebabkan oleh pihak majikan yang lebih mengutamakan graduan yang mempunyai pengalaman bekerja.

Antara usaha lain yang dilakukan bagi menangani isu pengangguran ini, kerajaan telah menjalankan kajian pengesanan graduan ataupun *traces study* dengan izin terhadap graduan-graduan ketika pendaftaran majlis konvokesyen di universiti masing-masing. Di samping itu juga diadakan kerjasama rapat di antara kementerian dan agensi berkaitan seperti Unit Perancangan Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia supaya isu ini terus diberi perhatian yang serius. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah memandangkan apa yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada begitu graduan-graduan yang pada hari ini masih menganggur tidak mendapat pekerjaan. Adakah ini menjadi satu kebimbangan kepada kerajaan dan adakah kerajaan pernah membuat kajian yang teliti, mendalam sebab apa begitu ramai graduan yang masih menganggur? Dan, jika peratusan ini meningkat, apakah langkah-langkah yang akan dibuat oleh kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi dengan adanya kedudukan buat masa ini di negara kita dari segi aspek ekonomi. Apa kata jika saya mengatakan terdapat begitu banyak IPTA dan IPTS di negara kita pada hari ini. Bukankah ini terlalu banyak dan ini akan menyebabkan lagi banyak masalah bagi graduan-graduan yang akan keluar kelak? Sekian.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang pihak kerajaan mengadakan *traces study* untuk mengetahui sejauh mana pengesanan pengangguran pelajar setiap tahun. Contohnya pada tahun 2004, responden daripada 84,523 yang bergraduan 51.3% bekerja, 16.3% melanjutkan pelajaran dan 32.4% belum bekerja. Walau bagaimanapun, langkah-langkah diambil untuk memastikan bahawa kajian *traces study* ini yang dapat menentukan hala tuju kementerian memastikan kursus-kursus yang ditawarkan bertepatan dengan pasaran tempatan dan global.

Di peringkat fakulti, kita berusaha memastikan kualiti graduan dapat dipertingkatkan dengan menawarkan kursus keusahawanan dalam semua program akademik bermula pada tahun ini. Penawaran kursus-kursus pengukuhan seperti kemahiran komputer, bahasa Inggeris dan juga cara komunikasi.

Kita ada satu unit lagi di universiti digelar sebagai Unit Hal-Ehwal Pelajar yang mengadakan unit kerjaya di setiap universiti. Melaluinya pelajar-pelajar di awal tarikh mereka masuk ke universiti didekati tentang adanya Unit Kerjaya dan Kaunseling ini supaya mereka didedahkan dengan peluang-peluang pekerjaan, cara menulis resume, cara penampilan diri dan menangani *test* dan *stress* temu duga dan juga membuat lawatan-lawatan dan latihan industri di tempat kerja.

Justeru itu, dengan adanya 18 buah universiti tahun ini, tambah satu di Terengganu, sebelum ini 17 tambah satu di UDM. Kita ada sebenarnya 559 IPTS, 27 bertaraf kolej universiti sebenarnya mampu menampung permohonan pelajar-pelajar saban tahun dan kita mengambil langkah-langkah yang bertepatan supaya *employability* ataupun isu pengangguran dapat diselesaikan. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan asal ialah mengenai sejauh manakah graduan-graduan kita dapat memenuhi keperluan tenaga manusia yang relevan. Dalam erti kata, keperluan *market*, pasaran. Persoalan saya ialah, yang pertama, sejauh manakah institusi pengajian tinggi ada hubungan ataupun bertanya kepada syarikat-syarikat, khususnya syarikat swasta keperluan sebenar mereka supaya dapat mencorakkan graduan-graduan kita kepada apa yang mereka mahu.

Yang kedua, jawapan tadi menyentuh mengenai pelbagai faktor yang menyebabkan pengangguran. Keyakinan diri, kita dapat berkomunikasi dan seterusnya. Sebenarnya, cadangan ataupun usaha-usaha kerajaan untuk mengatasi perkara ini kerana baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, seorang graduan universiti tempatan *first class*, anak pemandu kereta, pergi *interview* di sebuah bank. *She cannot even get the job*. Jadi masalah ini adalah masalah yang sebenar. Jadi apakah spesifik *recommendation* yang akan dilakukan oleh kementerian? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kajian melihat kepada 'salah padan' ataupun *mismatch* dalam isu pengangguran. Untuk itu, kementerian sedaya upaya memadankannya atau *matchkan* dengan keperluan apa yang majikan perlukan dan dengan keupayaan dan kemahiran yang graduan patut perolehi. Justeru itu, walau bagaimanapun, kebolehan pasaran graduan juga bergantung kepada keperluan pasaran semasa, semasa mereka bergraduan untuk menentukan nilai mereka di pasaran dan sebab itulah soalan yang pertama Yang Berhormat.

Pihak industri dan swasta sentiasa dihubungi selepas kursus atau kurikulum dibentuk di peringkat fakulti, peringkat fakulti akan menghantar dokumen yang lengkap kepada pihak industri untuk dapat maklum balas. Ini dilakukan berterusan supaya program ditawarkan di universiti sentiasa relevan dengan keperluan pasaran kerja dan kita dapat menggubal kurikulum dan melihat keperluan perubahan pasaran kerja di dunia.

Usaha-usaha kerajaan untuk memastikan semua graduan untuk bekerja memerlukan usaha bersepadu daripada agensi-agensi kerajaan yang lain dan juga pihak kementerian sentiasa sebenarnya memikirkan isu ini secara serius. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pagi ini.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul daripada Menteri. Silakan Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.07 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Yang Berhormat bagi Arau dengar. Tuan Yang di-Pertua:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran kementerian-kementerian menjawab atas perbincangan Titah Diraja serta diputuskan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 3.30 petang hari esok 31 Mac 2006."

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

USUL

USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bersyukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Kesebelas.”

[29 Mac 2006]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada mempunyai 16 lagi kementerian yang belum memberikan jawapan dan semuanya ini mestilah ditamatkan pada hari ini atau malam ini. Kita hendak dalam mengikut masa dan kekangan masa. Oleh itu, saya harap minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jikalau pihak kita menghadkan masa untuk kementerian-kementerian yang tertentu, saya harap kementerian juga dan begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat, dapat memberi kerjasama pada sesi ini. Oleh itu saya jemput Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk memberi jawapan.

11.08 pg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, yang memberi cadangan, pandangan, nasihat dan teguran kepada kementerian saya supaya kementerian akan menunaikan tanggungjawabnya lebih berkesan dan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh menanyakan perlu atau tidak kementerian membuat satu kajian secara menyeluruh tentang ‘Kempen Budi-Bahasa dan Nilai-Nilai Murni’ dan juga sejauh manakah pengamalan nilai-nilai murni di kalangan struktur kerajaan, swasta dan badan pertubuhan.

Fasa 1 Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni telah dilancarkan pada 11 Januari 2005 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Pelancaran kempen di semua peringkat baik sektor kerajaan, swasta, badan-badan berkanun, IPTA, IPTS mahupun badan-badan bukan kerajaan telah menjadi strategi utama kempen pada tahun 2005. Kementerian telah menjalankan dua kaji selidik untuk mengetahui tahap kesedaran masyarakat terhadap kempen pada tahun 2005. Kaji selidik yang pertama dibuat melalui temu bual menerusi telefon melibatkan 2,002 responden pelbagai lapisan masyarakat di seluruh negara yang dipilih secara rawak daripada direktori telefon yang mensasarkan kaum Melayu, Cina dan India.

Responden juga dibahagikan kepada kumpulan umur 12 tahun ke bawah, 13 tahun hingga 18 tahun, 19 tahun hingga 30 tahun dan 30 tahun ke atas serta diklasifikasikan mengikut sektor kerajaan, swasta, suri rumah, pelajar dan lain-lain. Hasil daripada kaji selidik tersebut mendapati 64% daripada responden menyedari akan kewujudan kempen ini. Kaji selidik yang kedua pula dijalankan setelah setahun pelaksanaan kempen dengan kerjasama Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia melalui Program Pelajar Semenanjung Malaysia Semarak Warisan Negara yang melibatkan 4,800 responden dan mendapati 78% daripada responden menyedari akan kewujudan kempen.

Kementerian akan menjalankan kaji selidik yang ketiga pada tahun ini untuk mengetahui tahap keberkesanan kempen ke atas masyarakat Malaysia secara keseluruhannya. Fokus tahun 2006 yang merupakan fasa kedua kempen ini telah diberi kepada pelaksana aktiviti-aktiviti kempen merentasi sektor kekeluargaan, pembelajaran, kemasyarakatan dan perkhidmatan. Secara amnya, sejak pelancaran kempen ini pada tahun 2005, sedikit sebanyak kesan positif telah dapat dirasakan melalui peningkatan amalan berbudi bahasa dan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang Berhormat bagi Kuala Pilah mencadangkan nilai-nilai murni dalam Islam iaitu 'sidiq' iaitu benar dan 'fatanah' iaitu bijaksana boleh dijadikan tambahan dalam budaya kita yang boleh menguatkan lagi semangat jati diri warganegara Malaysia. Nilai-nilai Islam itu juga adalah nilai bersifat universal dan positif. Nilai-nilai tersebut akan diterapkan dalam Kempen Budi Bahasa yang telah dan akan dilaksanakan oleh kementerian saya. Yang Berhormat bagi Setiu mencadangkan agar kementerian mendekati golongan belia atau remaja dalam menerapkan nilai-nilai budi bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada fasa pertama kempen ini, kementerian telah bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk meningkatkan pengamalan budi bahasa dan nilai-nilai murni di kalangan belia dan remaja terutama menerusi aktiviti di peringkat persekolahan. Di antara program-program yang telah diadakan adalah pertandingan menulis esei, cerpen dan mewarna sempena Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni. Tidak ketinggalan juga majlis pelancaran Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni di peringkat Kementerian Belia dan Sukan yang telah berlangsung pada tahun 2005 yang melibatkan penyertaan golongan belia dan remaja.

Persatuan kami iaitu pada tahun 2006 akan dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti berikut:

(a) untuk sekolah rendah dan menengah.....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Pohon penjelasan.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, telah disebut tentang usaha-usaha untuk merakyatkan seni dan budaya terutamanya di sekolah-sekolah, di institusi pelajaran. Saya ingin menyatakan bahawa kegiatan ini tidak menyeluruh dan tidak mencapai sasarannya. Ia sekadar sesuatu yang bersifat 'kosmetik', luarannya sahaja.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah azam dengan peruntukannya sekali, dengan kekuatan dan kesungguhan. *Resourcesnya* telah diberi kepada pihak sekolah untuk mengadakan kegiatan-kegiatan serupa ini, sebab apa yang saya lihat, ia merupakan satu tampalan dalam kurikulum kita sahaja. Dalam usaha kita hendak merakyatkan program seni dan budaya, saya kira satu usaha yang lebih besar harus diberikan ke arah ini. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Daripada fasa yang pertama, memang Kementerian saya menumpu kepada kawasan tertentu dan semasa Program Rakan Seni (PRS) dilangsungkan, maka rakyat jelata ramai keluar beramai-ramai untuk menyertai program ini.

Untuk peringkat sekolah, kita harap pada tahun ini iaitu satu peruntukan khas akan dibagikan atau diperuntukkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan masing-masing supaya mereka lebih mencapai ramai dan disalurkan kepada sekolah atau rakyat jelata di kawasan masing-masing. Dengan ini, kita haraplah akan memperluaskan aktiviti iaitu Program Rakan Seni kepada rakyat jelata khususnya kepada sekolah.

Untuk sekolah rendah dan menengah, kita ada pertandingan pidato, bahas, pantun, drama, sketsa, *choral speaking*, boria, dikir barat dan pertandingan melukis. Untuk IPTA dan IPTS, kita ada kuiz budi bahasa, nasyid amalan budi bahasa, *university courtesy open house*, dengan izin, atau rumah terbuka universiti. Pertandingan mencipta animasi budi bahasa dan juga kita akan mengadakan anugerah untuk Sri Asrama Terbilang, Anugerah Pelajar Berbudi Bahasa.

Kementerian juga berpendapat golongan belia dan remaja perlu berikan penekanan utama dalam pelaksanaan kempen ini memandangkan mereka adalah generasi pelapis bangsa Malaysia bersesuaian dengan pepatah Melayu yang menyatakan bahawa '*Melentur buluh biarlah dari rebungnya*'.

Yang Berhormat bagi Larut bertanya bagaimanakah bandar Taiping yang banyak sejarah warisan yang dikatakan bangunannya menjadi tempat sarang burung. Untuk maklumat memang diakui bandar Taiping merupakan bandar bersejarah yang banyak mempunyai signifikansi dengan persejarahan negara selain merupakan bukti peninggalan warisan dalam bentuk ketara, dengan izin *tangible heritage*. Antaranya ialah Muzium, bangunan majistret, Kota Ngah Ibrahim, stesen kereta api, penjara dan sebagainya.

Berdasarkan kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 maka satu tindakan yang komprehensif dalam menjaga warisan di seluruh negara akan dilaksanakan tidak lama lagi terutama berkaitan aspek pendaftaran dan pengisytiharan sebagai warisan kebangsaan yang memerlukan kerja-kerja konservasi, pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang. Juga ingin dimaklumkan bahawa daerah Taiping telah dimasukkan ke dalam senarai zon bersejarah negara dan difahamkan pengisytiharan ini maka dikemukakan pada tahun 2006 ini.

Melalui langkah-langkah yang bakal dilakukan ini maka diharapkan perhatian terhadap bangunan-bangunan lama ini akan lebih ditekankan dan dapat dipelihara dengan lebih teratur. Di samping itu juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan garis panduan tentang penggunaan bangunan kediaman dalam bandar untuk pemeliharaan burung.

Yang Berhormat bagi Sri Gading, Kepong dan Tumpat telah menyentuh mengenai pemuliharaan untuk mengekalkan warisan kaum termasuk pemuliharaan warisan tulisan jawi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini usaha-usaha untuk memulihara warisan semua kaum di negara kita ini sedang giat dilakukan oleh Kementerian. Ini merupakan satu bidang kebudayaan tidak ketara, bidang konservatif ketara dan alam semula jadi iaitu natural *heritage* termasuk di bawah air iaitu dengan izin *underwater heritage*.

Melalui pengenalan Akta Warisan Kebangsaan 2005, maka usaha bersepadu termasuk melibatkan kerajaan negeri akan dilaksanakan ini termasuklah kajian penyelidikan dan pendokumentasian, pemuliharaan dan pemeliharaan, penguatkuasaan, penerbitan dan sebagainya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini atas usaha Kementerian Mak Yong sebuah tarian tradisional Melayu telah disenaraikan sebagai senarai warisan dunia dengan izin, UNESCO *World Heritage Listing*. Kementerian juga mengenalkan warisan bangsa dalam program-program merayakan seni dan majlis-majlis rumah terbuka Malaysia.

Usaha-usaha lain seperti mengadakan kempen, seminar, bengkel, ceramah, menubuhkan kelab-kelab berteraskan warisan terutama di kalangan generasi muda sedang giat dilaksanakan. Apa yang lebih penting usaha ini juga melibatkan kerjasama dengan pihak universiti, NGO, swasta dan bekerjasama dengan pakar-pakar yang terdapat di

peringkat antarabangsa. Kementerian sedang dalam usaha untuk menerbitkan bahan bacaan dalam tulisan jawi berikutan pemberhentian cetakan, akhbar tulisan jawi.

Yang Berhormat bagi Setiu menggesa kementerian memberi lebih penekanan dalam memartabatkan dan mempopularkan warisan seni silat sebagai salah satu cara menerapkan budaya berdisiplin dan ia juga satu usaha untuk meneruskan seni silat sebagai warisan turun-temurun yang diterima dari nenek moyang kita dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, silat merupakan warisan seni....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tan Sri sudah keluar Yang Berhormat.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tan Sri tidak ada, sudah keluar.

Dato' Wong Kam Hoong: Maaf, Tuan Yang di-Pertua...yang masih kekal dan perlu diketengahkan untuk generasi akan datang. Oleh itu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah menyusun beberapa strategi untuk mempopularkan seni tersebut. Di antaranya ialah :

- (i) mengadakan program latihan dan bimbingan silat melalui kelab Tunas Budaya, Kumpulan Giat Budaya dan kelab kesenian sekolah, beberapa buah sekolah terpilih di seluruh negara;

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Santubong.

Dato' Wong Kam Hoong: Sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat. Negara Asia, China dan Jepun lebih terkenal dengan karate dan wushunya dan menjadi satu trend di negara Eropah dan Amerika tetapi sejarah silat Melayu ialah sejarah pelajaran yang diseluk dan disembunyikan tidak boleh di tayang kepada orang ramai. Jadi kalau kita hendak mempromosikan silat Melayu ini, kita kena berubah pandangan dan minda daripada ilmu yang diseluk, disorok dan disembunyi kita mestilah secara terbuka.

Mempromosikan silat dalam Malaysia belum boleh mendatangkan kesan, kita kena mempromosikan silat sebagaimana karate, sebagaimana wushu, tangsudo dan sebagainya di promosikan ke seluruh dunia supaya menarik minat kepada semua masyarakat. Dengan itu apakah tindakan kementerian supaya jangan melihat dalaman sahaja tetapi melihat seluruh dunia dalam satu peringkat yang sama, terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat. Soalan ini telah pun ditanya oleh Yang Berhormat bagi Jerai, saya akan menjawab bersekali nanti.

- (ii) menyediakan bantuan kewangan dan tenaga pakar untuk membantu pertubuhan silat di kalangan remaja dan masyarakat tempatan;
- (iii) mengadakan festival silat seni sebagai aktiviti dwi-tahunan yang akan melibatkan peserta dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak; dan
- (iv) menerbitkan bahan pencetak dan dokumentari mengenai silat untuk meningkatkan kefahaman dan kecintaan orang awam terhadap silat.

Bagi menarik minat golongan muda mempelajari seni silat, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian telah memasuki demonstrasi seni silat di dalam semua program yang dianjurkan oleh kementerian seperti program merakyatkan seni yang diadakan di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Wong Kam Hoong: Yang Berhormat Jerai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak tanya, banyak lagi kah?

Dato' Wong Kam Hoong: Tidak, dua, tiga minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Jerai bertanya adakah kementerian perlu mempertingkatkan lagi industri silat sebagai salah satu tarikan kepada industri pelancongan. Silat merupakan seni mempertahankan diri masyarakat Melayu yang unik dan menarik minat pelancong. Bagi menyokong usaha tersebut Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan Pertubuhan Silat telah merangka beberapa langkah bagi menggerakkan silat sebagai salah satu tarikan industri pelancongan. Di antaranya ialah:

- (i) menggalakkan semua pertubuhan silat memantapkan sistem gerakan fizikal seni silat di kalangan ahli bagi tujuan persembahan kepada pelancong;
- (ii) menggalakkan semua persatuan silat memperkemaskan sistem pembelajaran dari segi teori dan praktikal sebagai usaha untuk menarik pelancong mendalami dan memahami seni silat di Malaysia;
- (iii) menggalakkan pertubuhan silat memperluaskan fungsi peralatan silat sebagai produk pelancong seperti keris, parang, gendang, serunai dan tengkolok sebagai cenderamata; dan
- (iv) menerbitkan bahan pencetak dan dokumen mengenai silat untuk makluman orang awam dan juga pelancong.

Yang Berhormat bagi Gerik menyentuh tentang kecelaruan penggunaan bahasa kebangsaan, kurang hormat kepada bahasa kebangsaan. Sebagai contoh banyak tempat di Wilayah Persekutuan Putrajaya menggunakan bahasa Inggeris seperti *precint* dan *parcel*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mengambil pendirian dan berpegang kepada dasar bahawa bahasa kebangsaan harus mendapat penekanan dan mengutamakan dalam semua perancangan dan pelaksanaan penamaan tempat, jalan dan bangunan di Malaysia. Kementerian berpendapat bahawa perlunya kerajaan mengutamakan elemen warisan seni dan budaya bangsa kebanggaan bersama untuk menamakan sesuatu tempat dan sebagainya.

Kementerian sendiri bersedia untuk memainkan peranan sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk menasihati dan mencadangkan kepada mana-mana pihak dalam proses memilih nama yang bersesuaian dengan kehendak semasa dan tidak mencemarkan bahasa kebangsaan. Kementerian sendiri akan mengambil langkah proaktif untuk memantau penggunaan nama-nama yang boleh disifatkan mencemar dan meminggirkan bahasa kebangsaan. Kementerian juga akan menggiatkan berbagai usaha dalam menyuruh masyarakat Malaysia untuk menghargai dan mengutamakan bahasa kebangsaan dalam apa jua keadaan.

Pada masa yang sama pihak berkuasa dan pentadbiran kerajaan tempatan juga digalakkan memberi keutamaan kepada penggunaan nama-nama tokoh dan wira negara yang terbukti mempunyai peranan dalam sejarah pembinaan negara dan bangsa Malaysia. Nama-nama yang dipilih haruslah menitikberatkan nilai-nilai murni dalam masyarakat majmuk negara ini dan bertepatan juga dengan struktur bahasa kebangsaan. Yang Berhormat bagi Gerik juga mencadangkan supaya diwujudkan memorial perang atau, dengan izin, *war memorial*...

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Hulu Langat.

Dato' Wong Kam Hoong: Bagi saya habiskan dahulu. Bagi memperingati dan mengenang jasa-jasa perajurit serta alat senjata yang digunakan semasa perang dahulu, sila.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada KeKKWa yang mengedarkan CD lagu Kebangsaan 'Negaraku'. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyebut berkenaan dengan memartabatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa yang perlu dihormati, terima kasih kerana mengedarkan CD ini. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang saya ingin sentuh berkenaan dengan CD ini terutamanya berkenaan memartabatkan Bahasa Malaysia.

Di muka pertama di tulis juga dalam bahasa Inggeris 'Not for sale', tidakkah dikatakan, 'tidak boleh dijual' dalam Bahasa Malaysia. Tambahan pada itu, Tuan Yang di-Pertua, di muka belakang CD ini dinyatakan juga berkenaan dengan - tidak boleh dipersembahkan di khalayak ramai kalau CD ini diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen kemudian ia tidak dibenarkan untuk dipermainkan di khalayak ramai melainkan mendapat kebenaran daripada KeKKWa bagaimanakah keadaan itu boleh bertentangan.

Perkara yang kedua, saya ingin mengambil tahu sama ada lagu ini dimainkan oleh orkestra RTM atau orkestra yang diupah oleh KeKKWA sendiri. Ini juga menyentuh tentang budi bahasa. Jika hasil karya itu dilahirkan oleh RTM misalnya, orkestra RTM sepatutnya diberi apresiasi terutama sekali berkenaan dengan penghormatan kepada mereka kerana memberi sumbangan untuk memainkan lagu ini dan ini adalah satu perkara yang saya rasa tidak mematuhi amalan budi bahasa di negara kita ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Mungkin ini akan dikontrakkan untuk dicetak, terlepas pandanglah mungkin tentang 'not for sale' dan sebagainya. Dan saya terimalah dengan hati yang ikhlas iaitu teguran daripada Yang Berhormat. Tentang Lagu Kebangsaan Negara iaitu 'Negaraku' tidak dimainkan di khalayak ramai ini bermakna lagu ini dimainkan untuk iaitu *event-event* yang rasmi dan bukan di khalayak ramai ini tidak dipersendakan sebagai hiburan di khalayak ramai. Jadi, tentang apresiasi iaitu versi kedualah kita akan mengambil nasihat Yang Berhormat itu untuk pencetakan.

Tentang memorial perang atau *war* memorial, Arkib Negara Malaysia memang secara berterusan banyak menjalankan aktiviti-aktiviti bagi mengumpul maklumat mengenai perjuangan tokoh-tokoh negara termasuk pejuang dan perajurit negara menerusi pengesahan sejarah secara lisan dan sebagainya. Di samping itu juga Arkib Negara Malaysia menyediakan kemudahan rujukan dan penyelidikan mengenai perkara yang berkaitan berbentuk dokumen-dokumen, gambar-gambar, *departmental report* zaman *British* dan pendudukan Jepun contohnya laporan-laporan penubuhan Rejimen Askar Melayu dan penubuhan Force 136, mikro filem, *annual report* dan *Malaysia Yearbook* dengan izin. Muzium Polis, Muzium Angkatan Tentera dan Muzium Negeri sebenarnya telah pun mengumpul maklumat-maklumat mengenai perajurit-perajurit serta alat senjata yang digunakan semasa perang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada lagi 15 Kementerian untuk kita selesaikan pada hari inilah. Saya pun minta menteri-menteri yang menjawab perlu mengambil kira keadaan inilah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Yang Berhormat sila.

11.33 pg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, lebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Diraja yang menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Segala pandangan cadangan mahupun teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan dipertimbangkan, diperhalusi dan dijadikan panduan dalam merangka dasar dan menyusun program yang sesuai untuk kumpulan-kumpulan sasar kementerian sehingga ke peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah telah membangkitkan isu-isu yang *relevan* mengenai wanita dan pekerjaan seperti isu had atau *glass ceiling*, isu 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dan isu pejabat di rumah ataupun *home office*. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana isu-isu yang dibangkitkan itu amat penting. Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia telah pun memberi jawapan yang begitu panjang lebar tentang isu-isu tersebut. Pihak kementerian sedang memantau isu-isu berkenaan dan akan memperjuangkan habis-habisan.

Tuan Yang di-Pertua, isu 30% wanita di peringkat membuat keputusan, isu yang diperjuangkan oleh Kementerian Wanita dan mendapat kelulusan Kabinet telah dibangkitkan beberapa kali sebelum ini. Ia juga turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gantang dan Yang Berhormat bagi Padang Serai. Ingin saya tekankan di sini penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan perlulah diasaskan kepada kebolehan, kelayakan dan keupayaan wanita itu sendiri.

Kerajaan yakin kaum wanita akan berusaha membuktikan kebolehan dalam bidang pekerjaan yang mereka ceburi, jikalau seseorang itu berkebolehan, berkemampuan beliau akan diakui dan diberi pengiktirafan yang sewajarnya bukan sebab beliau seorang lelaki atau wanita. Tindakan yang perlu diambil oleh semua pihak ialah memberi peluang kepada wanita-wanita yang berkelayakan dan mempunyai ilmu dan kemahiran

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okeylah.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya begitu tertarik dengan cadangan kerajaan 30% ataupun *target* itu untuk dipenuhi oleh kakitangan wanita dan Yang Berhormat Menteri menyebut tentang kalau ada kelayakan, kalau ada kebolehan maka gender tidak menjadi isu dalam sesuatu jawatan.

Saya ingin tahu pendapat Yang Berhormat Menteri mengenai Mahkamah Syariah, apakah Yang Berhormat Menteri juga bersetuju bahawa kita juga perlu ada hakim-hakim wanita kerana masalahnya selalu masalah wanita. Itu pertama dan kedua, kalau bersetuju apakah perancangan kerajaan untuk menambahkan bilangan hakim-hakim Mahkamah Syariah kalau pun ia ada pada hari inilah. Apakah pelannya, apakah rancangannya?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat. Sudah semestinya saya memang bukan hanya bersetuju, tetapi kita telah pun memperjuangkan sekian lama dan saya nak maklumkan di peringkat Kabinet pun isu ini telah beberapa kali dibincangkan, dan keputusan atau pendapat ahli Kabinet terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga menteri yang dipertanggungjawab hal ehwal agama bersetuju bahawa masanya telah tiba untuk diwujudkan atau memberi peluang beberapa wanita menjadi hakim syarie.

Dan, saya percaya Yang Berhormat dalam masa terdekat kerana saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri yang terbabit, yang dipertanggungjawab itu sedang mengambil langkah untuk menentukan bahawa wanita-wanita diberi peluang menjadi hakim Mahkamah Syariah dan kami di Kementerian Wanita menunggu dengan hati yang berdebar dan saya percaya bahawa pada tahun ini perkara itu akan berlaku ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:seperti juga Yang Berhormat, saya nak maklumkan bahawa perjalanan untuk wanita, dengan izin, *the journey for women in academia* - misal kata, *has been a long journey*. Insya-Allah, kita menunggu pengumuman secara rasmi daripada Menteri Pengajian Tinggi dan saya percaya bahawa ia akan mencatat sejarah. Ini adalah salah satu daripada perjuangan..

Datuk Ronald Kiandee [Beluaran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Beluran bangun. Beluran.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya tertarik dengan kenyataan kementerian akan berjuang habis-habisan untuk menentukan wanita mendapat tempat di dalam negara ini dan *make sure* ada 30% *presentation*. Saya hormati bahawa ini merupakan sesuatu yang diperjuangkan oleh kementerian. Tapi, saya ingin tahu sejauh mana wanita *dideprive*, ditidakkkan dari segi jawatan walaupun mereka itu layak dari segi kelayakan dan kebolehan, *how far are they being deprived in this country*, ada *incident* tak Dato' Menteri?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di Malaysia ini sebenarnya pada umumnya di mana-mana saya pergi pun saya selalu kata, bahawa kita wanita di Malaysia kita bertuah kerana pada umumnya memang tidak ada diskriminasi, cuma yang ada *stereotype* kadang kala. Dan kita lahir dan hidup dalam keadaan di mana wanita dipinggirkan, bukan secara aktif ataupun sengaja nak dibuatkan cuma mungkin oleh kerana budaya, cara kita hidup dan lain-lain, itu pertama.

Saya nak menyatakan bahawa memang *no active discrimination*, dengan izin, cuma yang setengah bidang, misal kata di tempat membuat keputusan suka tak suka kita mesti, saya sendirilah mesti, dengan izin, *accept the fact that*, sebenarnya wanita tidak diberi peluang. Seperti mana yang saya kata, ya, misal kata dalam bidang akademik, sekian lama kalau kita mengikut perangkaan. Ini saya cakap tentang tempat membuat keputusan. Kalau kita tengok wanita pada hari ini 47.3% daripada tenaga buruh Malaysia terdiri daripada wanita, cuma *the glass ceiling* itu *the journey toward the end* dengan izin, di situ mereka tidak akan diberi peluang. Ini bukan, kita tidak menyalahkan sesiapa kadangkala wanita..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: ...kadang kala wanita itu sendiri pun tidak mungkin dia tidak, tidak pandai...

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Gantang dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan-penjelasan ..

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:saya nak habiskan saya punya jawapan dulu. Mungkin wanita itu mereka tidak pandai dalam strategi mereka mungkin?

Tetapi saya percaya bahawa dengan ada langkah-langkah positif yang diambil. Apabila kerajaan telah pun memberi kelulusan kepada kementerian untuk kerajaan *adopt*, dengan izin, polisi sekurang-kurangnya 30%. Saya tidak kata hanya 30%, kita hendak lebih daripada 30% tetapi tidak boleh kurang daripada 30%. Tetapi seperti mana yang saya katakan dalam akademik misal kata, sekian lama saya minta beberapa kali supaya *vice chancellor* dan naib *vice chancellor* berilah tempat kepada wanita tetapi sekian lama saya, *I failed*. Tetapi...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *The new vice chancellor*.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tetapi, kita di kementerian, dengan izin, *we never give up*. Kita tidak *give up*. Jadi, manalah tahu kalau ada rezeki kita menunggu mungkin dengan ada menteri yang baru ini mungkin mereka akan beri...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Universiti Malaya.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: ...laluan. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: [Bangun]

Puan Rosnah bt Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat, tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua,...

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Semua pun saya tidak mahu. Saya mahu jalan. Boleh tidak? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua tidak mahulah.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okay! Semua pun tidak mahu, boleh atau tidak saya teruskan sebab tadi Yang Berhormat kata....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah saya sokong, semua pun tidak mahu.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak tanya soalan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, teruskan.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okay, I teruskan. *Later, okay!* Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan untuk meningkatkan kualiti taman asuhan kanak-kanak (Taska) yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ampang, kementerian sedar bahawa penyediaan kemudahan taska di tempat kerja akan memberi peluang dan kemudahan untuk wanita keluar bekerja dan menyumbang kepada keutuhan ekonomi, keluarga serta pembangunan negara. Bagi meningkatkan khidmat asuhan kanak-kanak di tempat kerja ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha yang berterusan bagi menggalakkan pertumbuhan taska di tempat kerja.

Di antaranya:

- (i) mulai tahun 1996, kerajaan telah memperkenalkan kemudahan pengecualian cukai sebanyak 10% ke atas kos bangunan yang dibina khas untuk taska bagi tempoh 10 tahun. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pihak swasta menubuhkan taska di tempat-tempat kerja;
- (ii) di sektor awam, kerajaan memberi insentif geran pelancaran kepada agensi kerajaan yang berhasrat menubuhkan taska di tempat kerja. Kadar insentif pada masa ini ialah sebanyak RM50,000 bagi sesebuah agensi manakala jumlah bayaran yuran pendaftaran dan pendaftaran semula taska masing-masing ialah sebanyak RM50. Namun begitu bilangan taska di tempat kerja memang tidak mencukupi untuk menampung keperluan;
- (iii) seterusnya bagi meningkatkan kualiti taska kerajaan juga sedang menimbangkan untuk meminda Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, bagi memperluaskan skop liputan kategori taska daripada dua pada masa ini iaitu taska di rumah dan institusi kepada empat kategori iaitu taska di rumah; taska di institusi; taska di tempat kerja; dan taska dalam komuniti. Ini

adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan majikan-majikan menubuhkan taska-taska di tempat-tempat kerja; dan

- (iv) kementerian juga sedang menjalankan projek perintis penubuhan taska berasaskan komuniti atau *community base child care centers*, dengan izin, mulai tahun 2005. Melalui kaedah ini kerajaan menyediakan geran pelancaran serta subsidi yuran asuhan bagi isi rumah yang berpendapatan tidak melebihi RM2,000 bagi kawasan bandar dan RM1,200 bagi kawasan luar bandar. Jumlah subsidi yang diberikan adalah sebanyak RM180 sebulan bagi setiap kanak-kanak yang diterima masuk ke taska komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah juga ada memperkatakan mengenai pembangunan modal insan di mana pembentukan insan dan keluarga bermula dari rumah. Kementerian ini melalui LPPKN,.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Memangnya telah lama menjalankan aktiviti promosi, pendidikan dan latihan, penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pembangunan keluarga, terutama dalam aspek ilmu keibubapaan bagi membantu keluarga mendidik anak-anak agar menjadi insan bermoral dan mempunyai keperibadian yang mulia. Okay, sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya melihat bahawa kementerian Yang Berhormat telah memberi beberapa jawapan mengenai pusat jagaan kanak-kanak atau (Taska). Tetapi kita semua tahu *on the ground* ia tidak jalan seperti insentif yang diberi kepada pihak swasta, ia tidak diterima baik. Jadi, adakah kita perlu ada langkah yang baru. Saya rasa komuniti *base* itu adalah satu langkah yang baru yang saya rasa adalah baik untuk semua tetapi ada satu lagi cadangan yang dikatakan bahawa memberi *tax rebate* kepada semua ibu yang bekerja, yang mempunyai anak di bawah 12 tahun diberikan *tax rebate* RM100 satu bulan atau lebih daripada itu untuk menggalakkan mereka bekerja.

Rebate itu adalah sebagai *child care*, pembayaran penjagaan kanak-kanak seperti Singapura telah buat. Mengapa ini tidak ditimbangkan oleh kerajaan?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi cadangan-cadangan itu. Sebenarnya Yang Berhormat telah pun berbincang dengan kita tentang isu ini dan di kementerian sendiri pun kita mengambil berat, Insya-Allah, saya harap mungkinlah dalam masa terdekat, kalau kerajaan mempunyai *resources* yang mencukupi mungkin mereka akan memberi pertimbangan. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa prestasi penubuhan taska amat membimbangkan kerana saya tengok bahawa majikan-majikan tidak mengambil berat langsung dalam isu ini.

Mereka rasakan bahawa ini hanya isu wanita. Bila saya bercakap tentang keperluan taska, majikan hanya lihat isu ini dari segi, dengan izin, *dollars and cents*. Mereka tidak tahu sebenarnya kalau mereka membuat perancangan supaya menubuhkan taska-taska di tempat-tempat kerja, ia akan memberi kesan yang positif, dengan izin, *even in dollars and cents* sebab kalau ada wanita mahupun kaum bapa yang bekerja *then* dia tahu bahawa anak-anak mereka terpelihara dan dijaga dengan baik, produktiviti mereka dalam bekerja itu akan tambah. Tetapi malangnya di negara ini kalau kita tidak ada undang-undang untuk kita *force*, dengan izin, kita paksa sesiapaapun membuat sesuatu, saya nampak dia memang, "*Ala, tidak apalah*". Dia macam tidak apa punya *attitude*.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ampang.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Jadi, saya hendak katalah, saya hendak bagi amaran awal kepada semua majikan-majikan yang ada bahawa pada tahun ini, salah satu daripada perjuangan kementerian adalah saya sendiri, *if I have to go and check myself*, dengan izin, saya akan pergi hendak cek tengok atau *we will try persuasion* dulu, dengan izin. Kita akan pujuk dulu, pujuk kalau tidak makan, Yang Berhormat, kalau terpaksa kita ada beberapa tindakan undang-undang. Ini kerana kita kena ingat pada masa ini 47.3% tenaga buruh pekerja di Malaysia adalah wanita, dengan izin, *and there is no turning back*. Kalau semua wanita tidak mahu bekerja sudah semestinya ekonomi negara akan lumpuh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Lumpuh.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tangga Batu, memang betul apa yang Tangga Batu kata. Jadi, saya hendak kata ini amaran awal kepada semua majikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Di dalam perancangan mereka.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ampang sudah bangun lama.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: ...sila lihat tentang isu ini. Yes, Ampang, sila.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas usaha berterusan untuk memperjuangkan nasib wanita bekerja di negara ini. Cuma ada satu dalam ucapan saya yang tidak diberi penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu tentang *social impact assessment*, dengan izin, terhadap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin belum sampailah, Yang Berhormat.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: ...tempat asuhan kanak-kanak di tempat kerja. Tentang kesan, adakah ini merupakan *the most conducive environment for children*, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat ada tanya tentang *social impact assessment*. Saya hendak maklumkan bahawa baru-baru ini apabila Majlis Sosial Negara telah pun mengadakan mesyuarat, di mana dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, salah satu keputusan yang dibuat ialah supaya kita menentukan bahawa *social impact assessment* itu dibawa kepada *mainstream* kerajaan. Jadi, pihak kementerian kita pada masa kini sedang kemas kini *proposal* kementerian untuk *mainstreamkan*, memperdanakan *social impact assessment* ke dalam pentadbiran negara.

Jadi, kita di kementerian pun rasa gembira kerana Majlis Sosial Negara telah menerima cadangan kita kerana sekian lama Yang Berhormat di Malaysia kita memberi penekanan hanya kepada pembangunan ekonomi sahaja, material sahaja.

Tetapi pengaruh sosial impaknya untuk kita memperjuangkan *balance development* ataupun pembangunan yang seimbang, kita rasa isu sosial *development* tak begitu mustahak. Tapi saya nampak bahawa insya-Allah pada masa-masa akan datang, *social impact development* akan diberi penekanan dan ya isu kanak-kanak ataupun perancangan kita untuk kanak-kanak, untuk wanita di tempat kerja, pada saya memang tidak memuaskan. Tetapi dengan perjuangan Yang Berhormat semua di Parlimen terutama dan saya tengok kaum bapa pun sejak kebelakangan ini dengan izin *very general sensitize* lah, tak ada masalah yang kita hadapi. Cuma kita sahaja nak beri idea kepada Yang Berhormat dan saya nampak Yang Berhormat semua nampak okeylah secara amnya, tapi adalah sikit satu, dua perkara yang masih perlu di *general sensitize* kan. Jadi saya ucapkan terima kasih kerana terutama Ahli Parlimen memberi sokongan kepada kami di kementerian.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun].

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa adalah tepat masanya kita mementingkan pembangunan sosial dan kanak-kanak. Tapi ada satu isu yang saya nak menarik perhatian Yang Berhormat iaitu *regulation* di pusat jagaan kanak-kanak. Baru-baru ini kita lihat seorang bayi enam bulan, tak tahu apa berlaku telah meninggal dunia kerana terjadi di pusat penjagaan kanak-kanak. Dan ini sudah ada beberapa kes, bukan satu kes sahaja.

Jadi saya rasa adalah sampai masa kita membuat *regulation* dan juga memberi latihan, sesiapa yang ingin mengadakan *crèche* ini, atau pusat jagaan kanak-kanak, pekerjaanya mesti dilatih dan bukan seperti sekarang. Mereka hanya mengupah pekerja asing untuk menguruskan kanak-kanak. Saya rasa sudah sampai masa, saya harap ini juga jadi satu perjuangan kementerian Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, saya sendiri telah pun lawat, ada dua kes di HKL dan kita dapati bahawa kes-kes ini melibatkan pengasuh ataupun pengasuh *creche* ini yang tidak berdaftar. Jadi, ini adalah menjadi satu isu yang begitu serius di negara ini sebab ramai daripada operator taska, oleh kerana mereka ada beberapa *steps*, langkah yang mereka perlu ambil, mesti dapat kelulusan sebelum datang ke JKM, kelulusan daripada Jabatan Kesihatan, kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan, daripada bomba dan lain-lain. Jadi mereka tidak mahu melalui langkah-langkah itu maka mereka buka sahaja taska-taska itu. Sebab itu kita di kementerian, kita kata okey, dengan izin, *the time has come*, kita tak boleh biarkan perkara ini berlaku, sebab itu kita nak *amend*, nak pinda akta yang ada pada hari ini.

Pertama kita ambil maklum rintihan pengasuh-pengasuh ini, sebab mereka pun ada mereka punya rintihan. So kita mengambil maklum dan saya harap dengan adanya pindaan yang akan dibawa ke Parlimen, mungkin ia akan membuka satu era baru kepada penubuhan taska yang lebih profesional dan lebih selamat. Okey, Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat bersetuju apabila Yang Berhormat Menteri menyebut tentang kaitan antara kerunsingan ibu bapa dengan peningkatan produktiviti ataupun prestasi ketika melaksanakan tugas apabila mengetahui yang anak-anak mereka berada di bawah jagaan, dan dijaga di bawah keadaan yang terurus.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat telah bersedia setelah mengambil kira faktor-faktor seperti budaya dan cara hidup di mana negara jiran kita, Singapura umpamanya mempunyai pusat penjagaan kanak-kanak yang boleh dijadikan contoh. Adakah kementerian telah bersedia untuk menjadikan apa yang telah dilalui oleh negara jiran tadi untuk penyediaan pusat jagaan kanak-kanak setempat apabila ibu bapa mereka melaksanakan tugas harian masing-masing. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang betul apa Yang Berhormat kata, di negara jiran kita mempunyai fasiliti-fasiliti yang begitu canggih sekali. Tapi saya nak memberi pengiktirafan kepada beberapa perkhidmatan yang diberi oleh pengusaha dan operator di Malaysia sendiri. Sebenarnya Yang Berhormat, kalau kita tengok secara purata, memang premis-premis ataupun taska-taska atau perkhidmatan setempat yang diberi di Malaysia, ada banyak yang telah mencapai kualiti yang tinggi. Jadi kita mesti memberi pengiktirafan.

Tapi pada masa yang sama, ada juga mungkin lebih banyak lagi taska-taska atau pusat-pusat setempat ini yang memerlukan perkhidmatan yang lebih profesional. Tapi saya tahu di Malaysia, kita memang mempunyai sekelompok pengusaha yang begitu profesional, yang mempunyai pengalaman dan jika kita memberi galakan kepada mereka, saya percaya ini akan menjadi satu budaya di Malaysia. Dan ini menjadi tugas dan tanggungjawab kementerian dan insya-Allah kita akan menjadi *smart partner* kepada mereka. Okey, *one last one before I ...*

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat daripada keterangan yang diberikan oleh Datuk Menteri bahawa insentif-insentif telah diberikan kepada kewujudan taska ini. Tetapi kalau kita lihat keadaan sekarang, memang masih tidak memuaskan. Jadi saya nak cadangkan di sini, ataupun adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menimbang sama ada kita kerajaan sebagai *lead by example*, kita wajibkan supaya jabatan-jabatan Kementerian ataupun kerajaan yang mempunyai berapa ramai kaum wanita yang bekerja dalam bidang itu, mungkin 60% ke ataupun *more than half*, kita diwajibkan mesti adakan taska. Jadi kerajaan boleh ambil langkah pertama *as an example* untuk supaya yang *private* tu boleh *follow*. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang Utama, sebenarnya pada keadaan yang ada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sebutan itu tahap tinggi.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Macam mana Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tuan Yang apa, Utama itu.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Oh ya, minta maaf. Tuan Yang Terutama ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tinggi sangat, nanti saya jatuh di sini.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Minta maaf Yang Berhormat, tapi nampak macam Tuan Yang Utama ya, gaya tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, baiklah. Itu terima kasih lah.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: [Ketawa].

[Dewan riuh]

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, apa saya nak jawab, saya dah ... Yang Berhormat, sebenarnya keadaan yang ada pada hari ini, sektor awam kerajaan memimpin ataupun mereka menunjukkan satu prestasi yang cemerlang. Hari ini boleh kata di semua Kementerian dan jabatan mempunyai fasiliti untuk taska ini. Tetapi di *private sector*, di situlah mereka begitu cuai sekali sebab kita tak ada undang-undang. Jadi saya rasa sedih sebab di Malaysia ini kalau tak ada insentif, kalau tak ada undang-undang, maka kita lepas tangan sahaja. Walhal itu adalah satu keperluan *but* saya percaya bahawa kalau mungkinlah di Kementerian kita mengambil langkah-langkah, mungkin kena kempen sikit, saya mesti jumpa dengan semua *employers* yang lain, mungkin *by next year* dengan izin keadaan akan lebih baik dapat dipertingkatkan daripada apa yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Kinabatangan telah membangkitkan isu berkaitan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan Kinabatangan. Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan agensi yang telah dipertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Petra Jaya bangun.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Sikit sahaja mungkin nak mengembangkan tajuk itu.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, okey.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat di taman-taman keperluan sekarang ini untuk pusat penjagaan seperti mana dikatakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat tadi. Jadi sama ada pihak Kementerian boleh mempertimbangkan, satu untuk mewujudkan seperti mana kalau pemaju-pemaju misalnya nak membuat perumahan, mesti disediakan tempat pusat jagaan. Di mana pemaju ini boleh diberi insentif pengecualian cukai misalnya untuk mendirikan atau

menyediakan asas-asas untuk pusat penjagaan supaya kita tidak berlaku lagi di taman-taman perumahan, rumah-rumah disewa untuk dijadikan pusat jagaan. Sebab pusat jagaan ini tidak mempunyai kemudahan - kemudahan yang sesuai untuk dijadikan pusat jagaan. Jadi kalau kita dapat menjadikan satu dasar di mana insentif pengecualian cukai disediakan untuk mereka menyediakan kriteria rumah jagaan yang sesuai dengan hasrat kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Memang betul apa Yang Berhormat kata, sebab itu Yang Berhormat apabila kerajaan menerima *social impact assessment* ini, maka mungkin kita dapat memaksa pemaju untuk menyediakan pada setiap pembangunan mesti ada perkhidmatan seperti ini untuk *crache* dan untuk taska. Mahu pun untuk pusat harian, untuk warga emas misal kata.

Sebab apabila kita bercakap tentang anak-anak, pada masa ini siapa juga nak jaga warga emas, warga tua kita, ibu bapa kita? Kalau kedua-dua suami dan isteri keluar bekeja, siapa yang akan duduk hendak jaga bukannya anak-anak, tapi warga emas kita? Sebab itu dengan adanya, *social impact assessment* itu, kita boleh meminta pihak berkuasa tempatan apabila memberi *approval*, memberi kebenaran, untuk mana-mana pembangunan mesti ada *facilities* seperti ini. Kerana mengikut *social impact assessment* itu kalau tak adalah misal kata, tak ada *creche*, tak ada taska, tak ada tadika, tak ada pusat harian setidak-tidaknya untuk warga emas, maka apa dia impak sosialnya kepada keluarga? Siapa nak jaga kepada mereka?

Sebab itu Yang Berhormat, memang apa Yang Berhormat kata betul. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah di tempat-tempat bangunan yang lama, di mana pemaju hanya memikir sahaja untuk meraih keuntungan. Mereka sekadar batuk di tangga. Satu pembangunan yang besar begitu, dia mungkin bagi satu sahaja mungkin ruang yang kecil, untuk taska atau tadika, dan lain-lain lagi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dengan sokongan yang diberi itu. Insya-Allah *social impact assessment* ini akan menjadi salah satu kaedah pentadbiran yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah membangkitkan isu berkaitan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan Kinabatangan. JKM merupakan agensi yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pendaftaran dan penilaian ke atas mangsa bencana bagi menentukan kelayakan bantuan yang boleh dipertimbangkan kepada mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai OKU yang dihantar ke pusat pemilihan dalam komuniti atau PDK, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ampang, pihak JKM tidak pernah mengenakan syarat agar ibu-bapa perlu hadir bersama dengan anak mereka yang tidak dapat menguruskan diri sendiri ke PDK. Sebaliknya pihak jabatan sentiasa menggalakkan penyertaan, penglibatan secara sukarela dari ibu bapa untuk turut bersama-sama anak-anak mereka di PDK-PDK memandangkan konsep PDK adalah untuk menggembelng tenaga komuniti setempat serta ibu bapa ke arah mewujudkan sebuah keluarga penyayang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jabatan telah menggariskan beberapa panduan berkaitan kelayakan pekerja PDK. Panduan tersebut adalah pertama, wanita atau lelaki warga Malaysia. Kedua, berumur antara 18 ke 45 tahun. Ketiga, sihat tubuh badan, minat, komited, mesra dan penyayang dan keempat, lulus minimum SPM. Sehubungan dengan itu, ibu-ibu tunggal boleh mengambil peluang menjadi pekerja PDK seperti mana yang dicadangkan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, latihan asas dan kursus lanjutan akan diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan tenaga pekerja PDK mempunyai kemahiran dan latihan yang diperlukan.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan OKU tadi ini, saya sebenarnya menghadapi beberapa masalah berhubung dengan OKU. Kerana apabila kita berjumpa dengan pegawai di Jabatan Kebajikan, dia kata untuk membuat pendaftaran, kita terpaksa membawa bersama OKU itu. Bayangkan kalau OKU itu menghadapi *cerebral palsy* umpamanya, tidak boleh bergerak, tidur dengan *back sore* di belakangnya. Kita nak bawa pergi ke pejabat untuk *register* itu masalah bagi orang itulah. Bagaimana penyelesaiannya?

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Terima kasihlah Yang Berhormat kerana memberi maklum balas. Hari ini ramai pegawai kebajikan yang hadir pada hari ini. Terima kasih kerana memberi maklum balas kepada saya. Insya-Allah, saya akan beri arahan serta-merta supaya isu ini diambil tindakan. Memang betul, memang tak, saya pun tak tahu macam mana perkara ini boleh berlaku? *We will make*, dengan izin, kita akan tentukan. Tak payahlah, mereka datang sendiri atau bawa OKU ini untuk buat pendaftaran. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat..

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Okey, saya minta maaf, tak boleh bagi jalan banyak sangat sebab..

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: PDK, PDK, satu sahaja PDK.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kena ringkaskan, ya?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, dari segi saya tengok masalah PDK, guru-guru PDK ialah masalah gaji. Gaji yang dibayar kepada guru PDK adalah sebanyak RM500.00 sahaja sebulan. Berbanding dengan guru KEMAS misalnya. Guru KEMAS telah pun dinaikkan gaji sampai RM800 lebih dan sebagainya, kelulusan pun sama. Hendak mengajar anak-anak OKU ini bukan satu perkara yang mudah. Itu yang pertama. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menaikkan gaji daripada RM500.00 ke gaji yang lebih tinggi maksudnya?

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, saya nak maklumkan bahawa kementerian telah pun menghantar surat kepada pihak berkuasa kepada Perbendaharaan, kepada JPA dan semua yang terlibat untuk meminta kenaikan gaji untuk pekerja PDK. Memang betul, memang betul Yang Berhormat. Terlalu rendah sangat gaji mereka. Insya-Allah kalau ada rezeki, mungkin akan dapat perhatian yang sewajarnya.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Laluan.

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Fasal PDK Yang Berhormat Menteri. Kuala Krau, fasal PDK.

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Okey, soalan yang akhir ya?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai PDK di negeri Pahang, ada pada tahun lepas memohon untuk membuka kawasan PDK, operasi PDK sejumlah 10 buah lagi. Tetapi saya diberitahu oleh JKM bahawa ada empat sahaja yang diluluskan. Ini juga termasuk PDK di FELDA Jengka 19 yang telah beroperasi selama sebulan pada Januari 2006. Tetapi telah diberhentikan operasinya walaupun OKU seramai 17 orang dikatakan kerana tidak ada peruntukan. Bebanan operasi selama sebulan itu diserahkan kepada JKKR bagi kawasan Felda tersebut. Satu lagi masalah OKU ini, iaitu pengangkutan untuk membawa OKU ini ke pusat PDK. Mohon disediakan pengangkutan.

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Okey, Yang Berhormat, insya-Allah saya akan beri perhatianlah dalam perkara-perkara yang Yang Berhormat bangkitkan itu. Tuan Yang di-Pertua, semenjak kementerian ditubuhkan, beberapa pindaan penting terhadap undang-undang negara telah dibuat bagi menjaga kepentingan wanita dan

keluarga. Kementerian juga telah menubuhkan jawatankuasa pindaan akta bagi menyemak undang-undang di bawah bidang kuasa kementerian.

Tindakan kini sedang diambil bagi mengenal pasti apa jua undang-undang yang masih mendiskriminasikan wanita di samping membuat pembaharuan dalam undang-undang dengan tujuan memperbaiki undang-undang tersebut. Berhubung isu perceraian di kalangan golongan muda yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah, langkah-langkah menurunkan kadar perceraian yang diambil oleh kementerian adalah melalui pendekatan pendidikan dengan melaksanakan program-program bagi mengukuhkan institusi perkahwinan. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, pandangan, saranan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, bagi jalan, sedikit sahaja Yang Berhormat. Ini untuk kebaikan kementerian.

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Okey. *[Menyampuk]*.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat ada menyebut tentang diskriminasi wanita. Dan saya ada mendengar jawapan daripada pihak kementerian tentang penglibatan wanita di bidang politik terutamanya. Dewan ini baru 10%. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat, supaya mengadakan perbincangan khusus dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, untuk menggalakkan lagi penglibatan wanita di dalam bidang politik dan kepimpinan umpamanya, dengan meletakkan 30% daripada wanita ini sebagai ahli-ahli di pihak berkuasa tempatan.

Ini sekali gus akan menyumbang kepada penglibatan wanita di dalam bidang penglibatan politik, Yang Berhormat Menteri. Boleh adakan perbincangan dengan KPKT. Dan saya nak ucapkan selamat datang kepada Jabatan Penerangan dan Penyiaran Melaka. Dia sempat bersama kita pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Saya pun nak ucapkan selamat datang kepada Jabatan Penerangan Negeri Melaka. Saya nampak ramai wanita yang hadir ya? Alhamdulillah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peminat saya semua itu.

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, kalaulah semua lelaki macam Yang Berhormat, *[Dewan riuh]*, saya rasa Malaysia ini Alhamdulillah. Syurgalah kepada wanita semua. Insya-Allah, saya akan tentukan Yang Berhormat, Menteri yang berkenaan akan mengambil maklum saranan Yang Berhormat. Jadi sekali lagi pihak kementerian, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Pandangan, saranan, teguran, memberikan perhatian dan melaksanakan projek kementerian dengan lebih cekap dan berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Wanita pula bangun Yang Berhormat. *[Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Yang Berhormat bagi Padang Serai bangun]*. Padang Serai dengan, dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Sekian, terima kasih. Assalamualaikum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat, tak bagi jalan. Cukuplah, cukuplah. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima permohonan daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi supaya penggulungan bagi kementerian ini dikemudikan pada sesi petang. Oleh yang demikian, giliran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, diadakan selepas giliran Kementerian Pengangkutan.

Sekarang saya menjemput Kementerian Pengangkutan untuk menggulung. Yang Berhormat Menteri, sila.

12.09 tgh.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan, saya mengucapkan terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja yang menyentuh mengenai perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan, menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat bagi Labuan, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, Yang Berhormat bagi Sungai Petani dan Yang Berhormat bagi Sri Gading yang menyentuh tentang perkhidmatan udara domestik, kerajaan telah pun mengemukakan pandangan bahawa rasionalisasi bagi sektor perkhidmatan domestik adalah perlu untuk kejayaan jangka panjang perkhidmatan domestik Sistem Penerbangan Malaysia ataupun MAS dan Air Asia.

Sehubungan itu, satu kenyataan telah pun dikeluarkan oleh kerajaan pada 27 Mac 2006 berhubung dengan keputusan merasionalisasikan sektor penerbangan domestik di mana kerajaan telah memutuskan bahawa 19 laluan utama domestik akan dikendalikan secara perkongsian dengan Air Asia melalui 1 Ogos 2006 ini. Kerajaan juga turut memutuskan bahawa Air Asia akan mengendalikan 96 laluan domestik bukan utama termasuk laluan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Dalam menyediakan perkhidmatan laluan utama, kerajaan berpandangan bahawa kedua-dua MAS dan Air Asia perlu menumpukan operasi mereka kepada segmen pasaran masing-masing. MAS akan menawarkan perkhidmatan premium berdasarkan struktur harga tambang...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: ...dan perkhidmatan yang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin dan Sungai Petani.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, memang kita sudah tahu bahawa MAS menghadapi masalah dan penyelarasan yang dibuat, saya lihat berat kepada Air Asia. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, penerbangan kita ini Air Asia ke MAS? Air Asia ataupun MAS?

Saya tengok seolah-olah kerajaan beria-ia hendak membantu Air Asia ini kenapa? Air Asia ini, Tuan Yang di-Pertua, kepunyaan peribadi, *private company*. Saya takut esok bila kerajaan bantu, bantu, bantu, kita takut jadi macam Pantai Holding dahulu, bantu, bantu, bantu, dapat *central contract*, akhirnya jual kepada Singapura, Temasek Holding. Dan saya penuh yakin dan percaya mereka akan buat yang sama, akhirnya penerbangan ini bukan lagi milik Malaysia. Setuju atau tidak, Yang Berhormat Menteri?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat tetapi saya tidak setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa satu hari Air Asia akan jatuh ke tangan orang asing oleh kerana lesen yang dikeluarkan oleh kerajaan telah menetapkan syarat bahawa orang tempatan sekurang-kurangnya kena memiliki tidak kurang daripada 51% ekuiti syarikat. Memang sudah ada syarat pelesenan ini harus diikuti oleh pihak Air Asia.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani pula bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya sudah pasti Yang Berhormat akan beri jawapan yang sedemikian rupa. Saya balik kepada persoalan tadi, saya hendak tanya satu sahaja, boleh jadi dua, boleh jadi tiga. *[Ketawa]* Tetapi pertamanya, boleh tidak Yang Berhormat nyatakan kepada kita, Ahli Dewan ini, apakah identiti Air Asia dan siapa yang empunya Air Asia? Kalau ada modal asing, berapakah modal asing di dalam Air Asia? Saya kata begitu sebab sekiranya MAS tidak mampu untuk pergi ke sana ke sini dan diambil oleh Air Asia, saya bimbang seperti mana Yang Berhormat bagi Jasin kata tadi.

Lebih baik kita fikir sekarang ini, tutup sahaja MAS. Bawa masuk Singapore Airlines, buat operasi di sini dengan mudah sahaja. *[Tepuk]* Tetapi Yang Berhormat sebagai kementerian yang mempertahankan identiti Malaysia dan hak Malaysia tadi, sepatutnya mempertahankan MAS. Nampaknya hari ini kalau kita lihat di sini MAS seolah-olah memberi laluan seluas-luasnya kepada Air Asia. Umpamanya macam tadi, 19 laluan utama domestik, 96 laluan domestik oleh Air Asia, apakah ini adil? Apa akan terjadi kepada Sabah dan Sarawak? Umpamanya penerbangan ke sebelah pedalaman.

Ini saya kata sudah terbukti oleh MAS, mudah sahaja untuk Idris Jala menyatakan bahawa potong sana, potong sini, yalah boleh buat keuntungan. Saya mahu tanya soalan kedua iaitu mengenai dengan MAS. Saya baca dalam surat khabar baru-baru ini dikatakan MAS akan buat keuntungan yang begitu besar di hujung tahun ini. Tetapi dalam ini, tahukah Yang Berhormat apakah lelehan air mata kemudiannya yang akan berlaku kepada empunya cerita yang saya baca dalam surat khabar, 6,500 besar kemungkinan akan diberhentikan kerja. Apakah Yang Berhormat mahu bertanggungjawab ke atas soal ini? *[Disampuk]* Itu satu.

Jadi, mudah sahaja kita cakap potong sana, potong, potong, potong, tetapi apakah nasib orang-orang yang bekerja dengan MAS ini dan yang kerja 15 tahun atau 20 tahun kemudian diberhentikan, memang diberi... *[Tepuk]* Kalau seseorang itu menjaga ibunya yang sakit, misalnya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat, tanyalah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, beri peluang saya bercakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah bagi peluang, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ...oleh kerana menteri ada di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nanti berulang-ulang, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sudah banyak perkara ini. Yang kita bimbang ialah apa akan berlaku kepada pekerja MAS yang mana yang saya telah katakan kalaulah seseorang itu bekerja, dia menjaga anak dia berapa orang. *[Disampuk]* Kemudian ibunya ataupun bapanya yang sakit dan sebagainya. Apa akan terjadi kepada ini semua? Kalau 10 tahun atau 15 tahun sudah bekerja dengan MAS, apa akan terjadi kepada orang ini? Apakah Yang Berhormat mahu bertanggungjawab? Kalau kita, Ahli Dewan ini mudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah ulang-ulang, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Kalau kita bersara, kita dapat pencen. Ini dapat hadiah sedikit sahaja, kemudian kamu pergilah.

Seorang Ahli: Mesti jawab!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Hasil pembahagian laluan domestik ini adalah hasil perundingan di antara kedua-dua buah syarikat, MAS dan juga Air Asia demi kepentingan kedua-dua buah syarikat dan juga kepentingan industri *aviation* dalam negara ini. Kerajaan berpendapat bahawa hasil perundingan ini adalah untuk kepentingan kedua-dua buah syarikat, maka kerajaan telah menerima hasil rundingan yang telah dicapai oleh kedua-dua buah syarikat ini.

Oleh kerana kita berpendapat bahawa kalau MAS tetap memainkan peranan sebagai satu syarikat penerbangan premium dan Air Asia memainkan peranan sebagai syarikat penerbangan tambang murah, ia akan mengukuhkan industri penerbangan di negara ini untuk menghadapi persaingan dari beberapa syarikat penerbangan antarabangsa, khususnya di rantau ini. Ini adalah pandangan...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: [Bangun]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [Bangun]

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya hendak jawab semua ini. Selepas ini saya jemput Yang Berhormat bagi Labuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ini adalah untuk kepentingan negara dan...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Masih berdiri]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk Yang Berhormat bagi Beluran, selepas ini Yang Berhormat bagi Labuan bangun.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya. Dan bila kita mengambil keputusan supaya menjalankan *rationalization program* ini, kita telah memberitahu kepada kedua-dua buah syarikat penerbangan ini bahawa selepas *rationalization*, subsidi yang selama ini diberikan kepada MAS tidak akan diteruskan kecuali kepada perkhidmatan pedalaman, khususnya di Sabah dan Sarawak untuk memastikan bahawa harga tambang adalah di satu tahap yang rendah sekali untuk kepentingan rakyat di luar bandar.

Oleh kerana kos mengendalikan operasi Air Asia ini adalah sangat rendah, maka ia telah memberikan jaminan bahawa kalau sekiranya laluan yang bukan *non-trunk* ataupun bukan utama ini dikendalikan oleh Air Asia bahawa harga ataupun tambangnya tidak akan dinaikkan dan pada masa yang sama, subsidi kerajaan tidak diperlukan.

Ini boleh mendatangkan kebaikan untuk kedua-dua buah syarikat penerbangan di mana MAS akan menumpukan perhatiannya kepada penerbangan ataupun operasinya di seluruh dunia dan juga serantau ini. Dan pada masa yang sama *connectivity* terjamin oleh kerana mengadakan laluan kepada 19 laluan ini, *connectivity* ini semua dijaga, maka MAS akan berkembang, MAS akan lebih kukuh lagi daripada operasinya, dan tanpa diberi tugas untuk mengendalikan laluan-laluan yang menghadapi begitu banyak kerugian setiap tahun. Bila MAS menghadapi kerugian Ahli-ahli Yang Berhormat memberi teguran, marah kepada MAS dan sekarang ini kita telah memberikan satu peluang kepada MAS untuk *to streamline* organisasinya, operasinya, di mana dia tidak akan menghadapi kerugian lagi dan pada masa yang sama dia boleh menghadapi persaingan khususnya daripada syarikat-syarikat rantau ini khususnya Singapore Airline dan juga *airline-airline* yang di negara jiran ini.

Ini adalah merupakan satu langkah yang cukup baik kalau dilaksanakan ikut perancangan yang terperinci. Saya setuju bahawa bila kita hendak menstrukturkan semula organisasinya ada beberapa ribu orang pekerja akan diberhentikan di bawah Skim VSS ataupun MSS (*Mutual* ataupun *Voluntary Separation Scheme*), di mana kita telah memberitahu kepada pihak MAS bahawa satu perancangan yang terperinci mesti dikemukakan kepada kerajaan di mana kerajaan akan memastikan kepentingan mereka

yang akan diberhentikan ini dijaga dengan baik, di mana kerajaan perlu membuat satu keputusan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: ...muktamad lagi dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum lagi Yang Berhormat, dia belum bagi.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Masih saya. Dan Ahli Yang Berhormat kalau *rationalization domestic* ini tidak dilakukan, dilaksanakan dengan adanya *turn-around plan* yang telah dirancang oleh pihak MAS, VSS ini akan terus dilakukan. Oleh kerana banyak laluan *international* yang merugikan ini kita akan berhentikan. Maka ini merupakan satu hakikat yang kita akan menghadapi tetapi kita akan memberi jaminan bahawa ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: [Bangun]

Dato' Sri Chan Kong Choy: ...mereka yang akan diberhentikan ini di bawah Skim VSS, ini kepentingan mereka, kepentingan keluarga mereka harus dijaga oleh pihak kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada dua. Labuan, bagi Labuan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia kasi Kinabatangan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Labuan dahulu kau baru masuk duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Labuan dahulu Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Menteri bagi Kinabatangan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua *ruling*. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tadi Menteri janji Labuan dahulu. Yang lain duduk.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Labuan, Labuan, Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan. Dan saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan kerana mengekalkan *trunk road* dia di antara 19 itu, Labuan, terima kasih. [Ketawa] Walau bagaimanapun, mendengar jawapan Dato' Menteri sebentar tadi, saya ingin bertanya Dato', Dato' menjelaskan bahawa jika MAS meneruskan operasi dia akan menanggung kerugian. Secara *logical*, MAS dengan Air Asia menggunakan *fuel* yang sama, bagaimana Air Asia boleh untung dan MAS rugi. Kerajaan mesti mengenal pasti puncanya dan kenapa MAS tidak dibagi opsyen yang sama untuk beroperasi di laluan sama untuk kekal terus kompetitif menawarkan perkhidmatan bersama dengan Air Asia.

Dato' Menteri yang dihormati, MAS milik kerajaan, kerajaan mempunyai *social obligation* kepada rakyat. Bagaimana kerajaan boleh meyakinkan dengan memberikan monopoli 96 laluan kepada Air Asia, Air Asia tidak akan menaikkan tambang seperti mana yang mereka gimik-gimikkan sekarang. Hari ini kalau kita masuk dalam internet ada yang RM9.00, betulkah ada RM9.00?

Seorang Ahli: [Menyampuk] Tidak adalah.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tidak ada. Jadi Yang Berhormat Menteri pertanyaan saya, apakah MAS dibagi opsyen oleh kerajaan seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi bahawa 6,500 diberi VSS (*Volunteer Separation Scheme*) atau mereka ini diberi MSS (*Mandatory Separation Scheme*). [Ketawa] Apakah MAS menghadapi nasib yang sama di mana ada tekanan-tekanan luar menekan Kementerian Pengangkutan untuk memberikan hak keistimewaan kepada Air Asia sehinggakan LCCT yang belum boleh beroperasi dengan sepenuhnya dibuka hanya untuk memberi laluan kepada Air Asia. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Cara mengendalikan sebuah syarikat premium dan cara mengendalikan sebuah syarikat tambang murah adalah berlainan. Kalau kita menggunakan cara mengendalikan Air Asia untuk mengendalikan MAS, MAS akan menghadapi masalah. Dan sebaliknya kalau sekiranya kita menggunakan cara mengendalikan MAS untuk mengendalikan Air Asia, Air Asia akan menghadapi masalah. Memang *philosophy*nya, cara pengendaliannya, cara *marketing*nya memang sangat-sangat berlainan.

MAS akan memberikan perkhidmatan yang premium kepada penumpang-penumpang, manakala Air Asia akan memberikan perkhidmatan yang asas kepada penumpang-penumpang di mana penjimatan untuk memberikan perkhidmatan asas ini akan disalurkan kepada penumpang-penumpang. Oleh kerana ini dia dapat memberi satu *fare* yang cukup rendah dan pada masa yang sama boleh buat keuntungan lagi, tetapi *volume*nya mesti besar. Setakat ini mengapa Singapura tidak berjaya untuk mengendalikan syarikat tambang murah. Oleh kerana dia tidak ada *volume* dia tidak ada *domestic market*, Tiger Air dia tidak boleh terbang Changi ke Jurong, dia tidak boleh.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada lima yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Maka satu pasaran domestik adalah merupakan satu pasaran yang sangat penting untuk menjayakan sesuatu syarikat tambang murah. Ini adalah perbezaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Yang Berhormat?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Selepas ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain semua duduk dahulu.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Di antara premium *airline* dengan LCC. Yang Berhormat ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk. Ya Kinabatangan sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak mempersoalkan keputusan MAS bergabung dengan Air Asia, perundingan di antara MAS dengan Air Asia ini sebab kerajaan telah membuat keputusan dan mereka telah pun memeterikan perjanjian dengan mengenal pasti laluan masing-masing. Yang Berhormat percayakah bahawa MAS ini rugi disebabkan oleh pihak pentadbiran dia yang tidak cekap. Sebab mereka tidak amanah dan mereka telah menyelewengkan syarikat milik kerajaan untuk kepentingan mereka.

Akhirnya kerajaan terpaksa menanggung dan kita terpaksa berhadapan dengan membuang lebih kurang 6,500 pekerja. Ini yang ingin saya persoalkan. Apa itu sistem VSS? Adakah dia memang baik untuk diamalkan di negara kita? Sebagai contoh bank mengamalkan sistem VSS. Orang kampung saya cakap VSS buang suka-suka. Mereka diberi pilihan konon, tetapi mereka yang tidak memilih untuk bersara mereka akan ditempatkan di tempat yang jauh atau di tempat yang mereka tidak boleh mendapat produktiviti.

Akhirnya mereka berhenti sendiri, ini memang berlaku dalam bank pun berlaku, pegawai-pegawai bank ramai jumpa saya tidak ada pilihan. Mereka hantar kita ke cawangan yang jauh dan kita kena berhenti sendiri. Tetapi kerajaan cakap pilihan sendiri. Sedarkah Yang Berhormat berapa ramai yang sudah menganggur daripada pegawai bank menjadi kutu raya di jalanan. Apa yang akan berlaku dengan pegawai-pegawai MAS yang bekerja sudah berpuluh-puluh tahun ini? Kenapa tidak disalahkan pentadbiran, kenapa mahu berhenti orang. Kerja kita buang orang. Tetapi kita cerita soal modal insan, apa modal insan kalau kita buang pekerja? *[Tepuk]* Ini tidak masuk akal, Yang Berhormat.

Yang Berhormat kena serius, saya tidak mempersoalkan keputusan kerajaan, tetapi soal pembuangan pekerja MAS saya tidak bersetuju sampai bila-bila. Saya mahu Kementerian ini mengkaji bagaimana menempatkan mereka, apakah mereka ada pekerjaan baru ataupun dengan saraan lebih kurang RM6 ribu, RM7 ribu ini mereka boleh hidup untuk selesa. *[Tepuk]*

Ini tidak akan berlaku Yang Berhormat dan kita akan melonggokkan lagi pengangguran dalam negara kita akibat tindakan yang tidak cekap. Penyelewengan oleh pegawai-pegawai MAS dengan pembelian tidak rasional membeli lukisan dengan RM1 juta dan sebagainya, tetapi masih di situ. Apa ini? Kenapa mahu susahkan kerajaan dan rakyat? Ini tidak boleh berlaku, minta penjelasan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Menteri hendak bagi atau tidak?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tambah sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Menteri jawab...

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat isu yang sama?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Isu yang sama.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Sama tidak payahlah. Saya sudah jelaskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Hendak tambah sedikit.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya sudah jelas sekali.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Apa yang saya mahu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah Yang Berhormat, ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Apa yang saya mahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani ringkaskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab. Tadi tidak terjawab, siapa punya ini Air Asia. *[Disorak]* Kemudian Yang Berhormat Menteri pula bawa kita pergi naik Air Asia sana sini dan tidak menjawab dan dia sepatutnya menjawab bagi pihak kita sebab MAS itu kepunyaan kita. *[Tepuk]* Seolah-olah Yang Berhormat mempertahankan Air Asia. Saya mahu tanya Yang Berhormat ada syerka dalam itu? *[Ketawa]* Yang Berhormat mempertahankan, sejak tadi ditambahkan dengan itu.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya minta Yang Berhormat tarik balik....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak apa, saya tarik balik, salah anggapan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Mungkin salah anggapan, tidak apalah, ini kita sudah *hot*. Kerana macam.....[*Sorak*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan kata tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak tanya cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, kita bertanggungjawab, kita kerajaan, sudahlah *unemployment* kita sudah begitu besar....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu isu yang sama juga, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Kemudian hendak tambah lagi, kemudian kita tambah lagi apakah penderitaan. Kita wakil rakyat. Kita membela nasib rakyat. Apa akan terjadi kepada 6500 orang. Yang Berhormat kena jawab itu.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat memang bersikap betul untuk mempertahankan pekerja-pekerja di MAS ini yang telah banyak memberikan sumbangan kepada pembangunan negara dari banyak segi. Saya setuju apa yang telah disarankan. Ini memang betul untuk tugas kita, untuk mempertahankan nasib rakyat kita. Tetapi, ini memang merupakan sikap Barisan Nasional setakat ini untuk mempertahankan nasib rakyat kita.

Maka saya telah memberikan jaminan bahawa beberapa saranan yang telah di kemukakan ini saya akan jamin bahawa kita akan mengambil perhatian, khususnya bolehkah mereka diletakkan di badan yang lain untuk menjalankan tugas yang lain. Ini kita akan mengambil kira. Walau bagaimanapun, saya akan memberikan jaminan sekali lagi di sini bahawa apa jua akan berlaku, nasib dan kepentingan orang yang akan undur daripada MAS ini, kepentingan mereka, kepentingan keluarga mereka akan juga dijamin.

Tentang ekuiti Air Asia ini saya tidak dapat memberitahu di sini secara terperinci, tetapi saya boleh memberitahu bahawa kebanyakan ekuiti adalah dipegang oleh rakyat dan syarikat Malaysia. Ini memang merupakan satu syarikat Malaysia.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Dato' Sri Chan Kong Choy: Hendak bagi peluang kepada *colleague* kita yang lain.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Ya, Muar ya Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang mana Yang Berhormat? Hendak bagi yang mana?

Beberapa Ahli: Yang Berhormat bagi Muar.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat bagi Muar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat lain, duduk.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kita tidak mempersoalkan keputusan kerajaan untuk mengadakan rasionalisasi sektor penerbangan, itu satu keputusan yang baik. Cuma yang kita ingin bangkitkan di sini, dalam perniagaan, dia ada untung dan rugi. Dia ada keputusan yang dibuat berasaskan perniagaan. Kalau keputusan dibuat oleh MAS, saya rasa semua wakil rakyat yang ada di sini tidak berapa risau kerana adanya pengaruh kuasa kerajaan ke atas syarikat. Tetapi yang kita perkatakan hari ini ialah Air Asia. Air Asia sebuah syarikat swasta di Bursa Saham Kuala Lumpur walaupun tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa kita akan pastikan tidak berlaku penguasaan orang luar kepada syarikat setelah

kita memberi 96 laluan, saya cukup besar hati dan gembira. Asal sahaja kita tahu, kita boleh pastikan perkara itu tidak berlaku seperti yang berlaku di negara Thailand.

Cuma persoalan di sini, tadi Yang Berhormat ada sebut kerajaan tidak lagi memberi subsidi kepada MAS dan Air Asia, saya juga setuju supaya sedikit-sedikit kita kurangkan mentaliti subsidi. Cumanya Yang Berhormat ada sebut kemudiannya, walau bagaimanapun, kerajaan tetap memikirkan bantuan kepada laluan sosial. Laluan sosial ini pada saya banyak dikuasai oleh Air Asia. Apakah rasionalisasi ini dipanggil *privatization*, *concession* untuk kerajaan membantu syarikat di Bursa Saham dalam bentuk subsidi? Perkara ini kena dijelaskan supaya rakyat tahu tidak ada *favor*, dengan izin, oleh kerajaan kepada Air Asia dan apa yang kita bangkitkan ini semata-mata untuk memastikan perkara ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Akhir sekali saya hendak tanya kemudahan yang ada oleh Air Asia ini sama ada mereka telah mengunjurkan *business plan*, dengan izin, kepada kerajaan yang boleh memberi kepastian, mereka tidak akan ada rugi. Sebab itu saya mulakan tadi dalam perniagaan ada untung dan rugi dan syarikat boleh jadi bankrap. Adakah jika perkara ini berlaku, kerajaan sekali lagi membantu, tetapi kali ini membantu syarikat swasta. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya cakap, untuk operasi sosial *road*, khususnya kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah, kalau perlu kita akan memberikan bantuan kewangan kepada operasi ini dan dalam operasi *Ruler Air Services* ini kita akan minta supaya satu PNL yang berasingan dikemukakan kepada pihak kerajaan supaya dapat ia tidak bercampur sekali dengan operasi Air Asia yang lain. So, satu PNL yang berasingan akan diminta dikemukakan supaya kita dapat tahu betul-betul keadaan yang sebenarnya. Oleh kerana setakat ini memang melalui kementerian saya, kita memberikan subsidi secara terus kepada MAS untuk mengendalikan RAS ini. Tetapi kita akan meminta Air Asia supaya cuba sedaya upaya merendahkan mengurangkan kos operasi di kawasan operasi RAS ini supaya sampai satu tahap di mana kita tidak perlu juga memberi bantuan kewangan, tetapi dapat menetapkan *fair* di satu tahap yang cukup rendah untuk kepentingan rakyat di luar bandar. Mungkin ini kita akan pastikan.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Tambah sedikit sahaja, saya hendak tanya dalam dia mengunjurkan perancangannya ini, bagaimana tempahan tiket Air Asia. Kita tahu ia menggunakan komputer dengan mudah dan itu dapat harga rendah. Adakah orang kampung pedalaman di Sabah Sarawak mempunyai kemudahan ini untuk mereka membeli tiket atau mereka terpaksa pergi ke kaunter? Sebab di kaunter kalau kita beli tiket Air Asia, dia lebih kurang macam tiket MAS sahaja.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ini satu pandangan yang baik sekali. Kalau sekiranya Air Asia bersetuju untuk mengendalikan perkhidmatan RAS ini dia kenalah bawa perubahan. Dia kena bawa perubahan supaya dapat menyesuaikan keadaan yang sebenarnya di luar bandar ini.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Dato' Sri Chan Kong Choy: Kita akan pastikan perkara ini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun. Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di sini saya akan bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa sebab utama mengapa kita memberikan Air Asia mendapat 96 laluan ini kerana kerugian MAS di dalam sektor domestik. Tetapi saya hendak tanya apakah gambaran yang sebenarnya kerugian MAS ini. Kerana kerugian sesebuah syarikat ini tidak akan bergantung kepada satu faktor sahaja iaitu domestik sahaja. Bagaimana dengan kerugian bagi perjalanan kebangsaan ataupun *capital expenditure* dengan izin ataupun dengan operasi-operasi tertentu sebagai contoh apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat

bagi Labuan bahawa tender pemberian makanan ataupun minuman di dalam kapal terbang semua ini akan diambil kira. Jangan kerana kita oh!, kerugian MAS ini kita mesti memberi laluan kepada Air Asia, ini satu. Saya hendak tanya apakah *breakdown* nya supaya jelas, bukan sahaja kepada kami sebagai Ahli Parlimen tetapi juga kepada umum, satu.

Nombor dua ini, saya akan menyatakan mengenai perkhidmatan. Setakat ini AirAsia mendapat 66 laluan domestik. Adakah....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: 96.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:96, 96. adakah mereka mempunyai cukup kapal terbang untuk *operate* di kawasan ini dan kalau tidak cukup adakah kepentingan rakyat itu akan diambil kira kerana kalau kita katakan satu kapal terbang akan terbang pukul dua tapi dia akan *take off* pada pukul lima. Bagaimana mengenai masa yang kena tunggu untuk rakyat. Harap Yang Berhormat menteri mengambil kira perkara ini. Ini juga kepentingan rakyat juga. So, ini saya hendak tahu sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Terakhir sekali, sekarang kita memang sokong kalau kita membuat MAS ini menjadi syarikat yang untung. *Right?* Saya ingat semua Ahli Yang Berhormat di sini sokong tapi adakah kita ini terpaksa menyusun semula MAS ini dengan secara mendalam seperti yang dinyatakan oleh semua Yang Berhormat tadi, jual itu, jual sana potong sini potong sana. Kalau macam ini saya ingat Yang Berhormat bagi Kinabatangan boleh menjadi *Executive Chairman* di sana juga. Betul tidak? Betul?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya! [Tepuk]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ha. Saya hendak penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Puchong. Pertama sekali saya hendak berikan penjelasan sekali lagi bahawa hasil ataupun pembahagian laluan domestik antara MAS dan Air Asia ini adalah hasil daripada perundingan antara kedua-dua buah syarikat ini tanpa campur tangan kerajaan.

[Dewan riuh]

Kita sudah memberikan mereka.....

Seorang Ahli: Kerajaan patut ambil tahu!

Dato' Sri Chan Kong Choy:Saya secara ikhlas di sini.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat, kerajaan tidak boleh lepas tangan Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tidak apa, tidak apa. Saya tahu.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Implikasi daripada kerjasama ini akan mengakibatkan kenaikan harga, satu.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Boleh, boleh biarkan saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, bagi....

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tidak boleh lepas tangan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ini ada tiga pertanyaan di sini, macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk dahulu. Sabar Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Adalah hasil perundingan daripada MAS dan Air Asia. Dan selepas mereka mengemukakan hasil perundingan ini kepada kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat, kita berpendapat bahawa pembahagian laluan domestik ini adalah boleh menguntungkan kedua-dua syarikat. Boleh membawa keuntungan kepada *Aviation Industry* pada keseluruhannya. Ini pandangan kerajaan. Ini

pandangan kerajaan dan mengapa MAS *domestic sector* menghadapi kerugian. Antara lain ialah kita tidak membenarkan MAS untuk menaikkan tambangnya sudah 13 tahun khususnya kawasan Sabah dan Sarawak dan penerbangan antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. MAS telah banyak kali meminta kenaikan tambang.

Oleh kerana kita memberikan kepentingan kepada rakyat khususnya di Sabah dan Sarawak kita juga tidak membenarkan. 13 tahun. 13 tahun. Oleh kerana ini, MAS domestik ini merupakan satu faktor yang utama yang menyebabkan pihak MAS menghadapi begitu banyak kerugian di sektor domestik kerana ini juga dipikul oleh kerajaan oleh kerana *domestic sector* ini telah diambil alih oleh TNB dan kita melantik MAS untuk mengendalikan *domestic industry*.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Boleh saya tanya berapa peratus daripada kerugian MAS oleh *domestic industry*?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya tidak mempunyai maklumat secara terperinci. Tetapi saya janji akan memberi satu laporan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Saya harap pegawai saya mengambil catatan bahawa satu jawapan bertulis akan diberikan kepada Yang Berhormat bagi Puchong ini.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum habis lagi.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Soalan yang kedua.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Soalan kedua? Okay.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tentang sama ada Air Asia bersedia untuk mengendalikan kesemua 96 laluan domestik ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Air Asia bukan satu pengusaha yang baru. Dia sudah lama. Sudah empat tahun mengendalikan laluan domestik. 96 ini cuma merupakan tambahan beberapa sahaja kepada Air Asia. Maka kita akan pastikan bila tiba masanya 1 Ogos di mana *rationalization* ini akan dikuatkuasakan Air Asia akan bersedia. Kalau sekiranya Air Asia belum bersedia kita tidak akan membenarkan Air Asia untuk mengambil alih kesemua 96 laluan domestik yang bukan *trunk* ini. Terima kasih.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Minta penjelasan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Lipis kah?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Petra Jaya kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran kah?

Dato' Sri Chan Kong Choy: [Menghalakan tangan ke arah Yang Berhormat bagi Lipis]

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Lipis? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi bila saya melihat dalam akhbar dan sebagainya, memang ada 19 laluan untuk MAS dan 96 laluan untuk Air Asia. Tapi dari segi tiket, saya lihat sekarang ini MAS diberi tambang minimum. Harga tiketnya diberi tambang minimum, tidak boleh rendah lagi. Tapi Air Asia terbuka. Jadi ini seolah-olah macam ada satu pertandingan yang tidak sihat.

Jadi kesan daripada itu ada kemungkinan menyebabkan MAS menjadi rugi kerana mereka tidak boleh bergerak. Tidak boleh turun tambangnya. Kalau hendak bertanding dengan Air Asia ini, sebuah syarikat kerajaan, sebuah syarikat swasta tapi nampaknya tidak ada *protection* dengan izin kepada syarikat kerajaan ini, dengan mengenakan tambang minimum itu. Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat saya hendak bagi cadangan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak bagi peringatan kepada Yang Berhormat mungkin isu MAS ini terlalu panjang. Kalau ada isu lain kena pindah ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, isu ini melibatkan masyarakat. Mesti mahu panjangkan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, bolehlah saya minta izin. Banyak pertanyaan ini memang ada dalam jawapan saya. Biar saya habiskan jawapan saya mengenai bab ini. Lepas itu saya pergi lain-lain kepada Ahli Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Beberapa Ahli: Okay! Okay! Setuju!

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Termasuk pertanyaan Yang Berhormat bagi Lipis ini memang ada dalam jawapan saya. Kalau setuju saya akan teruskan selepas itu saya akan bagi peluang kepada semua.

Beberapa Ahli: Setuju!

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam menyediakan perkhidmatan laluan perkhidmatan utama, kerajaan berpandangan bahawa kedua-dua MAS dan Air Asia perlu menumpukan operasi mereka kepada segmen pasaran masing-masing. MAS akan menawarkan perkhidmatan premium berdasarkan struktur harga tambang dan perkhidmatan yang berkaitan. Manakala Air Asia menawarkan perkhidmatan kos rendah dan bukan premium. Ke arah persaingan yang sihat, kadar tambang kelas ekonomi untuk laluan utama akan dipantau oleh kerajaan untuk memastikan tiada pertindihan pada kadar tambang yang ditawarkan oleh MAS dan Air Asia.

Tertakluk kepada syarat ini MAS dan Air Asia akan diberi fleksibiliti menentukan kadar tambang, *capacity*, kekerapan penerbangan dan jenis pesawat untuk setiap laluan penerbangan domestik. Apabila proses rasionalisasi ini diperkuat kuasa sepenuhnya menjelang 1 Ogos 2006, adalah dijangkakan penstrukturan operasi semula domestik MAS telah dilaksanakan dan Air Asia telah membina keupayaan untuk beroperasi di kesemua laluan domestik termasuk menyediakan perhubungan *connectivity* serta perkhidmatan *interlining* yang *efficient* untuk laluan di mana MAS tidak ada perkhidmatan penerbangan domestik mengikut keperluan yang bersesuaian.

Pada waktu itu juga Perjanjian Penguraian Perniagaan Domestik ataupun *Agreement for Domestic Business Unbundling* di antara MAS dan Penerbangan Malaysia Berhad, akan dimansuhkan. Dengan itu akaun untung rugi MAS untuk sektor penerbangan domestik tidak akan lagi ditanggung oleh PNB. Kerajaan juga memutuskan tidak akan memberi subsidi kepada MAS atau Air Asia untuk beroperasi untuk sektor penerbangan domestik. Namun demikian kerajaan akan tetap menawarkan sokongan kewangan kalau perlu kepada Air Asia untuk beroperasi di laluan-laluan perkhidmatan sosial seperti perkhidmatan udara luar bandar atau pendalaman.

Di Sabah dan Sarawak setelah mengambil kira kajian dan pertimbangan yang dibuat. Kerajaan berpandangan proses rasionalisasi ini serta kerjasama di antara MAS dan Air Asia dapat mempertingkatkan lagi daya saing kedua-dua syarikat penerbangan bukan sahaja di peringkat domestik tetapi juga di peringkat serantau dan antarabangsa. Sehubungan itu untuk mencapai hasrat kerajaan, kementerian ini akan memastikan proses rasionalisasi ini akan terus menjaga kepentingan dan memenuhi keperluan para pengguna.

Setakat ini bab *rationalization* kalau ada pertanyaan daripada Yang Berhormat, saya akan memberikan layanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang mana satu Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong, Kalabakan, ya, yang lain sila duduk...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, apabila menteri menjelaskan fasal struktur semula MAS dan Air Asia ini. Kita dapati banyak jawapan-jawapan yang tidak tepat kerana MAS dalam penerbangan domestik rugi, mahu diserahkan kepada Air Asia. Ini saya mengira *two plus two* sahaja, budak darjah enam pun boleh tahu. MAS rugi, Air Asia tidak dibenarkan naik tambang apa macam dia boleh untung? Kalau tidak ada bantuan daripada kerajaan.

Ini tidak masuk akal, mungkin Air Asia ini ada kepentingan-kepentingan pemimpin tertentu di dalam, kita tidak mahu soal. Ini mungkin sebab apa, menteri tadi kata, dia kata di luar bandar di mana yang perlu dibantu, Air Asia akan dibantu juga. Jadi di mana logiknya penukaran ini, MAS, Air Asia. Lambat laun MAS akan tutup Air Asia akan ambil seluruhnya. Inilah yang saya minta penjelasan yang sebenarnya kerana kita Tuan Yang di-Pertua tahu dua campur dua, empat, dua kali lima sepuluh. Tapi janganlah di seleweng dua campur dua jadi sepuluh kita tidak mahu. Ini minta penjelasan ini.

Dato' Sri Chan Kong Choy : Terima kasih Yang Berhormat, seperti saya sebutkan tadi. Air Asia boleh dapatkan keuntungan khususnya, sungguhpun *farenya* rendah, oleh sebab modal operasinya berlainan. Dia kosnya memang rendah, saya hendak bagi satu contoh di mana MAS satu sebuah pesawat 737 nombor *crew* kabinnya lima orang, di mana Air Asia tiga orang. Bila pesawat itu berhenti kerja untuk mengemaskan pesawat ini, di Air Asia tiga orang *crew* ini juga akan terus kerja mengemaskan kabin. Di mana MAS satu kumpulan dari darat akan naik tiga orang untuk membersihkan, mengemaskan kabin. Oleh sebab itu kos...lepas itu lah, ok...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi lagi Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy : Oleh sebab itu kos mengendalikan operasi syarikat tambang murah ini di seluruh dunia memang macam itu. Kos dia cukup rendah. Tetapi dia bergantung pada *volume*, *volume* dia mesti besar. Kalau *volume* dia tidak mencukupi, dia tidak boleh buat untung. *Volume* dia mesti besar, oleh sebab itu dalam operasi seumpama ini, Air Asia boleh buat keuntungan. Tetapi MAS kerana kosnya tinggi dan pada masa yang sama kita tidak membenarkan dia menaikkan tambangnya selama tiga belas tahun.

Oleh sebab itu, dia menghadapi kerugian kerana kedua-dua model ini adalah berlainan operasinya. Oleh sebab itu sebuah syarikat boleh laluan yang sama diberikan kepada sebuah syarikat di mana modalnya berlainan, tidak bermakna dia tidak boleh buat keuntungan. Inilah penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Dato' Menteri ini yang kita memperkatakan Dato'...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini hal orang Sarawak, ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran sila, yang lain sila duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sudah banyak kali cakap tidak payah lah, saya belum...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lepas Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya tidak tahu sama ada pihak kerajaan melihat *argument* wakil rakyat di sini. Ini yang kita katakan MAS harus mengurangkan kos operasi, *not necessary* kurangkan perkhidmatan bukan itu Dato'. Kos operasi, *you are saying* kos operasi *why can't*, kenapa tidak MAS lakukan itu. Potong harga nasi lemak RM60, bagilah RM5 punya nasi lemak.

Beberapa Ahli: [Menyampuk][Dewan riuh]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Dia punya kos yang tukang sapu itu daripada luar, ambillah dia punya pekerja sendiri. Kalau di dalam *airport* itu ada lapan orang, kurangkan, itu yang kita hendak. Kalau MAS yang lakukan itu, MAS juga boleh untung seperti Air Asia. *This is argument* Dato', kenapa menteri tidak nampak itu? Jadi kalau Air Asia, saya belum habis belum, [Beberapa ahli ketawa]. Saya menyangkal kenyataan Menteri bahawa, tambang tidak dinaikkan tetapi dinaikkan lebih hampir RM100 dalam bentuk yang lain.

Laluan Sabah, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur sudah dinaikkan hampir RM100 *for the past three years*, dalam bentuk *fuel charge*. *We are paying for the increase in the fuel prices*, mana ada cakap tidak pernah naik tambang. Kedua lagi, Air Asia pun tidak mahu tanggungjawab, Air Asia pun ada kata dia tidak boleh buat operasi yang '*roll-roll*' ini. Dia kata dia tidak ada *resources* dan tidak ada *experiences* untuk mengendalikan, *how do you see this?*

Dato' tidak boleh lepaskan tangan, tanggungjawab terhadap dua-dua syarikat untuk menentukan harga. Harga tambang tidak boleh dilepaskan, kerajaan harus monitor. Kita hendak melihat, hendak memastikan kedua-dua syarikat penerbangan ini untung dan dalam keadaan *win-win* terhadap mereka. Tetapi kita jangan lupa bahawa pengguna yang banyak, yang ramai ini cuba harus di *win-win* kan. Jangan lepas tangan Dato', kalau *this two* penerbangan kedua-dua penerbangan ini *joint forces* dan bekerjasama dalam bentuk yang besar dan menentukan tambang itu dalam keadaan mereka sendiri. Akhirnya nanti pengguna akan merasai implikasinya. Kalau kita mahu pastikan semua dua-dua ini untung, MAS dalam keadaannya begitu kos operasinya yang begitu besar yang sepatutnya boleh dikurangkan tetapi diteruskan, dan Air Asia juga bekerjasama dalam bentuk yang rapat dengan MAS. Mana ada soal *competition* lagi, tidak ada soal *competition*.

Kalau kita biarkan mereka menentukan harga tambang, akhirnya nanti kerajaan akan melihat rakyat menderita disebabkan oleh kenaikan kerjasama mereka ini.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua saya sambung dahulu Yang Amat Berhormat Menteri....

Dato' Sri Chan Kong Choy: Lepas ini Yang Berhormat, ya. Terima kasih Yang Berhormat, saya memang nampak *point-point* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Tetapi oleh sebab MAS adalah sebuah syarikat yang memberikan perkhidmatan premium, bukan kos, bukan LCC, dia bukan *low cost carrier*. Oleh sebab itu, dia kena menetapkan tahap perkhidmatan di satu tahap yang premium. Inilah perkhidmatan MAS, dia tidak boleh turunkan mutu perkhidmatannya sama dengan Air Asia, memang tidak boleh.

Selepas itu, sungguh pun kita akan memberikan kebebasan kepada kedua-dua buah syarikat untuk menentukan *fare* ataupun tambang dia. Tetapi kita terus akan pantau, kita terus akan monitor, di mana dia akan bertentangan dengan kepentingan rakyat, kita akan *intervene* juga. Ini saya akan memberikan jaminan di Dewan yang mulia ini pada hari ini. Kita akan pantau, kita akan monitor di mana kalau kedua-dua syarikat ini pakat untuk menaikkan *fare* dia dan ini akan bertentangan dengan kepentingan rakyat, kita akan *intervene*. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk, ya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, dua soalan. Pertamanya, selepas itu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, telah diperbesarkan, sekarang projeknya sudah hampir siap. Tetapi dia hampir siap, kenapa

MAS berhentikan penerbangan *direct flight* dari Kuching ke Perth, menghentikan *direct flight* dari Kuching ke Sydney.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Potong stimlah....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Menjadikan satu *international airport* yang tiada *international flight*, ini yang pertamanya. Keduanya, nantilah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain senyap yang lain....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Keduanya, itu *connecting flight* dari Sarawak ke Kuala Lumpur. Dulunya kalau orang mahu pergi keluar negeri...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Keluar tajuklah, Menteri tidak payah jawablah...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau keluar negeri mereka menggunakan *MAS airline*, kalau dari Sarawak ke Kuala Lumpur di tangguhkan, MAS akan memberi *free lodging, free food*. Sekarang kalau itu *connecting flight* di domestik *connecting flight* kalau di tangguhkan di *delay*, siapa akan menanggungkan itu *expenses*. Dan soalan ketiganya, tadi pemilik Air Asia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang lain sila diam...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat belum beritahu nama siapakah adalah pemilik Air Asia?

Beberapa Ahli: [Menyampuk][Dewan riuh]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu orang tempatan, Yang Berhormat kata orang tempatan adalah pemilik Air Asia. Tapi khabar anginnya yang saya terima adalah pemegang saham Air Asia adalah *son in law* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu saya mahu dapat satu *confirmation* atau *denial*. Saya mahu tahu adakah ini khabar angin yang benar?

Dato' Sri Chan Kong Choy : Cukuplah Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat kena habiskan jawabannya.

Dato' Sri Chan Kong Choy : Mengenai *equity structure* Air Asia saya telah pun memberikan jawapan sebentar tadi. Dan saya tidak mempunyai nama orang di sini tetapi kalau sekira saya boleh bagi jawapan secara bertulis kepada sesiapa Yang Berhormat hendak saya boleh bagi. Kerana Air Asia ini adalah *public listed company*, boleh *check* ini tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan.

Mengenai *flight* Kuching ke Perth ke Sydney ini, oleh sebab *loop factomya* terlalu rendah, terlalu rendah dan laluan ini menyebabkan MAS menghadapi begitu banyak kerugian, berjuta-juta ringgit. Maka MAS tiada pilihan lain supaya menutup laluan yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Tentang *claim* ini saya akan memberi perhatianlah. Saya tidak dapat jawab di sini, saya cukuplah *rationalization*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila duduk ahli-ahli yang lain sila duduk. Semua sila duduk

Dato' Sri Chan Kong Choy: Cukuplah *rationalization* ini, cukuplah perkara ini boleh dibangkitkan lagi semasa Rancangan Malaysia Kesembilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat duduk, sambung petang nanti menteri.

Dato' Sri Chan Kong Choy : Terima kasih..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini di tangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, sila sambung jawapan.

2.32 ptg.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Labuan mengenai matlamat *Low Cost Carrier Terminal* ataupun LCCT, untuk mengendalikan pesawat-pesawat syarikat penerbangan tambang murah dari seluruh rantau Asia. LCCT KLIA telah dibina untuk mengendalikan semua penerbangan tambang murah dari semua negara, dan tidak hanya dikhaskan kepada Air Asia Malaysia, Thailand dan Indonesia.

Dalam hubungan ini, kementerian sentiasa berusaha untuk menarik syarikat-syarikat penerbangan tambang murah dari negara-negara lain untuk beroperasi di LCCT KLIA. Bagi menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat bagi Sandakan mengenai projek menaik taraf Lapangan Terbang Sandakan, adalah dimaklumkan bahawa keluasan sedia ada bangunan Terminal Lapangan Terbang Sandakan tersebut.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sedikit, boleh?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Mengenai apa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: LCCT ini.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Hah, LCCT, okay!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Syabaslah kerana kita ada satu lagi terminal untuk kemudahan penumpang, tetapi sudah timbul masalah tentang 'ulat-ulat' ini yang mengambil kesempatan untuk bawa lari penumpang. Jadi, apakah pihak kementerian tidak melihat masalah yang berlaku di KLIA akan berulang pula dalam terminal yang baru ini. 'Ulat-ulat' yang akan mengambil kesempatan. Jadi, apakah tindakan pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya tidak ada gambaran, seolah-olah 'ulat-ulat' ini berkeliaran di mana-mana.

Jadi, kita sudah berbincang dahulu di Parlimen ini tentang masalah 'ulat-ulat' ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebelum pindaan Akta JPJ dilakukan pada hujung tahun lepas di Dewan yang mulia ini, dari segi perundangan memang ada banyak kekurangan sangat untuk mengambil tindakan mengenai ulat-ulat ini. Oleh kerana ini kita telah mengadakan pindaan terhadap Akta JPJ mengenai perkara ini dan saya hendak ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana sudi memberi sokongan dan akta ini baru digazet, ertinya mulai dari sekarang pihak kerajaan, pihak penguat kuasa boleh mengambil tindakan keras kepada 'ulat-ulat' yang berkenaan.

Dan, saya hendak memberi amaran keras kepada mereka yang menjalankan usaha atau perniagaan tanpa izin ini supaya kalau mereka ditangkap dan dibuktikan salah dari segi perundangan di mahkamah, mereka boleh menghadapi hukuman yang cukup berat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sambung sikit, Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya rasa dahulu timbul salah faham tentang monopoli pengangkutan awam, teksi, yang memang tidak dapat

dielakkan. Jadi, apakah di LCCT ini bahawa pihak kementerian akan mencadangkan supaya pengangkutan awam, teksi dan sebagainya terbuka. Memandangkan masalah subsidi yang telah ditarik balik oleh kerajaan ini kepada pengangkutan awam yang boleh menjejaskan perkhidmatan supaya teksi-teksi dari luar bebas keluar masuk. Apakah itu satu pendekatan yang dibuat ataupun kementerian akan memperkenalkan satu lagi sistem supaya tidak ada kesempatan, mungkin mereka ini timbul kerana mereka tidak dapat permit, tidak dapat kebenaran untuk mengangkut penumpang-penumpang ke sana. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Hah, terima kasih. Saya setuju ini adalah pandangan yang baik dan saya akan kemukakan kepada kementerian yang berkenaan. Ini tidak di bawah bidang tugas kementerian saya. LCCT ini, saya difahamkan sebanyak 600 lesen teksi baru telah pun dikeluarkan, dan teksi-teksi di bandar dibenarkan untuk mengangkut penumpang ke LCCT ini. Selain daripada itu, LCCT ini boleh disambung melalui kenderaan pengangkutan darat yang lain seperti bas dari beberapa tempat seperti Salak Tinggi, Nilai dan juga KL Sentral kepada LCCT.

Ertinya kemudahan darat yang menghubungkan LCCT dengan bandar Kuala Lumpur memang mencukupi dan harganya berpatutan. Misal kata, tambang bas dari LCCT ke KL Sentral cuma RM9 sahaja. Ini memang merupakan satu tambang yang cukup murah. Maka, dengan semua langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dan juga dengan penguatkuasaan yang mencukupi, saya yakin bahawa masalah ulat ini dapat ditangani.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa tanya soalan-soalan ini kerana nanti orang tanya saya sebagai wakil rakyat, saya tidak tahu hendak jawab. Malu saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik sedikit, pertama, hendak jaga kepentingan negara, Tuan Yang di-Pertua. Maaflah, saya terlajak.

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sikit, Yang Berhormat, kita tidak ada masa. Kalau dapat cepat sikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak tanya sikit pasal Air Asia, Tuan Yang di-Pertua jangan marah, ya. Ia syarikat *public listed*, betullah tetapi saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, kerana kerajaan tidak ada langsung *golden share* atau apa di dalam itu. Katalah, Tuan Yang di-Pertua, satu hari nanti ada orang yang berduit, dia beli saham syarikat itu dalam pasaran dan dia beli juga yang dalam syarikat itu punya dan dia boleh *control* Air Asia ini. Jadi, bagaimanakah cara kerajaan untuk menyekat perkara ini berlaku? Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana pasal yang ini kita takut, pasal saya nampak Air Asia ini pergerakannya lebih kurang macam *Virgin Air*, sistemnya. Penerbangan *Virgin Air*, ia macam itu, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Baik faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Warna merah apa semua. Ini satu. Bukan apa, saya boleh cerita pada orang.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, 'A.K.' itu *stand for what* Tuan Yang di-Pertua? Bila diumumkan MH, sekian, sekian-sekian, tetapi yang Air Asia ia kata, 'A.K.' Penerbangan 'A.K.' [Disampuk] Jadi, yang itu mereka minta saya tanya, Tuan Yang di-Pertua. Lagi satu apa, ya! Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Hah! Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, mereka minta saya tanya, tiketnya macam mana? Adakah hak yang *book* enam bulan – RM10, hak yang beli di kaunter lebih murah daripada MAS. Sekarang ini kalau saya hendak beli tiket di kaunter, Tuan Yang di-Pertua, hari penerbangan itu, harga tambang dari Alor Setar ke Kuala Lumpur tinggi daripada harga MAS tetapi kalau saya *book* enam bulan, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bayar dengan harga RM10.

Jadi, adakah bila Air Asia ini diberi laluan, ia pun buat sistem murah, murah – mahal, mahal, mahal. Macam itulah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, model operasi Air Asia ini memang mengikuti model LCC di dua negara seperti *Southwest Airlines*, *Rhine Air*, dan sebagainya. Ini memang model yang telah terbukti berjaya di negara-negara asing. Maka, Air Asia ikut sahajalah, model yang sama dan terbukti berjaya. Dan, sistem harga tambangnya sama juga, ikut model yang telah dijalankan sekian lama di luar negara ini.

'A.K.' ini adalah satu kod yang diberikan kepada *airline* oleh *International Civil Aviation Organization (ICAO)*, yang beribu pejabat di Montreal.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, 'A.K.' itu bukan *Ananda Krishnankah?*

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tidak, tidak. *[Ketawa]* Saya ingat cukuplah, Tuan Yang di-Pertua, tentang Air Asia, tentang *rationalization*. Saya rasa sudah cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Sri Chan Kong Choy: Sudah cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cuma saya tidak cukup lagi, sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah banyak, cukuplah tu, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Air Asia kalau kita *cancel flight* maknanya tiket kita hangus.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ini memang model *low cost carrier*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mana tahan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ia memang macam itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kadang-kadang, katalah kita hendak datang Parlimen,

Dato' Sri Chan Kong Choy: Kalau Yang Berhormat tidak boleh – bolehlah naik MAS, tidak payah naik Air Asia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Route* itu, MAS tidak ada. MAS tidak ada di kawasan itu, hanya Air Asia.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya akan sampaikan semua ini kepada pihak Air Asia untuk mempertingkatkan perkhidmatan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tolong Dato' ini orang minta saya tanya ini. Hangus macam itu tidak patut, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya, ya, okey. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *[Menyampuk]* Tentang Air Asia ini, Yang Berhormat. Air Asia ini sistem ...

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, cukuplah. Saya sudah beri ...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Satu sahaja lagi, satu, satu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi.....

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Sistem, ia punya *sitting*. Air Asia tidak pakai nombor.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Cukuplah, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri kata cukuplah.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Air Asia tidak pakai nombor. Ia tidak ada *seat allocation*. Jadi kita minta.....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Bangun]*

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ini memang model operasi LCC di seluruh dunia. Di seluruh dunia bukan di sini sahaja.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bas RM9.90 tambangnya. Saya difahamkan bahawa bas yang disiapkan ini pun kepunyaan Air Asia juga. *[Disampuk]* RM9.90! Jadi, kita ada pengangkutan awam, teksi ada 600. Kalau RM9.90, kita takut esok teksi-teksi yang ada ini akan gulung tikar.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tidak, tidak! Ini terpulang kepada pilihan rakyat, kita memberikan pilihan kepada rakyat. Ini kena adil kepada rakyat. Terima kasihlah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Berdasarkan kepada purata.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Penjelasan. Sikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Satu sahaja.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beri....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat..

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Belum jawab lagi.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Sudah cukup, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Belum jawab.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, sini.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada.....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Air Asia.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Sri Chan Kong Choy: Cukuplah, Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya belum tanya lagi.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya sudah beri cukup layanan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tetapi di sini tidak ada. Berkenaan dengan kerusi, berkenaan dengan kerusi.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Boleh bangkit lagi semasa kita bahas.....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sudah bangkit dalam ucapan saya tetapi tidak dijawab. *[Disampuk]* Nanti tidak payah jawablah Air Asia lagi. Satu, satu peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, duduk.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat, berdasarkan kepada purata....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya ucap dia tidak jawab lagi. Hah! Nanti ya, nanti ya.

Dato' Sri Chan Kong Choy: ... kadar pertumbuhan penumpang...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup dulu.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Cukuplah Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya minta sikit sahaja, satu sahaja, Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Dato' Sri Chan Kong Choy: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat, satu sahaja.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Cukuplah, Yang Berhormat sudah bangkit banyak soalan tadi. Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak, tidak. Saya minta satu sahaja sebab ...

Dato' Sri Chan Kong Choy: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ...ini tidak terjawab.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak, saya faham. Saya faham kedudukan Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya juga hendak bantu Yang Berhormat. Ini saya hendak beri bantuan kepada Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih saya ucapkan tetapi cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya minta satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat, duduk!

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya minta satu sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu sahaja. Sekali sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahululah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sekali sahaja.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat sudah bangkit....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Lepas itu saya tidak tanya lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk sekarang ini!

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya sudah beri cukup banyak layanan kepada Yang Berhormat tadi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sikit sahaja, lepas itu saya tidak sentuh lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak! Kemudianlah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya minta laluan sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk sekarang. Duduk dahulu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat, saya minta laluan sikit sahaja.

Seorang Ahli: Hormat, Tuan Yang di-Pertualah...

Dato' Sri Chan Kong Choy: Cukuplah, Yang Berhormat. Minta maaf. Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada purata kadar pertumbuhan penumpang sebanyak 15.3 peratus setahun, bangunan terminal ini hanya akan mencapai kapasitinya pada tahun 2012. Dari segi landasan pula, dengan kepanjangan 2,133 meter, landasan sedia ada dapat mengendalikan pesawat jenis Airbus 330. Oleh itu, pada masa terdekat ini Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk menaik taraf lapangan tersebut. Walau bagaimanapun kementerian ini dan Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) akan mengambil tindakan bersesuaian bagi meningkatkan keselesaan penumpang jika perlu dari masa ke semasa.

Mengenai pembaikan kerosakan *aerobridge* di lapangan terbang tersebut yang mengambil masa yang lama, kementerian akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan perkara ini tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab...

Tuan Yang di-Pertua: Lama lagi, Yang Berhormat? Berapa lama lagi?

Dato' Sri Chan Kong Choy: 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Bagi menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, Kementerian Pengangkutan sememangnya ada menerima cadangan dari sebuah syarikat untuk menjayakan projek pemeriksaan perubatan pemandu kenderaan komersial atau e-kesihatan. Ini bagi membolehkan masalah sijil kesihatan palsu yang dihadapi oleh Jabatan Pengangkutan Jalan diatasi kerana ia boleh membahayakan penumpang dan pengguna jalan raya yang lain. Syarikat tersebut adalah merupakan syarikat tempatan di mana ekuiti syarikat dipegang oleh individu dan syarikat tempatan. Sehingga ini permohonan tersebut masih dalam penelitian pihak kerajaan dan tiada sebarang keputusan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berkaitan hutang KTMB, itu adalah benar bahawa KTMB mempunyai hutang sebanyak RM880.5 juta dengan Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan yang diberikan kepadanya. Hutang tersebut adalah bertujuan untuk membiayai pembelian tren, komuter, *coach*, bogi dan pelaksanaan Y2K bagi sistem komputer KTMB menjelang tahun 2000.

Berhubung dengan pembelian 40 buah lokomotif, ia dibuat bagi kegunaan KTMB berdasarkan kepada keperluan operasi dan pembangunan KTMB dengan tujuan untuk menggantikan lokomotif KTMB yang telah lama. Ini adalah disebabkan kali terakhir KTMB membeli lokomotif ialah pada tahun 1986 iaitu sebanyak 26 buah, pada tahun 1992 sebanyak 12 buah dan pada tahun 1999 sebanyak 5 buah. Selain daripada itu, pembelian ini juga bertujuan untuk mengurangkan penggunaan lokomotif yang disewa daripada syarikat Indian Railway Construction (IRCON) di mana KTMB pernah menyewa di antara 20 hingga 30 buah lokomotif sebelum ini.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, lokomotif yang dibeli ini merupakan lokomotif berkuasa tinggi yang berupaya untuk menarik sehingga 40 buah gerabak setiap tren berbanding dengan 20 buah gerabak sebelum ini. Ini sekali gus meningkatkan produktiviti operasi tren KTMB. Selain daripada itu, melalui pembelian ini juga pengangkutan barangan KTMB akan kian berkembang juga dapat dipertingkatkan kapasitinya kerana lokomotif ini mempunyai beban gandar yang lebih tinggi iaitu 20 tan berbanding dengan 16 tan sebelum ini.

Yang Berhormat bagi Lipis pula membangkitkan pertanyaan mengenai tandas-tandas yang dibina di stesen-stesen LRT. Mengikut perancangan asal pembinaan stesen-stesen LRT STAR, tandas-tandas yang dibina di stesen-stesen tersebut adalah bagi kegunaan kakitangan LRT STAR sahaja. Memandangkan...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan berkenaan dengan KTM. Tuan Yang di-Pertua, saya ada membangkitkan mengenai *double track* dari Ipoh ke Padang Besar. Apakah keadaannya sekarang?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Sehingga saat ini, kerajaan masih tetap dengan keputusan yang telah diambil dua tahun yang lalu mengenai projek ini. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Minta izin

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya, Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini mengenai dengan tempat membeli tiket di stesen *commuter train* - ke dua belah stesen, sekarang ini sebelah sahaja. Adakah hendak dibuat di sebelah yang lagi satu itu untuk kemudahan?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan memberi perhatian kepada perkara ini. Pada masa ini, kemudahan tandas di stesen-stesen LRT STAR hanya dikhususkan untuk kegunaan kakitangan LRT sahaja. Operator LRT iaitu Rapid KL hanya akan membuka tandas tersebut sekiranya terdapat permintaan oleh pengguna dari masa ke semasa.

Bagi perkhidmatan Putra LRT, monorel, ERL dan komuter semua stesen dilengkapi kemudahan tandas untuk kegunaan pengguna. Walau bagaimanapun, atas kesedaran supaya kemudahan tandas juga disediakan kepada pengguna, syarikat Prasarana Negara Bhd. melalui Rapid KL sedang membuat perancangan bagi mempertingkat dan memperbaiki kemudahan-kemudahan yang terdapat di stesen-stesen LRT sedia ada dengan mengadakan kemudahan tandas untuk penumpang, kemudahan eskalator, lif dan rem untuk kegunaan orang kurang upaya.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan sedang dibuat untuk mengintegrasikan stesen monorel KL Sentral dengan Stesen Sentral Kuala Lumpur. Dalam hubungan ini kajian teknikal terperinci sedang dilaksanakan oleh syarikat KL Monorel System Sdn. Bhd. bagi membolehkan train monorel memasuki kompleks komersial yang akan dibina oleh UDA Holdings Sdn. Bhd. Kompleks yang dicadangkan itu akan berada berhampiran dengan stesen Sentral KL. Apabila siap kelak, sistem monorel akan diintegrasikan dengan kompleks komersial UDA dan juga Stesen KL Sentral.

Selaras dengan pengurangan subsidi minyak, fokus serta keutamaan kerajaan pada masa ini adalah bagi memperbaiki mutu perkhidmatan pengangkutan awam melalui pembiayaan projek-projek pengangkutan awam khususnya di Lembah Klang dan di tempat-

tempat di seluruh negara. Ini juga termasuk memperbaiki mutu perkhidmatan LRT dan monorel dengan mengadakan sistem integrasi rel berkenaan serta keperluan mengadakan sambungan jajaran sistem LRT dan KTMB Komuter di kawasan-kawasan tertentu yang memerlukan perkhidmatan LRT,

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Segambut, pada awal perancangan KTMB, stesen komuter di Segambut dibina di lokasi yang paling sesuai ketika itu mengikut jajaran landasan yang sedia ada. Namun demikian, apabila kawasan perumahan dibangunkan kemudiannya, ia terletak jauh sedikit stesen yang sedia ada.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Dato' Sri Chan Kong Choy: Bagi memberi kemudahan kepada pengguna atau penumpang yang tinggal jauh daripada stesen, KTM Komuter sedang bekerjasama dengan Rapid KL untuk mengadakan *feeder bus* dengan izin ke stesen KTM Komuter di Segambut. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai integrasi stesen-stesen LRT dan monorel ini, memang sekarang ini kita ada masalah integrasi di sekitar Lembah Klang dan saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kawasan-kawasan baru dengan kepadatan penduduknya terlalu ramai, bagaimana ataupun bilakah Kementerian Pengangkutan ini dapat mengadakan satu perancangan yang lebih teliti untuk membina LRT ataupun komuter ini di kawasan-kawasan di mana kepadatan penduduknya tinggi seperti kawasan saya di Puchong, Kelana Jaya ataupun kawasan-kawasan di Petaling Jaya ini.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah pun sebut tadi bahawa kita akan mengadakan sambungan jajaran sistem LRT dan juga KTM commuter supaya kawasan yang lebih luas dapat dibekalkan perkhidmatan ini.

Saya hendak merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Mengenai penyalahgunaan pesawat-pesawat Jabatan Penerbangan Awam (DCA) oleh Menteri ...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri menjawab tentang komen saya, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, walaupun saya sedar iaitu KTM *commuter* di Segambut sudah dibina, tetapi bolehkah pihak Kementerian Pengangkutan atau KTM menambah satu *halt* di Taman Sri Sinar sebab Taman Sri Sinar adalah kawasan perumahan baru dan ada lebih kurang 3,000 buah rumah. Kalau dapat diadakan, ini boleh membantu mengurangkan kesesakan kereta sebab ramai penduduk di sana sudah meminta saya dan menyeru pihak kerajaan menyemak perkara ini.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan ini kita akan ambil kira. Kita memang dari masa ke semasa berusaha mempertingkatkan sistem yang sedia ada ini. Jika sekiranya cadangan Yang Berhormat didapati perlu, kita akan melaksanakannya, tetapi kita akan menelitinya secara terperinci dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Sila gulung, Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor membangkitkan mengenai penyalahgunaan pesawat-pesawat DCA oleh menteri untuk menghadiri majlis-majlis yang tidak ada kaitan dengan tugas rasmi. Berkenaan ini, DCA telah pun menjalankan satu siasatan terperinci dan mendapati bahawa penyalahgunaan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini tidak wujud sama sekali. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Eh, belum lagi. DCA...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Road tax. Road tax* untuk teksi di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan DCA, saya pun ada bangkit perkara ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Road tax* untuk teksi di Sarawak.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tanya, tanya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Boleh saya tanya?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Dah sudah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Mana boleh? Saya dapat 10 minit untuk berucap. Lepas berucap tidak ada jawapan. Tidak ada guna langsung di sini, sudah berucap tidak dapat jawapan. *[Dewan riuh]* Feri Pulau Pinang pun tak jawab. DCA pun tak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh jawab secara bertulis.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu *road tax* untuk teksi di Sarawak yang empat kali ganda lebih mahal daripada teksi di sini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jawab secara bertulislah. Tidak apa.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: 4 Mac, 5 Mac. *Saturday, Sunday* Pulau Pinang pergi...

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya tidak sempat sentuh saya akan...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Itu tidak payah *mention*lah. Semua serupa punya.

Dato' Sri Chan Kong Choy:beri jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Mana boleh ini macam.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta menteri ...maaf. Saya minta Menteri Sains dan Inovasi untuk memberikan jawapan.

3.00 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Warga Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sangat terima kasih dan berbesar hati minat serta ke atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha-usaha, program dan inisiatif kementerian. Masa depan ekonomi negara Tuan Yang di-Pertua tidak lagi boleh bergantung hanya kepada industri atau ekonomi berasaskan pertanian dan juga kita tidak boleh hanya bergantung kepada industri yang berasaskan ekonomi semata-mata dan perlu kita mengorak langkah kepada satu industri ekonomi yang ketiga dan juga untuk meningkatkan lagi tambah dalam ekonomi pertanian dan meningkatkan lagi nilai tambah dalam ekonomi industri.

Ketiga-tiganya memerlukan satu usaha untuk menerapkan input saiz dan inovasi dalam negara kita. Usaha ini memerlukan minat dan gandingan semua. Saya insya-Allah Tuan Yang di-Pertua akan menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat berkaitan dengan kementerian ini sepanjang sesi perbahasan Titah Di-Raja yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin. Terima kasih. Menyentuh dengan cadangan penggunaan tenaga nuklear sebagai tenaga *alternatif* oleh Yang Berhormat Jerai dan Tangga Batu. Pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengucapkan ribuan terima kasih, sikap keprihatinan Yang Berhormat Jerai dan Tangga Batu dalam usaha kita menyelesaikan jana tenaga dalam suasana kos yang kian meningkat. Penjana kuasa elektrik daripada tenaga nuklear dalam dunia ini Tuan Yang di-Pertua, telah bermula pada tahun 1954. Pada penghujung tahun 2005 atau pun kira-kira 50 tahun kemudian terdapat di dunia 441 loji kuasa nuklear dengan jumlah keupayaan penjanaan sebenar sebanyak 381 ribu mega elektrik. Ini bermakna di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, kita menjana 20 ribu mega wat. Manakala dunia menjana 20 kali ganda apa yang di jana di negara kita dengan menggunakan tenaga nuklear yang beroperasi di 31 negara.

Tuan Yang di-Pertua loji-loji nuklear yang sedang beroperasi di dunia ini dianggarkan menyumbang kepada 70% daripada jumlah penjana kuasa elektrik di seluruh dunia pada tahun 2005. Berbanding dengan 39% bagi arang batu, 19% bagi kuasa hidro, 17% bagi gas asli dan 8% bagi minyak. Keadaan ini berbeza di negara kita di Malaysia, yang bergantung kepada gas asli 72%. Jumlah penjana elektrik negara dalam tahun 2003 dan 17% pula dalam arang batu, 7% pula hidro, 3% pula dalam minyak dan 1% bagi sumber tenaga lain termasuk tenaga suria.

Di atas isu dan sebab keselamatan radioaktif tumpuan penggunaan tenaga nuklear di Malaysia ditumpukan kepada penggunaan tenaga nuklear untuk tujuan keamanan. Di dalam bidang-bidang yang selain daripada penjana kuasa elektrik khususnya dalam bidang-bidang perubatan, perindustrian, pertanian dan pemeliharaan alam sekitar. Penggunaan seperti ini adalah lazim bagi kebanyakan negara membangun dan adalah berbeza dengan negara-negara maju yang juga antara yang penting tumpuan mereka kepada penggunaan tenaga nuklear untuk penjana kuasa tenaga elektrik termasuk di negara Jepun sendiri. Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT), agensi di bawah MOSTI memainkan peranan utama dalam menggalakkan penggunaan tenaga nuklear dalam bidang-bidang selain daripada penjana kuasa elektrik.

Selain daripada itu MINT juga masih memantau dan mengikuti perkembangan penggunaan tenaga nuklear untuk jana kuasa di dunia. Terutama Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan harga minyak kepada kebelakangan ini serta pelaksanaan *Kyoto Protoco* kepada konvensyen kerangka Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai perubahan cuaca yang tumpuan kepada Tuan Yang di-Pertua oleh negara maju, untuk juga sebahagian penjana digunakan dalam kuasa nuklear ialah kuasa nuklear kosnya hanya 25% di banding dengan harga kos penjana tenaga oleh sama ada arang batu atau pun gas.

Sehubungan dengan itu, di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sedang buat satu kajian komprehensif mengenai status pilihan tenaga nuklear untuk penjana elektrik pada masa hadapan. Namun demikian tumpuan utama kita mesti dahulu ke arah tenaga alternatif seperti hidro, matahari, angin dan biomass. Oleh sebab isu-isu keselamatan tenaga nuklear itu tidak boleh dipandang remeh dan tidak perlu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan sedikit Yang Amat Berhormat. Tadi Yang Amat Berhormat Menteri menyatakan bahawa kos 25% jadi bermaknanya agak lumayan untuk menggunakan nuklear. Jadi kajian akan dibuat agak-agak bila kajian....

Tuan Yang di-Pertua: 25% jika dibandingkan dengan gas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya dengan gas dengan batu arang dan sebagainya. Jadi bermaknanya 25% bermakna murahlah Tuan Yang di-Pertua. Apakah pihak kementerian bercadang atau pun kerajaan bercadang untuk kita halakan ke arah nuklear. Atau pun kita bimbang pihak barat akan kacau kita. Macam mana dia kacau Iran. Jadi yang ini kita hendak *clear*. Ini adalah maruah negara kita dan kalau kita hendak gunakan nuklear untuk tenaga, saya ingat ini tidak menjadikan masalah kerana ia menyelamatkan kos dan menguntungkan rakyat. Jadi berapa lama kajian ini dapat diselesaikan Yang Amat Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih sikap keprihatinan Yang Berhormat tentang isu tenaga yang amat penting di kalangan rakyat. Namun demikian kita tidak boleh menolak juga masalah keselamatan radioaktif. Ini perlu dikaji secara mendalam sebab satu negara yang kecil kita perlu berhati-hati sebelum kita menggunakan tenaga nuklear. Namun demikian kita mesti juga menyediakan seandainya katalah harga minyak sekarang hanya USD60 lebih satu tong. Tapi kalau ia meningkat sampai RM100 satu tong, kalau senario itu berlaku mungkin pada ketika itu kerajaan boleh menimbangkannya.

Tapi belumlah sampai masanya kerajaan menimbang untuk kita beralih kepada tenaga nuklear pada kali ini kerana isu-isu keselamatan itu amat penting diberikan tumpuan dahulu dan eloklah juga kita jana dahulu dengan kuasa-kuasa sumber-sumber tempatan seperti air. Kita dapati di Sabah, Sarawak masih lagi banyak tenaga hidro di sana yang keduanya tenaga suria. Mengapa tidak tenaga angin, mengapa tidak ...begitu juga tenaga dari segi biomass mengapa tidak. Saya nampak bahawa kenapa tidak biarlah kerajaan dahulu melihat *alternatif-alternatif* ini yang dianggap lebih selamat dahulu sebelum kita pergi sebagai dasar buat keputusan untuk beralih kepada penjana tenaga menggunakan kuasa nuklear.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh saya ingin membawa pula isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kudat mengenai dengan isu *biotech*. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kudat keprihatinan Yang Berhormat Kudat tentang isu *biotech*. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri besok beliau akan mengumumkan Rancangan Malaysia Kesembilan. Antara pertimbangan yang dalam persediaan itu ialah bahawa negara tidak boleh hanya lagi bergantung pada pertanian. Kalau pertanian Tuan Yang di-Pertua tidak boleh pertanian ala-ala lama. Mesti ala baru seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru ini. Menggunakan teknologi seperti *biotech* dan ICT memperbaharui pertanian kita.

Begitu juga dalam bidang industri Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh bergantung kepada isu *competitiveness* di negara kita, hanya upah murah sumber upah di negara kita. Kita mesti meningkatkan nilai tambah dalam industri kita yang Insya-Allah kalau boleh, teknologi yang asas kita sendiri. Yang ketiganya kita mesti jangan menolak bahawa dunia sudah mengorak langkah amat cepat sekali dalam bidang ekonomi yang baru, ekonomi yang ketiga di mana sumbernya bukan sumber upah yang murah, sumbernya bukan tenaga yang upah murah tetapi sumbernya satu ialah ilmu.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandangkan pembangunan ekonomi baru dalam bidang *biotech* ini amat penting sekali. Dan sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua untuk renungan kita bersama. Ahli Yang Berhormat yang mulia pada tahun 2003...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanti saya habis sikit saya jemput Yang Berhormat. 2003 harga pasaran dalam *biotech* di dunia hanya USD46.6. Itu pada tahun 2003. Pada 2010 tujuh tahun akan datang atau lima tahun daripada sekarang, ia akan meningkat kepada 1.76 trilion. Dalam jangka masa tujuh tahun, ia boleh 20 kali ganda dalam industri *biotech* yang baru ini. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasakan bahawa kita tidak boleh tinggal dalam industri *biotech* ini dan minat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dapat diterjemahkan oleh beliau sebagai peribadi. Di mana bukan sebagai Perdana Menteri sebagai peribadi beliau juga semasa beliau bercuti pada tahun 2004. Beliau sendiri menghadiri satu pameran seminar di San Francisco dalam bidang *biotech*. Itulah minat beliau secara peribadi dan juga sebagai dasar kerajaan. Untuk Malaysia jangan kita ketinggalan mari ayuh kita ke depan bersama-sama dengan dunia untuk membangun industri *biotech* negara.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Dato' Menteri. Saya hendak tanyalah kepada *forward looking* kementerian. Tetapi balik sedikit kepada soalan *knowledge workers* tadi. Saya hendak bawa Dato' kepada satu sejarah. Sejarah 'Silicon Valley' dengan sejarah 'Glennoble' di France. Sejarah 'Silicon Valley' dengan 'Glennoble' ini sama. 'The tailor man along the same line', di mana kita

warisi mengadakan MIC. Jadi 'Silicon Valley' itu menjadi satu lonjakan dan satu nuklear pembangunan ICT pada tahun 1990 an dan menjadi *very-very successful*. Oleh sebab dia kata dia punya level regime di Amerika. Tetapi 'Glennoble' fail walaupun bermula lebih awal daripada 'Silicon Valley' mempunyai kepakaran yang begitu elok. Sokongan daripada Jerman, Perancis dan sebagainya di seluruh Eropah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup masa Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kegagalannya ialah oleh sebab *the regime of level low* di Perancis hingga sekarang. Sekarang ada perubahan. *Level regime* kita hampir sama dengan Perancis. Jadi bagaimana pandangan Yang Amat Berhormat soalan *regime level* ini datangkan kesan yang begitu rupa kepada 'Glennoble' dan tindakan yang diambil oleh Amerika di mana betul-betul menggunakan kepakaran, kebijaksanaan dan *knowledge workers* dalam konteks penggunaan *human capital*.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Santubong. Sebab dulu Santubong wanita sekarang Santubong lelaki. Dahulu Yang Berhormat duduk di Parlimen lain. Batang Lupar. Batang Lupar beralih ke Santubong. Terima kasih Yang Berhormat. Benar apa yang Yang Berhormat nyatakan bahawa selain daripada *break and mortar* dengan izin. Kita tebang bukit, buat kolam. *The infra the break a mortar*. Tapi dalam pembinaan ekonomi yang ketiga, *third economic* ini, sudah lebih kepada ilmu. Dan eco sistemnya sendiri. Misalannya di Amerika antara yang Dato' Yang Berhormat katakan tadi memang benar. Ia bukan hanya ada *hardware* jalanraya, sekolah, bangunan semua sekali tetapi *complete ecosystem* yang penting ialah sumber dari segi ilmu tadi dan *knowledge basic*.

Yang kedua juga dari segi *the funding*, dana sama ada untuk membina hasil kajian itu *discovery work* dengan izin di bawa kepada pasaran. Sebab itu *the complete ecosystem* atau sistem yang meliputi daripada penajaan idea pada *discovery work* dan juga membawa produk-produk itu kepada pasaran hingga mendapat pasaran bukan tempatan di dunia. So benar kata Yang Berhormat, penting bukan sahaja *infrastructure* fizikalnya tetapi *the complete ecosystem* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat minta penjelasan Yang Berhormat. Tadi Yang Amat Berhormat bercakap fasal biotech kita jual harga trilion dan sebagainya tetapi Yang Amat Berhormat bercakap fasal teknologi moden pertanian dan sebagainya. Tetapi bagaimanakah kita hendak menterjemahkan biotech cara teknologi moden ini kepada petani-petani di Malaysia ini? Kita hanya mungkin boleh membayangkan. Jadi kita bermimpi. Kalau kita bermimpi, petani mengigau. Tidak tahu biotech macam mana dan adakah pihak kementerian telah membuat sesuatu dari segi sudut pertanian mempertingkatkan biotech atau pun teknologi moden. Kerana ok kerana generasi tua-tua ini, Tuan Yang di-Pertua, dia akan habis. 60-an orang duduk tanam ini semua buat pertanian.

Tetapi generasi muda dia *qualified people*. Dia berjaya dalam pendidikan dan mereka inilah harus kita suntikan teknologi moden dan biotech ini. Dan mungkin ini telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat dalam persidangan UMNO iaitu untuk memodenkan pertanian. Dan insya-Allah pada esok hari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membentangkan iaitu mempertingkatkan pertanian dalam negara kita ini. Jadi apakah tugas dan tanggungjawab kementerian Yang Berhormat untuk membuktikan biotech ini menjadi realiti dalam bidang pertanian. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat agak pakar sekarang dalam *biotech* ini dengan isu-isu semasa. Syabas dan terima kasih keprihatinan Yang Berhormat. Saya teringat Yang Berhormat hari itu ada buat sedikit cerita dalam Perhimpunan Agung UMNO. Saya tidak mahu menceritakan kembali kerana saya tidak ada kepakaran membuat cerita seperti Yang Berhormat. Itu menjadi suatu lipatan dalam sejarah dalam UMNO terhadap keupayaan dan kepakaran Yang Berhormat.

Memang benar kata Yang Berhormat, harapan kita tidak mahu hanya harapan ini mimpi menjadi igauan tengah hari. Memang itu semua sewajarnya yang kita rancang tetapi

tidak menjadi. Apa yang menjadi harapan ialah sudah semestinya luar bandar menjadi suatu kenyataan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu arahan dia kepada kita bahawa dasar *biotech* ini mesti meliputi semua, jangan tertentu sahaja. Sebab itu dahulu ada kita membuat suatu kawasan tertentu menjadi hanya kawasan itu *biotech*. Memang kita pakai contoh ICT. Pada mulanya kita buat kawasan Multimedia Super Karidor tetapi sudah berjaya fasa yang kedua, kita hendak seluruh negara pula mendapat penyertaan, mengecapi juga manfaat dari segi pembangunan negara dalam bidang ICT.

Biotech begitu juga, kita tidak mahu satu kawasan hanya dibangunkan industri *biotech*. Sebab itu diperkenalkan konsep *bionests*, jaringan semua kawasan-kawasan ada keupayaan untuk membina industri itu. Itu harapan kita.

Yang kedua Yang Berhormat, saya hendak membawa sedikit atau satu cerita kalau boleh sebagai contoh bukan cerita. Sebagai contoh Yang Berhormat ialah getah. Getah bukan satu benih pokok yang natural di negara kita. Getah ini bukan satu pokok penghasilan negara kita, hasil negara Brazil. Mengapa ia menjadi ladang yang besar Yang Berhormat?

Dia menjadi ladang yang besar pada ketika itu berlaku suatu perang dunia dan berlaku suatu permintaan tayar yang diperbuat daripada getah. Oleh kerana itu hiduplah industri ladang getah.

Begitu juga kelapa sawit Yang Berhormat, bukan suatu pokok yang orang kata *original* di negara kita. Tetapi ada suatu permintaan yang tidak boleh kita tepati ataupun *made a demand* dengan izin kerana kehendak dalam makanan untuk minyak, kita berjumpa sejenis pokok daripada negara Nigeria (pokok kelapa sawit) maka kita jadikan ladang kelapa sawit. Sebab itu senario ekonomi yang dahulu.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi ada suatu permintaan yang baru yang saya gunakan sebagai contoh tadi, 46 bilion *biotech* dalam bidang perubatan, kesihatan dalam 2003 tetapi melonjak hingga 20 kali ganda dalam masa enam tahun menjadi 1.76 trilion. Ini satu lagi permintaan yang besar dalam suatu ekonomi yang baru.

Mengapa tidak kalau dahulu kita ada alat katalah pokok *peremenkel* yang boleh dijadikan ubatan, mengapa tidak menjadi ladang peremenkel?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Atau Yang Berhormat kata tongkat ali sendiri – ladang tongkat ali ataupun pokok-pokok lain yang boleh kita jadikan hasilnya untuk permintaan dalam industri *biotech* dan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bermakna sampai masanya nanti sedikit saya hendak memperlempangkan. Saya akan bagi peluang kepada Yang Berhormat, bermakna kita perlu memperbaharui bidang pertanian kita. Mengapa hanya ita bergantung kepada getah dan kelapa sawit? Mengapa tidak kita fikir dengan bentuk jenis tanaman-tanaman yang baru dalam ala pertanian baru. Ini yang dimaksudkan, yang kami cuba menterjemahkan yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pertanian baru. Ini bermakna janganlah kita bergantung kalau dahulu hanya kelapa sawit dan getah sahaja tetapi mengapa tidak kepada jenis-jenis *plantation* yang baru sebagai contoh dan kalau itu boleh suatu kenyataan rancangan kita, bolehlah kita membawa juga industri ini kepada luar bandar.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin kembali semula kepada kepakaran atau tenaga ilmu, *knowledge workers* tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong.

Biotech valley ini memerlukan satu *anchor* dari segi pusat ilmu yang khusus, yang memang ada kaitan dengan bidang *biotech* ini. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, di universiti-universiti manakah yang telah dikenal pasti di dalam dan di luar negara juga sebagai *support knowledge university* kepada dasar *biotechnology* ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih soalan Yang Berhormat. Memang benar isu pembinaan harta intelek itu penting sama kita bina sendiri ataupun juga kita bawa keluar negara. Sebab apa dari segi membina industri yang penting pertama ialah kita punya *time to market* itu. Kementerian mencadangkan dua jalan atau dua kaedah.

Pertama kita bina hasil keupayaan kita dalam bidang kita membuat kajian R&D ini atau *discovery work* kita sendiri. Sebab itu ditubuhkan tiga pusat:

- (i) Institut Agro Biotech di MARDI iaitu yang kita bina sendiri,
- (ii) Institut *Genomiade dan Mology Molekul*, kita tempat di UKM dengan kepakaran semua orang tempatan; dan
- (iii) Institut *Pharmaceutical Neutaustical* yang kita letakkan dia di Pulau Pinang.

Kita tidak mahu membuat suatu kawasan fizikal yang baru kerana masa kita tebang bukit buat kolam sudah tiga atau empat tahun hasilnya pun tidak ada apa-apa. Mengapa tidak kita bina pusat-pusat kecemerlangan dari segi R & D ini atau buat kerja-kerja *discovery* ini, kita letakkan kepada pusat-pusat kecemerlangan yang ada dan kita bagi suntikan dana yang mencukupi dan juga kepakaran yang mencukupi.

Pada masa yang sama, seperti yang saya nyatakan kepada Yang Berhormat tadi, isu kita membawa produk itu *market* membina peluang pekerjaan secepat mungkin, kadang-kadang kalau kita hendak membuat sesuatu itu mengikut organik mungkin memakan masa yang panjang. Pada masa yang sama, kita juga menggalakkan pusat-pusat ini bekerjasama dengan Pusat Kecemerlangan *Biotech* Dunia. Kita telah berusaha dengan berbincang dengan MIT, dengan Stanford University, dengan Harvard University di Eropah, universiti di Jepun termasuk juga dengan China dan juga Pakistan sendiri.

Begitu jugalah kita hendak buat usaha sama dalam bidang untuk mencari penemuan-penemuan baru, perlu hanya kita tumpu kepada negara-negara yang maju sahaja. Tetapi jangan lupa kepada negara-negara yang kurang maju dan kurang juga dari segi kepakarannya. Itu jawapan saya kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua Yang Berhormat bangun.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, pakar *bio-tech*.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin mendapat penjelasan sebab Yang Berhormat Menteri ada menyatakan tentang *biotechnology* yang berkaitan dengan perubatan tadi. Apa yang saya perhatikan bahawa contohnya kalau kita lihat bahawa kita mempunyai tumbuhan-tumbuhan yang dikatakan mempunyai *medicinal value*, nilai-nilai yang boleh mengubat. Contohnya seperti tongkat ali dan juga kacip fatimah dan sebagainya.

Kita tahu bahawa bahan-bahan ini sudah kita kenali begitu lama. Tetapi Yang Berhormat Menteri sayangnya sehingga hari ini saya tidak lagi melihat bahawa bahan-bahan diinterpretasikan di dalam satu perubatan yang betul-betul mempunyai nilai yang boleh dibawa ke peringkat antarabangsa. Apa yang saya lihat ialah cuma nilai-nilai ubat-ubat ini menjadi ubat alternatif, boleh saya katakan perubatan tradisional, tidak boleh

dikatakan sebagai perubahan moden kerana tidak mempunyai tenaga pakar yang boleh membuat kajian-kajian yang setaraf dengan kajian antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup. Tolong ringkaskan.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Contohnya *clinical trials* nya sehingga hari ini saya tidak membaca di mana-mana sama ada tempatan ataupun antarabangsa bahan-bahan ini telah dilakukan kajian yang begitu terperinci. Saya hendak tanya satu lagi Yang Berhormat Menteri adakah koordinasi di antara Kementerian Pertanian dengan Kementerian Yang Berhormat Menteri tentang perkara tumbuh-tumbuhan yang ada *medicinal value* ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat bermula dengan industri ini. Yang Berhormat sedia maklum apa Yang Berhormat kata benar. Sebab itu tumpuan kita Yang Berhormat, insya-Allah akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat esok ialah bukan sahaja dana kita kepada membuat kajian sahaja.

Hasilnya nanti apa yang kita lihat bahawa kajian itu tinggal di makmal sahaja tetapi tidak ada dana untuk bawa dipasaran seperti untuk *clinical trial*. Kalau Yang Berhormat nyatakan tadi katalah tumbuhan seperti *clinical trial* seperti *perevenkal*. Hendak buat *clinical trial* 1, 2, 3 kos yang besar dan ongkos yang besar dan oleh kerana itu pada ketika ini tidak ada dana untuk kita membiayai satu usahawan tempatan untuk membuat *clinical trial*. Yang Berhormat sedia maklum kos *clinical trial* bukan kecil. Lepas itu kos hendak buat paten bukan kecil. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengumumkan beberapa perubahan dasar, isu apa Yang Berhormat katakan tadi, insya-Allah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit Dato'.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Penjelasan. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit Dato'. Tadi Yang Berhormat cakap tentang pokok getah dan begitu juga kelapa sawit, memang betul. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat kita kena ingat bahawa hari ini negara kita mengimport berbilion ringgit bahan makanan dari segi pertanian, buah-buahan dan sebagainya. Apakah *bio-tech* ini telah ataupun *modern technology* ini telah kita serapkan kerana hari ini saya tidak nampak macam padi.

Kita kata hendak tanam satu hektar untuk 10 tan tetapi apakah kajian daripada pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dari segi hendak mempertingkatkan selain daripada mencari benih padi yang elok dan perairan yang terbaik. Apakah pihak kementerian boleh mempergunakan selain daripada getah yang kita tahu dan kelapa sawit.

Dari segi makanan ini, kalau kita *biotech*, tetapi dia tidak boleh diterjemahkan kepada realiti dari segi makanan, sayur-sayuran dan buah-buahan. Ini akan mungkin merugikan kita. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak mengumumkan esok, kita tunggu dan yang sudah buat macam mana termasuk tongkat ali ini. Adakah paten dia ini telah diambil oleh Amerika Syarikat ataupun paten dia masih dipegang oleh negara kita kerana tongkat ali Yang Berhormat, ada di Malaysia ini sahaja, di Gunung Jerai banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat nyatakan itu ada kebenarannya. Sebab itu seperti soalan Yang Berhormat bagi Gombak tadi, bahawa perlu ada suatu usaha sama penyatuan usaha antara

Kementerian MOSTI yang boleh membina atau membawa teknologi tempatan dan menganjurkan kementerian yang menjagakan sektor itu. Sebab itu saya dengan Menteri Pertanian bersetuju untuk menubuhkan suatu kerjasama di antara dua kementerian di mana kedua-dua KSU Kementerian akan berjumpa sekurang-kurang sebulan sekali untuk melihat bagaimana menggunakan teknologi untuk memodenkan pertanian.

Sebagai contoh untuk MARDI diminta baru-baru ini oleh Kabinet untuk menambahkan *yield* untuk padi kita. Mengapa hasil padi kita kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, negara kita amat kurang dari segi prestasi keluarannya dari segi *yield* dia. Ini di antara juga usaha yang mana dana telah diluluskan oleh kementerian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan Yang Berhormat, sedikit sahaja, boleh?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sudah hendak habis itu insya-Allah akan jadi juga harapan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat juga menyedari bahawa pada suatu ketika negara China telah berjaya mengeksploitasi iaitu *biotechnology* dalam perubatan dan sehingga perubatan tradisional itu mereka telah tukarkan kepada teknologi bio. Pada hari ini India telah menjadi sebuah negara yang telah bersaing dengan China berhubung dengan pengeluaran *biotechnology* ini.

Apakah perancangan kementerian Yang Berhormat dalam negara kita melalui Rancangan Malaysia Kesembilan ini adakah kita akan memfokuskan produksi kita dalam bahagian *biotechnology* ini ke arah mencapai sasaran sebab kita mempunyai banyak bahan-bahan yang berpotensi untuk diperkembangkan dan kita kekurangan dari segi kewangan. Inilah yang menghambat kita sebab kewangan tidak ada sehingga R&D pun sedikit sahaja.

Kalau R&D *investment* tidak banyak, macam juga pemancing, kalau kail kecil maka dapat ikan kecillah. Kalau kail dia panjang, dapat ikan besar. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Benar apa Yang Berhormat nyatakan bahawa kita kena melihat bagaimana prestasi dan kemajuan negara lain seperti China dan India jangan hanya kita melihat negara Barat sahaja tetapi tunggulah Yang Berhormat isu dana itu tunggulah yang akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri esok. Nanti insya-Allah apabila saya menggulung pula dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan, saya ulas lagi secara mendalam apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Mambong, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin kembali kepada *biotechnical system* ini. Daripada peringkat penemuan iaitu *discovery* hingga ianya sampai ke *market*. Di Amerika Syarikat sahaja kalau kita lihat *biotech draft discovery process*, ia memakan masa lebih 10 tahun daripada *clinical trial* hingga ke *clinical trial phase 1, phase 2, phase 3 dan FDA review*. Lepas itu *marketing*.

Ini memakan masa lebih 10 tahun. Apabila ia memakan masa lebih 10 tahun, kita memerlukan dana. Kalau kita lihat di Amerika Syarikat, dana yang pertama yang dia boleh dapat adalah daripada *public offering*. *Public offering* adalah 30%, lepas itu ada lagi dana *financing* dari *public* juga tetapi ianya berlainan daripada *public offering*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ini 40%. Adakah strategi kita untuk memajukan *biotech* ini mengikut cara Amerika Syarikat dan juga di Australia pun sama juga, dia buat begitu. Apakah cara kita untuk mendapat dana.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan permohonan Yang Berhormat sejumlah RM200 ribu tetapi setakat ini Yang Berhormat belum lagi menulis kepada saya. Kalaulah Yang Berhormat betul-betul minat marilah kita jayakan apa yang Yang Berhormat cuba usahakan itu sebagai satu contoh daripada kalangan kita sendiri dalam isu menerokai bidang *bio-tech*.

Benar kata Yang Berhormat dalam ekonomi yang berasaskan ilmu risikonya amat tinggi sekali. Satu, masanya yang panjang dan keduanya dari segi risiko teknologi yang kita ambil dari makmal itu tidak semestinya boleh menjadi produk yang berjaya dalam pasaran kena '*trial*' satu, dua, tiga lepas itu pula daripada *demand* daripada pasaran itu sendiri. Yang tiga juga dananya amat besar sekali. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengumumkan beberapa strategi untuk kita mengatasi bagaimana *issue to market* dari segi masa yang panjang, dari segi risiko teknologinya, dari segi risiko kewangan.

Orang yang melabur dalam bidang *plantation* dia ada beli ruangnya ada tanah ada hartanya dan yang melabur dalam hartanah dia boleh buat rumah ada nampak rumahnya, yang buat kilang ada kilangnya. Tetapi dalam *bio-tech* tidak begitu nampak. Semuanya banyak harta-hartanya tidak fizikal sebab itu kita perlu ada satu kaedah mengurangkan risiko dari segi pelaburan teknologi dari segi masa dan dari segi risiko kewangan. Insha-Allah tunggulah Yang Berhormat esok akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Tuan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya beralih kepada isu ICT telah saya jawab panjang lebar semasa beberapa di sini namun demikian saya sentuh satu dua perkara tentang isu dana. Ini juga yang dinyatakan katanya sama produk seperti ICT, produk ekonomi yang berasaskan ilmu ini memerlukan dana yang besar. Sebab itu kerajaan telah meluluskan beberapa dana seperti *MSC Ventures 1* dikeluarkan sehingga Februari 2006 sejumlah RM150 juta, dana yang diuruskan oleh *Malaysian Venture Capital Management Berhad (MAVCAP)* dahulu bermula dengan RM300 juta sekarang dinaikkan sampai RM800 juta, lepas itu di bawah Kementerian juga ada MSC R&D, di bawah projek STAR pun ada RM150 juta. Juga dari segi Pembangunan Usahawan sendiri ada kerjasama kita dengan MARA, kerjasama dengan Kementerian Perusahaan Awam dan juga dengan konsep-konsep pembangunan yang menggunakan skim inkubator untuk menjana usahawan tempatan juga menjadi dasar strategi pelaksanaan Kementerian. Sekarang saya beralih kepada

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Menteri satu sahaja soalan. Kadang-kadang manusia ini ada banyak duit tetapi dia tidak ada idea. Yang ada idea tetapi tidak ada duit. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan banyak dana yang ada di bawah jagaan dan pengawasan Kementerian Yang Berhormat. Setakat ini berapa banyak sudah Kementerian Yang Berhormat mempatenkan ataupun telah membangunkan usahawan-usahawan dari segi penciptaan sains teknologi dan penciptaan benda-benda yang baru.

Ada juga orang mengatakan bahawa agak sukar mungkin kadang-kadang pegawai-pegawai di Kementerian Yang Berhormat tidak memahami dan tidak mahu memahami cara-cara. Orang ini kadang-kadang dia jual idea keluar kerana dia tidak dapat di dalam negara kita kerana ia memakan masa dan banyak wang untuk menyiapkan sesuatu daya pemikiran. Begitu juga kajian-kajian R&D yang dibuat di universiti. Benda ini kadang-kadang ter bengkalai di pertengahan jalan kerana tidak dapat diteruskan disebabkan kewangan dan mungkin kita tidak memahami apa yang dikehendaki oleh pemikir yang membuat benda-benda itu. Jadi bagaimanakah pihak Yang Berhormat bagi mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Memang benar apa Yang Berhormat nyatakan prestasi kita menterjemahkan apa yang kita jana dalam ilmu di universiti atau di institusi tidak satu pada kadar yang membanggakan kira-kira 80% sahaja. Kementerian merasakan ini merupakan satu pelaburan yang memerlukan pulangan yang lebih. Izinkanlah saya mengatakan tunggu pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri esok. Ada perubahan dasar dibuat dalam isu ini. Sedikit sebanyak boleh dinyatakan bahawa perlu beri tumpuan bukan sahaja kepada kerja-kerja pengajian buat *research* tetapi dana juga perlu diadakan untuk membawa pengajian itu kepada pasaran.

Kalau dahulu dana yang ada menumpukan hanya untuk *research* sahaja sebab itu seperti Yang Berhormat nyatakan tadi ia terlekat dan tersangkut di makmal sebab tidak ada dana untuk dibawa ke pasaran kerana membawa dana ke pasaran risikonya amat tinggi seperti risiko teknologi. Ditunjukkan di *test* tiub warna biru ke merah ke mana ada orang yakin. Yang keduanya pula risiko pelaburan. Orang yang hendak melabur RM2 atau RM3 juta dia pening kepala. Kalau beli tanah dia melabur, nampak ada geran tetapi ini mana ada geran dalam *test* tiub sahaja. Yang ketiga, masa seperti Yang Berhormat katakan tadi, mungkin 7 tahun atau 8 tahun dia mungkin tidak boleh menunggu. Sebab itulah apa yang diputuskan nanti yang diumumkan esok mahu kena ada perubahan ini. Struktur bagaimana kita hendak membina membawa lebih banyak apa yang kita hasilkan di makmal kepada industri untuk membina peluang pekerjaan, peluang eksport untuk di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu sudah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong buat masa ini tidak ada. Dia kena balik ke klinik dia saya yakin atau isteri marah kepada dia. Saya telah ulangi secara mendalam kalau beliau perlu Yang Berhormat Kepong bolehlah memaklumkan kepada saya di mana saya boleh memberi jawapan bertulis. Dengan isu angkasawan yang Yang Berhormat Ipoh Barat pun banyak saya nyatakan di mana Yang Berhormat Ipoh Barat pun tidak ada pada masa ini. Kalau dia hendak berigauan untuk mengambil alih Ketua DAP tidak payahlah, memang tidak sampainya.

Saya sudah jawab kalau tidak ada orang tukang jawab daripada dia. Yang Berhormat Ipoh Barat saya boleh bagilah apa yang saya sediakan. Kalau secara lebih mendalam Yang Berhormat Ipoh Barat bolehlah menghubungi saya di mana saya boleh beri lebih *detail* lagi. Dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan dan saranan, insya-Allah akan menjadi panduan dan harapan kita untuk menjayakan usaha-usaha dan harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakyat Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang Kementerian Perusahaan, Perdagangan dan Komoditi. Yang Berhormat Menteri, sila.

3.36 ptg.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kelana Jaya, Mambong, Kinabatangan, Cameron Highlands, Jasin, Arau, Puchong, Sekijang, Jerai, Tanah Merah, Beluran, Sik dan Tenom yang membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Saya akan menjawab mengikut isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berkaitan dengan bio diesel telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kelana Jaya, Tanah Merah, Mambong, Kinabatangan, Cameron Highlands, Jasin, Arau, Puchong, Sekijang, Jerai dan Sik. Pertama sekali saya ingin menyentuh pertanyaan Yang Berhormat dari Kelana Jaya dan Yang Berhormat dari Tanah Merah mengenai status perancangan kerajaan dalam usaha untuk memulakan program adunan *bio-fuel* dan apakah R&D yang telah dijalankan supaya dapat dimulakan atau dapat dikomersialkan dengan secepat mungkin.

Sukacita saya memaklumkan bahawa pelan tindakan bagi program *bio-fuel* negara telah disediakan oleh kementerian saya melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Pelaksanaan perancangan yang telah digariskan sedang berjalan lancar. Mengikut perancangan yang ditetapkan penggunaan sukarela oleh agensi-agensi kerajaan telah pun dilaksanakan. Sebagai mana yang sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan program tersebut pada 21 Mac di Putrajaya. Program itu melibatkan 5 buah agensi kerajaan iaitu Kementerian saya, Kementerian Pertahanan, Jabatan Kerja Raya Selangor, Dewan Bandar raya Kuala Lumpur dan MPOB di mana sejumlah 105 buah kenderaan daripada agensi itu akan terlibat dalam program penggunaan *bio-fuel* itu secara sukarela.

Program ini akan dimulakan kepada kenderaan milik kerajaan di Putrajaya pada masa-masa akan datang. Jenama NVO diesel juga telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ia merujuk kepada adunan minyak sawit diproses dengan diesel petroleum. Pada peringkat awal NVO diesel yang akan digunakan di negara kita ialah adunan 5% *Refined Bleached* dan *Deodorised Palm Olein* iaitu RBDPO dan 95% diesel petroleum.

Pada masa sekarang minyak sawit diproses lain yang boleh digunakan iaitu *methyl ester* dari minyak sawit dan RBD *palm oil*. Dalam pada itu

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Santubong bangun. Beri jalan?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Saya cukup yakin bahawa Datuk dan kementerian Datuk sedar ada satu *argument* yang dibuat di peringkat di negara Amerika khususnya apabila penggunaan ataupun membuat bio-diesel ataupun *bio-fuel* ini dicadangkan menggunakan bahan makanan umpamanya di sini bahan makanan. *And then* kita *transfer product* daripada makanan ini kepada penggunaan kereta. Jadi, ini akhirnya akan merugikan kita juga kerana bahan makanan ditukar menjadi bahan makanan kereta. Jadi, kenapa kita tidak mencari benda alternatif yang tidak ada kena mengena dengan bahan makanan.

Macam di Amerika digunakan *grain* dan sebagainya. Ini mengurangkan pengeluaran bahan *grain* untuk makanan dan digunakan untuk petrol untuk bio-diesel *alternative power source*. Macam mana pandangan kementerian supaya kita jangan menekan 100% kepada soal penggunaan *palm oil* ini dan melihat juga pembangunan bahan-bahan lain. Sekarang sudah banyak, macam-macam bahan-bahan lain yang boleh ditanam. Di antara atau celah-celah pokok *palm oil* itu untuk ditukarkan menjadi *bio-fuel*. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang bagus. Sebenarnya kita tidak bercadang semua keluaran minyak sawit di Malaysia ini untuk digunakan sebagai bahan bakar atau bahan api. Tetapi sebab kita di antara negara-negara yang terbesar dalam pengeluaran minyak sawit ini adalah secara automatik akan menggunakan perkara ini sebab ia boleh *dual use*, dengan izin, sebagai bahan makanan dan juga bahan api. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak kementerian sedang dalam gubalan satu dasar untuk menghadkan beberapa berapa besar jumlah minyak sawit yang perlu kita gunakan untuk pakaian penahan api dan juga berapa yang kita akan tinggalkan sebagai bahan minyak makanan. Ini akan ditentukan oleh Jawatankuasa Kabinet yang dalam *competitiveness* di dalam industri sawit ini. Tidak lama lagi perkara ini akan diselesaikan kelak.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa bahan-bahan makanan tidak harus digunakan dengan sepenuhnya. Tetapi di negara-negara lain seperti di Amerika Syarikat sebenarnya mereka bukannya menggunakan *rapeseed oil* sepenuhnya tetapi mereka menggunakan bahan *used cooking oil* dan juga bahan-bahan berlemak dan sebagainya kerana yang penting bagi bio-diesel ialah pengeluaran *methyl ester*. Itu yang digunakan. Yang lainnya glycerin adalah kegunaan lain, itu sahaja. Tetapi kalau kita boleh

jual *palm oil* kita, CPO dengan harga yang lebih tinggi daripada harga *bio-diesel* kita seharusnya meneroka bahan-bahan yang lain.

Yang kedua, kita juga seharusnya melihat daripada pengeluaran *cellulosic ethanol* sebab ini boleh menggantikan petrol. Jadi *cellulosic ethanol* ini kita boleh buat daripada *cellulose* di batang-batang kelapa sawit. Jadi ini juga penting. Jangan kita hanya mementingkan *bio-diesel* sahaja sekarang, tetapi tidak melihat kegunaan petrol. Kita boleh menggantikan petrol dengan *cellulosic ethanol*. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yalah. Pandangan itu boleh diterima. Tetapi buat masa sekarang kita hanya gunakan minyak sawit kerana inilah sebagai satu minyak yang kita boleh keluarkan dengan cara kompetitif iaitu *volume* yang besar, tetapi masih dalam harga yang agak rendah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan. Pada masa ini Ahli-ahli Yang Berhormat, dasar *bio-fuel* negara yang disediakan oleh kementerian saya dengan kerjasama kementerian-kementerian, agensi kerajaan yang lain telah mendapat perakuan daripada Jawatankuasa Kabinet mengenai minyak sawit dan juga mendapatkan kelulusan Kabinet. Dasar *bio-fuel* negara telah pun dicetak dan diedarkan semasa pelancaran *Envo Diesel*.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan Yang Berhormat bagi Tanah Merah, R&D dalam bidang *bio-fuel* telah pun dimulakan oleh MPOB sejak tahun 80-an lagi. Walau bagaimanapun, penyelidikan terhadap penggunaan adunan minyak sawit dan diesel telah dimulakan pada tahun 2002. Sejumlah 16 kenderaan MPOB telah menggunakan adunan minyak sawit diproses dan diesel petroleum tanpa menghadapi sebarang masalah teknikal. Pada masa kini, program penyelidikan yang lebih mendalam serta melibatkan wakil industri petroleum dan pembuat enjin sedang dijalankan dan dijangka siap pada tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan Yang Berhormat bagi Tanah Merah juga menyentuh perkara mengenai pengkomersialan dan pasaran *bio-diesel*. Ingin saya memaklumkan bahawa MPOB sedang dalam proses mendirikan tiga loji komersial *bio-diesel* sawit iaitu *methyl ester* minyak sawit. Berdasarkan teknologi hasilan MPOP, ketiga-tiga loji berkenaan akan dioperasikan oleh tiga buah syarikat swasta iaitu *Carotino Sdn. Bhd.*, *Golden Hope Plantation* dan Kumpulan Fima. Mengikut perjanjian yang telah ditandatangani antara tiga buah syarikat tersebut dengan MPOB. Hasilan dari tiga buah loji ini, iaitu *bio-diesel* sawit kebanyakannya adalah untuk tujuan eksport.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, *bio-diesel* mempunyai permintaan yang besar terutamanya di negara-negara Eropah di mana harganya adalah tinggi. Pasaran dan penggunaan *methyl ester* berasaskan minyak sawi ataupun *rapeseed oil* telah lama berkembang di Eropah. Sehubungan dengan itu, minyak sawit sebagai minyak sayuran dan yang mapan atau *sustainable*, wajar dikomersialkan sebagai sumber untuk *methyl ester*.

Bagi pelaksanaan penggunaan *bio-fuel* di pasaran domestik pula, adunan 5% minyak sawit diproses dan 95% diesel petroleum pula akan dilaksanakan. Pada peringkat awal minyak sawit diproses yang akan digunakan adalah *define bleach* dan *deodorised palm olein* yang lebih murah daripada *methyl ester* minyak sawit. Dengan ini, pasaran tempatan juga akan mendapat manfaat dari program *bio-fuel* negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh pertanyaan Yang Berhormat bagi Mambong dan Yang Berhormat bagi Jasin mengenai sebab kerajaan hanya memperkenalkan satu adunan sahaja, iaitu adunan 5% minyak sawit dan 95% diesel. Seterusnya Yang Berhormat bagi Jasin telah mencadangkan supaya dijadikan 20% penggunaan kelapa sawit untuk *bio-diesel* iaitu B.20 berbanding dengan 5% pada asalnya.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, cadangan yang memperkenalkan adunan 5% minyak sawit diproses dan 95% diesel petroleum atau dikenali sebagai B.5 *Envo Diesel* adalah merupakan cadangan awal kerajaan. Melalui adunan B.5 iaitu kira-kira 500 tan metrik minyak sawit, diproses akan digunakan memandangkan jumlah penggunaan diesel petroleum negara adalah lebih kurang 10 juta tan metrik satu tahun. Penggunaan sejumlah

minyak sawit diproses tersebut dilihat sebagai strategi penstabilan harga minyak sawit negara. Ia juga merupakan rancangan kerajaan untuk memperkenalkan penggunaan *bio-fuel* dengan penambahan peratus minyak sawit diproses secara berperingkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kajian MPOB telah menunjukkan bahawa penggunaan adunan 5% didapati tiada masalah terhadap enjin kenderaan yang digunakannya. Sehubungan dengan itu, peratus adunan boleh dipertingkatkan jika didapati kesesuaian dan jaminan terhadap penggunaannya dapat dipastikan. Selain itu, Yang Berhormat bagi Mambong juga membangkitkan pertanyaan mengenai kebenaran kerajaan diberikan kepada hanya tiga buah syarikat untuk mengambil bahagian dalam pengusahaan *bio-diesel* dan seterusnya mencadangkan supaya melibatkan juga kontraktor Kelas F dalam pembangunan perusahaan berkenaan memandangkan peralatan untuk membuat *bio-diesel* adalah senang diperolehi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan bukan membenarkan dua atau tiga syarikat sahaja untuk mengambil bahagian di dalam perusahaan *bio-diesel* ini. Kerajaan telah meluluskan tujuh lesen untuk projek *bio-diesel* di negara kita dan pengusaha-pengusaha ini telah membuat pilihan sendiri untuk mengusahakan teknologi penghasilan *bio-diesel* yang akan digunakan oleh mereka. Kerajaan telah bersetuju.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Apa yang disebutkan oleh rakan saya, Yang Berhormat bagi Mambong kelmarin, kerana pada hari ini kita dapati bahawa di Amerika sudah ada terjual *blending machine* dengan izin, yang harganya RM1,000 lebih, RM2,000 untuk *manufacturing*, untuk mengeluarkan *bio-diesel*. Kita boleh lihat bahawa ini boleh juga membantu orang kampung. Kalau orang kampung kita boleh buat *bio-diesel* dengan harga yang begitu murah, ini boleh menambahkan pendapatan orang-orang kampung kita.

Adakah kerajaan boleh membantu soal ini? Hari ini yang kita buat, Yang Berhormat kata, lesen tujuh, lapan ini, ini kita buat yang besar-besar. RM20 juta, RM30 juta, RM50 juta. Itu *big players*. Yang kita hendakkan pada hari ini, kalau *small player* orang kampung ini menjadi pengeluar *bio-diesel* yang mana pada hari ini, peralatan sudah ada di Amerika. Kalau MPOB serius bab ini, hantarlah Yang Berhormat pegawai MPOB ini pergi Amerika, pergi tengok mesin, sama-sama kita sekali. Baru, harga dalam internet sudah ada. USD300 mesin untuk *blending bio-diesel*. Terima kasih Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Membuat bising]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, memang betul Yang Berhormat. Kalau kita hendak memperolehi mesin untuk *blending* atau mengeluarkan *bio-diesel* ini, ini memang boleh secara peringkat makmal, ini pun boleh dikeluarkan. Tetapi kita hendak satu hasil yang besar kerana kita hendak *economic of scale*, dengan izin dan sebab itulah, maka sistem-sistem yang kita gunakan, '*fractionation*' yang kita gunakan adalah untuk mesin yang besar atau jentera yang besar. Sebab itulah dia mahal sikit. Kalau kita hendak perolehi mesin yang murah, memang dapat, memang dapat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah Yang Berhormat sedikit?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Yang Berhormat, pepatah Melayu ada menyatakan, '*sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit*'. '*Batang penyapu lidi itu, kalau satu batang dia senang dipatah-patahkan*'. Tetapi kalau dikumpul, cuba kita tengok. Kalau satu kampung itu ada 50 orang, ada mesin sebegini. Darpada *small scale*, dia jadi *scale* yang besar. Ini dapat membantu orang kampung untuk menghasilkan *bio-diesel* secara besar-besaran. Tetapi kalau kita *depend*, bergantung dengan *big players* sahaja, seperti Yang Berhormat bagi Jasin kata dengan peruntukan berbilion-bilion, sampai bila kita dapat? Tetapi kalau kita fokus *on* pekebun-pekebun kecil yang ada kelapa sawit 15

ekar, 20 ekar, masing-masing ada mesin sebegini, mungkin kita boleh mendapat produksi *bio-diesel* yang banyak. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya. Yang Berhormat, kalau kita hendak gunakan *methyl ester* ini untuk *generators* umpamanya, saya buat satu contoh. Kalau kita hendak generator, statik mesin ya, *generator*, kita boleh. Kita boleh adun, hendak buat *methyl ester* pun boleh, hendak buat adunan B.5, B.10 pun boleh. Di peringkat kampung bolehlah kerana itu tidak terlibat *warranty* yang saya sebut tadi dalam kereta sebab jenama-jenama kereta yang kita gunakan, Toyotakah, Mercedeskah, dia kenalah ada *warranty*. Kalau minyak itu diadun tidak secara saintifik dengan tidak diberikan satu standard yang boleh diiktiraf boleh pihak pembuat kereta atau seperti Proton. Pembuat kereta kalau dia tidak ingin hendak mengiktirafkan minyak itu, dia tidak akan memberi *warranty*....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, kalau kita tidak ada keyakinan dengan pengeluaran kita sendiri, saya tidak tahulah kita menuju ke arah mana.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Itu bukan soal keyakinan. Maksud saya ialah kalau kita buat secara saintifik dengan sistem yang diiktirafkan, maka pihak kereta, pembuat enjin ini tidak ada apa-apa masalah. Dia memang akan beri *warranty* kepada enjin dan itu yang kita hendak. Kalau di *backyard* seumpamanya, untuk guna generator di *backyard* boleh. Mana-mana, macam mana pun boleh. Itu tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kebenaran kerajaan bukan membenarkan dua, tiga syarikat yang saya sebut tadi sebab kerajaan telah meluluskan tujuh lesen dan akan memberikan pelesenan ini, yang dapat lesen ini untuk menjalankan kilang-kilang mereka mengikut cara atau sistem yang diberi pengiktirafan daripada pihak yang import *bio-diesel* ini. Seumpamanya kalau kita hendak eksport ke Eropah, pihak Eropah mempunyai satu persatuan *bio-diesel* dan persatuan *bio-diesel* ini ada menentukan dia punya standard. Macam mana kalau *bio-diesel* hendak masuk ke Eropah ini, dia memang hendak capai standard tertentu.

Dan, kalaulah kita hendak eksport ke Eropah ini memanglah kita kena gunakan sistem-sistem yang diberi pengiktirafan oleh pihak Eropah ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Santubong bangun.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat apa yang menjadi satu kecurigaan di kalangan Ahli Parlimen ialah kita tidak mahu menubuh satu lagi jurusan apa yang dikatakan oligopoli ataupun empat, lima dan enam syarikat *monopolies* sesuatu industri. Jadi, soalnya orang kampung sebab biofuel, biodiesel ini mana-mana orang boleh buat. Mambong dengan saya boleh buat satu, daripada sekarang sudah boleh buat dengan murah sahaja, jadi sekarang kita boleh buat.

Soalnya, kita buat tadi macam buat Arab juga, jadi *illegal*. Jadi, itu soalan pelesenan ini. Adakah lesen ini nanti terbatas kepada yang tujuh ini sahaja ataupun kepada sesiapa sahaja yang hendak buat, yang kita hendak, bukan hendak eksport, kita hendak guna untuk lori kita sendiri, untuk generator kita sendiri, untuk dijual di kampung kita sendiri. Ini persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen ini, yang boleh, kelas F pun boleh buat, kata Mambong itu. Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, ini terpulang kepada *fixed stock*. *Fixed stock* maksud saya ialah apa bahan yang kita gunakan. Kalau kita hendak gunakan bahan minyak sawit ini kita kena tunggu macam yang saya sebutkan tadi satu dasar yang akan dikeluarkan atau satu polisi yang akan ditentukan oleh pihak jawatankuasa Kabinet yang menentukan *competitiveness* di industri sawit ini. Apabila kita sudah menentukan berapa peratus kita akan gunakan untuk *fuel* dan berapa peratus untuk minyak makanan barulah kita dapat bincang tentang berapa *players* dalam industri ini. Ini memang saya boleh buat jaminan di sini kita tidak akan hadkan kepada tujuh sahaja. Sebenarnya

sekarang saya difahamkan di MIDA, kita sudah terima 50 buah permohonan untuk mendirikan kilang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Arau pula bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sila.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]: Yang Berhormat, sekiranya kalau saya mampu hendak buka satu ladang jatropa, 10 ribu hektar dan saya akan keluarkan biodiesel saya sendiri, dan saya hendak jual ke luar negara, perlu atau tidak saya ada satu lesen daripada kementerian? Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Perlulah Yang Berhormat, perlu. Apabila Akta Biofuel Negara ini dibentangkan kepada Parlimen ini pada bulan Jun saya harap dapat siap dan pada masa itu kita akan wujudkan satu Akta Biofuel Negara. Pada masa itu, kita kenalah melesenkan pembuatan biofuel ini atau biodiesel ini.

Yang Berhormat, saya akan sebut jatropa ini sekejap masa lagi. Yang Berhormat bagi Cameron Highland juga menyentuh saranan Yang Berhormat iaitu kerajaan berusaha untuk memastikan pengeluaran biodiesel dengan kos yang lebih rendah daripada gergasi-gergasi biodiesel Asia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian memang menyokong cadangan berkenaan. Berkaitan dengan perkara ini, saya ingin menyatakan bahawa penubuhan tiga buah loji biodiesel berdasarkan teknologi hasilan MPOB adalah merupakan langkah pemangkin untuk memulakan industri biodiesel di negara. Sehubungan itu pengusaha-pengusaha biodiesel tempatan digalakkan untuk menggunakan teknologi tempatan yang boleh didapati dengan harga yang lebih *competitive*.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan berapakah syarikat-syarikat daripada bukan negara Barat yang *course* teknologi biodiesel ini murah dari segi pengeluarannya telah pun dimiliki ataupun JV dengan negara-negara di sini ataupun kita telah beli? Berapakah teknologi yang datang dari Barat setakat ini yang diluluskan oleh mungkin MIDA dan sebagainya.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat, buat masa sekarang yang kita tahu atau setahu kita pihak yang akan menggunakan teknologi-teknologi dari German, biasanya German pihak syarikat rugi yang sangat popular sebab dia satu syarikat yang besar dan cukup pengalamannya dan selain itu syarikat-syarikat adalah menggunakan teknologi yang dihasilkan MPOB.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penyertaan Yang Berhormat bagi Kinabatangan mengenai usaha kerajaan untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha pengeluaran biodiesel sawit sukacita saya memaklumkan bahawa kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) akan memajukan insentif-insentif yang sedia ada untuk projek-projek biodiesel. Dalam hubungan ini biodiesel adalah termasuk dalam senarai produk aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan layak ditimbangkan untuk taraf perintis atau elaun cukai pelaburan. Saya percaya dengan insentif-insentif tersebut di atas usaha kerajaan untuk melaksanakan biodiesel sawit bagi mengurangkan masalah kenaikan harga petrol dan diesel akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan cadangan Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Arau dan Yang Berhormat bagi Sik supaya menanam pokok jarak atau jatropha sebagai bahan alternatif untuk biodiesel. Sukalah saya memaklumkan bahawa kementerian saya melalui MPOB telah pun mengambil langkah awal dengan menjalankan kajian ke atas pokok jarak yang meliputi aspek kesesuaian dari segi spesies teknikal dan ekonomi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, biodiesel boleh juga dihasilkan daripada *rapeseed*, kacang soya dan bijirin lain selain daripada minyak sawit. Pengeluaran biodiesel daripada bijirin tersebut telah pun digunakan secara meluas di negara-negara maju sebagai sumber tenaga diperbaharui atau *renewal energy*.

Mengenai cadangan menggunakan tanaman jarak atau jatropha untuk pengeluaran biodiesel, hasil kajian awal MPOB mendapati minyak jatropha berpotensi sebagai bahan biodiesel. Kajian juga mendapati tanaman jatropha dapat menghasilkan sebanyak 36.1 peratus minyak dari biji keringnya. Penyelidikan pembajaan ke atas jatropha yang di integrasi dengan sawit akan dijalankan dalam pertengahan tahun ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada satu lawatan kerja ke India baru-baru ini, pihak MPOB telah secara prinsip akan bekerjasama dengan institut *Indian Institute of Scientific Research* dalam R&D terhadap tanaman jatropha ini. Ini bermakna kita ambil serius perkara ini dan kita akan mengadakan ujian yang sepenuhnya...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin, Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya! Sama ada jatropha ini sesuai atau tidak untuk berintegrasi dengan sawit. Sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan itu. Masalahnya saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat Menteri, MPOB ini Pusat Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia. Mengikut sejarahnya daripada dahulu sampai sekarang bagaimana yang kami kemukakan tadi tentang biodiesel untuk makluman Yang Berhormat Menteri, dia ini suka main besar-besar. Tidak ada satu pun yang dia buat setakat hari ini untuk petani-petani kecil ini. Biodiesel, kita ada yang kecil-kecil untuk pengusaha-pengusaha kecil orang kampung ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dia tidak hendak buat, dia tidak hendak buat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Betul, betul. Saja hendak menyusahkan rakyat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tidak langsung berjiwa rakyat. Jatropha ini yang saya kemukakan dan Yang Berhormat bagi Arau kemukakan bagaimana yang saya sudah beritahu, inilah tanaman orang kampung, tanaman orang Melayu, tanam, tinggal, tuai, sembilan bulan sudah berhasil. Negeri-negeri yang lain sudah berjalan jauh tetapi oleh kerana yang ini kemungkinan mainan untuk orang kecil MPOB tidak ambil berat, tidak pandang. Inilah yang hari ini kita musykil hari ini, jadi kita harus adakan penyelidikan-penyelidikan untuk kebun-kebun besar tetapi jangan lupa orang-orang kecil macam orang kampung saya ini, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ada Yang Berhormat bagi Arau hendak tambah pula?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]: Yang Berhormat, kajian ataupun lawatan yang telah dibuat kepada India itu baru-baru ini baguslah saya ingat oleh kerana kita pindah minda kita itu. Tetapi saya rasa tidak wajar sekiranya kita buat integrasi bersama-sama jatropha sama dengan kelapa sawit. Kelapa sawit *is a primary crops*, jangan kita pula sini pun salah sana pun salah. Biar kita buat jatropha adalah jatropha sahaja, jangan campur aduk. Pasal saya rasa, ini jatropha mungkin kita boleh buat satu lagi perbadanan untuk jatropha. Ini kerana saya rasa jatropha

perlu kita ambil berat sedikit *because* saya rasa, baja-baja yang kita masuk kepada tanah yang ditanam dengan kelapa sawit ini sudah banyak.

Selepas itu, daripada CPO itu kita ubah suai pula hendak jadi biodiesel menggunakan tenaga lagi. Walhal, *jatropha* ini kita buat macam Jasin kata, tanam, tunggu, tuai tetapi kalau kita letak sedikit baja saja dia lagi banyak, jadi macam Jasinlah. Jadi, daripada sini saya mengharapkan janganlah kita rugi masa dengan *integration* tetapi kita asingkan kalau hendak buat pun, dan saya rasa patut kita ada satu badan lain untuk *jatropha* ataupun alternatif *fuel*, dengan izin. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Itu pun diambil kira, saya ucapkan terima kasih tentang *suggestion* ini atau cadangan itu. Untuk uji *jatropha* ini, gunakan cara-cara yang pelbagai sebab itu kita baru minta MPOB bekerjasama dengan *Indian Institute of Scientific Research* ini. Dia orang tanam banyak di Gujarat, banyak *jatropha* di tanam di *province* itu, dan sebab itu kita kena bekerjasama dengan mereka untuk cari cara yang terbaik bagi negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh habiskan ucapan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh habiskan ucapan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, ya, sudah. Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan tanah, Rubber Research Institute di Sungai Buloh, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Walaupun terdapat cadangan untuk membangunkan tanah tersebut kerajaan akan mengkajinya terlebih dahulu dari segala aspek termasuk alam sekitar dan sosial, dan akan mengambil kira dalam meneliti cadangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Kerajaan tidak semestinya bersetuju dengan cadangan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak LGM atau Lembaga Getah Malaysia telah mencadangkan kepada kementerian bahawa pembangunan tanah itu perlu mencerminkan ciri-ciri sejarah industri getah di negara kita dan juga masa depan industri tersebut. Antara kemudahan yang dicadangkan oleh pihak LGM ialah Muzium Getah dan *rubber* dan *furniture material city* akan diwujudkan dalam pembangunan di masa akan datang.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat apa pula?

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Yang Berhormat Menteri, saya mendengar Lembaga Getah Malaysia ada menyediakan program penanaman getah di mana dari segi material lembaga memberi bantuan, tetapi dari segi *land development* pengusaha membayar sendiri. Pertanyaan saya adakah ini betul dan kalau betul dapatkah kementerian memikirkan memberi bantuan untuk *land clearing* oleh kerana kos untuk *land clearing* adalah agak tinggi dan di luar kemampuan tuan punya tanah.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Mengenai kemudahan yang pihak LGM boleh tolong dalam penanaman semula getah ini, saya mintalah Yang Berhormat kalau dapat berhubung dengan LGM, mereka pun ada pejabat di Sarawak dan dari sanalah saya rasa dapat segala program yang dijalankan oleh LGM ini boleh ditentukan dan maklumat diperoleh oleh Yang Berhormat. Mana-mana pihak yang kita boleh, kita tetap dalam bajet kita yang boleh tolong, kita akan terus berikan pertolongan yang sewajarnya. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada...

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pensiangan apa lagi? penghabisan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hanya satu soalan sahaja. Semalam saya terbaca surat khabar yang menunjukkan menteri telah menandatangani satu perjanjian mengenai dengan kenaf. *What is the potential, dengan izin, potential of kenaf to be planted as alternative plants in Malaysia? Thank you.*

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat kerana prihatin. Kenaf ini memang satu tanaman yang kita sekarang akan memperluaskan di tempat-tempat yang mana sesuai terutamanya di tempat tanah *breeze* di Kelantan dan di Terengganu sebab kita rasa tanaman kenaf ini boleh menjadikan sebagai tanaman alternatif bagi pekebun kecil yang sekarang terlibat dalam tanaman tembakau kerana tembakau ini kita hendak menghentikanlah kalau dapat di masa akan datang.

Oleh sebab itu, kita kenalah adakan satu tanaman baru dan kenaf ini sudah dikenal pasti oleh pihak MTEN sebagai satu tanaman yang sesuai, dan buat masa sekarang kita cubalah melancarkan satu *pengcommercialization* kenaf ini dengan satu syarikat milik pihak Itali dan juga pihak Malaysia, dan sama ada ini boleh diperluaskan kepada lain-lain kawasan, ini ditentukan oleh sama ada pembeli kerana kita wujudkan kerjasama syarikat ini untuk membeli kenaf yang ditanam oleh pihak pekebun kecil di Terengganu dan sebab itulah sebagai satu projek perintis.

Kalau dia berjaya kita akan memperluaskan modal ini kepada lain-lain kawasan. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ucapkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada pihak semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu dan memberikan pandangan, ulasan dan saranan kepada kementerian saya. Semua pandangan ini akan diambil kira dan saya akan menjamin kita akan teliti di mana sesuai kita akan menjadikannya sebagai dasar kementerian saya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, sekarang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya jemput Yang Berhormat Menteri sila.

4.21 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Dewan yang mulia ini pada kesempatan ini saya mengambil peluang untuk merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Penghargaan saya tujukan khusus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Bukit Emas, Putatan, Tanah Merah, Kuala Pilah, Ledang, Larut, Jasin, Lanang, Muar, Kelana Jaya, Sekijang, Pasir Puteh, Putrajaya, Permatang Pauh, Bera dan Pontian kerana telah mengambil berat kepentingan rakyat dan menyentuh isu-isu semasa yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam membahaskan usul tersebut.

Saya telah meneliti isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan mendapati sejumlah enam tajuk utama tetapi ini telah menyentuh banyak pandangan yang diterima. Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara individu malah akan merangkumkan kepada isu tertentu dan memberi jawapan secara terperinci. Saya berharap dengan cara ini akan lebih jelas penerangan dapat diberikan. Isu mengenai kenaikan harga barangan berikut kenaikan harga produk petroleum.

Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Bukit Emas, Putatan, Tanah Merah, Kuala Pilah, Ledang, Larut, Jasin, Lanang, Muar, Kelana Jaya, Sekijang, Pasir Puteh dan Putrajaya, Permatang Pauh dan Pontian, telah membangkitkan isu ini mengenai kenaikan harga barangan berikutan kenaikan harga produk petroleum.

Saya rakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu penting ini. Kementerian juga turut prihatin tentang kegusaran orang ramai khususnya golongan pengguna yang terpaksa memikul beban terhadap keupayaan

perbelanjaan berbelanja kerana kenaikan harga barangan di pasaran. Sejak pengumuman kenaikan harga petrol dan diesel dinaikkan 30 sen seliter dan LPG sebanyak 30 sen sekilogram, mulai 28 Februari 2006 telah dibuat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah memulakan pemantauan dan mengambil langkah tegas bagi membanteras kegiatan mengambil keuntungan oleh sesetengah para peniaga.

Kegiatan mencatat oleh golongan peniaga ini atas alasan berlakunya peningkatan kos disebabkan kenaikan harga bahan petroleum, pada pendapat kementerian adalah tidak wajar sama sekali. Kementerian telah menjalankan kajian dan membuat analisis tentang alasan para peniaga dan hasil daripada penemuan menunjukkan bahawa sebagai contoh, purata kos komponen bahana api dalam industri makanan hanyalah 1.5% dari jumlah perbelanjaan keseluruhannya. Di samping itu, *Rating Agency Malaysia* ataupun RAM, telah mengkaji 36 jenis industri berasaskan makanan dan mendapati hasil seperti berikut. Purata perbelanjaan sama ada bagi bahan api diesel atau bahan api industri adalah rendah kira-kira, 1.5% sahaja.

Komponen kegunaan bahan api berbeza mengikut industri, misalnya industri pengilangan tepung mencatat jumlah perbelanjaan terendah iaitu 0.1% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan, sementara industri pembuatan glukosa dan sirap glukosa mencatat kadar yang tertinggi iaitu sebanyak 5.1% dan keupayaan industri untuk menyerap kenaikan harga petrol bergantung kepada margin keuntungan dan jumlah kos penggunaan bahan api berbanding perbelanjaan keseluruhannya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Berdasarkan 36 industri makanan yang dikaji, hanya enam industri atau 16.7% mengalami margin keuntungan negatif. Di sini saya juga ingin mengatakan bahawa kementerian tidak bergantung semata-mata kepada kajian yang telah saya sebutkan sebentar tadi dan terus berusaha untuk memperoleh maklumat tambahan bagi memperjelaskan lagi tentang kenaikan harga barangan di pasaran. Contohnya kajian.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang antara yang menghargai kementerian Yang Berhormat menjalankan kajian-kajian terhadap kesan kenaikan minyak terhadap harga barang-barang kegunaan harian. Yang Berhormat Menteri, saya pernah membawa isu di Dewan yang mulia ini tentang bagaimana satu susu *Dutch Lady* yang digunakan secara harian, *perishable item* yang dijual di kedai-kedai 24 jam umpamanya *Seven Eleven* yang telah dinaikkan dari RM3.90 satu liter kepada RM4.20 dan ia pun telah mendapat liputan yang meluas.

Jadi, Yang Berhormat Menteri, cadangan saya ketika itu ialah untuk mengalihkan sedikit penjimatan daripada kos pengurangan subsidi petrol tadi ke arah penguatkuasaan di kementerian Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh menerima cadangan ini untuk dijadikan sebagai satu asas kepada penguatkuasaan itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya akan menjawab kerana saya rasa perkara ini akan menyentuh sambil saya menjawab beberapa isu seperti yang saya sebutkan tadi. Berhubung kait juga sekali gus dengan usaha kita untuk mempertingkatkan bidang penguatkuasaan. Memang saya akui perkara ini penting dan kita pun sedang mempertingkatkan, sudah pun dipertingkatkan daripada tahun yang lalu bila insiden kenaikan harga minyak kita pun sudah mengambil sebahagian besar pegawai-pegawai dan hampir pun selesai sebanyak 700 lebih anggota dia.

Saya akan terus menjawab, ada hubung kait sekali dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya ucapkan terima kasih di atas cadangan yang dibangkitkan tadi. Contohnya, berhubung kait dengan kajian ini.....

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:contohnya kajian yang dijalankan tentang operasi kedai-kedai kopi, mendapati bahawa kurang daripada 8% dibelanjakan untuk bekalan elektrik. Dengan yang demikian, kenaikan harga yang dilakukan secara mendadak oleh para peniaga atas barangan misalnya minuman dan makanan kegemaran ramai seperti teh tarik dan roti canai, atas alasan kenaikan harga bahan petroleum sebanyak 30% pada pendapat saya adalah tidak patut sama sekali. Hakikatnya orang ramai telah menerima beban yang tidak sepatutnya berlaku dan kerajaan prihatin terhadap keadaan ini yang menyusahkan rakyat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada hari pertama minyak dinaikkan 30 sen pada 28 hari bulan Februari yang lalu, Yang Berhormat berjanji bahawa harga barang-barang di Malaysia ini tidak akan naik. Itu janji daripada Kementerian Yang Berhormat bahawa pemantauan akan dibuat. Hari ini Yang Berhormat, rakyat di kampung-kampung di mana-mana sahaja, menderitai hasil daripada kenaikan harga minyak ini harga barang naik. Jadi mengharapkan bahawa harga barang tidak akan naik disebabkan minyak naik ini serupalah dengan kita mengatakan bahawa, '*boleh mengandungi perut jangan besar*' – itu analoginya.

Sekarang Yang Berhormat bermain dengan *figures*, bermain dengan angka-angka tetapi harga barang tetap naik di pasaran, tetap akan naik. Harga ayam sebagai contoh, harga ayam sekilo, sebelum harga minyak naik 30 sen, RM5.00 satu kilogram sekarang sudah RM6.00. Ada di bandar-bandar yang lain naik sampai RM6.50. Ini masalah yang dihadapi oleh rakyat. Rakyat tidak hendak dengar angka-angka itu, rakyat yang hadapi pada hari ini adalah kenaikan harga barang hasil daripada kenaikan harga minyak ini.

Ini suara rakyat, jadi pada saya setelah hampir satu bulan ini, harga minyak naik ini, Kementerian Yang Berhormat gagal untuk memastikan janji kerajaan bahawa rakyat tidak akan menderita di atas kenaikan harga barang. Itu isunya sekarang ini. Saya minta Yang Berhormat menjawab bagi memuaskan dan memastikan rakyat, esok setelah mendengar penjelasan Yang Berhormat, harga barang tidak naik dan rakyat tidak menderita di atas kenaikan harga barang ini, minta penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sejauh pengetahuan saya... terima kasih di atas penerangan Yang Berhormat yang dikatakan tadi, saya tidak berjanji untuk tidak menaikkan harga barangan, itu bukan bidang kuasa saya untuk menetapkan dan memberikan jaminan bahawa tidak akan ada kenaikan harga barangan. Dalam mukadimah yang saya sampaikan tadi, ada kenaikan pun. Saya akui di peringkat awal pun saya sudah katakan, tahun yang sudah pun saya sebutkan akan ada pihak-pihak peniaga mengambil kesempatan dalam keadaan tertentu bila barangan petroleum dinaikkan. Saya sudah katakan, contoh macam teh tarik, walhal komponen teh tarik kita tahu, gulanya dikawal, airnya kalau di Kelantan dinaikkan RM0.40, 1000 liter baru-baru ini.

Tapi itu pun RM0.40 tak lah 1000 liter yang dinaikkan itu, berapa gelas teh tarik yang kita boleh minum daripada 1000 liter. Itu yang saya katakan perkara ini akan saya menjurus kerana banyak apa yang disentuh oleh Kubang Kerian dan saya sebutkan tadi akan ada jawapan dia. Jadi kalau saya menjawab nanti akan berulang alik persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Hendak saya katakan bahawa Kementerian mengambil langkah-langkah, saya akan sebut langkah-langkah yang kita ambil bukan hanya di peringkat pasar malam, pasar tani, universiti, sekolah menengah. Kita akan berusaha memastikan bahawa keadaan ini boleh diatasi. Tapi dalam pada itu perundangan tidak mencukupi untuk memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku kenaikan harga. Umpama undang-undang kita letakkan, digantung orang kalau mengedar dadah, menghisap dadah tapi berlaku juga. '*Law or Loan*', dengan izin, *will not 100% secure that you can achieve what you have target* dengan izin.

Tapi dalam pada itu, selain daripada pasaran undang-undang, kita juga perlu memainkan peranan selaku pengguna kerana *market forces*, dengan izin, *you cannot*

challenge market forces. Kalau *market forces* yang ada, kita satu pengguna menggunakan bidang kuasa kita untuk tidak membeli barangan, yang kita tahu teh tarik, kita juga mampu membuatnya. Ataupun ada sesetengah tempat macam malam semalam yang kita keluar TV, kari kepala ikan di Kelantan RM45 ataupun di Terengganu. Terengganu RM45, di sebelah itu RM18, ada perbezaan dia. Kita selaku pengguna kita harus membuat perbandingan, tak akanlah kita selaku pengguna, semua hendak makan pun kita hanya bergantung kepada keputusan bila hendak buat. *I think* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai ketika pengguna kita harus dilonjakkan dengan kesedaran memainkan peranan yang penting.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: [Bangun].

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Bagi dekat dengan Kubang Kerian.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengikuti usaha bersungguh-sungguh Yang Berhormat di lapangan untuk memastikan bahawa barangan tidak naik dan asas-asas yang Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa komponen-komponen bahan bakar adalah begitu kecil peratusannya. Rakyat juga memerhati Yang Berhormat bahawa kenaikan harga minyak runcit adalah sekitar 20% manakala kenaikan harga minyak dunia tidak sampai 20%. Jadi kalau logik kerajaan pada rakyat, kita jangan naik banyak komponen, kita berkira bukan main dengan kalkulator kita, rakyat juga kira.

Harga minyak se tong tidak naik sebegitu banyak dan kenaikan 20% harga runcit ini adalah berpunca daripada anggaran bahawa ia akan naik kepada 70 dolar dan sebagainya se tong, tidak naik pun sampai begitu malah turun dan di lingkungan 60-an, *low sixties dolar* dengan izin sahaja beberapa minggu saja. Jadi adakah kerajaan kalau rakyat dipaksa untuk tengok trend peratusan jangan naik lebih pada trend yang dinaikkan oleh kerajaan, kerajaan juga perlu kaji trend kenaikan pasaran minyak dunia dan jangan melebihi trend itu.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Saya ingat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat adalah tidak tepat dari segi kenaikan harga minyak. Kalau Yang Berhormat bagi Tumpat meneliti kenaikan harga minyak, daripada mula 72, 73, 74, 86, sehinggalah 2003, 2004, 2005. 2004 sampai 2005, peningkatan dia dari USD36 satu tong dan pada 2005 yang lalu, satu ketika naik sehingga hampir USD70, peningkatan lebih daripada 50%. Dan peningkatan dia dalam satu tong, 69.7 cent per barrel.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Di peringkat antarabangsa, itu peningkatan yang kita tidak pernah jangka kerana kita tahu asas peningkatan harga minyak ini kalau kita dilihat daripada dulu *the best* yang kita guna ialah pada tahun 2002. Iaitu dalam lingkungan kapasiti sebenarnya hanyalah dalam lingkungan USD26, 30 setong. Tapi bila dia meningkat, peningkatan ini bukanlah di bawah kawalan kita. Pertama, *it is market forces* iaitu *demand and supply*. *Demand* dia pada tahun yang lalu, India dan China iaitu satu kuasa dunia ekonomi yang begitu meningkat mendadak sehingga peningkatan ekonomi 9.8%, satu rekod yang begitu tinggi, India juga ekonomi dia meningkat.

Dan di samping itu, dari segi *supply*, *supply* kita terbantut. Satu oleh kerana perang Iraq dengan Iran, satu ketika dahulu. Lepas itu, penaklukan Amerika Syarikat terhadap negara Iraq. Dan selepas itu *environment changes* yang berlaku iaitu Katrina di Mexico, pangkalan yang berlaku di mana ada pengeluaran minyak. Saya pada beberapa bulan yang lalu, kita nampak ancaman untuk hendak menghapuskan, hendak bom di Riyadh. Dia dalam satu hari USD3 meningkat, ancaman sahaja, spekulasi juga menjadi satu unsur peningkatan ini.

Ada penurunan, tapi Yang Berhormat tidak sedar, pada tahun yang lalu, kerajaan memberi jaminan daripada Julai sehingga Disember satu jumlah yang besar. Kalau dilihat daripada RM15 bilion peruntukan yang kita gunakan untuk perbelanjaan subsidi pada tahun 2004. Pada 2005 telah meningkat RM15.6 bilion, peningkatan yang begitu besar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta sikit penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Satu jumlah yang begitu besar dan peningkatan dia ialah hampir 45% daripada *development* kita punya bajet. *Development* untuk bajet *last year was only* RM33 bilion dengan izin *expenditure on* subsidi was RM15 bilion, *I think* dalam perhitungan kita kalau hendak mengurus kewangan negara, saya ingat tidaklah wajar sebahagian besar daripada hasil sama ada *tax, revenue* dividen yang kita perolehi daripada Petronas ataupun sumber lain daripada *tax*, semuanya kita salurkan kepada satu sektor sahaja iaitu subsidi kerana kita tahu implikasinya terbatas, tidaklah seluas seperti contohnya sektor-sektor yang lain. Kerana kita tahu pendidikan juga memerlukan kewangan yang besar. *To manage one university it cost the government almost RM800 to 900* dengan izin

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cakap Melayulah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: RM800, RM900 juta, jumlah yang begitu

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, minta sedikit penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: 30 universiti yang ada, berapa bilion kerajaan hendak belanja? Takkan kita dapat duit ini daripada hujan, tak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Kita faham, sana memang tidak akan faham walaupun Yang Berhormat terang tiga jam pun, itulah yang ada dalam *mindset* mereka. *[Ketawa]*

Yang Berhormat, dalam kita hendak mengatasi masalah kesempatan menaikkan harga barang, kita tahu Kementerian Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini kurang dari segi penguat kuasa yang ada. Sudah tentu perancangan akan dibuat untuk melantik kalangan tertentu untuk membantu penguat kuasa yang ada.

Saya hendak mintalah pada Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat bersetuju, sistem SMS. Kalau boleh Kementerian menggunakan sistem SMS ini untuk aduan, bagi nombor aduan letak di mana-mana kedai, restoran, di mana juga yang boleh orang buat aduan kepada pihak Kementerian. Sebagaimana Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang saya buat dulu di semua badan-badan kenderaan perdagangan ada nombor SMS.

Jadi orang nampak saja, kalau ada sesuatu yang hendak diadukan, mereka boleh terus telefon tapi mestilah cepat responsnya. Janganlah mereka dah buat aduan, lambat kita hendak maklum balas. Ini amat mustahak supaya senang, cepat orang buat aduan, kalau tidak lama-kelamaan hilang minat untuk orang buat aduan, akhirnya tidak ada tindakan ke atas pesalah-pesalah yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dalam masalah itu, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, saya menghargai pandangan Yang Berhormat bagi Larut. Memang pun Kementerian sudah pun melaksanakan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Larut. *Hotline* kita ada 1-800-886-800, SMS kita 36663, malahan SMS ini berfungsi, *hotline* yang kita adakan berfungsi 24 jam. Tapi yang saya dapati, saya difahamkan bahawa *complaint* yang dilakukan dalam jangka masa yang tertentu dalam sebulan, hanyalah jumlah yang tidak begitu besar, iaitu dalam lingkungan 4,000 sahaja aduan. Dan saya berharap *hotline* yang kita ada sebutkan 1-800-886-800 dan juga SMS 36663 bukan hanya masyarakat, Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh memainkan peranan seperti apa yang dilakukan oleh rakan saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau boleh tambah sikit Yang Berhormat, kaunter di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu 24 jam, maknanya waktu makan pun dibuka mengikut syif bekerja. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, terima kasih, kita boleh ambil pandangan daripada Yang Berhormat. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya teruskan kerana saya dapati bahawa sambil saya ...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi ke?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Panjang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Dan saya teruskan tapi dalam pada itu mereka juga bangkit persoalan yang akan saya jawab nanti. Dalam usaha menstabilkan harga barangan di pasaran, kerajaan telah mengenakan kawalan ke atas 20 jenis barangan sepanjang masa. Dan daripada jumlah tersebut, 11 jenis kawalan dikawal ke atas harga secara pentadbiran. 6 daripada barangan tersebut adalah jenis makanan iaitu gula, tepung gandum, susu pekat manis, roti, ayam dan minyak masak. Kaedah kawalan secara pentadbiran ini dilakukan dengan kerjasama pengusaha atau pengeluar di mana harga barang-barang terlibat ditetapkan pada paras yang sesuai setelah diambil kira kos pengeluaran serta margin keuntungan kepada pengeluaran, pemborong dan peruncit.

Sebarang cadangan menaikkan harga selepas ianya ditetapkan perlu dirunding semula dan mendapat persetujuan kementerian. Sekiranya permohonan sebegini diterima, kementerian akan membuat pertimbangan yang teliti sebelum meluluskan sebarang perubahan harga. Kawalan secara menguatkuasakan undang-undang dilakukan pada masa-masa tertentu seperti hari-hari perayaan Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan juga Deepavali. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, kerajaan tidak mengenakan kawalan harga barangan lain dan ianya ditentukan oleh pasaran melalui kuasa bekalan dan permintaan.

Walaupun demikian, kerajaan Barisan Nasional mendukung inspirasi untuk tidak membebankan rakyat dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan kestabilan harga.

Beberapa langkah utama yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang. Pegawai-pegawai kementerian, penguatkuasaan secara tegas dan berterusan, Perintah Kawalan Harga, pindaan harga oleh penjual runcit 1993. Perintah ini yang mewajibkan penjual runcit mempamerkan tanda harga pada barangan jualan untuk membolehkan pengguna membuat perbandingan harga serta mengesan sebarang perubahan harga yang berlaku;
- (ii) pegawai-pegawai kementerian memantau harga 255 jenis barangan keperluan seharian di 63 pusat kutipan harga dan senarai 130 makanan dan minuman sedia masak meliputi restoran masakan Melayu, Cina, India pada setiap minggu. Siasatan lanjut dijalankan dan tindakan sewajarnya diambil sekiranya terdapat kenaikan harga dibuat tanpa justifikasi yang munasabah;
- (iii) pegawai-pegawai kementerian juga mengadakan perbincangan dengan pengilang, pengeluar dan pengimport, pengusaha *hyper market* dan pasar raya serta peruncit barangan keperluan bagi mendapatkan komitmen mereka untuk tidak menaikkan harga barangan masing-masing. Pendekatan ini didapati berkesan untuk mengawal harga harian dinaikkan seperti saya sebutkan *hyper market* pada hari ini sudah pun mengambil langkah-langkah bukan hanya tidak menaikkan

harga bahkan juga mereka memberi diskaun yang begitu besar dalam lingkungan 15-18% terhadap 1000 jenis barangan di setiap cawangan yang mereka adakan; dan

- (iv) kementerian telah mengambil langkah mengisytiharkan 21 jenis barangan kawalan sepanjang masa dan di samping itu 25 jenis barangan lagi dikawal pada musim perayaan. Bagi memastikan *compliance* dengan izin, 12 daripada 21 jenis barangan dikawal sepanjang masa adalah tertakluk kepada kawalan selain pelesenan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Penubuhan pasukan petugas khas pelbagai agensi bagi menangani isu kenaikan harga barangan di pelbagai peringkat terutamanya di peringkat negeri dan daerah. Pasukan ini dianggotai oleh agensi penguat kuasa yang menguatkuasakan pelbagai undang-undang seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen, Pihak Berkuasa Tempatan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), agensi-agensi ini bertindak secara bersepadu membanteras sebarang kes penipuan atau penyelewengan oleh peniaga-peniaga dengan tujuan menstabilkan bekalan barangan dan harga di pasaran. Kementerian bertindak untuk....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin berkongsi satu pengalaman dan minta penjelasan daripada pihak kementerian. Bukan kepada soal peningkatan harga kawalan barang. Ada satu kes, pelik sikit, tetapi benar. Dia begini, saya dapati di tempat saya itu ada lima pek minyak masak yang dijual pada kandungan satu kilogram satu pek. Tapi ada tiga minyak masak, ini dijual pada kuantiti 970 gram. Ada satu itu, 950 gram, dan satu lagi itu 940 gram.

Maknanya ada pengurangan kepada kuantiti. Itu pun belum jadi masalah kerana pembekal membekalkan yang 1 kilogram ini pada harga RM30.00 satu kanton. Dijual kepada pengguna pada harga RM2.00 satu bungkus. Yang dikurangkan secara sengaja ini, dijual kepada peruncit pada harga RM28.00. Maknanya walaupun dikurangkan kuantiti minyak, tetapi dijual pada harga yang lebih murah. Tetapi peniaga tetap menjual pada harga RM2.00. Maknanya pembekal tidaklah dikatakan penipu, tetapi peruncit mendapat faedah dari penjualan barang minyak yang kurang daripada yang sepatutnya. Jadi bagaimana kita memantau keadaan ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat daripada Muar. Sebenarnya, kita boleh ambil tindakan terhadap pihak peniaga kerana dia dengan izin, *under Trade Descriptions Act*. Adalah salah oleh sebab mereka mengambil, mendapatkan bekalan....

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat laporkan ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya? Mendapat bekalan minyak, nampaknya Tuan Yang di-Pertua hendakkan saya cepat sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Tak saya minta beliau buat laporanlah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Beliau buat laporan. Laporan dan saya ingat perkara ini kita boleh ambil tindakan tegas ya, dan saya berharap kalau ada tempat-tempat lain pun maklumkan dengan saya. Seperti rakan daripada Sarawak, Santubong pagi tadi, maklumkan dengan saya, saya terus beri arahan kepada pengarah. Petang tadi, ambil tindakan di kawasan yang beliau ada sebutkan, ada penyeludupan terhadap barangan gula itu tadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sekejap, sekejap. Barangan gula itu tadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini, saya berkesempatan bersama dengan Menteri untuk melawat, memantau harga barang di Kota Kinabalu. Memang benar, kuantiti sayur itu dia jual harga

yang sama. Tapi kuantiti dia, dia kasi kecil. Kalau dahulu, sayur RM1.00 lebih kurang begini Tuan Yang di-Pertua. [Menunjukkan dengan tangan] Sekarang tinggal begini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Serupa tadilah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi, saya nak tanya Menteri, apa sudah berlaku? Sudah mereka ubah ikut arahankah ataupun masih lagi di tahap yang sama sebab saya tidak berkesempatan balik minggu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya pun bawa sekali Yang Berhormat daripada Kinabatangan dan juga Keningau untuk memantau barangan ini dan kita dapati sambil kita melihat, saya sendiri akui bahawa waktu itu ikatan sayur kacang itu agak kecil berbanding dengan harga sebenarnya tidak berubah iaitu RM1.00 satu ikatan. Tapi oleh sebab ikatan dia kecil, dan kita telah bagi amaran.

Saya sendiri, Yang Berhormat pun dengar bagi amaran, kalau tidak kita akan mengambil tindakan. Selepas itu mereka mengikat dengan ikatan yang lebih besar. Saya harap akan berlangsung. Tapi Yang Berhormat pun tahu, semasa kita di luar pasar, harga ikatan sayur itu, RM1.00 ikatan dia kecil. Tapi bila saya dan Yang Berhormat masuk di dalam pasar itu, RM1.00 ikatan dia besar. Jadi itu yang saya katakan, pengguna kena buat penelitian. Memantau dahulu sama ada mana yang patut. Harga dia bila saya lihat, di tengah pasar itu dia jual sayur yang sama tapi ikatan dia lebih besar. Maknanya penjual ini berpatutan.

Saya yakin, kerana barangan sayuran adalah merupakan barangan *perishable* dengan izin. Satu barangan yang tak boleh disimpan lama, dia akan rosak. Kalau pembeli teliti dan tak membeli daripada orang-orang yang harga dia mahal, dan dia tidak akan mampu. Rugi dia lagi besar. Contohnya macam tadi disebut oleh pihak Yang Berhormat sama ada Kubang Kerian ataupun Tumpat? Harga ayam, apa yang dilaporkan tidak benar. Kerana harga ayam dah pun menurun di setengah-setengah tempat, kena demam kepialu, ayam ini. Ini yang telah menyebabkan penurunan harga. Tuan Yang di-Pertua, kementerian bertindak untuk memperkasakan pengguna dengan memperkenalkan konsep pengguna bijak.

Konsep ini dilaksanakan melalui beberapa kempen seperti 'belilah barangan harga rendah' dan 'berbelanja dengan bijak'. Bertujuan meningkatkan kesedaran golongan pengguna kepada hak dan perlindungan mereka sendiri. Kerajaan berharap dengan memperkasakan golongan pengguna, mereka akan lebih berilmu, celik hak dan boleh memainkan peranan berkesan sebagai pengguna. Kerajaan akan menyokong sepenuhnya sebarang usaha memartabatkan golongan pengguna supaya mereka terbela dan mendapat perlindungan sewajarnya.

Peranan pengguna juga penting untuk mencapai hasrat kerajaan dalam mengguna sumber yang ada dengan optimum dan tidak membazir di samping bekerjasama untuk membendung gejala negatif seperti pencatutan ataupun *profiteering*, dengan izin yang memberi kesan negatif kepada keadaan ekonomi negara. Kementerian telah menyediakan pelbagai saluran untuk memudahkan orang ramai menyampaikan aduan dan maklumat mengenai isu kenaikan harga di pasaran dan lain-lain perkara untuk mendapat perhatian dan tindakan. Saluran melalui telefon, *sms* dan *internet*, disediakan oleh selain orang ramai datang sendiri ke pejabat untuk membuat laporan. Maklumat mengenai saluran-saluran aduan juga disiarkan melalui media massa.

Di Dewan yang mulia ini juga, saya ingin memberi penerangan mengenai gambaran keadaan ekonomi, khususnya mengenai keadaan inflasi di dalam negara. Pada keseluruhannya, kadar inflasi tahun 2005 telah meningkat berbanding dengan tahun 2004. Peningkatan yang berlaku adalah di tahap yang terkawal. Contohnya bagi tempoh masa Januari hingga Disember tahun 2005. Kadar inflasi adalah 3% berbanding dengan 1.4% pada tempoh yang sama tahun 2004. Kadar inflasi ini dijangka akan meningkat pada tahun 2006.

Bank Negara Malaysia dalam laporan tahunan 2005, meramalkan kadar inflasi negara dijangka meningkat dengan unjuran indeks pengguna, IHP antara 3.5% hingga 4% tahun 2006. Namun demikian, prospek inflasi masih dalam keadaan tidak menentu akibat faktor luaran dan tekanan tolakan kos dalam negeri dan sebahagian daripada risiko kenaikan inflasi dalam negeri mungkin dapat dikurangkan melalui penambahbaikan struktur ekonomi Malaysia yang berterusan. Pengembangan kapasiti perniagaan dan peningkatan produktiviti yang berterusan akan meningkatkan potensi keluaran ekonomi dan membendung pengetatan pasaran bagi input faktor.

Tuan Yang di-Pertua: Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya ucapkan terima kasih kepada usaha kementerian dalam memberikan kesedaran kepada pengguna supaya bijak menggunakan wang masing-masing. Tetapi seperti yang disebutkan oleh Datuk Menteri itu tadi, bahawa kalau kita ada *enforcement*, ada penguatkuasaan, tetapi peniaga-peniaga ini bijak. Kalau dulu dia mungkin menjual RM1.00 sayur, mungkin dalam 10 pokok umpamanya. Kemudian untuk membolehkan dia untung, dia mungkin mengurangkan jumlahnya. Maknanya, nilai barang itu masih sama. Maknanya tidak ada kesan kepada *enforcement*.

Saya nak bertanya kepada kementerian, di samping itu yang penting kepada saya, ialah sikap peniaga ini. Kita perhatikan walaupun di mana kenaikan barang, harga berlaku sikit, tinggi rendah pada minyak dan sebagainya. Sikap peniaga ini dia sentiasa nak ambil untung. Maknanya pada mereka, tidak ada pun nilai-nilai kemanusiaan yang nak memikirkan kepentingan pengguna dan orang ramai. Yang penting kepada mereka walaupun harga minyak naik, yang tidak ada berkaitan dengan pengeluaran barang mereka, tetapi mereka menaikkan barang mereka. Apakah usaha yang dibuat oleh kerajaan, kementerian bagi memberikan kesedaran kepada peniaga ini, supaya mereka ini mempunyai pemikiran yang ikhlas? Bersifat kemanusiaan, berfikir bahawa mencari rezeki ini mesti hendak yang halal dan sebagainya. Apakah usaha bimbingan?

Tuan Yang di-Pertua: Baik-baik, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Kesedaran yang dibuat oleh kementerian kepada peniaga-peniaga ini? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya setuju dengan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat daripada Maran memang benar. Apa yang beliau katakan bahawa memang peniaga-peniaga setengah, bukan pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua. Ada sebahagian daripada mereka mengambil kesempatan di dalam keadaan bilamana kerajaan mengambil langkah-langkah seperti menaikkan harga petroleum, mereka juga menumpang untuk menaikkan harga barangan. Contohnya bila kita menaikkan harga minyak 30 sen, lepas itu besok pagi dia naikkan harga teh tarik, roti canai. Itu berlaku, dan kita dapati tindakan telah kita ambil terhadap mereka.

Tetapi dalam usaha untuk menyedarkan pihak peniaga ini, berbagai langkah yang kita lakukan di samping kita mengadakan pertemuan dengan mereka. Kita juga mengadakan seminar dan pendekatan bagaimana untuk memastikan supaya mereka ini mempunyai *ethical* dengan izin ya, *ethical business practices*. Memastikan bahawa tindakan mereka, walaupun dilandaskan dengan keuntungan yang besar dalam jangka masa yang pendek, tapi mereka tidak sedar. Itu boleh mengakibatkan, membantutkan pertumbuhan ekonomi negara pada keseluruhannya, kalau jumlah mereka meningkat. Itu yang kita katakan, mungkin akhirnya itu akan membantutkan perniagaan mereka nanti di masa yang mendatang. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa dari laporan Bank Negara, bahawa inflasi mungkin akan meningkat daripada 3.5% kepada 4%. Memang benar ia telah dilaporkan, dan telah disiarkan di kebanyakan surat khabar dan semua media-media yang lain. Ini bagi saya adalah satu unjuran yang berasaskan kepada barang-barangan kebanyakan di bawah kawalan harga. *Control item* dengan izin. Tetapi kemungkinan besar, keadaan sebenarnya, mungkin inflasi ini lebih dari 4%. Ini telah

dinyatakan oleh banyak penganalisa-penganalisa dari luar negara. Dan ini menunjukkan bahawa inflasi kemungkinan besar akan melebihi 4%.

Saya nak tanya apakah langkah-langkah yang tertentu oleh Kementerian? Saya yakin dan percaya bahawa Yang Berhormat Menteri ini telah membuat banyak kerja dan kerja-kerja ini untuk memperingatkan atau memperjelaskan kepada pengguna ini mengenai hak-hak mereka ini. Kerja-kerja ini saya ingat saya ingin mengucapkan tahniahlah, diteruskan. Tapi pada jangka masa panjang, adakah Yang Berhormat atau Kementerian Yang Berhormat bekerjasama dengan NGO-NGO terutamanya NGO yang berasaskan kepada pengguna dan seterusnya supaya mereka juga boleh membantu Yang Berhormat dan juga Kementerian Yang Berhormat. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat. Beberapa persoalan Yang Berhormat Puchong bangkitkan, iaitu unjuran mengenai dengan anggaran Bank Negara tentang kadar inflasi, iaitu beliau menyatakan kemungkinan meningkat 4% lebih. Kalau dia di paras 4.5%, dia masih lagi dengan izin, *manageable*. Tapi saya tak jangka dia akan boleh meningkat pada masa yang terdekat sehingga ke tahap itu. Saya ingat dalam sejarah kita, peningkatan yang lebih tinggi iaitu pada tahun 1998, bilamana kadar inflasi pada ketika itu 5.3% dan ia menurun sehingga 2.8% pada tahun 1999. Kerana kita mempunyai berbagai-bagai kaedah untuk mengambil langkah-langkah ini.

Salah satu kaedahnya, negara kita juga boleh menggunakan *interest rate*, dengan izin. Dengan kita naikkan *interest rate*, dan itu akan mengurangkan kewangan, kecairan wang, *money circulation* dengan izin di pasaran, dan kita katakan *they will be too few money*. Dia akan berkurangan duit untuk membeli barangan-barangan yang lebih banyak dan ini akan sedikit sebanyak mengurangkan kadar inflasi. Tetapi di samping itu, keunikan di negara kita.

Kita menggunakan kaedah seperti yang saya sebutkan tadi, *control item*. Akta ini tidak didapati di banyak-banyak tempat di negara lain. Kita kawal 21 barangan sepanjang masa. Harga dia 11 jenis barangan, tepung, gula, di sepanjang musim perayaan pada tahun yang lalu daripada 28 Julai sehingga 28 Februari yang lalu, kita telah melaksanakan dalam jangka masa 4 bulan. Mengawal, membendung barangan dan dapat berupaya dibendung barangan. Walaupun kenaikan harga minyak 3 kali pada tahun yang sudah. Paras inflasi hanya meningkat sehingga 3.5, 3.2 saya ingat dalam masa bulan Oktober, November sehingga Disember. Ada penurunan semasa Januari. Sedikit sebanyak bulan Februari selepas itu meningkat.

Oleh sebab kita buat pengumuman, tentang kenaikan harga minyak. Saya yakin perkara ini kita boleh atasi dengan beberapa langkah seperti yang saya sebutkan, menggunakan akta pengawalan harga barangan. Di samping itu dengan menggunakan kaedah supaya *interest rate* boleh menjadi satu mekanisme yang boleh diguna pakai seperti digunakan di tempat-tempat lain. Tapi saya yakin, kalau kita juga menggunakan *interest rate*, kita juga boleh menjamin sehingga boleh sedikit sebanyak membantutkan pergolakan ataupun pertumbuhan ekonomi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau boleh

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Dalam usaha untuk menjamin, kita juga bekerjasama dengan pihak NGO seperti Yang Berhormat nyatakan. Saya pun dah buat pertemuan. Mereka perlu memainkan peranan untuk menyedarkan masyarakat kita. Perlu kita memperkasakan *consumer empowerment*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ini yang *tool*. Ini mekanisme yang paling berkesan dalam keadaan peningkatan harga minyak ataupun harga barangan di mana-mana tempat di dunia. *Consumer empowerment* yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kalau dapat gulungkan sedikit, Yang Berhormat, sampai sini.

Dr. Tan Seng Giaw: [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya nampak ada usaha daripada Yang Berhormat. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bilangan

penguat kuasa yang diadakan di negara ini untuk memantau kenaikan harga termasuklah baja – kalau tanya Yang Berhormat bagi Arau itu – baja memang meningkat harganya. Banyak perkara, kuih-muih pun harganya meningkat. Macam mana kerana kawasan luas dan bilangan penguat kuasa yang tidak cukup... [Disampuk] Suntikan pun boleh itu. Kalau di Jerai memang disuntik. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya. Sudah lupa soalan? [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: [Kepong] Tidak lupa, memang tidak lupa. Dia hendak suntik di Jerai, dia punya fasallah itu. Kita hendak tahu bilangan penguat kuasa yang cukup untuk mengendalikan semua ini kerana kita pun prihatin kepada kenaikan harga minyak dan mungkin kenaikan pun akan diadakan tidak lama lagi. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawabnya nanti kerana ada jawapan di dalam kandungan ucapan penggulungan ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap Yang Berhormat bagi Kepong bersabar sedikit.

Isu pemantauan harga barangan dan tindakan yang wajar diambil untuk membanteras kegiatan yang tidak bertanggungjawab. Yang Berhormat bagi Bukit Mas, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Lanang telah membangkitkan isu pemantauan harga barangan dan tindakan yang wajar diambil untuk membanteras kegiatan yang tidak bertanggungjawab. Beberapa cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memperkasakan pasukan penguat kuasa kementerian dan menambah bilangan orang awam untuk membantu kementerian dalam memantau harga barangan.

Di sini saya ingin meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa kementerian telah bekerja keras sejak kenaikan harga minyak berkuat kuasa. Dalam tempoh tarikh pengumuman hingga 28 Mac 2006, kementerian telah menjalankan 78,993 pemeriksaan di seluruh negara dan telah dapat mengesan sejumlah 97 peniaga yang telah menaikkan harga. Berikut adalah bilangan premis pemeriksaan yang mengikut jenis:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya habiskan dahulu ya.

Jenis Premis	Bilangan Premis Yang Diperiksa
Kedai runcit	16,223
Pasar awam	28,111
Pasar malam	13,709
Hypermarket	285
Supermarket	1,095
Pasar mini	1,999
Kedai makan	6,670
Restoran	3,603
Gerai makan	4,782
Food court	1,647
Pengilang/Pengeluar	75
Pemborong	700
R&R lebuhraya (tempat rehat)	94
Jumlah Keseluruhan	78,993

Daripada bilangan tersebut, 85 daripadanya telah diberi amaran dan serta-merta telah menurunkan semula harga, sementara 12 peniaga dikenakan tindakan di bawah pelbagai undang-undang yang dikuatkuasakan kementerian. Dalam tempoh yang sama, 317 lagi tindakan kes telah diambil melibatkan permintaan barangan-barangan bernilai RM121,158. Sukacita juga saya maklumkan bahawa usaha-usaha berbentuk persuasif di samping amaran dan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh kementerian telah dapat membendung kenaikan harga.

Kementerian akan terus berusaha dengan menggunakan kaedah ini dan berharap orang ramai yang mempunyai maklumat spesifik mengenai penyelewengan harga ini dapat menyalurkannya kepada kementerian untuk tindakan lanjut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat. Semasa pegawai-pegawai kementerian menjalankan satu pemantauan di pusat penjaja di Kuching dan mendapati bahawa seorang penjual mi sapi menaikkan harganya daripada semangkuk RM3.00 ke RM3.50 dan penjaja itu diarahkan menurunkan harganya. Tetapi penjaja ini kata kos telah meningkat kerana sapinya adalah diimport dari Australia yang lebih sedap.

Tetapi apa yang pegawai beritahu penjaja itu, "Awak tidak boleh naikkan harga itu. Awak kurangkan daging sapi itu." Apakah rasional macam ini? Semasa kurangkan daging itu, bukankah itu satu *form of inflation also*? Naik harga. Tetapi nampaknya tidak naik harga tetapi sepatutnya dia sudah naik harga. Saya hendak tahu atas undang-undang apa arahan diberi kepada penjaja ini untuk menurunkan harga kerana memandangkan mi sapi ini bukanlah satu *control item* di bawah undang-undang. Ini soalan pertama.

Soalan kedua, sekarang yang telah berlaku di Kuching adalah kekurangan gula di pasaran. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi perhatian atas perkara kekurangan gula ini juga.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Pertama mengenai dengan daging tadi. Sebenarnya daging ini adalah satu jenis barangan yang kita kawal dalam musim perayaan-perayaan tertentu dan juga bekalan ini kita dapati dari negara-negara seperti India dan juga Australia. Saya akui bahawa i sedikit sebanyak pada beberapa bulan yang lalu ada peningkatan sedikit harganya dan kita telah menasihatkan. Saya sendiri telah berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memastikan bekalan daging akan kita perolehi daripada Australia oleh kerana ada bangkit persoalan dari segi halal dan oleh kerana cara dia menyembelih daging itu tidak mengikut rukun dari segi Islam dan itu didapati sesuai untuk dimakan dan diimport daripada negara kita.

Ada sedikit sebanyak masalah tetapi saya akui bahawa walaupun sedikit sebanyak bekalannya terbantut tetapi ini tidak harus mengakibatkan sehingga mereka menaikkan harga barangan makanan yang dijual ke taraf yang tinggi sehingga 70 sen kerana kita tahu komponen daging dengan komponen minyak tidaklah besar. Itu yang saya katakan. Kalaupun pengangkutan satu kontena yang dimuatkan dalam *shipment*, dengan izin, kapal yang begitu besar, berapa ekor ataupun berapa kilo yang boleh dimuatkan? Takkanlah sampai satu mangkuk itu naik sampai 70 sen. Itu yang kita galakkan.

Kaedah yang kita gunakan, pertama ialah seperti yang saya sebutkan tadi oleh kerana waktu tertentu ia adalah barangan dikawal pada musim perayaan. Yang keduanya, kita juga boleh mengambil tindakan di sesetengah tempat, contohnya tidak ada tanda-tanda harga yang dipamerkan dan kita dapati pelanggan tidak ada panduan dan kita boleh ambil tindakan. Kerajaan tempatan juga selaku pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen, mereka harus melakukan perniagaan yang beretika dan pihak peniaga telah dapati ini boleh menjejaskan ketenteraman awam ataupun kesejahteraan masyarakat pengguna di tempat itu, kita boleh mengambil tindakan.

Yang keduanya mengenai dengan gula tadi. Saya setuju memang berlaku di Sarawak. Bukan hanya di Sarawak, di sesetengah tempat di Semenanjung pun kerana sekarang ini pasaran gula, harganya di peringkat antarabangsa sudah pun meningkat.

Contohnya, *supplier* yang terbesar ialah dua tempat, satu Brazil dan satu lagi Australia. Di Brazil sudah pun mengambil langkah untuk menggunakannya bukan untuk gula tetapi etanol kerana harganya tinggi. Di Australia baru-baru ini, di Queensland kebakaran besar berlaku maka *supply* dia terbantut sedikit.

Sehubungan ini saya telah pun memanggil pada minggu yang lalu pengilang-pengilang gula di negara kita. Ada empat, lima kilang gula di Perlis termasuk pengilang gula di Pendang, saya panggil mereka ke pejabat saya dan saya telah maklumkan kepada mereka walaupun mereka telah meminta agar supaya dinaikkan harga gula sebanyak 20 sen, saya katakan tidak boleh dinaikkan. Itu yang saya katakan. Cuma apa yang berlaku di Kuching ini ialah penyeludupan, Tuan Yang di-Pertua, agak berleluasa dan saya pun telah maklumkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong dan saya telah mengarahkan seperti yang saya sebutkan pada petang tadi untuk memantau penyeludupan.

Di Sarawak ini bukan hanya menyeludup minyak, menyeludup gula pun banyak. Saya ingat ini bukanlah salah kerajaan, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dato'...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah boleh gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Gulung, Dato'.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah tidak cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, Dato' tolong gulung hak saya sekali, Dato'. [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dato', saya hendak tanya sedikit tentang makanan-makanan istimewa. Dalam surat khabar baru-baru ini kepala ikan tongkol, buat gulai dengan telur ikan apa semua, RM45. Jadi adakah makanan-makanan seperti ini macam kita pergi di kedai mamak, kepala ikan ini, harga dia pun naik turun. Dia kata minyak naik, harga naik. Minyak turun, harga turun. Jadi apakah makanan-makanan ataupun menu-menu seperti ini dia ada dalam kawalan, Dato', kerana dia kata ini *specialty*, Tuan Yang di-Pertua, ikan tongkol dengan telur ikan tongkol, RM45, gulai dia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, gulung sekalilah, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya ingat perkara ini Yang Berhormat bagi Jerai pun maklum barangan seperti ini kita susah hendak kawal. Saya ingat ini yang saya sebutkan tadi di antara banyak negara di dunia, saya ingat Malaysia sahaja satu negara yang mengawal jenis barangan dari bawang, daripada ayam sehingga ke telur ayam. Kita bukan boleh kawal tiap-tiap hari. Ayam bertelur beribu-ribu di seluruh Malaysia dan Kementerian kita kena mengawal beribu ayam, bukan hanya ayam di kawal, telur pun kita kawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan kerana saya ingat banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa menggalakkan penglibatan masyarakat dalam membantu kerajaan memantau harga barangan sehingga peringkat akar umbi dan dalam pada itu mengatasi masalah harga barangan tidak boleh dijayakan dengan hanya berlandaskan perundangan semata-mata tetapi peranan pengguna amatlah penting dan berkesan.

Usaha memperkasakan pengguna dengan menggunakan kuasa beli mereka harus dijadikan agenda utama di negara ini. Contohnya, semasa seseorang membeli sesuatu barangan atau perkhidmatan, ketika itu pihak penguat kuasa mungkin tidak ada di samping seseorang pembeli. Pembeli perlu membuat keputusan yang tepat dan bijak untuk tidak membebankan mereka. Didapati perkara ini juga amat bertepatan. Contohnya, musim negara kita dilanda tsunami di mana pada ketika itu terdapat berita yang mengatakan terdapat ikan yang memakan bangkai manusia dan kita dapat lihat penurunan permintaan.

Begitu juga ketika negara dilanda *avian influenza*. Ketika itu dapat dilihat permintaan ayam menurun dan mengakibatkan penurunan harga ayam di pasaran, harga ikan pun menurun. Jadi maknanya kalau permintaan diturunkan, kita yakin harga barangan juga dapat diturunkan untuk barangan-barangan keperluan seharian ini. Walaupun tidak ada bukti bahawa ayam yang dimasak membawa penyakit yang sama pada manusia. Kedua-dua contoh ini jelas membuktikan bahawa kuasa pengguna amat penting di mana kuasa pasaran boleh ditentukan oleh kuasa pengguna.

Di samping itu, seperti yang saya maklumkan di awal ucapan, kementerian menyediakan pelbagai saluran untuk memudahkan pengguna membuat aduan. Pihak kementerian telah mewujudkan hotline untuk penggunaan penyaluran aduan mereka di talian 1-800-886-800 atau SMS 36663. Segala aduan dikaji dan dipastikan dapat diselesaikan dalam masa yang tersingkat. Usaha berkongsi maklumat dibuat dengan pantas dan sejak awal tahun 2006 kementerian telah dilengkapkan dengan sistem *video conferencing* dengan semua pejabat negeri.

Langkah sebegini akan diteruskan untuk menjadikan kementerian betul-betul berkesan dan mampu mendukung hasrat kerajaan. Kerajaan juga sedar tentang keperluan meningkatkan keupayaan penguatkuasaan seperti Yang Berhormat bagi Kepong tadi tanya, bagi menangani isu semasa seperti kenaikan harga barangan, penyelewengan diesel bersubsidi dan lain-lain yang menjadi tanggungjawabnya. Kementerian berterima kasih kerana kerajaan telah meluluskan tambahan 745 orang anggota penguat kuasa sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini semasa membentangkan Bajet 2006.

Untuk makluman, proses pengisian semua jawatan telah hampir selesai. Kementerian juga merancang untuk mewujudkan akademi untuk melatih pegawai-pegawai penguat kuasa agar lebih berkemahiran di mana kita melihat pada waktu ini para pegawai penguat kuasa sentiasa berhadapan dengan pelbagai rintangan dan perubahan persekitaran amalan perniagaan yang semakin mencabar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, kita mempunyai hampir 1,746 orang memantau selaku anggota penguat kuasa kita.

Dalam memberi keberkesanan kepada usaha-usaha penguatkuasaan yang dijalankan, kementerian juga melibatkan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain yang juga menjalankan tugas penguatkuasaan. Di peringkat awal ucapan saya juga telah menyentuh hal ini dan sebagai tambahan ingin saya maklumkan bahawa gandingan kerjasama yang dijalankan telah membawa kepada beberapa kejayaan. Oleh yang demikian, usaha ini akan diteruskan dan dipertingkatkan sehingga dapat dan berjaya menangani isu kenaikan harga barangan yang menyusahkan rakyat.

Langkah kementerian menjadikan organisasinya lebih berkesan tidak terhad kepada tindakan-tindakan penguatkuasaan sahaja. Tindakan memperkemas kini struktur organisasi memperluaskan liputan juga mendapat perhatian serius.

Kementerian kini mempunyai 55 buah pejabat di seluruh negara iaitu 14 buah di peringkat negeri, 41 buah di peringkat daerah. Mulai tahun 2006 ini kementerian beroperasi berkonsepkan mini *ministry*, di mana semua urusan di ibu pejabat akan turut berada di pejabat-pejabat negeri seperti urusan perdagangan dalam negeri, hal ehwal pengguna dan lain-lain di samping tugas penting penguatkuasaan undang-undang. Kaedah ini akan menjadikan keupayaan menyelesaikan masalah lebih mudah dan berkesan sebagai *one stop centre* tanpa perlu merujuk kepada ibu pejabat. Dalam pada itu sukacita juga saya memaklumkan bahawa kerajaan telah meluluskan bagi kementerian membuka 17 lagi pejabat cawangan yang baru di peringkat daerah di seluruh negara. Ini dijangka dapat dilaksanakan dalam tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua menyentuh mengenai dengan isu pemberian petrol dan diesel bersubsidi.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong tamatkanlah. Yang Berhormat dapat tolong tamatkan sudah satu jam sudah kita ada 10 lagi kementerian untuk malam ini habiskan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya ada lagi isu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada besar sangat boleh habiskan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Isu pemberian petrol dan diesel ini tentang *fleet card* ini. Saya habiskan selepas ini Tuan Yang di-Pertua kalau boleh dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *Fleet card* ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Isu pemberian petrol dan diesel bersubsidi dan pelaksanaan *fleet card*. Ahli Yang Berhormat daripada Kubang Kerian, Bukit Mas, Larut, Jasin, Sekijang, Lanang telah membangkitkan isu subsidi dan petrol terutamanya berkaitan *fleet card* dan pemberian subsidi secara *piecemeal*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua di dalam Dewan yang mulia ini sebelum kenaikan harga bahan petroleum kajian terperinci telah dibuat oleh kerajaan dan cadangan membekalkan diesel bersubsidi melalui EDCU, e-petrol dan *fleet card* telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Khas Isu Harga dan Bekalan Diesel dan Petrol yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Cadangan ini telah dipersetujui oleh jawatankuasa ini dan seterusnya mendapat kelulusan kerajaan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan mekanisme pengendalian diesel bersubsidi melalui *fleet card* di bawah satu sistem yang digelar Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi. Sistem ini dilaksanakan bertujuan memudahkan mereka yang layak.

Di antara yang layak saya boleh sebutkan Tuan Yang di-Pertua bas sekolah, bas ekspres, bas berhenti, bas mini, bas perantaraan, kereta sewa, teksi, van mayat, lori mayat, ambulans dikendalikan oleh sukarela, bomba dikendalikan oleh sukarela, lori kargo am, lori minuman botol, lori lotong dan kotak, lori refrigerator, lori tangki air, lori tangki tepung, *window van*, panel van, *prime mover*.

Saya juga ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa jumlah RM95,701 pemilik kenderaan membawa orang awam dan pengangkutan awam telah dikemukakan tawaran. Selain daripada 6,062 surat yang dikembalikan sehingga 28 Mac sejumlah 29,672 telah menerima *fleet card* masing-masing. Kementerian juga telah menubuhkan pusat pemprosesan di peringkat negeri-negeri dengan penglibatan syarikat-syarikat minyak bagi mempercepatkan pelaksanaan pengeluaran *fleet card*.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu banyak lagi yang saya hendak jelaskan dan saya berharap oleh kerana Tuan Yang di-Pertua hendakkan saya menggulungnya, saya ingat apa yang penting dilakukan ialah sebahagian besar daripada isu-isu yang saya telah sebutkan tadi. Dan saya tidak sempat sebutkan saya akan memberi jawapan secara bertulis dan saya mengucapkan sekali lagi jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan untuk membahaskan isu berhubung kait dengan kementerian. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Menterinya sila jawab.

5.19 ptg.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 13 Mac 2006 yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Tuaran, Ahli Parlimen Pasir Mas, masalah kemiskinan di Sabah, Sarawak dan Kelantan akan terus diambil berat oleh kementerian. Dengan kerjasama dari kementerian-kementerian serta agensi kerajaan

berkaitan, kementerian akan berusaha memperbaiki taraf hidup rakyat luar bandar. Insya-Allah pada tahun 2009 kerajaan akan berusaha menghapuskan kemiskinan tegar dan pada masa itu adalah diharapkan kadar kemiskinan biasa akan berada di paras 0.5%. Cara-cara mengatasinya akan diperincikan selepas pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 31 Mac 2006 nanti iaitu esok.

Yang Berhormat Beluran bersama dengan Yang Berhormat Larut menyentuh berhubung dengan Program Bantuan Rumah Bagi Rakyat Miskin. Mulai tahun ini kerajaan bersetuju supaya rumah untuk keluarga yang kurang bernasib baik akan terus dibina. Rumah jenis dua bilik dan rumah jenis tiga bilik akan diperkenalkan. Di samping rumah dua bilik nilainya di Semenanjung, rumah dua bilik nilai harganya RM16,000 sebelum ini harganya ialah RM12,870 sahaja. Bagi rumah tiga bilik harganya ialah RM18,000 bagi negeri Sabah, Labuan dan Sarawak rumah dua bilik nilai harganya ialah RM18,000 di mana nilai sebelum ini ialah RM13,560. Bagi rumah jenis tiga bilik harganya ialah RM21,000. Bahan binaan akan diselaraskan demi keselesaan bagi penghuni-penghuni nanti.

Yang Berhormat Bukit Mas menyentuh secara khusus membangkitkan perkara-perkara berhubung dengan kemudahan elektrik, air dan jalan bagi kawasan Ba' Kelalan dan Bario. Tuan Yang di-Pertua segala perancangan sedang diatur secara serius. EKW ataupun kementerian akan mendapatkan pandangan dan nasihat dari Kerajaan Negeri Sarawak supaya usaha menambah bekalan elektrik, air dan jalan kampung, jalan luar bandar serta jalan dari Lawas ke Bario dapat dibina dengan cara yang terbaik bagi kepentingan masyarakat di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kementerian akan menjalankan tanggungjawabnya sebaik mungkin supaya masalah kemiskinan dan segala kemudahan prasarana dan *amenity* sosial dapat diusahakan demi faedah masyarakat luar bandar. Segala nasihat, pandangan dan petunjuk-petunjuk baik Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan diterima dengan tangan terbuka serta mengucapkan terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua hendak nasihat sedikit.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dato' hendak nasihatkan sedikit Dato'.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucap terima kasihlah kepada Kementerian Luar Bandar kerana dalam keadaan wang yang tidak begitu banyak pun boleh bantu semua luar bandar, cuma kita harap Rancangan Malaysia Kesembilan ini Yang Berhormat Dato' dapat banyaklah sedikit duit. Fasal saya dapati bahawa kalau kita hendak buat satu *stretch* jalan di Kuala Lumpur macam jalan ke Kepong apa semua itu satu *stretch* sahaja RM450 juta sedangkan kementerian Yang Berhormat Dato' dapat satu Malaysia untuk jalan luar bandar pun RM450 juta jadi manalah hendak cukup. Ibarat kata, "*Tarik kain selimut kaki nampak, tolak kaki, dada nampak*", jadi saya hendak tahu juga Yang Berhormat Dato' macam mana Yang Berhormat Dato' kementerian memonitorkan perjalanan projek-projek di bawah kementerian Dato' ke negeri-negeri, ke Parlimen-Parlimen kerana ini juga akan membantu kami Yang Berhormat Dato' contoh macam Jerailah Yang Berhormat Dato' saya sudah minta air, minta itu minta ini jadi kadang-kadang saya tidak tahu air dapat ke tidak dapat? Ya Dato', Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, jadi inilah pandangan saya dan kalau boleh saya hendak nasihatkan sedikit kementerian Dato' minta duit lebih sedikit Dato' kepada Kementerian Kewangan. Terima kasih Dato' no.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua saya ucap terima kasih kepada Jerai. Namun demikian janganlah dibandingkan jalan Kuala Lumpur dengan Kepong sebab jalan ini banyak kenderaan berat-berat yang lalu. Bukan sahaja berat kenderaannya, tetapi poketnya pun berat-berat oleh sebab itu kita terpaksa buat jalan yang bersesuaian. Tetapi kampung saya Kampung Gunung Mesah tidak payahlah buat macam jalan Kuala Lumpur-Kepong sebab Kampung Gunung Mesah ini kampung, namun demikian yang perlu dapat manusia berhubung dari satu tempat ke satu tempat itu adalah cara yang terbaik buat permulaan.

Berhubung dengan peruntukan yang akan dipohon kepada kerajaan untuk memajukan kawasan luar bandar memang telah diusahakan, dan insya-Allah esok kita akan mengetahui bahawa peruntukan Bajet Rancangan Malaysia Kelapan adalah lebih baik.

Seorang Ahli: Kesembilan.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Ha, Kesembilan adalah lebih baik daripada Rancangan Malaysia Kelapan, insya-Allah. Namun demikian saya terpaksa menyentuh dahulu Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya bagi pihak kementerian telah mengeluarkan satu nota kepada semua Ahli Yang Berhormat Parlimen, apakah peruntukan-peruntukan yang akan diberi kepada Parlimen-Parlimen tertentu. Umpamanya, tetapi bukan semuanya menerima hari ini setengah sahaja. Bagi yang menerima kajilah bawa pergi berjumpa dengan kerajaan negeri tunjukkan apa yang hak kepada Parlimen Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian supaya kita jangan terkeliru nanti bahawa peruntukan yang diberi tetapi tidak sampai kepada sasaran. Jadi biar saya sambung dahulu Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jerai ada Dato', ada no.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Saya minta maaf saya pegang dahulu untuk Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh, ya ya.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Sebab saya tahu Yang Berhormat akan tanya sebab itu saya.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, terima kasih Dato' no, terima kasih lah murah rezeki Dato'.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Yang Berhormat ada. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Jerai peruntukan bagi tahun ini ialah RM4,850,817.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Alhamdulillah Dato' terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato'.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Oleh sebab itu segala nasihat, pandangan dan petunjuk-petunjuk baik dari Ahli Yang Berhormat sekalian akan diterima dengan tangan yang terbuka serta mengucapkan terima kasih. Kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Beluran ada sedikit pembetulan yang patut dibuat mengenai data rumah yang telah dibina di Sabah. Sebenarnya sebanyak 253 buah rumah telah dibina dan bukan 40. Insya-Allah kita akan terus membina rumah yang diperlukan oleh rakyat yang layak menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli Parlimen Tuaran kesal kerana peruntukan yang disalurkan ke negeri oleh kementerian diputarbelitkan oleh pegawai-pegawai tertentu di negeri yang tertentu. Mereka mengatakan bahawa wang yang dibelanjakan untuk pembangunan datang dari negeri bukan dari kementerian. Yang Berhormat Tuaran bagi saya ini tidak mengapa mungkin pegawai itu tidak faham atau kurang pengetahuan. Asalkan projek sampai kepada kumpulan sasar alhamdulillah. Kemegahan dan puji-pujian tidak lama hayatnya, lama-kelamaan orang akan lupa yang penting mari kita bersama-sama buat kerja yang baik dan berfaedah itu akan kekal insya-

Allah. Oleh sebab itulah maka pada hari ini bagi pihak kementerian saya mengedarkan surat kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya kita tahu apakah peruntukan yang ada pada kita untuk kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Ya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Di sinilah.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Oh okey.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada kawasan pembangkang ada dapat ke peruntukan?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, apa juga yang dibuat oleh kerajaan saya yakin sama ada dapat atau tidak pembangkang merasa juga. Umpamanya jalan di Kuala Lumpur hari ini adalah baik daripada mana-mana jalan. Tempat parti pembangkang oleh sebab itu soal ini tidak berapa timbul sangat. Insyallah kalau masuk akan dapat jelas berapa Yang Berhormat akan dapat nanti, masuklah Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Eric Enchin Majimbun Ahli Parlimen Sepang dan juga Ahli Parlimen Sri Aman menyentuh hasil pengurangan wang subsidi petroleum sebanyak RM4.4 bilion untuk digunakan bagi pembinaan jalan luar bandar dan dicadangkan juga diberi satu juta bagi setiap Ahli Parlimen. Saya tidak ada jawapan baginya kerana pada 1 Mac 2006 telah diwujudkan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai pengangkutan awam atau JKKMPA. Oleh itu perkara yang diperkatakan ini adalah dalam bidang jawatankuasa tersebut saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Cameron Highlands, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Ledang kerana Yang Berhormat sekalian begitu prihatin terhadap perkembangan dan masa depan Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua saya akan huraikan panjang sedikit menyentuh hal Orang Asli ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian terdapat sebanyak lebih kurang 150 orang Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Mereka tinggal berselerak di pedalaman dan ada juga yang di pinggir bandar seperti di Batu Lampam, Batu Berangkai Kampar, Air Kuning. Jumlah kampung adalah 876 buah. Mereka ditadbir oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menubuhkan pula Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Orang Asli. Keanggotaan pertubuhan ini dianggotai terdiri daripada individu dari kalangan Orang Asli, pertubuhan bukan kerajaan atau NGO, ahli akademik, ahli politik dan pegawai dari jabatan dan agensi kerajaan. Ini diusahakan untuk menjaga kepentingan masyarakat Orang Asli.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, 60% daripada 876 buah kampung ini telah dilengkapi dengan kemudahan asas. Insyallah jumlah 40% lagi itu akan diselesaikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli atau JHEOA juga dengan kerjasama Agensi RISDA dan FELCRA telah membangunkan kawasan Orang Asli dengan penanaman getah dan kelapa sawit. Dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelapan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan Orang Asli dari tahap 76% kepada 55% iaitu penurunan sebanyak 21%.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam bidang pendidikan, anak-anak orang asli disediakan dengan kelas tabika KEMAS. Diteruskan pelajarannya ke sekolah rendah, menengah dan ke pusat pengajian tinggi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, dalam peperiksaan SPM tahun 2005, sebanyak 742 calon anak Orang Asli telah menduduki peperiksaan. 633 orang calon telah lulus dengan baik. Peratusnya ialah 85.3%. Calon yang bernama Su Lin Lin di Sekolah Menengah Mengkarak Bera telah mendapat 9A 1B. Tuan Yang di-Pertua, keputusan STPM anak-anak Orang Asli bagi tahun 2005 sangat membanggakan. Seramai 48 calon menduduki peperiksaan tersebut dan 45 calon telah lulus. Keputusan ini sangat memberangsangkan kerana mereka sampai kepada tahap 93.7%. Jarina a/p Luing juga di Sekolah Menengah Mengkarak Bera telah mendapat 4A. Ini membuktikan peluang yang diberi kepada anak-anak Orang Asli telah membuahkan hasil yang baik.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, Su Lin Lin dan juga Jarina tinggal di asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkarak. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Pengumpulan Semula bagi orang-orang Asli akan diteruskan. Buat masa ini terdapat 17 rancangan yang melibatkan 142 kampung. Dalam bidang kesihatan juga, diberi perhatian yang serius. Bagi kawasan pedalaman, perkhidmatan *flying* doktor, dengan izin, disediakan dengan menggunakan helikopter. Di Gombak ada sebuah hospital besar untuk menampung pesakit Orang Asli. Kementerian Kemajuan Luar Bandar akan berusaha membina klinik-klinik di tempat-tempat yang strategik dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Dengan demikian peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli masih relevan dan bermanfaat bagi masyarakat yang tersebut. Tuan Yang di-Pertua, berilah peluang dan kerjasama kepada kementerian...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tebrau.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Oh, sila.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri banyak kali saya sudah beberapa kali saya hubungi Yang Berhormat Menteri untuk bantuan mendapatkan bantuan bagi kampung-kampung Orang Asli di kawasan Tebrau. Saya ucapkan terima kasih. Kebelakangan ini sudah terima surat bahawa bekalan air akan dibekalkan kepada salah satu kampung Orang Asli di kawasan Tebrau. Tetapi bekalan elektrik masih belum ada hingga sekarang dan mereka kata sudah berpuluh-puluh tahun mereka minta melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Tetapi nampaknya tidak dapat.

Dan satu soalan lagi, saya hendak tanya tentang Program Penempatan Semula. Mengikut Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Johor, bahawa mereka sudah sediakan Rancangan Penempatan Semula untuk Orang Asli kampung-kampung Orang Asli kononnya. Kalau dikumpulkan mungkin lebih mudah untuk membekalkan kemudahan-kemudahan yang diminta oleh Orang Asli. Tetapi nampaknya orang-orang Asli enggan berpindah dari tempat oleh kerana mata pencarian mereka dekat laut.

Ramai daripada mereka nelayan. Kalau dipindah ke rumah pangsa, dia kata apa kerja kita hendak buat? Jadi Orang Asli itu ada minta kerajaan memberi sekurang-kurangnya asas. Tadi saya berasa besar hati apabila dengar menteri kata prasarana akan dibekalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri jangan tinggalkan kawasan Tebrau, Orang Asli di kawasan Tebrau, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua terima kasih banyak. Sekiranya api di tempat itu tidak sampai, kemungkinan tidak ada grip yang sesuai. Oleh sebab itu kita akan usahakan penyampaian api dengan *High Grip Solar System*, Insyallah.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih...

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Saya belum jawab habis lagi, Yang Berhormat...

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Saya sambung sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di Hulu Langat terdapat tiga atau empat kawasan atau penempatan Orang Asli yang telah dijanjikan tahun demi tahun untuk mendapatkan peruntukan bagi membekalkan *solar hybrid* ini dan dari tahun demi tahun alasan yang diberi oleh pihak kementerian ialah berkenaan dengan bilangan keluarga Orang Asli yang tinggal di penempatan itu tidak mencapai bilangan yang ditetapkan oleh kementerian. Kalau ini berterusan Yang Berhormat menteri, mungkin 10 tahun, 12 tahun akan datang bekalan elektrik belum boleh lagi bekalkan kepada penduduk ini walaupun ada teknologi bagi membekalkan elektrik kawasan itu. Itu yang pertama.

Yang kedua Yang Berhormat Menteri terdapat keadaan di mana orang-orang Asli yang tinggal di kawasan yang telah digazetkan sebagai tanah Orang Asli, kemudiannya oleh kerana pembangunan kawasan negeri Selangor begitu pesat hingga menghimpit kawasan pembangunan atau kawasan penempatan Orang Asli sehingga ramai pemaju berminat untuk memajukan tanah-tanah Orang Asli ini. Dan mereka kemudiannya berurusan dengan Tok Batin, dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli membangunkan tanah-tanah Orang Asli ini.

Pulangan yang diterima oleh keluarga ini ialah sebuah rumah banglo, *semi-detached* dan mereka ini kemudiannya telah hilang punca pendapatan daripada hasil yang diperolehi melalui pembangunan tanah mereka melalui pengurusan pertanian. Apakah usaha kerajaan bagi memastikan bahawa nombor satu, pemaju ini tidak menyalahgunakan atau mengeksploitasi orang-orang Asli dan yang kedua bagaimanakah mereka akan meneruskan kehidupan sebagai untuk menyara hidup keluarga, terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang sama, saya minta beri pandangan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau lebih kurang sama, tidak payahlah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tetapi yang menguatkan hujah kepada dua sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mempunyai pengalaman sedikit dalam Jabatan Orang Asli sebagai Pengarah Jabatan Orang Asli Pahang. Saya hendak sentuh apa yang disebutkan oleh daripada sahabat saya dua orang tadi tentang penempatan baru ini. Saya minta kepada kementerian supaya diberikan perhatian dan membuat kajian yang serius tentang penempatan baru kerana semasa pengalaman saya, saya perhatikan ada beberapa penempatan yang semula RPS yang dipanggil Rancangan Penempatan Semula masa itu ada keselamatan dan sebagainya. Sebahagian Penempatan ini sebenarnya tidak diisi oleh masyarakat Orang Asli dan mereka masih duduk di kampung-kampung lama. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian dan kerajaan kerana jasa telah banyak kepada Jabatan Orang Asli.

Sejak Akta 134 digubal diadakan faedah dan sumbangan kepada Orang Asli sungguh besar sekali dan kita rasa mereka ini perlu dibina diberikan bantuan yang secukupnya. Tetapi saya minta supaya kementerian memberikan perhatian yang serius supaya kalau ada penempatan baru yang dibuat ini, pastikan supaya mereka yang ada di tempat ini benar-benar mereka yang terlibat dengan Orang Asli. Kerana ada mereka yang duduk di kampung lama diberikan penempatan tidak berpindah ke tempat lain melibatkan ada kekosongan dan sebagainya pembangunan sudah dibuat dan akhirnya ada orang lain yang masuk. Kita tidak mahu ada orang luar seperti yang disebutkan oleh sahabat saya dari Hulu Langat tadi, mengambil kesempatan mengisi tempat ini dan akhirnya kemajuan yang kita serah kepada Orang Asli tidak berhasil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan cara untuk minta penjelasan, panjang berucap.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Pandangan. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya lama tidak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lama tidak bercakap. Saya minta supaya Ahli Yang Berhormat jangan ganggu Yang Berhormat menteri.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya hendak beri sedikit pengalaman supaya kalau kita, saya tidak berikan pandangan Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita buat projek pun berpuluh-puluh tahun, 9 tahun rancangan kita, sembilan kali rancangan pun adalah saya minta.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta menteri beri ingatan Yang Berhormat

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sila, terima kasih. Minta maaf.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Hulu Langat dan juga Yang Berhormat bagi Maran. Segala perancangan yang akan dibuat sama ada perpindahan ataupun penempatan semula akan dibuat semata-mata kerana nafsu, tetapi mesti difikirkan apakah ekonomi aktiviti yang akan lahir di tempat itu. Kalau tidak kita akan memindahkan Orang Asli ke tempat yang akan menyusahkan mereka daripada tempat asalnya.

Oleh sebab itu kadang-kadang ada projek yang tergendala sementara dan memikirkan apakah aktiviti ekonomi yang boleh mereka selesaikan bersama. Dan bagi Yang Berhormat bagi Hulu Langat mengatakan Solar Hybrid ini belum sampai-sampai. Solar Hybrid bukan harganya RM100 ribu RM200, ia mencapai harga hampir RM2.5 juta. Kalau hanya ada 10 orang dalam itu untuk kegunaan sejumlah RM2.5 juta agak berat sedikit. Namun demikian, itulah sebabnya kita ada mengatakan Rancangan Penempatan Semula kita tumpukan 50 atau 30 keluarga sesuai dengan harga yang kita hendak buat.

Yang seperkara lagi yang kita mesti fikir ialah, kadang-kadang kita membuat rancangan, tetapi mereka tidak mahu ikut kerana kebiasaannya tidak sesuai dengan apa yang dirancang. Umpamanya di Tebrau, mereka memang rata-rata adalah nelayan dan kalau kita suruh mereka berkebun, mungkin tidak sesuai bagi mereka. Namun demikian, bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kita sudah mengadakan kelab yang terdiri daripada *exco-exco* kerajaan negeri luar bandar di mana kita memutuskan satu formula bahawa masyarakat Orang Asli yang mempunyai tanah gazet ini tidak akan dapat bertahan lama. Lama-lama satu hari nanti pihak-pihak pemaju akan masuk ke dalam dengan cara apa jua cara sehingga mereka akan tinggal satu banglo dan banglo itu pula kemudian akan dijual. Mereka akan tinggal sehelai sepinggang. Sebab itu kementerian mencadangkan supaya bagi setiap keluarga Orang Asli, setiap keluarga bukan semua Orang Asli akan dipertimbangkan enam ekar tanah untuk ladang, satu ekar tanah untuk kebun dan suku ekar tanah untuk perumahan.

Kalau ini dipersetujui oleh kerajaan melalui Kabinet nanti, maka tidak payahlah kita memikirkan apa yang akan terjadi kepada nasib saudara-saudara kita ini pada masa depan.

Kalau ini juga terjadi, mungkin nasib mereka akan lebih baik daripada orang Melayu sendiri ataupun bumiputera lain. Tetapi ini bukan masalah. Masalahnya ialah kita mesti beringat-ingat supaya keadaan mereka terjamin dan dapat dipertahankan supaya kita tidak dilihat sebagai tidak mempedulikan masa depan seperti Yang Berhormat sekalian kehendaki tadi.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Jadi, apa juga yang kita saran....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Ha, ada lagi? *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Rancangan Prosdec untuk Orang Asli ini kalau

kita lihat cuma dibuat di Kuala Lipis sahaja, di Kampung Asli Pantos, Kuala Lipis. Mengapa selepas itu tidak ada lagi projek-projek Prosdec di tempat lain? Adakah kerana projek itu gagal ataupun apa yang menyebabkan terhenti di Lipis sahaja, tidak dibawa ke tempat-tempat lain.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bera. Memanglah di Lipis Prosdec ada dan kalau kita pergi ke Kampung Pantos keadaannya akan lebih jelas dan saya ingin memberitahu Tuan Yang di-Pertua, kampung Orang Asli di Pantos ini cukup bersih dan cantik dan kita tertarik supaya kerajaan dapat membina Prosdec lebih ramai.

Tapi sebelum kita berusaha ke arah itu, kerajaan mesti memikirkan dahulu sikapnya, dan untuk membina sikap ini Jabatan Hal Ehwal Orang Asli berterusan supaya mereka bersedia untuk ditempatkan semula demi kebaikan masa depan mereka. Insya-Allah ia akan terjadi kerana hari ini contoh-contoh baik telah pun dijumpai dengan mengadakan penempatan yang terurus seperti di Bera, maka Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkarak tempat Yang Berhormat sendiri melahirkan dua pelajar terbaik di sekolah itu iaitu Jarina dan juga Su Lin Lin.

Maka kita harapkan mereka ini akan diperkenalkan kepada seluruh Orang Asli seperti juga Profesor Madya dari Universiti Malaya, namanya Giro saya ingat dari Universiti Malaya, hari ini saya minta supaya bergerak dari kampung ke kampung supaya mempengaruhi masyarakat mereka sendiri. Payah untuk mengubah sikap, bagi perancangan amat senang. Insya-Allah kita akan berusaha supaya keadaan ini berterusan baik.

Yang Berhormat sekalian, saya tidak banyak hendak bercakap kerana saya sedar banyak lagi kawan-kawan yang belum membuat penggulungan. Oleh sebab itu, saya harap janganlah kita hanya menuduh satu-satu jabatan seperti Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang telah mengabaikan Orang-orang Asli ini. Sebenarnya mereka berusaha dengan begitu gigih dan saya sendiri tidak putus-putus setiap minggu bertanya kepada ketua pengarah apa yang sedang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, berilah peluang dan kerjasama kepada kementerian, Insya-Allah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan terus berusaha memaju dan membangunkan masyarakat Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sekalian, sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang tertinggal dan tidak sempat dijawab, saya bagi pihak kementerian memohon maaf. Kerjasama daripada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ucapkan terima kasih. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

5.48 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja pada kali ini. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sememangnya merupakan pandangan dan input yang boleh membantu usaha dan pelaksanaan kementerian untuk membangunkan usahawan termasuklah dalam bidang pendidikan, pembangunan PKS, pengangkutan awam dan pembinaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Larut dan Yang Berhormat bagi Gombak telah membangkitkan isu-isu mengenai Program Penganjuran Pelajaran MARA. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat RM2,166 juta baki pinjaman di MARA dengan tunggakan berjumlah RM541 juta. Dalam usaha mengutip balik pinjaman khususnya yang tertunggak ini MARA telah mengambil pelbagai pendekatan dalam kes-kes tertentu termasuk menahan anak-anak peminjam yang ingkar dari menikmati kemudahan-

kemudahan pendidikan yang disediakan oleh MARA. Tetapi semua ini dilakukan bertujuan membuat peminjam-peminjam datang berunding dengan MARA bagi menyelesaikan hutang-hutang mereka.

Seterusnya, berhubung dengan kebimbangan Yang Berhormat bagi Gombak mengenai status institusi-institusi pengajian para pelajar perubatan tajaan MARA di Rusia dan Indonesia, sukacita saya maklumkan bahawa adalah menjadi dasar MARA menghantar pelajar-pelajar tajaannya termasuk pelajar-pelajar perubatan ke universiti-universiti yang terkemuka dan diiktiraf oleh kerajaan sahaja. Setakat ini MARA telah menghantar pelajar-pelajar perubatan melanjutkan pelajaran ke United Kingdom, Ireland, Australia, New Zealand, Jordan, India, Rusia dan Indonesia. Penghantaran pelajar-pelajar ke negara-negara tersebut merupakan satu program berjadual yang terancang mengambil kira semua aspek pengajian termasuk soal pengiktirafan, kompetensi, kos pengajian dan sara hidup di sesebuah universiti.

Mengenai status pembinaan kolej kemahiran tinggi MARA dalam kawasan Ahli Yang Berhormat bagi Larut, sukalah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa cadangan projek pembinaan kolej itu telah pun diluluskan oleh kerajaan dan projek tersebut memakan masa untuk dilaksanakan kerana masalah untuk mendapatkan tapak yang sesuai di Perak. Kini tapak yang sesuai di Selama sudah pun dimuktamadkan dan pelan konsep serta anggaran kos sedang disediakan untuk mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi sebelum ianya ditenderkan.

Sukacita saya maklumkan bahawa projek ini dijangka akan dapat dimulakan pembinaannya pada bulan Ogos 2006 tidak berapa lama lagi. Tuan Yang di-Pertua,...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Sama-sama. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tebrau pula telah membangkitkan mengenai terdapat banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang masih belum mendapat manfaat daripada Bank SME kerana ketidaktelusan prosedur dan mengenai pinjaman yang ditawarkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank SME ditubuhkan bertujuan membantu PKS dalam mendapatkan kemudahan pinjaman perniagaan. Bagi tujuan ini, Bank SME menggunakan pendekatan baru yang berbeza dengan bank-bank komersial yang lain iaitu tidak mensyaratkan mesti ada cagaran dalam menimbang, memberi pinjaman kepada PKS. Pemohon pinjaman walau bagaimanapun dikehendaki membuktikan projek yang dicadangkan itu adalah *viable*, dengan izin, dan juga berdaya maju.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak ditubuhkan pada 3 Oktober 2005 sehingga 28 Februari 2006, Bank SME telah meluluskan sebanyak 155 permohonan pinjaman bernilai RM249.9 juta. Baki permohonan sebanyak 1,098 masih dalam pertimbangan Bank SME dan pemohon perlulah melengkapkan butiran permohonan dan membuktikan cadangan projek mereka adalah berdaya maju. Bagi membantu pemohon-pemohon tersebut dan bakal-bakal pemohon lain, Bank SME telah menubuhkan pusat khidmat kewangan di ibu pejabat dan pejabat-pejabat cawangannya di setiap negeri. Bank SME juga telah mengemaskinikan pendekatannya untuk memudahkan prosedur dan mempercepatkan proses permohonan pinjaman.

Mulai tahun ini, Bank SME telah memendekkan tempoh masa permohonan pinjaman kepada tujuh hingga empat puluh lima hari bergantung kepada jumlah nilai pinjaman yang diminta. Keputusan-keputusan ke atas pinjaman yang dipohon juga kini boleh dibuat dengan cepat dan teratur di mana pihak pengurusan dan jawatankuasa yang ditubuhkan boleh memberi pertimbangan. Hanya permohonan yang melebihi RM20 juta sahaja akan diputuskan oleh Lembaga Pengarah Bank SME.

Untuk mengembangkan lagi aktiviti nya, Bank SME juga akan memperkenalkan produk-produk baru yang mengandungi komponen kewangan dan bukan kewangan kepada pasaran dalam tempoh yang terdekat bagi menjana pembangunan PKS. Bagi tahun 2006, sukacita saya maklumkan bahawa Bank SME telah menyasarkan kelulusan sebanyak RM2 bilion kepada 1,000 pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bera pula telah menegur monopoli perkhidmatan teksi oleh Airport Limo Sdn. Bhd. di KLIA. Sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan telah pun membenarkan perkhidmatan teksi selain Airport Limo beroperasi di KLIA dengan pembukaan Lapangan Terbang Pangkalan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) yang telah dibuka dengan rasminya pada 23 Mac yang lalu. Kerajaan akan menimbang semula status perkhidmatan teksi di terminal utama hanya setelah Airport Limo melaksanakan kesemua 1,559 permit yang telah diberikan kepadanya, dan apabila terdapat permintaan baru kepada perkhidmatan teksi di KLIA.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah yang telah menyokong cadangan penubuhan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam. Sukacita saya maklumkan bahawa kementerian sedang menyediakan kertas cadangan kepada jawatankuasa Kabinet mengenai pengangkutan awam yang boleh membantu membangunkan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan *reliable*, dengan izin. Cadangan ini bukan sahaja meliputi perkhidmatan di bandar-bandar utama bahkan juga di kawasan-kawasan luar bandar. Segala pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pelaksanaan tabung tersebut akan diambil kira oleh kementerian untuk dikemukakan kepada jawatankuasa Kabinet tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman supaya pembekuan pendaftaran kontraktor kelas F dikecualikan di Sarawak dan syarat-syarat pendaftaran dilonggarkan, sukacita dimaklumkan bahawa pada 23 November tahun yang lepas, kerajaan telah meluluskan pelaksanaan dasar pengeluaran lesen kelas F yang baru di seluruh negara. Dasar ini adalah bertujuan mengukuhkan keupayaan dan kedudukan kontraktor kelas F dan seterusnya memastikan hanya kontraktor yang tulen sahaja wujud di pasaran.

Berikutan daripada dasar tersebut, maka pendaftaran baru kontraktor kelas F telah dibekukan di seluruh negara termasuk di Sarawak. Bagi negeri Sarawak sebanyak 1,100 kontraktor kelas F yang kini berdaftar perlulah mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan kedudukan dan keupayaan masing-masing selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kewibawaan dan ketulenan mereka dalam industri pembinaan. Saya percaya setelah dasar pembekuan tersebut dapat mencapai matlamat bagi melahirkan kontraktor kelas F yang tulen dan berwibawa maka kerajaan bersedia menarik balik pembekuan tersebut.

Seterusnya, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa di bawah dasar pengukuhan tersebut kerajaan membenarkan alamat kediaman digunakan sebagai alamat perniagaan hanya untuk satu kontraktor kelas F sahaja. Bagi memastikan kecekapan pengurusan, kontraktor perlu menyediakan talian telefon yang khusus untuk kegunaan perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan untuk mempunyai pejabat pengurusan sendiri hanya disyaratkan semasa pembaharuan lesen iaitu selepas tempoh tiga tahun beroperasi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya berkaitan di antara kontraktor kelas F dengan Bank SME. Saya hendak tanya bolehkah kontraktor kelas F ini mendapat pinjaman ataupun kemudahan kewangan ini daripada SME Bank. Kalau mereka ini betul-betul kontraktor yang tulen, yang betul-betul membuat kerja, yang baik untuk sektor pembinaan.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih, Yang Berhormat. Pertamanya, Bank SME diwujudkan untuk memberi pinjaman bagi mereka yang berniaga terlibat dalam bidang perkhidmatan dan juga pembuatan.

Kedua ianya untuk *small and medium enterprise*, maknanya perusahaan kecil dan sederhana. Dan definisi kecil itu melibatkan jumlah dagangan dan juga jumlah pekerja. Biasanya kontraktor kelas F ialah *sold operator*. Jadi dalam ke biasanya ianya tidak tertakluk ataupun termasuk di bawah khidmat pinjaman yang boleh diberikan oleh Bank SME.

Walau bagaimanapun bagi kontraktor-kontraktor kelas F dia boleh mendapat pinjaman kepada agensi-agensi kementerian yang lain seperti MARA dan sebagainya. Jadi itu maknanya dia masih berpeluang untuk mendapat pinjaman daripada agensi-agensi yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seri Aman

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Yang Amat Berhormat Menteri saya ingin merakamkan saya tidak bersetuju dengan pendirian kementerian yang membekukan pendaftaran kontraktor kelas F. Oleh kerana sebab ini tidak adil langsung, kita mempunyai ratusan ribu orang muda yang berumur muda yang hendak berkecimpung dalam dunia perniagaan, dunia pembinaan dan di sini kita menutup pintu dengan serta-merta. Ini saya rasa tidak dapat diterima, saya mintalah kementerian mencari cara yang lebih kreatif. Kita tiap-tiap hari bercakap tentang belia tidak ada pekerjaan. Jangan buat macam itu, carilah cara yang lebih kreatif. Sekian terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat, kita tidak boleh memberi harapan yang palsu kepada mereka yang menyertai sektor ini kerana kita pun tahu pertumbuhan ini setiap tahun ini menguncup. Jadi atas sebab itu kalau kita buka lesen untuk yang baru kita juga tahu kerja tidak banyak. Baru-baru ini keluar surat khabar, berapa ramai kontraktor kelas F tidak mempunyai pekerjaan yang mana mendatangkan masalah kepada mereka.

Dan saya juga telah nyatakan bahawa tujuan kerajaan membekukan pengeluaran lesen yang baru kerana kerajaan hendak membetulkan keadaan kerana untuk mengatasi kebocoran kerana banyak yang tidak tulen yang mempunyai lesen dan sebagainya. dan saya juga telah menyatakan apabila proses ini sudah selesai dilaksanakan maka kerajaan akan timbang untuk buka semula, lesen ini. Dia bukan beku sampai kiamat, tetapi beku kerana kita hendak mencapai beberapa maksud.

Satu untuk kita mengatasi kebocoran dalam sistem ini dan juga kita juga tahu bahawa sektor ini menguncup bukannya tumbuh seperti sektor-sektor yang lain. Jadi saya berharap ada kefahaman daripada Yang Berhormat dan pada masa yang sama untuk menjadi usahawan tidak semestinya terlibat dalam industri pembinaan. Ada banyak pendekatan ataupun usaha ataupun peluang-peluang perniagaan yang kerajaan sediakan sama ada *franchise*, *vendor* dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, pembangunan melalui *cluster development* oleh syarikat dalam sektor-sektor tertentu. Semuanya itu perlu diberi perhatian khususnya oleh golongan muda, golongan belia.

Kalau kita tidak bangkitkan kesedaran mengenai itu, maka atas sebab itulah semua orang hendak jadi kontraktor. Dan bila semua orang hendak jadi kontraktor, kontraktor ramai, kerja sedikit akhirnya semua tidak dapat. Jadi saya berharap ada kefahaman mengenai perkara ini, bukanlah kerajaan ingin mendatangkan masalah kepada mana-mana pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Jadi kalau kita selesaikan semua ini dengan segera, maka saya percaya kerajaan akan memberi pertimbangan untuk buka permohonan untuk mendapatkan lesen ini semula. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya rasa setakat inilah sahaja..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Maran

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit memberi sedikit pandangan, saya minta beri ini. Saya bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh sahabat saya, sahabat saya tadi daripada Sri Aman. Untuk makluman timbalan menteri saya ada sedikit pengalaman di luar bandar sebenarnya.

Kita perhatikan bahawa sekarang ini masalah kontraktor kelas F ini terlalu ramai, yang mendukung kita ada sebahagian besar daripada mereka tidak berdaya maju. Maknanya kalau dia tubuhkan 20 tahun yang lepas, dia masih sekarang ini kelas F bermaknanya dia dapat projek dia bagi mudah, *sub sana sub* sini. Bermaknanya peningkatan diri mereka tidak ada, menyebabkan peluang orang baru macam kita terlibat dengan belia. Saya setuju dengan apa yang diperkatakan oleh Sri Aman tadi bahawa sepatutnya kita beri peluang kepada belia-belia yang muda ini.

Supaya mereka memasuki menjadi kontraktor kelas F dan yang sudah lama ini kita cari jalan usaha yang dibuat oleh kementerian supaya memberikan semangat kepada mereka supaya jangan kalau ada 30 tahun kelas F, 30 tahunlah jadi kontraktor kelas F. Tidak ada peningkatan ini merugikan kita, menyebabkan orang yang baru, yang muda-muda tidak ada peluang. Saya mencadangkan supaya kementerian cari usaha lain. Kalau boleh kemaskan, jalankan program-program yang boleh membina balik kontraktor kelas F yang sudah lama ini supaya mereka tidak duduk di takat yang lama. Itu pandangan saya, terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat, memanglah yang ini sebenarnya tujuan yang kita hendak buat, yang kita sedang mengemaskan balik perkara-perkara ini dan memanglah kita sedar bahawa terdapatnya dan wujudnya kontraktor-kontraktor yang sudah lama kekal dan berada dalam kelas F yang adanya yang baik dan ada memang tidak baik dan sebagainya.

Dan jika mereka tidak begitu baik, tidak produktif dan sebagainya biasanya mereka memang tidak mendapat peluang untuk membuat kerja dan sebagainya. Jadi semuanya itu adalah perkara-perkara yang memang diambil kira oleh kementerian dalam kita membuat keputusan untuk buat ketika ini, sementara ini kita membekukan. Insya-Allah bila kita selesaikan ini saya percaya dengan keadaan ekonomi yang terus tumbuh dan sektor ini terus menyumbang kepada pertumbuhan maka saya percaya kerajaan akan membuka balik pembekuan terhadap lesen kelas F.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya rasa setakat itulah jawapan yang hendak saya sampaikan berkenaan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab. Insya-Allah kementerian akan terus memberikan perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih kepada menteri, tibalah saya hendak menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

6.05 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bagi isu-isu yang telah disentuh, saya akan cuba beri penjelasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur telah mencadangkan agar Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dimansuhkan. Tuan Yang di-Pertua kementerian ini telah memberi ruang yang seluasnya kepada pihak akhbar agar cenderung ke arah penerbitan berita-berita yang bercorak positif, pengetahuan serta membina minda masyarakat. Namun begitu kementerian juga mempunyai tanggungjawab yang berat bagi memastikan bahan-bahan penerbitan termasuk akhbar tidak mengandungi unsur-unsur yang tidak diingini dan boleh memudaratkan ketenteraman awam, mengancam keselamatan negara dan menggugat kesejahteraan rakyat.

Sehubungan dengan itu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah relevan, berkesan dan amat diperlukan bagi mengawal selia industri media cetak di negara ini. sejajar dengan cabaran semasa khususnya bagi menjamin keharmonian kaum, kestabilan dan keselamatan Malaysia. Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, terima kasih Timbalan Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mengatakan bahawa beliau akan mengkaji Akta yang dikatakan itu *Printing And Publication Act*. Apabila dihantar memorandum daripada 900 orang wartawan, adakah beliau telah betul-betul mengkaji balik? ataupun beliau tidak mengkaji balik tetapi tetap hendak gunakan. Kerana kita katakan kita telah *globalize* dan kita hendak berikan peranan yang lebih banyak kepada media yang seperti yang dikatakan dalam PIN.

Jadi saya rasa kalau kita hendak berikan peranan yang lebih berat atau lebih besar kepada media. Kita patutlah *review this act*, apakah sebabnya? Saya rasa kita ada akta-akta yang lain yang boleh pakai dan bukan akta ini. Bolehkah tapi Timbalan Menteri mungkin tidak tahu adakah Yang Amat Berhormat telah mengkaji balik. Jadi saya rasa tanya tidak berguna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, kalau tahu tidak berguna tidak payah tanya.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jadi kalau tidak berguna buat apa tanya. Jadi saya rasa benda ini masih relevan dan akta ini akan diteruskan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Kepong juga membangkitkan isu....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan mengenai jawapan ini, Yang Berhormat. Boleh penjelasan?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Boleh....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah satu jawapan rasmi diberi mengenai perkara ini kepada memorandum oleh sebab terlalu lama sudah lepas. Satu pendirian yang rasmi oleh Yang Amat Berhormat kerana beliau boleh buat jaminan akan memberi satu jawapan yang tepat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Menyampuk*] Bertulislah ini saya rasa...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya rasa perkara ini telah dikaji dan ...apa dia, saya rasa telah dikaji dan saya rasa keputusan mungkin telah dibuat, saya pun tidak pasti. Tapi walau bagaimanapun saya akan maklum kepada Yang Amat Berhormat secara bertulis sama ada tindakan itu sudah diambil atau tidak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Disampaikan balik kepada wartawan-wartawan, seribu orang wartawan-wartawan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Kepada Yang Amat Berhormatlah, Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan isu karikatur Nabi Muhammad S.A.W supaya ditangani dengan adil. Di mana akhbar Guan Ming digantung selama dua minggu manakala akhbar *New Straits Time* dilepaskan setelah memohon maaf.

Kementerian telah mengambil tindakan menggantungkan permit akhbar Guan Ming Daily, edisi petang selama dua minggu berkuat kuasa pada 16 Februari 2006 sehingga 16 Mac 2006, kerana menyiarkan artikel karikatur Nabi Muhammad S.A.W dalam keluaran 3 Februari 2006. Kementerian juga telah mengambil tindakan memberi surat amaran kepada akhbar *New Straits Time* pada 3 Mac 2006, kerana menyiarkan lingkaran kartun berunsur sindiran menyentuh isu penyiaran karikatur Nabi Muhammad S.A.W dalam keluaran 20 Februari 2006, tetapi akhbar *News Straits Times* tidak menyiarkan karikatur yang telah pun dikenakan pemerintahan larangan atau di haram. Mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan kawalan hasil penerbitan tanpa diingini.

Kementerian telah meneliti dan memberi pertimbangan secara adil mengenai penyiaran kedua-dua akhbar berkenaan juga tindakan yang telah diambil adalah berasaskan wujudnya perbezaan bahan yang telah disiarkan oleh akhbar-akhbar berkenaan walaupun menyentuh isu yang sama.

Yang Berhormat bagi Seputeh membangkitkan soal

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong apa lagi hendak tanya

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya hendak tahu daripada Yang Berhormat yang cuba menjawab dengan betul, tadi saya ingat dia telah berusahalah. Dia baru sahaja jadi Timbalan Menteri dan dia berusaha kita pun memberikan peluang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau kata demikian tidak perlu tanya soalan lagilah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jawatan ini memang susah dan cuma bolehkah Yang Amat Berhormat terangkan kepada kita semua ini. Tindakan ke atas Guan Ming misalnya adakah ini tinjauan dari pihak sendiri ataupun permintaan orang lain. Misalnya mungkin kerana ada persaingan di antara akhbar dan kemudian dia tidak puas hati dan dia masukkan satu surat *complain* kepada pihak kementerian dan kementerian pun mengambil tindakan. Adakah ini benar ataupun pihak kementerian itu mempunyai pakar yang memantau setiap hari dengan teliti dan tidak menghiraukan siapa yang buat aduanlah, dia buat sendiri. Saya hendak tahu kerana hendak itu pihak kementerian mempunyai kepakaran yang baik, bukan terima aduan ataupun keluhan pada orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini anggapan Yang Berhormat Keponglah.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan anggapan saya, saya minta itulah dia menjelaskan, kerana dengan orang baru ini kita harapkan semua yang tidak betul diperbetulkan di dalam kementerian. Kerana kita amat menyaksikan itu benar-benarlah.

Karikatur Nabi Muhammad memang salah, kita tidak boleh terima. Sesiapa pun tidak boleh terima perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah cukupkah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak cukup lagi kerana kita hendak kebebasan akhbar pula tanpa menjejaskan negara, tanpa menjejaskan negara.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, sebenarnya memanglah kita selalu ada pasukan atau bahagian penguatkuasaan untuk meninjau akhbar-akhbar ini. Dan, kita sendiri sedar dan di samping itu juga ada juga laporan-laporan daripada orang-orang tertentu, daripada akhbar dan sebagainya yang membangkitkan perkara ini.

Yang Berhormat bagi Seputeh, berkenaan dengan isu klip MMS – ketuk ketampi yang melibatkan dua orang wanita yang dikeluarkan oleh surat khabar *China Press*, di mana tindakan atau tunjuk sebab telah diberi dan hasil daripada itu ada dua pegawai daripada

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Chief Editor.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ketua Pengarang.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Berkenaan dengan gadis dari negara China yang sedang di dalam akhbar yang ketuk ketampi. *[Disampuk]* Di mana tindakan itu adalah merupakan tindakan yang telah diambil dan bukan merupakan tindakan yang *double standard*. *[Disampuk]* Dan surat tunjuk sebab telah dikeluarkan kepada *China Press* dan tindakan untuk membuang, diberhentikan dua orang wartawannya adalah tindakan mereka sendiri, bukan diarah oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. *[Disampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya. [Disampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, saya hanya hendak tahu, tadi Yang Berhormat kata yang arahan telah dikeluarkan kepada *China Press*. Jadi, adakah arahan juga dikeluarkan kepada surat khabar yang juga membuat kesilapan yang sama, seperti 'Utusan'?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya kita minta tunjuk sebab kepada *China Press* dan setelah diberi penjelasan kita tidak mengambil tindakan apa-apa kepada *China Press*, begitu juga akhbar lain. Yang memecat pegawainya ialah tindakan *China Press* sendiri, tidak ada kena mengena dengan kementerian. [Disampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Bukankah benar bahawa *China Press* diberitahu bahawa kalau tidak ambil tindakan terhadap kedua-dua Ketua Pengarang, *Evening Edition China Press* akan digantung, dan itulah sebab akhirnya dua-dua Ketua Pengarang digantung. Kenapa selepas memaksa dua-dua orang digantung daripada *China Press* pihak kementerian menafikan? Tentu dua-dua tidak akan digantung kalau tidak ada paksaan daripada pihak kementerian. [Disorak] Ini *matter of fact*, tidak akan berlaku.

Kedua, mengapa ada *double standard*? Ada surat khabar-surat khabar seperti *Utusan Malaysia* pun ada kata begitu iaitu bahawa mangsa seorang *national* China, bukan benar, dan *New Straits Times* pun ada buat begitu tetapi tidak ada tindakan diambil terhadap mereka. Bukan kita mahu tindakan diambil terhadap mereka – *China Press* pun tidak patut diambil tindakan tetapi kenapa ada *double standard*.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya kita tidak pernah ambil tindakan terhadap *China Press*, kita minta surat tunjuk sebab dan mereka jawab, kita berpuas hati yang memecat pemberita ini bukan arahan daripada kementerian. Itu adalah *China Press* sendiri. [Disorak]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey, Yang Berhormat. Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Seputeh tidak fahamkah, jawapan ini sudah jelas.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sudah jelas, tidak faham lagikah?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hanya hendak menunjukkan bukti, kalau surat tunjuk sebab itu diberi kepada *China Press*, kita lihat *Utusan Malaysia* pada hari itu. [Sambil menunjukkan keratan akhbar] Ini gambar, ini *headlines*, 'Rakaman Video Wanita Rakyat China Bogel Hangatkan Parlimen'. Begitu juga dengan ini, *New Straits Times*, "Lockup Outrage – Video Clip of Women from China ordered to Stripped and Squat Raise of MPs"

Jadi, kenapa surat tunjuk sebab tidak diberikan kepada kedua-dua surat khabar kepunyaan UMNO ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau Melayu bogel pun hangat jugalah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya siaran itu adalah selepas daripada yang dikeluarkan oleh *China Press*. Itu hari yang kedua. [Disampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hari yang sama, hari yang sama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jangan bohong.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini adalah 25 November tahun lepas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Seputeh ini suka cerita bogel kenapa? Ini mahu hangatkan Dewan lagi. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini esok keluar lagi surat khabar, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:bogel punya perempuan Cina, hangatkan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Yang Berhormat bagi Seputeh, dia mahu publisiti politiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau tidak mahu dengar boleh keluar. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Keluarlah, keluarlah. Dipersilakan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okey, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah bertanya....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Belum habis di sini jawapan, kenapa bagi cerita dogeng mengenai *China Press*. Tidak beri amaran bahawa mereka sendiri pecat. Cerita dongeng itu.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak adil.

[Dewan riuh]

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor membangkitkan berkenaan dengan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia secara keseluruhan. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 4 Februari 2004 adalah untuk mengkaji dan mengesyorkan pembaikan dan pemodenan PDRM dalam usaha menjadikan PDRM sebuah organisasi penguatkuasaan undang-undang yang berwibawa pada abad ke-21 dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Pihak kerajaan juga memberi komitmen untuk melaksanakan cadangan pembaikan yang terkandung di dalam laporan tersebut. Namun, pelaksanaan cadangan pembaikan ini tertakluk dan bergantung kepada kesesuaian dan kemampuan kerajaan untuk melaksanakan secara kajian terperinci yang dilakukan oleh 5 jawatankuasa kecil dan kemudiannya diperakui dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Pembaikan PDRM yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini 65% cadangan telah dilaksanakan dan 15% akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Manakala, 20% masih lagi dalam perbincangan dan kajian selanjutnya oleh jawatankuasa kecil.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Mengenai apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan beliau sendiri ada mengulangi bahawa ada 3 kategori perakuan-perakuan Suruhanjaya Polis di-Raja:

- (i) 65% yang telah dilaksanakan;
- (ii) 25% atau 19% akan dilaksanakan dalam masa terdekat; dan
- (iii) 25% antaranya ialah ICPMC di dalam proses perbincangan.

Tidak! Ikut ICPMC. Oleh kerana ICPMC, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah kata bahawa bersetuju pada prinsipnya untuk menubuhkannya. Adakah pendirian yang baru-baru dibuat oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Bakri, bahawa pihak polis menolak ICPMC dan 25 perakuan-perakuan yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

pada hari pertama Persidangan Parlimen dan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri ada kata, dalam proses kajian dan perbincangan tetapi Ketua Polis Negara kata, sudah ditolak. Bukankah ini bererti *insubordination*? Ini kerana dasar ditentukan oleh Kabinet, oleh Parlimen dan bukan oleh cawangan polis atau apa-apa jabatan, adakah ini dibetulkan? Adakah Ketua Polis Negara ditegur, adakah tindakan tatatertib akan diambil? Dan, apa pendirian sekarang mengenai IPCMC?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: IPCMC seperti mana yang saya maklumkan tadi, kita telah laksanakan. 65% telah dilaksanakan, sebahagian telah dilaksanakan, 20% masih dalam perbincangan oleh jawatankuasa kecil. *[Disampuk]*

Berkenaan dengan IPCMC,

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya ingat bagi saya jawab ini dahulu.

Seorang Ahli: Dengarlah dahulu apa yang hendak dicakap.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Langkawi, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah bertanya mengenai penubuhan badan bebas IPCMC.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penubuhan sebuah suruhanjaya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum itu, sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua,...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Nanti saya jawab dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi, tadi...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Mengenai

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa yang saya tanya tadi itu.....

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Bagi saya habis....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengenai 25....

Seorang Ahli: Dia tidak beri laluanlah, Yang Berhormat. Dia tidak beri laluan, dia tidak beri laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...tidak perlu diselamatkanlah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Macam ini.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, tadi saya ada tanya mengenai 25 *recommendation*, di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata dalam proses perbincangan tetapi IGP kata sudah ditolak. Apa kedudukan ini?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tidak tolak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Hah!

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Polis tolak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ia ditolak.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tidak tolak, sebenarnya

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Polis tidak tolak. IGP kata fitnah, tidak benar. Apa yang IGP kata tidak benar atau satu cabaran kepada *authority* Perdana Menteri pada Hari Polis? *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: Tidak adalah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya benda ini, pandangan masih ramai. Dalam Parlimen ini pun berbeza-beza berkenaan dengan IPCMC, ada yang minta ditolak. Ini pandangan umum. Walau bagaimanapun, benda ini sedang dalam kajian. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Tidak ada keputusan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: .Dan, apabila keputusan dibuat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Belum putuslah, dalam kajianlah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Berkenaan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan! Saya bukan sebut IPCMC, saya sebut mengenai 25 *recommendations* yang disebut oleh IGP bahawa pihak polis sudah tolak. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu apa dalam ucapan IGP pada Hari Polis – bahawa selain daripada tolak IPCMC, 24 *recommendations* yang lain pun sudah ditolak oleh pihak polis. Adakah Yang Berhormat tahu mengenai perkara ini?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang saya tahu setakat hari ini kita telah menerima apa yang telah dicadangkan dan pelaksanaan pun telah dibuat dalam pelbagai

Seorang Ahli:banyak dibuat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Dan, banyak dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskanlah Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jadi, mengenai penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah laku IPCMC, mesyuarat jawatankuasa kerja pelaksanaan penambahan PDRM pada 24 Januari 2006 yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil keputusan bahawa secara prinsipnya cadangan penubuhan badan penyemakan bebas ini dipersetujui. Walau bagaimanapun, Jabatan Peguam Negara yang akan membuat perancangan dan cadangan lengkap mengenai penubuhan bebas ini.

Kertas kerja, perancangan dan cadangan akan diangkat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum dibenteng dalam mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Beberapa Ahli: Hah! Apa lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan, minta penjelasan....

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya ingat benda itu *very clear already*. Apa hendak tanya lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: IPCMC. Bukankah apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pada prinsipnya jawatankuasa Kabinet sudah setuju tetapi perkara ini diserahkan kepada Peguam Negara supaya *fine tune process and prosedure* untuk menubuhkannya menunjukkan bahawa satu keputusan dasar sudah dibuat dan apabila IGP kata bahawa ini ditolak, bukankah ini satu cabaran, *authority* kepada Perdana Menteri. Kenapa apabila satu memorandum 9 orang bukan Islam mengenai kes *Moorthy*, mengenai Artikel 121 boleh menimbulkan satu krisis sintetik, satu cabaran *the fence authority* Perdana Menteri oleh IGP, diketepikan, tidak diambil perhatian yang berat. Adakah IGP *immunity*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Lebih tinggi daripada Menteri?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oh! Dia jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jawab kenyataan....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa hak beliau berdiri untuk jawab? Apa hak?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, saya rasa benda itu telah saya jawab dan kita tunggulah laporan daripada AG. *[Disorak]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh ingin mengetahui berkenaan dengan kerajaan masih mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri walaupun dilihat menzalimi rakyat. Akta Keselamatan Dalam Negeri dimulakan sebagai faktor pencegahan bagi mematah kegiatan yang boleh menggugat 3 elemen penting iaitu:

- (i) keselamatan negara;
- (ii) kehidupan ekonomi; dan
- (iii) penyelenggaraan perkhidmatan perlu di peringkat awal lagi.

Penggubalan Akta Keselamatan bukanlah hanya semata-mata untuk mengekang kegiatan atau ancaman komunis tetapi merupakan tindakan pencegahan peringkat awal di atas kesemua kegiatan atau aktiviti yang didapati mengancam serta menggugat keselamatan negara.

Melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri, negara-negara luar telah menunjukkan keyakinan mereka bahawa Malaysia mempunyai pendekatan tersendiri yang sangat berkesan bagi mencegah berlakunya kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara. Beberapa buah negara, termasuk negara maju telah juga memperkenalkan dan menguatkuasakan undang-undang mirip Akta Keselamatan Dalam Negeri yang memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk menangani ancaman-ancaman keselamatan di peringkat awal.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. ISA. ISA. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa baru-baru ini 23 orang tahanan di bawah ISA di Kamunting, adalah arahan penahanan mereka dilanjutkan kali yang ketiga, bererti bahawa mereka mula di bawah tahanan tahun kelima. Tetapi mereka tidak diberitahu atau disiasat semula mengenai alasan-alasan penahanan mereka.

Kedua, bahawa lembaga penasihat (*advisory board*) pun pernah beberapa orang dalam kumpulan ini ada membuat nasihat bahawa mereka patut dibebaskan. Kenapa keputusan dan nasihat lembaga penasihat (*advisory board*) tidak dihiraukan supaya mereka dibebaskan? Kalau kerajaan tidak ada bukti-bukti baharu untuk terus menahan mereka bukankah lebih elok dan lebih baik mengikut hak-hak asasi bahawa mereka dibebaskan atau mereka didakwa di mahkamah supaya satu perbincaraan terbuka boleh diadakan?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya rasa selagi mereka - kita dapati bahawa mereka tidak mengancam keselamatan dalam negeri kita tidak ada masalah, bererti bahawa mereka ini masih lagi, kita rasa mempunyai *threat* kepada keselamatan dalam negara, maka itu kita terpaksa menahan mereka.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh minta sedikit penjelasan? Tentang ISA ini, Yang Berhormat, yang mereka katakan zalim, tidak berperikemanusiaan dan kejam. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah jelas tindakan ISA yang dibuat oleh kerajaan ini untuk menjaga ketenteraman awam, kestabilan negara kita, keselamatan kita, sehinggakan ada Ahli Dewan ini yang pernah dikenakan tahanan ISA tetapi pada hari ini bebas. Bebas!

Jadi, di manakah yang dikatakan zalim, yang dikatakan kejam? Dalam Dewan ini, yang pernah ditahan di bawah ISA pun boleh lagi diberi kebebasan untuk bertanding dalam

pilihan raya, bukankah ini satu sistem yang dikatakan tidak benar, zalim dan tidak berperikemanusiaan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong pakai tie elok bukan main hari ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bagi penjelasan sedikit, Yang Berhormat supaya mereka faham. Sebab hari ini mereka ada dalam Dewan yang dulu mereka pernah ditahan di ISA. Dalam Dewan mereka ada pada hari ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Kepong bangun, pasal apa? Saya buat pertanyaan. Kepong terasakah? Duduklah dulu. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, di mana? Di mana yang dikatakan zalim?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya Akta Keselamatan Dalam Negeri, ialah satu akta seperti mana yang kita semua tahu adalah akta untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman dalam negara. Selagi seseorang itu tidak menggugat keselamatan dalam negara mereka bebas, tidak ada masalah. Yang masalah ini ialah kepada mereka yang sentiasa cuba menggugat kestabilan politik dan juga keselamatan negara, saya kata orang-orang...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kepong bangun, buat apa, Kepong? Dengarlah penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan? Kalau tidak gulunglah. Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Masih berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga membangkitkan berkenaan dengan lencana anti rasuah yang dipakai oleh polis.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Masih berdiri]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Sila duduk.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Pemakaian lencana khas "Saya Anti Rasuah" adalah satu daripada langkah untuk membasmi dan mengurangkan kes-kes rasuah di kalangan anggota dan juga pegawai PDRM. Sehubungan dengan itu arahan memakai lencana itu seharusnya tidak menjadi ukuran utama untuk mengurangkan kes-kes rasuah anggota dan pegawai PDRM.

Arahan memakai lencana ini merupakan langkah yang diambil oleh PDRM untuk menunjukkan kepada orang ramai bahawa PDRM sedang menjalankan kempen dalaman di kalangan anggota dan pegawai bagi memerangi rasuah. Arahan ini juga mendidik orang ramai supaya tidak membuka ruang kepada PDRM melakukan rasuah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan mengenai perkara ini di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenainya. Kita tidak bantah mengenai lencana, tetapi apa yang kita mahu tahu ialah selepas laporan Suruhanjaya Diraja mengenai masalah korupsi di pasukan polis, satu masalah yang kita perlu anggap sebagai serius di mana ada beberapa kes disebut - kes RM34 juta seorang pegawai tinggi. Adakah semua sudah disiasat oleh pihak polis? Semua disiasat oleh ACA? Dan apa hasil daripada semua siasatan ini akibat daripada laporan Suruhanjaya Diraja mengenai korupsi dan spesifik atau lencana sahaja. *Anti-corruption!*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Berkenaan dengan lencana ini ialah satu daripada usaha PDRM untuk memerangi rasuah. Walau bagaimanapun berkenaan dengan rasuah yang melibatkan pegawai polis, saya rasa benda ini sudah diambil tindakan dan saya rasa laporan terperinci. Kalau Yang Berhormat ingin tahu berkenaan dengan tindakan-tindakan yang diambil, saya rasa saya boleh bagi secara bertulislah. Saya tidak dapat menyebut dalam Dewan yang mulia ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri baru terima penjelasan itu daripada kakitangan. Boleh baca? Boleh kita tahu apa itu? Itu? Kita mahu tahu serta-merta apa yang terkini. *[Dewan riuh]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Janganlah buat andaian! Itu mungkin surat lain. Apa ini! Buat andaiankah? Apa ini!

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ini bukan berkaitan dengan itu? Janganlah salah faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat. Janganlah buat andaian. Mungkin surat-surat lain.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baik, saya tunggu. Saya tunggu jawapan bertulis. Okey? Okey. Baik.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam. Hendak bagi jalan?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Dengan ISA itu, ada satu spesifik... Rayuan, rayuan yang khas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bukit Mertajam, dia tidak bagilah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Rayuan khas. Timbalan Menteri... Timbalan Menteri. Saya hanya mohon ini...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ingin mengetahui...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ISA. ISA.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Duduklah. Duduklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini adalah rayuan khas. Saya hendak buat satu rayuan kepada pihak kerajaan. Tolong. Tolong. Satu. Sebelum itu...sebelum itu. Tolong kami.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya hendak menjawab Bukit Mertajam. Ini you punya. Saya mahu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: You tak mahu jawab?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa itu?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya mahu jawab.. you punya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum itu. Sebelum itu. Ini tentang ISA. Tolong. Tolong.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ingin mengetahui mengapa kes rogol dan bunuh melibatkan wanita dan kanak-kanak semakin meningkat dan perkembangan terkini melibatkan kes bunuh Kaliswary di Nibong Tebal Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang mengambil berat dan prihatin tentang kejadian rogol dan bunuh yang melibatkan wanita dan kanak-kanak. Dalam kes Kaliswary, mangsa telah dirogol dan dcederakan di bahagian kepala dan tubuh badannya. Sehingga ke hari ini siasatan masih diteruskan oleh pihak polis bagi memburu penjenayah yang bertanggungjawab menyebabkan kematiannya. Pihak Polis tidak dapat menyelesaikan kes ini secepat mungkin kerana tidak mempunyai maklumat berkaitan dengan suspek dan juga tiada maklumat yang diperoleh dari orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga ingin mengetahui mengenai kes rogol dan bunuh Chee Gaik Yap daripada Sungai Petani kerana tidak dapat diselesaikan sedangkan kes Siti Sazwani daripada Johor Bahru dapat diselesaikan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Timbalan Menteri, di Johor ialah Syafiqah binti Borhan. Siti Sazwani ialah di Sungai Petani juga.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Siti Sazwani di Johor Bahru?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *No, no, no.* Siti Sazwani di Sungai Petani. Itu memang saya tahu.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okey. Kes ini tidak dapat diselesaikan oleh sebab tidak ada saksi bebas yang melihat insiden tersebut. Selain daripada itu, maklumat positif tentang identiti jenayah juga tidak diketahui. Pihak polis juga tidak mempunyai keterangan atau maklumat lain yang dapat membantu juga mengesan penjenayah. Walau bagaimanapun, tangkapan secara rambang terhadap suspek yang berkemungkinan terdapat telah dibuat, namun semua ternyata memberi keputusan yang negatif.

Di dalam kes Siti Sazwani binti Ahmad Dasuki, *is that? [Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam]* Okey, walaupun suspek dalam kes ini telah membuat pengakuan di hadapan Yang Arif Majistret Puan Vijaya Letchmi di bawah Seksyen 115 Kanun Tatacara Jenayah pada 23 Disember 2004, namun kes ini disebut semula di Mahkamah Majistret pada 20 Disember 2005. Suspek telah dibebaskan oleh sebab kekurangan bukti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Panjang lagi. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga ingin mengetahui berkenaan dengan penangkapan secara rambang untuk mendapat DNA adalah merupakan satu ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Timbalan Menteri, sebelum itu. Kes Sazwani itu. Soalannya ialah mengapa yang dikatakan suspek itu telah ditangkap dan dia sudah buat pengakuan, dia mengakui telah merogol dan membunuh. Selepas satu tahun dia telah dibawa ke mahkamah. Enam kali dibawa ke mahkamah, tidak ada perbicaraan, hanya *mention* sahaja dan akhirnya satu tahun selepas itu dia dibebaskan kerana dikatakan ujian DNA tidak mengaitkan beliau.

Soalannya ialah ujian DNA dibuat awal. Kalau ujian DNA tidak positif, sepatutnya dia sudah dilepaskan. Mengapa ujian DNA hanya diketahui satu tahun selepas itu? Itu adalah soalnya. Yang keduanya ialah walaupun ujian DNA yang dikatakan negatif tetapi suspek ini, dia dilepaskan oleh mahkamah tetapi ditahan semula dalam *Emergency Ordinance* (EO), mengapakah sebabnya? Kalau dia tidak dikaitkan mengapa dia ditahan lagi?

Saya bukan hendak mempertahankan suspek ini tetapi mengapa? Ini adalah menimbulkan soalan kepada orang awam. Adakah ini kerana bukti ini telah dirosakkan oleh pihak polis? Soalnya ialah adakah pihak polis ada kecuai dalam menjaga bukti ini? Ini adalah soalnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Dalam soal ini saya rasa kita tidak melindungi sesiapa. Ini adalah berdasarkan kepada keputusan mahkamah dan berdasarkan kepada bukti. Jadi kalau sekiranya tidak ada bukti bagaimana kita hendak mendakwa orang itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa Yang Berhormat tidak faham soalan di sini. Seorang budak sembilan tahun...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya faham. Saya faham. Masalahnya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...telah dirogol dan dibunuh dan ayahnya, keluarganya hendak tahu mengapa? Mengapa boleh cuai macam ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tanya menteri nantilah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya rasa...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa adalah sepatutnya diberi satu keterangan yang lebih munasabah. Ini adalah anak orang...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ini adalah keputusan mahkamah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...bukan binatang atau apa.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ini adalah keputusan mahkamah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ini *Contempt of Court*. You tanya mahkamah, mana boleh, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini tidak kena mengena dengan *court*, kerana pihak polis tidak boleh membekalkan bukti yang kukuh, bukan kerana *court*.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yalah. Oleh sebab tidak ada bukti macam kita hendak bagi bukti.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sudah ada. Dia sudah buat akui. Sudah ada *accused*. Suspek sudah buat akui - telah mengakui dan ujian DNA telah dijalankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa ini boleh terjadi? Saya rasa Timbalan Menteri adalah lebih bertanggungjawab kepada satu nyawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...yang telah terkorban.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yalah. Kita hendak buat macam mana. Kita tidak ada maklumat. Tidak ada bukti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, sila gulunglah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekurang-kurangnya bolehlah menubuhkan satu jawatankuasa...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jawatankuasa apa lagi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...untuk membuka kes ini. Itulah permintaan ayahnya dan ibunya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mahkamah punya keputusan sudah wajar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah ini ditimbang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Kenapa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, khasnya UMNO begitu tidak bertanggungjawab - gadis Melayu. Kita membela nasib gadis Melayu ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita pun marah kepada ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Menyampuk]*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri sila gulung.

[Dewan riuh]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kita bela nasib semua mangsa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bela apa? Apa yang bela?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Guna masa untuk hentam-hentam. Bila MCA hentam-hentam. Bila nyawa. Ini kata tak cukup masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri sila gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pembunuh atau perogol

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Hentam-hentam...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Mana Perdana Menteri?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat sila ikut peraturan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat Bukit Mertajam ingin juga mengetahui...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kita ada polis. Kita ada undang-undang.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita pun simpati kepada mangsa. Kita pun simpati kepada keluarga mangsa, kita simpati UMNO ...penjenayah tetapi mahkamah telah memutuskan macam mana kita hendak buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Sri Gading sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Yang Berhormat, ini bukan pasar. Ini Dewan Rakyat. Kita bincang baik-baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: lalah semuanya macam pasar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini masalah mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: lalah semua sudah ditegur. Ahli-ahli Yang Berhormat

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jangan mengambil kesempatan untuk mempolitikkan isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Larut..bila Tuan Yang di-Pertua tegur ke.... dengarlah!

[Dewan riuh]

Beberapa Ahli: *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jangan sebut-sebut bangsa-bangsa dalam Dewan.

[Dewan riuh]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada niat jahat. DAP ada niat jahat. Bukan soal DAP hendak membela mangsa tetapi DAP ada niat jahat. Niat jahatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup-cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jasin datang dari mana?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bercakap dalam bahasa cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat kalau saya tegur dengarlah...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua pihak PDRM tidak pernah melakukan tangkapan secara rambang bagi mendapat DNA. Apa yang sedang dipraktikkan ialah semua tangkapan yang dibuat berdasarkan kepada laporan polis. Tangkapan-tangkapan tersebut adalah mengikut prosedur seperti mana yang ada di dalam Kanun Prosedur Jenayah yang diguna pakai oleh PDRM pada masa ini. Yang Berhormat Bukit Mertajam juga ingin mengesyorkan kerajaan patut membuat kajian mengapa jenayah seks kejam dilihat semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

Kerajaan juga telah mengenal pasti mengapa jenayah seks kejam berlaku pada masa ini. Daripada kajian PDRM, jenayah ini berlaku adalah berpunca daripada pengaruh VCD-VCD lucah pada satu masa begitu mudah diperolehi di pasaran. Walau bagaimanapun agensi-agensi penguatkuasaan telah menangani jualan VCD-VCD ini secara habis-habisan. Di samping itu juga pengaruh-pengaruh dadah kerana emosi, mental serta faktor mangsa sendiri dengan suka mendedahkan diri kepada...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Saya membantah sekeras-kerasnya kerana menyalahkan mangsa dalam kes yang macam ini. Ini budak sembilan tahun sahaja. Apakah dia hendak menunjuk-menunjukkan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ini apa cerita pulak?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang awak jawab itu!

[Ketawa]

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Apa *you* cakap ?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa menyalahkan bangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ini cerita apa pula? Ini cerita fasal DNA, *you* apa ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Teruskan, teruskan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya cakap fasal DNA. Apa *you* cakap?

[Dewan riuh]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Haiya..sebab itu dengar dulu. Dengar dulu.

[Dewan riuh]

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya cakap fasal DNA. *You* sudah rosak banyaklah. Yang Berhormat Bukit Mertajam juga meminta bilangan keanggotaan polis wanita di tambah. Bilangan keanggotaan polis wanita sentiasa di tambah dari tahun ke tahun. Daripada statistik jawatan PDRM pada tahun 2004 seramai 658 pegawai dan anggota polis wanita yang telah dilantik manakala pada tahun 2005, seramai 843 orang pegawai dan anggota polis wanita telah dilantik.

Yang Berhormat Seputeh telah membangkitkan berkenaan dengan kes empat warganegara China yang

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

[Dewan riuh]

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: ...telah ditahan oleh polis selama empat malam.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dengarlah penjelasan dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Boleh atau tidak.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Manakala mereka telah membuat laporan polis. Kes siasatan ini telah diajukan kepada Yang Arif Timbalan Pendakwa raya bagi tindakan selanjutnya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Tak berani ke?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh juga membangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kenapa tidak bagi?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: *You* duduklah. Banyak lagi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Satu lagi, satu lagi..

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Banyak lagi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya tahu. Satu lagi yang penting.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, Timbalan Menteri tidak bagi jalan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Puan Noorzan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terusakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Timbalan Menteri satu kali sahaja. *One more.*

[Dewan riuh]

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Siasatan yang telah dilaporkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain-lain sila diamlah. Macam mana Timbalan Menteri hendak jawab. Yang Berhormat bising.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Timbalan Menteri satu sahaja. *One more time.*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum:Siasatan yang telah dijalankan ke atas laporan pengadu..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Timbalan Menteri yang terakhir, *one more time yang akhir...yang akhir...*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: ...dengan beberapa keterangan saksi telah diambil siasatan dijalankan untuk menunjukkan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...selepas itu saya akan keluar..

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: bahawa wujudnya unsur-unsur pencabulan berlaku ke atas penjagaan tetapi ia lebih prosedur secara anggota polis wanita menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas seorang wanita. Oleh itu kes ini telah dicadangkan di bawah NFA (*no further action*). Berhubung dengan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan ke tidak.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Seputeh ialah berkenaan...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua saya rasa peraturan mesyuarat. Ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Peraturan mesyuarat yang mana Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat 21 Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Kementerian di bawah Perdana Menteri. Jadi saya haraplah Timbalan Menteri ini mestilah lebih standard sekurang-kurangnya.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: lalah. *You* tanya soalan yang tidak ada standard.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tetapi ini macam langsung tidak menghormati Dewan.

[Dewan riuh]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya haraplah kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh jawab kita minta Perdana Menteri datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak bagi laluan, sudah minta penjelasan. Ini isu kita penting. Keselamatan...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Kita sudah kasi banyak sudah..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan yang baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tak jawab soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ikut peraturan. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak bagi bercakap jangan bercakap.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tapi dia mesti ingat. Ini adalah kementerian di bawah Perdana Menteri. Apa standard yang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah dia sudah jawab. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Satu lagi

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bila dia hentam MCA kita diam-diam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Duduklah. Ini peraturan mesyuarat. Tak faham.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan lupa setiap keluarga orang wanita...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah sila duduk. Timbalan Menteri sila gulung. Cukuplah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua satu kes lagi di bawa Seputeh ialah berkenaan dengan *report* THSL 035465/05 beliau menyebut kes ini sebagai Mumtaz sebenarnya bukan orang berkenaan. Kes itu orang lain. Kes ini saya rasa tidak payah jawablah.

[Dewan riuh]

Kes dua orang lagi adalah warganegara Iran Mustazah dan Hamid iaitu kes *report* Subang Jaya dan juga Dang Wangi. Bagi kes yang pertama, PDRM telah mengambil keterangan beberapa anggota yang telah mengaku mengikuti OPS SAWAL dan OPS NYAH KHAS iaitu operasi yang di mana pengadu telah ditahan kerana gagal mengemukakan dokumen perjalanan sah. Kes ini masih lagi di dalam siasatan polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak baca semua kes ke? Panjang.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Banyak sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak payah bacalah tu. Itu kes demi kes buat apa hendak baca.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya Yang Berhormat kes ini pun tidak ada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah baca semua kes.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak relevan. Tak payah jawablah. Sekianlah sahaja....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kes ini pun tidak, pengadu tidak berminat untuk membuat teguran. Tetapi

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa lagi mahu jawab. Sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: ...tetapi desakan daripada Yang Berhormat Seputeh...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Seputeh jangan ikutlah dia...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: ...menulis *report*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Sila gulung Yang Berhormat

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Kalau kes ini. Kes yang kecil sangat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Yang Berhormat.

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Timbalan Menteri sila gulung. Habiskan perbahasan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat Bukit Mertajam juga mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Cawangan Khas oleh PDRM mengenai kes berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak. Sebenarnya memang sudah ada di peringkat Bukit Aman. Kita ada di peringkat IPK. Sekarang ini kita sedang mengkaji untuk di tubuh di peringkat daerah. Yang Berhormat Bagan telah membangkitkan tentang kecurian.. ..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan..

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Apa lagi?

[*Dewan riuh*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukit Mertajam *you* punya cadangan telah diterima apa lagi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini ada satu rayuan khas...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudahlah. Bukit Mertajam *you* punya cadangan sudah terima apa lagi mahu tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, yang lain, sila diam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Timbalan Menteri yang akhirnya pun bagi satu peluang untuk penjelasan. Saya hendak buat satu rayuan khas bagi isteri kepada Abdul Samad Shukri Mohamad yang di dalam tahanan. Isteri beliau sedang sakit sekarang. Dan anak sulungnya, dia ada enam orang anak. Semua dalam persekolahan. Anak sulungnya mempunyai psikiatri *problem*. Kerana tekanan dari tahanan ayahnya ...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat saya rasa kita jumpa di luar Dewan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Anak perempuannya menghadapi penyakit ini. Jadi saya diminta untuk membuat rayuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ini kes-kes spesifik.

[*Dewan riuh*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sila jumpa luar lah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:supaya boleh mempertimbangkan untuk membebaskan beliau.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Timbalan Menteri kata jumpa luar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sangat berterima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri kes-kes kecil tidak payah dibawa ke sini. Sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okeylah...saya gulung terus.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan mengenai kes yang dibangkitkan itu. Yang Berhormat, saya ingin tanya adakah ini standard *operating* prosedur dalam balai polis kita yang mana semua suspek yang di bawa masuk ke lokap itu sebelum itu di telanjang badan. Dan dia tengok oleh pegawai polis walau pun sama seks. Ini adalah untuk makluman Yang Berhormat satu lagi kes seorang nenek 46 tahun yang dibawa ke bekas Penjara Pudu, lokap Dang Wangi juga diminta berbuat demikian, pada 11 Mac dan saya hendak tahu selepas semua mengadu hal mengenai orang yang di ketuk ketampi, yang telanjang badan di *highlight*kan oleh pegawai polis itu. Dan polis sudah keluaran satu *body search* dia tetapi memang tidak dilaksanakan. Pada peringkat ...standard prosiding prosedur sekarang apa yang dicakapkan oleh IGP memang tidak dilaksanakan pada peringkat balai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya juga ada satu soalan lagi Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya bangkitkan itu sebenarnya selain daripada Puan Norizan semua itu telah ditelanjangkan badan. Jadi apakah arahan, apakah pendirian Yang Berhormat terhadap yang cara pegawai polis kita yang menjaga lokap mengendalikan isu seperti ini. Saya rasa ini adalah isu hak asasi manusia tetapi daripada jawapan itu selagi yang ...nampaknya tidak ada apa-apa tindakan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, Yang Berhormat,.. saya sudah faham...boleh duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...nampaknya tidak ada apa-apa tindakan disiplin diambil. Seperti empat warga China itu saya sudah serah pada AG. Kalau AG tak buat apa-apa jadi tidak ada tindakan disiplin yang diambil terhadap pegawai polis. Jadi ini pertanyaan saya, apakah yang direktif daripada kementerian.

[Dewan riuh]

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Bukit Gantang telah membangkit dan bertanyakan kenapa dadah diedarkan di penjara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila pendekkan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Baliklah. Baliklah. Tidak tahu jawab, baliklah.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Diseludup masuk dan diedarkan di negara ini.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dia baru *mention* Bagan berkenaan dengan hal curi. Sekarang dia sudah lompat.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Saya sudah lompatlah, banyak sangat cakap pasal curi-curi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Apa ini!

[Dewan riuh]

Beberapa Ahli: *[Bersorak dan bercakap sesama sendiri]*

[Dewan riuh]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mahu gajikah. Mahu gajikah. Tidak ada gajikah? Ambil gajikah. Mahu makan gaji butakah?

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Eh! Parlimen tidak boleh curi-curi punya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap supaya Timbalan Menteri jawab baik-baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak boleh tergesa-gesa kalau kena mesyuarat sampai tengah malam kita kena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini bahas ucapan Titah Ucapan Tuanku.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk – bercakap bahasa Mandarin]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah, Batu Gajah, Peraturan.... *[Mengangkat buku Peraturan Mesyuarat]* Peraturan Yang Berhormat kena dengar.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat mahu cakap, macam mana saya mahu gulung? Yang Berhormat duduklah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Menyampuk – bercakap tanpa pembesar suara]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk – bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap sesama sendiri].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, sila gulung Timbalan Menteri.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Ya. Ya. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Baganlah, saya patah balik kepada Bagan telah membangkitkan tentang kes kecurian kecil

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila teruskan ucapan Yang Berhormat.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: ... seperti mencuri pili bomba harus ditangani dan dipandang serius oleh polis.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Pada masa ini PDRM sentiasa memandang serius perbuatan mencuri pili bomba, meter air, penutup keluli longkang kerana ia melibatkan keselamatan dan kepentingan awam. Memandangkan kes-kes kecurian tersebut mempunyai kaitan dengan perniagaan barang-barang lusuh, PDRM sentiasa membuat tinjauan di pusat-pusat yang berkaitan. Contohnya ialah kita sentiasa memeriksa secara mengejut dari semasa ke semasa ke premis perniagaan barang lusuh.

Yang Berhormat bagi Bukit Gantang telah bertanya bagaimana dan kenapa dadah diseludup masuk dan diedarkan ke dalam negara ini. Terdapat banyak fakta mengapa dadah masih lagi berjaya diseludup masuk ke negara kita, yang pertama ialah oleh kerana kawasan sempadan Malaysia yang amat luas meliputi kawasan perairan dan laluan darat membolehkan penyeludupan mudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak baca semuakah? Saya minta gulung tadi Yang Berhormat.

Seorang Ahli Pembangkang: Yang Berhormat tidak ada, tidak payah jawablah, gulunglah!

[Dewan riuh]

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Ada sedikit lagi. Ada sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Kedua, walaupun wujudnya jaringan komunikasi dan infrastruktur pengangkutan yang cepat dan cekap membolehkan pengedar dadah tersebut memanfaatkan kemudahan infrastruktur serta kemudahan yang berkesan ini.

Yang Berhormat bagi Tebrau telah membangkitkan soal Rakan Cop. Sebenarnya Rakan Cop ini ialah satu-satu perkara yang dialu-alukan penubuhannya dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, Rakan Cop telah dilancarkan di seluruh negara. Boleh dikatakan kita sekarang ini mempunyai 30,000 lebih ahli Rakan Cop. Pelancaran secara rasmi di peringkat kebangsaan akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 April di Dataran Merdeka.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Maghrib Tuan Yang di-Pertua. Maghrib Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Bintulu telah membangkitkan berkenaan dengan perancangan penubuhan Jawatankuasa Tatatertib untuk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya sudah beritahu minta gulung.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Gulung ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagilah saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam perbahasan ini dan kepada yang tidak dapat saya jawab pada hari ini saya akan jawab secara bertulis. Sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Bantahan, bantahan. Bantahan sekular. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, mana boleh tidak jawab isu tudung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Cukuplah. Cukuplah. Cukuplah Batu Gajah. Cukup, cukup, cukuplah.

Cik Fong Po Kuantiti [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, apa makna perbahasan Titah Ucapan Tuanku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Cukup. Cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa maksud perbahasan Titah Ucapan Tuanku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Isu tudung! *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang Berhormat Menteri.

Seorang Ahli: Oi! Banyak teruklah *you* orang punya perangai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua diam. Yang Berhormat Menteri teruskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini Timbalan Menteri tidak menjalankan tugasnya dengan baik. Saya memang sokong.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Masih membantah]*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Yang Berhormat tidak hormat saya. Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, pohonlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tengok, Kepong pun tidak mahu dengar, dia baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kementerian Pengangkutan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak membela.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh bagi orang UMNO – Barisan Nasional, UMNO khasnya menteri banyak masa boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa ini. Apa kena mengena UMNO.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohonlah isu tudung ini dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Dia akan jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okay, teruskan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jawablah. Awak bukan Menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa! Apa ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*Menteri MCA, saya diam-diam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]* Tuan Yang di-Pertua, saya pohonlah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Peraturan 35 *[Mengangkat Buku Peraturan Mesyuarat]* Kalau tidak boleh, saya sudah buat *ruling*. Sila duduk, Menteri teruskan. Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah dia memberi satu jawapan bertulis menjamin apa yang tidak sempat

Dato' Mohd Johari bin Baharum: *[Berjalan keluar Dewan]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa dia mahu, belum habis lagi mengapa dia lari?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Reshuffle Cabinet* - ini kualiti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: akan dijawab secara bertulis, dia sudah lari, bolehkan berikan jaminan? Boleh? Boleh? Jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, yang lain sila duduk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini *Reshuffle Cabinet* ini, kualiti ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup. Cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh? Boleh? Bolehkah? Apa ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini kualitakah? Ini main-main sahaja. Ini Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita mahu jawapan bertulis sekurang-kurangnya. Dia sudah lari.

[Dewan riuh]

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bersorak dan bercakap sesama sendiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menteri sila teruskan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa Kabinet ini hasilnya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Eh, macam gajahlah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mana ada harapan dengan *Malaysian Plan*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Batu Gajah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Okay, terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *First error* jawapan.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

[Dewan riuh]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tanya macam gajah.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, yang lain sila diam.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *You all* semua "sekongkol" gagalkan kemajuan negara.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sangkaan jahat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Alahai! Doa, doa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Batu Gajah tarik balik! Sangkaan jahat. Sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk. Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa? Apa?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Bercakap tanpa pembesar suara – masih membantah*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Haiya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Hei! Ikut peraturanlah, 35 ini.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Menteri.

7.12 mlm.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Usul Menjunjung Kasih di Dewan yang mulia ini dan telah menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sandakan, Yang Berhormat bagi Tebrau, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Ampang dan Yang Berhormat bagi Sri Aman secara bersekali mengenai isu pendatang tanpa izin dan pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan mengenai pendatang tanpa izin ataupun dikenali sebagai PATI adalah jelas iaitu sesiapa yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah akan dianggap sebagai PATI dan akan ditangkap, disiasat, didakwa dan diusir ke negara asal mereka.

Bagi menangani masalah PATI, kerajaan mengadakan operasi penguatkuasaan secara berterusan untuk menangkap PATI. Agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, RELA dan Polis Diraja Malaysia sentiasa mengadakan operasi bersama. Operasi berterusan ini telah berjaya mengurangkan jumlah PATI yang dianggarkan kini dalam lingkungan 300 orang.

Sepanjang tahun 2005, sehingga Februari 2006, sebanyak 3,793 operasi PATI telah dijalankan. Melalui operasi tersebut sebanyak 30,156 PATI telah ditahan di atas pelbagai kesalahan. Bilangan operasi-operasi sebenarnya telah bertambah. Namun jumlah tangkapan telah berkurangan. Mulai tahun 2006, kerajaan telah memutuskan supaya isu menangani PATI menjadi *core business* pasukan RELA.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kolonel Menteri, saya pun kolonel akan datang dan saya kira tahun 2006 ini saya pun banyak tanggungjawab menjadi kolonel RELA ini. Jadi hendak kena juga membantu Menteri menyelesaikan masalah PATI.

Tetapi hendak tanya sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri Kebajikan sudah bagi kami sedikit buat kerja ini. Tidak bolehkah kementerian bagi sedikit peruntukan bagi kami Ahli-ahli Parlimen yang akan membantu

kementerian untuk menguatkan lagi pasukan RELA di kawasan kami, sedikit peruntukanlah Yang Berhormat Menteri. Kalau harapkan wakil rakyat, letih wakil rakyat ini sudah.

Bolehkah Kementerian Dalam Negeri ini membantu kami dengan sedikit peruntukan untuk kita menguatkan pasukan RELA di kawasan Parlimen kami, dan kita akan bantu kementerian untuk mengatasi masalah PATI ini Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir lebih baik kita buat ujian dahulu di mana untuk makluman Yang Berhormat juga kementerian telah memutuskan untuk mentauliahkan pangkat-pangkat dahulu iaitu pangkat-pangkat kehormat RELA ini kepada semua Menteri Besar, Ketua-ketua Menteri termasuk Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan kepada pegawai-pegawai awam di daerah dan negeri-negeri. Ini kita cuba dahulu.

Pentauliahkan pangkat-pangkat adalah seperti yang berikut, izinkan saya mengumumkan:

Menteri (saya) akan dapat pangkat Brigedier Jeneral... *[Sorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pangkat diatur sendirikah Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Ya. Satu bintang.

Menteri besar, ketua menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen, Ahli Parlimen dan KSN – Kolonel (*Full Colonel*).

ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) dan pegawai daerah – Leftenan Kolonel – dia bawah sedikit.

Ketua Penolong Pegawai Daerah - Major; dan

Penghulu – Leftenan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat. Hak orang perempuan pun pakai Kolonel jugakah Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Termasuk yang perempuan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. *[Ketawa]*

[Dewan riuh]

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Kita tidak boleh membezakan di antara perempuan dengan lelaki.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hah! Tengok kita orang mana beza. Eh! Sudah habis..... *[Ketawa]*

[Dewan riuh]

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Program pentauliahkan ini akan bermula di Sambutan Hari RELA pada 2 April ini di Melaka melibatkan Ketua Menteri Melaka, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan kemudiannya akan diikuti oleh negeri-negeri lain termasuklah Yang Berhormat sendiri.

Langkah ini sebagai usaha untuk memantapkan pasukan RELA di samping memberi peluang untuk mereka berkongsi tanggungjawab dalam menangani isu PATI di kawasan masing-masing. Selain itu mereka juga akan meniupkan semangat anggota-anggota di kawasan masing-masing untuk terus berbakti kepada negara dengan melantik Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sebagai Pegawai RELA Kehormat. Ini bermakna mereka mempunyai kuasa menangkap PATI.

Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat juga memikul tanggungjawab menghapuskan PATI di kawasan masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh turun padang bersama-sama anggota RELA yang lain untuk mencari dan menangkap PATI. Kementerian juga telah pun melantik dan menurunkan kuasa menangkap PATI kepada seramai 1,218 orang penjawat awam yang terdiri daripada pegawai-pegawai daerah, penolong-penolong

pegawai daerah, penghulu dan pegawai-pegawai perpaduan di seluruh negara supaya mereka boleh membantu kerajaan menangani isu PATI ini secara menyeluruh sehingga ke peringkat akar umbi.

Sebagai menghargai jasa anggota-anggota RELA dalam operasi-operasi terhadap PATI, kementerian telah bersetuju untuk memberi dua pasang pakaian seragam kepada mereka agar mereka lebih bersemangat dalam menjalankan tugas. Wakil-wakil rakyat juga akan dibekalkan dengan pakaian seragam RELA.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh minta penjelasan sedikit. Ini tentang kuasa ini, bukan suatu tanggungjawab yang mudah Yang Berhormat. Adakah kita memerlukan pakai uniform, pakaian seragam baru kita boleh cukup ataupun tangkap mereka yang bersalah ini ataupun ada cara lain. Bukan senang Yang Berhormat. Walaupun penurunan kuasa itu diberikan kepada wakil-wakil rakyat terutama inilah. Apakah ada satu garis panduan sama ada kita memakai uniform, pakaian seragam ini menakutkan mereka yang bersalah atau bagaimana? Tolong Yang Berhormat jelaskan sedikit. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana Yang Berhormat bangkitkan satu soalan yang cukup baik dan saya ingin menyatakan di sini bahawa selepas kita membekalkan pakaian seragam kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini kita akan memanggil satu perjumpaan di mana kita akan beri penerangan tentang kuasa yang sepatutnya yang boleh kita lakukan dan apa yang kita tidak boleh lakukan. Saya berharap ini akan dijalankan dengan secara baik selepas itu Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah diharapkan menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada satu persoalan di mana istilah PATI ini di mana mereka yang berada di dalam negara ini tetapi tidak ada dokumen yang sah untuk berada di dalam negara. Ok, di tempat saya bersempadan dengan Thailand di mana ramai di antara rakyat ataupun mereka yang berada di kawasan saya berkahwin dengan mereka daripada Thailand.

Oleh kerana mereka ini berada sejak berpuluh-puluh sehingga anak sudah besar sedangkan mereka ini tidak ada dokumen yang sah dan apabila berlaku penangkapan oleh RELA sebelum ini mereka datang berjumpa kita meminta pertolongan supaya dipertimbangkan untuk mendapat dokumen yang sah ataupun taraf kewarganegaraan dan apakah kementerian boleh memberi kelonggaran kepada kes-kes yang spesifik di mana warganegara asing yang berkahwin contohnya di Kelantan tetapi tidak ada dokumen yang sah. Dan saya yakin perkara ini kena kita selesaikan kerana kalau tidak diselesaikan dia akan berlarutan sehingga anak pun tidak ada dokumen yang sah untuk berada dalam negara kita. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat harus bersabar kerana jawapan saya akan menjawab soalan itu sebentar lagi.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sabak Bernam bangun.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Keseluruhannya kerana saya pun datang daripada kawasan yang bersempadan dengan Thailand juga.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dasar yang berkaitan dengan pekerja asing

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan? Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak beri input supaya memantapkan lagi

institusi RELA ini. Kita lihat bahawa satu institusi yang berkesan di peringkat akar umbi ialah JKKK. Oleh itu, ketua atau pengerusi JKKK ialah Ketua Kampung kalau di kampung. Oleh kerana itu saya menyarankan supaya dalam institusi RELA ini supaya pengerusi JKKK itu juga diberi tempat dan peranan sebab mereka ini sebenarnya di sesebuah kampung itu mereka sebenarnya mengetuai institusi itu termasuk hal keselamatan dan PATI ini pun ada kaitan dengan hal keselamatan. Saya rasa ini akan menjadikan institusi RELA itu menjadi lebih berkesan lagi. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Saya bersetuju Yang Berhormat. Perkara ini akan diambil perhatian. Tuan Yang di-Pertua, dasar yang berkaitan dengan pekerja asing adalah mewajibkan majikan menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada pekerja asing bagi semua sektor pekerjaan. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak menetapkan tempat secara khusus bagi tempat tinggal pekerja-pekerja sama ada dalam atau di luar tempat kerja mereka. Selain itu syarikat-syarikat yang telah diberikan lesen membekal dan mengurus pekerja asing *outsourcing* oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bukan sahaja dikehendaki menyediakan kemudahan tempat tinggal tetapi juga perlu menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti kemudahan pengangkutan selain menjaga kebajikan mereka seperti menyediakan faedah perubatan dan insurans pampasan pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam tahun

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak sentuh sedikit tentang kuat kuasa imigresen. Yang tadi tidak masuklah yang kita tolong buat secara sukarela itu tidak menimbulkan masalah tetapi tentang jumlah kekuatan bahagian kuat kuasa imigresen ini yang saya dimaklumkan sekitar 1,000 orang mungkin bertugas terutamanya di pintu-pintu masuk sempadan. Apakah pihak kementerian tidak melihat bahagian kuat kuasa ini yang hari ini dipimpin oleh Pak Sako saya panggil Pak Sako lah Dato' Mohamad Ishak untuk menambahkan lagi kekuatan supaya *full time* ini mustahak Yang Berhormat yang menjalankan sukarela tidak ada masalah tetapi yang secara sepenuh masa ini apakah pihak kementerian tidak akan menambahkan lagi bilangan yang hendak menjaga pendatang yang izin dan yang tidak izin ini yang *over stay* dengan izin Yang Berhormat.

Ini perlu dilihat keperluan kekuatan dan penguat kuasa ini terutama di tempat-tempat sempadan yang lebih berkesan supaya tidak ada masalah ini semakin hari semakin bertambah menimbulkan banyak masalah sosial. Tidak perlu saya panjangkan lagi kerana Yang Berhormat mungkin lebih arif lagi tentang ini. Jadi apakah tidak dilihat kekuatan penguat kuasa yang ada pada hari ini perlu ditambah segera bahagian penguat kuasa untuk membanteras terutamanya mereka di sempadan negeri-negeri yang begitu banyak untuk menyelesaikan membanteras masalah kehadiran pendatang tanpa izin dan juga pendatang dengan izin. Terutama sekali ini tidak termasuk pelancong-pelancong yang begitu ramai yang mungkin mengambil kesempatan untuk duduk lebih lama lagi. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Adalah menjadi harapan kementerian bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini permohonan kita untuk menambah pegawai-pegawai khusus dalam Jabatan Imigresen akan dipersetujui dan diluluskan dengan secepat mungkin. Memanglah diakui bahawa sekarang ini kedudukan kita amat lemah sekali memandangkan kepada bilangan pegawai-pegawai penguat kuasa berkurangan sangat. Terima kasih di atas teguran dan mungkin mendapat sokongan daripada Yang Berhormat kemudian hari.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Maknanya Pengarah Penguat kuasa ini tidak akan ditukarkanlah Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: *We'll come to the bridge we cross it.* Kerajaan dalam tahun 2005 telah bersetuju supaya pengambilan pekerja asing bagi warganegara India adalah dibenarkan bagi memenuhi keperluan pekerja asing bagi sektor perniagaan masyarakat India di Malaysia. Untuk subsektor perkhidmatan seperti tukang masak di restoran, perniagaan borong dan runcit, barang logam dan terpakai, perniagaan tekstil, guru gaya rambut iaitu tukang gunting rambut dan tukang emas. Bagi pekerja

restoran pekerja asing bagi warganegara India hanya boleh diambil untuk jawatan tukang masak sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat juga kementerian memperkenalkan prosedur baru pengambilan pekerja asing melalui Pusat Kelulusan Setempat yang berkuat kuasa pada 1hb Ogos 2005. Di Pusat Kelulusan Setempat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, majikan boleh membuat permohonan dan terus ditemu duga oleh panel yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian MITI, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Imigresen serta diberi kelulusan serta merta. Sebaik dimaklumkan keputusan temu duga levi hendaklah dibayar dalam tempoh 24 jam. Dengan adanya prosedur baru ini sistem mengurus buruh asing telah menjadi ringkas serta mudah dan telah dapat menghapuskan orang-orang tengah dan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan Yang Berhormat. Saya lihat makin sehari makin mudah permohonan buruh asing ini. Hari ini bilangannya sudah besar. Saya difahamkan sudah meningkat satu juta sembilan ratus orang yang berdaftar. Tidakkah terfikir oleh kita polis kita ada 100,000 orang dan askar 100,000 orang. Kalau sudah naik sampai 2 juta orang kalau ada masalah dalam negara kita ini satu polis tidak boleh lawan dengan 10 orang pendatang asing Yang Berhormat. Dan lebih mendukacitakan saya hari saya minta kerajaan supaya buat satu dasar.

Selalu saya bangkitkan soal ini. Pelabuhan dan *airport* adalah *security area*. Kita pergi hari ini ke KLIA penuh dengan orang Nepal. Pergi Pelabuhan Pulau Indah dan Pelabuhan Klang penuh dengan orang India. Apa *security area* ini Yang Berhormat. Kalau ada orang hendak mengkhianati negara kita inilah tempat dia tuju dahulu. Dan hari ini walaupun ada kursus induksi saya pun dengar macam-macam cerita mereka ini kalau orang asing tetap orang asing.

Oleh yang demikian, dalam mempermudah majikan untuk mendapat pekerja asing kita kena ambil tahu juga terhadap keselamatan negara. Lebih-lebih lagi saya tengok hari ini sudah menjadi macam industri. Ikut suka sahaja. Kita tahu pada hari ini baru-baru ini di Pulau Pinang 20 jawatan posmen ditawarkan hampir 1,000 orang memohon. Di JPA pada hari ini memohon jawatan kerani sahaja 500 ribu orang berdaftar. Apa akan jadi? Negara kita mewah. Rakyat kita hari ini hanya tukang tengok kah? Semua sekali kita hendak serahkan kepada pekerja asing yang mana mengaut keuntungan negara kita bawa keluar, satu tahun RM5 bilion.

Hari ini kita pun tidak boleh kenal di dalam negara kita ini mana satu pekerja yang sah mana satu pekerja yang tidak sah, yang ada permit dan yang tidak ada permit. Tempat cuci kereta taukenya sekarang yang didedahkan di Johor ialah orang Bangla. Besi-besi buruk pada hari ini daripada India. Banyak lagi perniagaan di Chow Kit orang mana? Sehingga kita tidak tahu pada hari ini. Saya rasa kita kena perketatkan permohonan pekerja asing ini yang mana orang yang hendak guna pekerja asing ini bertanggungjawab dia. Kalau kilang hendak menggunakan pekerja asing dia kena pastikan bahawa pekerja-pekerja asing ini di dalam penjagaan dia. Dia perlu siapkan rumah dan segala-galanya. Kalau ada masalah pekerja asing dia bertanggungjawab.

Saya hendak buat ini Yang Berhormat sebagai Menteri yang baru. Kita tengok contoh di Arab Saudi. Arab Saudi menggunakan pekerja asing tetapi di belakang *igama* dia tu di dalam pasport ditulis *igama* tu dicop siapa majikan dia. Apa masalah pekerja asing ini buat majikan bertanggungjawab. Ini yang kita patut kena buat dan perketatkan. *Outsourcing* ini pun satu saya tengok memang tujuan kita baik kerana kita tahu *outsourcing* ini ialah untuk peniaga-peniaga di pasar yang pakai 2 atau 3 orang yang di sini 2 atau 3 orang. Jadinya *outsourcing company* ini boleh membekalkan ini. Tetapi pelaksanaannya sekarang apa yang ada sekarang semua *outsourcing company* ini walaupun lesen sudah keluar banyak orang tu banyak tetapi hanya 2 atau 3 *company* sahaja yang betul. 2 atau 3 *company* sahaja yang boleh *supply*. Itu pun di *supply* kepada industri-industri elektronik yang besar. Bukan macam mana yang dihayatkan. Kerana apa? Yang *players* dalam industri ini tidak dibagi tetapi bagi kepada orang yang tidak mengerti.

Saya minta maaflah Dato' Seri. Saya punya syarikat minta maaf Dato' Seri daripada tahun 1991. Hari ini tidak beri kepada saya pun tidak mengapa tetapi kita hendak pastikan bahawa industri ini menguntungkan negara kita, tidak menjejaskan keselamatan negara kita dan saya tahu kalau kita tidak mengatasi masalah pekerja asing ini dengan 'carak bikin' dengan cara betul-betul esok negara kita ini akan ditakluki oleh pekerja asing dan kita yang duduk sebagai pegawai kerajaan baik, sebagai Menteri baik, akhirnya esok rakyat akan datang akan mengatakan bahawa kita mengkhianati negara ini. Saya tidak hendak sampai benda itu timbul. Jadi kita kena pastikan bahawa buruh asing ini kita kena buat baik-baik. Kita kena pastikan mengikut peraturan, memang hari ini tidak dapat dinafikan multi *million* ringgit punya *business*.

Tak usah cakaplah kata majikan *direct*, tak ada Dato'. Tidak ada majikan akan pergi ke negeri *source*, semua ejen. Tetapi kalau kita tidak membetulkan keadaan ini, yang mana ejen ini dapat pastikan mereka bertanggungjawab, selagi itulah masalah ini akan berlaku dan akan berpanjangan. Terima kasih Dato', pandangan saya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Yang Berhormat, saya sanggup mendengar *lecture*, bukan sahaja daripada Yang Berhormat, malahan daripada Ahli Yang Berhormat yang lain berkaitan dengan pekerja asing. Sebab saya berpendapat yang serupa. *So*, saya mohon masa sedikit. Dalam bahasa Inggerisnya *please give me time*. Insya-Allah, selepas saya menduduki tempat ini dan memahami selok-belok bagaimana hendak menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Insya-Allah saya akan melaksanakan tugas dia seperti mana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat tadi, supaya masalah keselamatan negara kita itu kita bubuh di depan, di utama sekali.

Masalah pekerja asing ini kita bubuh di belakang. Sekarang ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang benar terdapat 1,820,680 juta pekerja asing di negara kita. Yang terbanyak sekali adalah mereka-mereka yang datang untuk berkhidmat dalam sektor pembuatan. Diikuti pula dengan sektor perladangan, selepas itu pembantu rumah dan seterusnya.

Tuan Wilfred Madius bin Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Saya ingat biar saya teruskan sebab dalam ucapan penggulungan saya ini, saya akan merangkumi banyak perkara-perkara. Saya belum datang ke Sabah lagi.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Bahan yang tadi dibagi oleh Jasin.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Okey.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin ialah pekerja asing yang berdaftar 1,900. Tetapi di Sabah ada pula pekerja asing yang tidak terdaftar. Mungkin satu juta juga. Saya mahu tahu, kerajaan adakah mengambil tindakan kepada majikan? Adakah majikan-majikan yang menyimpan pendatang asing ini secara haram diambil tindakan?

Adakah penguatkuasaan pergi ke dalam kebun-kebun kelapa sawit di mana mereka ini bermastautin? Tidak ada. Sekarang kalau kita ada menangkap orang-orang yang berkeliaran, yang pekerja asing ini, dia tidak keluar. Dia di dalam hutan, dalam ladang-ladang. Kita punya penguat kuasa pun tidak boleh sampai ke sana. Kita ada perkampungan di mana kita tangkap yang dalam bandar, kita masukkan di Menggatal, di Sandakan, di Tawau dalam satu perkampungan tetapi bila kita simpan pekerja-pekerja ini di sana, masalah timbul. Tidak boleh mereka ini dihantar pulang kerana imigresen, *task force*, jabatan penjara, polis masing-masing ada peraturan. Jadi orang-orang ini ditahan, dibagi makan, dibagi minum sehingga ada yang sampai enam bulan tidak dihantar pulang. Jadi kita punya sistem ini mungkin kita mahu merubahlah.

Menteri baru mungkin mahu buat satu perubahan yang besar. Mungkin datang ke Sabah, kita boleh kasi tunjuk di mana pusat tahanan ini dan kita buat satu peraturan, beritahu bahawa mereka ini harus dihantar pulang apabila mereka sudah ditangkap dalam dua minggu. Peraturan baru kita buat. *Otherwise*, kita membelanjakan wang untuk beri makan kepada mereka, pendatang-pendatang tanpa izin ini. Jadi saya minta Menteri baru ini, semangat baru, kita mahu kalau boleh percepatkanlah cara-cara untuk kita menghantar mereka pulang dan percepatkanlah kepada orang-orang yang berlindung di sebalik tauke-tauke besar yang tinggal di dalam ladang-ladang kelapa sawit mereka yang tidak ada punya permit sama sekali. Kalau kita tanya kenapa, levi terlalu mahal.

Mereka kalau mahu 1,000 pekerja, mereka ambil yang secara halal, mungkin 100, yang 900 ini mereka simpan dalam hutan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya mungkin untuk melindungi pekerja asing juga, jangan mereka ini dapat ditipu oleh majikan, kerana kalau mereka ini tidak ada dokumen, majikan boleh bagi berapa gaji sahaja. Mereka tidak berani mengadu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:.....kerana mereka tidak ada dokumen penjaminan daripada majikan mereka. Minta Menteri yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya jelaskan awal tadi, saya akan sampai sekejap lagi berbincang berkaitan tentang pekerja-pekerja asing dan juga pendatang haram di negeri Sabah. Tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, saya baru sahaja melawat pusat tahanan di Kota Kinabalu iaitu di Menggatal di mana terdapat 1,530 orang yang ditahan di sana. Kebanyakannya terdiri daripada warganegara Filipina. Tetapi yang malangnya Yang Berhormat, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, terdapat 174 daripada mereka terdiri daripada anak-anak yang berusia bawah daripada 17 tahun daripada negara Filipina. Negara Filipina enggan menerima mereka balik. Ini yang menjadi masalah kepada kita.

We cannot send them back, dalam bahasa Inggerisnya. Kita tidak boleh hanya bubuh dalam kapal terbangkah, bubuh dalam kapal lautkah, hantar depa balik hanyutkan mereka balik ke Filipina. Melainkan negara Filipina itu sendiri sanggup menerima balik. Jadi urusan daripada kedutaan mereka harus dijalankan dan ini kadang-kadang mengambil masa. Tetapi kepada kanak-kanak yang berusia 17 tahun tadi itu, yang bilangan mereka ada 174 orang. Negara Filipina enggan menerima mereka balik. Ini yang menjadi masalah. Kepada yang lain kita berusaha dan dalam masa yang singkat dan lebih daripada enam bulan, maka kebenaran akan diberi oleh negara Indonesia dan Filipina untuk menerima mereka balik.

Jadi kita hantar balik dari masa ke semasa. Untuk hanya satu tempat tahanan di Menggatal, kita ada 1,000 hingga 530 orang. Saya difahamkan bahawa di seluruh negara Sabah, ada lagi dua tempat dan mungkin bilangannya pun hampir serupa. Jadi izinkan saya teruskan. Saya akan tiba pada tempat di mana Yang Berhormat mungkin akan bangun lagi bertanya berkaitan tentang pendatang haram dan pekerja-pekerja asing di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu mengenai sindiket penyalahgunaan visa di kalangan pelajar-pelajar asing yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ampang, suka saya menjelaskan bahawa Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa mengadakan operasi bagi membanteras PATI dan warganegara asing yang menyalahgunakan pas atau permit kerja. Bagi mempertingkatkan lagi pemantauan dan tahap penguatkuasaan, Jabatan Imigresen Malaysia perlu mendapat kerjasama dari orang awam untuk memberi maklumat tentang pelajar asing yang bekerja secara haram. Dalam hal pemantauan pelajar asing yang bekerja secara haram, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mempunyai kakitangan yang sangat terhad untuk menjalankan operasi penguatkuasaan. Dengan itu, pihak JIM mengadakan operasi bersama institusi penguatkuasaan yang lain dari masa ke semasa.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, pada masa kini, kerajaan sedang memantau empat buah kolej swasta yang disyaki terlibat di dalam penyalahgunaan pas pelajar. Bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan, kerajaan telah bersetuju agar pengambilan pelajar asing diperkemas tanpa menjejaskan hasrat kerajaan menjadi Malaysia pusat kecemerlangan ilmu. Antara keputusan baru yang telah dibuat ialah keperluan memperbaharui visa pelajar-pelajar pada setiap tahun. Walaupun pelajar-pelajar itu telah dibenarkan untuk belajar, untuk tempoh yang lama dari satu tahun.

Misalnya, kelulusan akan diberi kepada seorang pelajar untuk belajar selama tiga tahun. Namun, pas pelajarinya perlu diperbaharui pada setiap tahun. Prestasi pelajaran melalui laporan kolej atau universiti yang mereka belajar akan dijadikan asas untuk tujuan pelanjutan visa tersebut. Dengan cara ini kita akan dapat memastikan hanya pelajar tulen akan betul-betul belajar di negara kita dan bukan datang ke sini untuk mencari pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman berkaitan dengan pembantu rumah asing separuh masa, sehingga kini Malaysia tidak mempunyai dasar untuk membenarkan perkhidmatan pembantu rumah separuh masa. Dasar membenarkan pembantu rumah asing bekerja sepenuh masa masih dikekalkan. Kementerian berpendapat bahawa perkhidmatan pembantu rumah separuh masa perlu dikhaskan untuk rakyat Malaysia sahaja. Ini akan memberi peluang kepada warganegara Malaysia yang tidak dapat berkhidmat sebagai pembantu rumah sepenuh masa.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon izin untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran, Yang Berhormat bagi Sepanggar, Yang Berhormat bagi Penampang dan Yang Berhormat bagi Sandakan yang membangkitkan secara umum isu-isu yang berkaitan ialah pengeluaran dokumen kepada PTI, pemalsuan dokumen kad pengenalan dan Imigresen 13, pertambahan penduduk Sabah yang mendadak dan perasaan tidak puas hati penduduk negeri Sabah terhadap pendatang-pendatang tersebut.

Saya amat memahami tanggungjawab dan hasrat Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tuaran, Sepanggar, Penampang dan Sandakan. Lagi pula persoalan ini beberapa kali telah dibangkitkan dalam Dewan ini sejak dahulu. Oleh yang demikian, pada kali ini saya akan jelaskan semua aspek berhubung pendatang asing di negeri Sabah. Dengan penjelasan saya ini saya berharap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diterima sebagai satu masalah yang harus diselesaikan bersama secara kolektif.

Tuan Yang di-Pertua, melihat dari aspek geografi, hampir tiga suku dari negeri Sabah di kelilingi oleh Laut China Selatan dan sebahagian kecil lagi bersempadan dengan negara Indonesia. Kedudukan negara jiran yang berhampiran iaitu Filipina dan Indonesia dan persisiran pantai yang terbuka luas memudahkan pendatang asing menyusup masuk ke negeri Sabah. Faktor-faktor kekacauan, krisis dalaman dan iklim ekonomi yang lembap di negara mereka menjadi faktor pendorong warganegara Filipina dan Indonesia memperjudikan nasib mereka untuk memasuki dan seterusnya menetap di negeri Sabah.

Mereka telah mula masuk ke negeri Sabah sebelum tahun 1963 lagi. Ada di antara pendatang tersebut beranggapan bahawa Sabah sebahagian daripada Wilayah negara asal datuk nenek mereka dahulu. Keamanan, kestabilan politik dan kedudukan ekonomi negeri Sabah terutamanya untuk mencari peluang pekerjaan telah menyebabkan pendatang tersebut masuk secara beramai-ramai pada tahun-tahun 1970-an. Dari segi politik pula, negeri Sabah pernah diperintah oleh beberapa parti politik. Yang jelasnya pada kita, Sabah pernah diperintah oleh parti politik yang berada di dalam kerajaan dan ada parti politik yang tidak berada di dalam kerajaan. Walaupun beberapa parti politik tersebut memerintah, masalah kemasukan pendatang asing masih berterusan dan tidak dapat disekat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan di atas, kedudukan pendatang asing yang menetap begitu lama telah menyebabkan mereka telah berakar umbi di negeri Sabah. Pada masa sekarang mereka telah mempunyai anak cucu yang dilahirkan

di negeri Sabah. Mereka berkahwin dengan penduduk tempatan, mereka mempunyai harta malah menjalankan pelbagai perniagaan di negeri tersebut. Mereka tidak pernah kembali ke negeri asal mereka, anak cucu mereka tidak pernah melihat negara datuk nenek mereka dan ramai di antara mereka telah mendapat pendidikan di negara ini dan mereka telah menjadikan negara ini sebagai negara mereka sendiri.

Tuan Wilfred Madius bin Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Sila.

Tuan Wilfred Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kenyataan Yang Berhormat yang menyatakan yang mereka ini tidak pernah balik ke negara asal. Saya ingat ini satu andaian, bagaimanakah Yang Berhormat tahu yang orang-orang ini tidak pernah balik ke negara asal? Sedangkan semasa ada penculikan di Pandanan dan Sipadan dan beberapa *reporter* atau wartawan yang ke Filipina, bertanya dan bertemu orang-orang yang di kalangan yang menculik ini. Mereka mengatakan bahawa sebenarnya mereka berulang-alik daripada Sabah termasuklah orang-orang yang memegang dokumen IMM13. Jadi sebenarnya itu andaian yang berulang-alik yang tidak pernah balik itu saya ingat itu satu andaian. So, macam mana Yang Berhormat tahu kan? Itu satu.

Yang kedua, soal tadi itu yang sudah berakar umbi sudah sekian lama. Kita harus membuat perbezaan, di antara pendatang tanpa izin dengan orang yang dikatakan pelarian itu, yang 61,000 yang dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Jabatan Perdana Menteri tempoh hari. Kita kena buat perbezaan untuk memahami sebenarnya dan memperincikan permasalahan orang-orang yang bukan warganegara ini. Kemudian yang tadi yang Yang Berhormat lihat semasa lawatan negeri Sabah anak-anak yang *stateless*, 61 orang yang Yang Berhormat nampak di pusat tahanan di Menggatal.

Apakah Yang Berhormat telah memperincikan sama ada orang ini adalah anak-anak orang-orang yang memegang dokumen IMM13 ataupun pendatang tanpa izin? Sebab orang-orang yang memegang dokumen IMM13 ini, dalam perlindungan. Mereka cuma bukan pelarian sebab negara kita tidak menghormati belum lagi *meratify* UN Protokol ataupun *convention* dan soal pelarian jadi kita tidak mengiktiraf hak mereka sebagai pelarian tetapi ia dikecualikan daripada Akta Imigresen 1959.

Ini penting untuk diperincikan. Kita tidak boleh sebarang mengatakan balik begitukan, Yang Berhormat lebih arif dan Yang Berhormat adalah seorang peguam tetapi dalam hal ini, inilah perinciannya.. Kemudian, persoalan pantai yang panjang, oleh sebab itu kita tidak boleh selesaikan masalah tetapi dalam sekelip mata semasa Yang Berhormat Tan Seri Chong Ah Kiat, Ketua Menteri dia mengadakan operasi besar-besaran, boleh pula balik, .. boleh pula balik! Soalnya kesungguhan, kesungguhan kita untuk menangani masalah ini, dalam perkiraan saya. Sebab kalau kita mengatakan kita ini sudah lama, lepas itu bertukar kepimpinan kerajaan negeri dan sebagainya, setakat itu bagi saya kita tidak boleh terima, sebab negara ini berdaulat kita mempunyai undang-undang. Kenapa undang-undang dahulu tidak boleh dikuatkuasakan? Kenapa seluruh kawasan keselamatan tidak boleh dikerahkan untuk menjaga keselamatan pada ketika itu?

Akhir sekali Yang Berhormat, ingat tadi? Ada di kalangan mereka yang mengatakan dan merasakan bahawa negeri Sabah itu sebahagian daripada negara mereka. Dahulu Yang Berhormat, pernah saya sebagai seorang penyelidik, kita bertanya kepada mereka, jika sekiranya diberi peluang untuk kembali ke negara asal - itu salah satu soalan dalam penyelidikan, dan dia jawab... mahu balik? Ini negara saya, saudara yang merempat, ini sultan saya punya dahulu. Sebab itulah kekhuatiran kita, sebab itulah kita khuatir seperti kata Yang Berhormat bagi Jasin tadi sebab jika sekiranya kedatangan ini boleh jadi *they were still over* Yang Berhormat, boleh jadi *reverse take over*.. kita orang!

Ini adalah sultan-sultan yang datang, keluar masuk daripada lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu mengatakan..ah...ini sultan. Kita mahu *plain*.., kita pergi ke mahkamah, *International Court of Justice*, boleh atau tidak masuk keluar, keluar masuk?.. Inilah yang kita khuatir ini dan kita sebagai negara berdaulat saya ingat, ingat...kita boleh tangani. Saya yakin, kita boleh, kita amat yakin kita boleh tangani dengan segala yang ada, ada marin, ada apa ini, ada ini, kita boleh tangani. Itu...pantai yang panjang bukan alasan,

bukan alasan. Soal mahu atau tidak mahu, kalau orang lain boleh buat, kenapa Malaysia tidak boleh buat?

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat, jawabnya saya mahu, kita mahu dan kita mahu bertindak, Insya-Allah dengan pertolongan Yang Berhormat yang begitu mahir dalam perkara ini kita boleh mencapai kejayaan yang diharap-harapkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, 174 orang kanak-kanak yang saya sebutkan tadi yang berada di pusat tahanan di Menggatal.

Daripada penyiasatan yang dijalankan kita tidak boleh mengenal pasti bukan sahaja bapa malah ibu mereka, *they are street children*, dengan izin, yang dikenali sebagai kanak-kanak jalanan, anak-anak yatim piatu hanya berusia bawah daripada 17 tahun. Selain daripada itu kita juga membeza mereka juga yang sebagai pendatang, yang baru datang, datang balik, datang balik sebagai pendatang haram dan mereka yang menetap di situ begitu lama. Yang Berhormat sedia maklum ada yang duduk di situ lebih daripada 30 tahun, ada yang duduk 20 tahun begitu. Jadi, kita terpaksa membuat perbezaan untuk kita mengira cara mana kita nak *to trick them* dengan izin,

Jadi, izinkan saya habiskan saya punya penggulungan. Sebagai pendatang asing yang menetap tanpa dokumen yang sah mereka akan cuba mendapatkan dokumen sama ada dokumen yang sah yang dikeluarkan oleh jabatan-jabatan yang bertanggungjawab melalui saluran undang-undang atau melalui cara yang tidak mengikut undang-undang atau mendapatkan dokumen palsu.

Jadi, anak cucu mereka yang lahir di negara ini mereka akan dikeluarkan sijil kelahiran kerana pengeluaran sijil kelahiran memenuhi peruntukan undang-undang Ordinan Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian, chapter 123 yang diguna pakai di negeri Sabah. Di dalam pengeluaran dokumen ini juga berbagai-bagai penipuan berlaku di mana sijil kelahiran dikeluarkan kepada pendatang asing yang tidak dilahirkan di Sabah, di samping dokumen sijil kelahiran palsu dan surat sumpah pengakuan kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menyedari masalah yang dibawa oleh pendatang asing tersebut bukan sahaja telah menimbulkan masalah sosial semata-mata malah ianya juga telah menimbulkan masalah keselamatan.

Maka pada bulan April tahun 1989 pihak kerajaan telah menubuhkan pasukan petugas khas persekutuan mengenai pendatang-pendatang luar negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Penglibatan kerajaan persekutuan sepenuhnya yang diambil alih daripada kerajaan negeri mengendalikan masalah pendatang asing telah diputuskan kerajaan bagi mengendalikan masalah-masalah berkaitan akan mendapatkan kerjasama dan sokongan daripada kerajaan negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga pasukan petugas ini diketuai oleh pegawai kanan daripada kerajaan persekutuan dan dianggotai oleh perkhidmatan tentera, polis, imigresen dan lain-lain agensi mengikut kesesuaian. Di antara objektif pasukan petugas ini ialah untuk memastikan pengurusan, pengendalian dan penyelesaian masalah berkaitan pendatang asing yang dilaksanakan dan diselaraskan secara menyeluruh dan bersepadu terancang dan berkesan bersesuaian dengan kepentingan nasional demi menjamin keselamatan negara dan mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan pasukan petugas khas dilihat sebagai satu, suatu yang amat strategik pada ketiga itu kerana alasan-alasan berikut -

Pertama, *let me finish* dengan izin,

- i) pasukan petugas khas ditugaskan untuk mengemas kini pendaftaran pendatang asing yang berada di Sabah dan Labuan seterusnya mengkategorikan mereka sama ada sebagai pelarian *displace person*, buruh asing, *immigrant labour*, dengan izin, atau pendatang tanpa izin, *illegal immigrant*;

- ii) merancang dan mengambil langkah-langkah mencegah kemasukan PTI dan menguruskan pengusiran pendatang asing kembali ke negeri asal mereka; dan
- iii) menyelaraskan dan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kawalan dan kemantapan serta kebajikan pendatang-pendatang asing yang dikategorikan sebagai pelarian dan buruh asing.

Bagi melicinkan tugas-tugas yang dinyatakan di atas pasukan petugas khas persekutuan telah diberikan mandat bertindak untuk secara langsung dengan jabatan-jabatan kerajaan peringkat persekutuan yang berada di Sabah dan Labuan terutamanya mendapatkan personel tenaga dan logistik daripada pihak tentera dan polis menyelaraskan pihak Kementerian Luar Negeri dengan wakil UNHCR mengenai masalah pelarian dengan kedutaan-kedutaan asing di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa pendatang asing di Sabah boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:

- i) pemastautin tetap yang dianggar seramai 24,217 orang;
- ii) pekerja asing yang memegang pas lawatan kerja sementara PLKS, pas pengajian dan pas profesional seramai 215,682 orang;
- iii) pelarian yang berasal dari Filipina yang dianggarkan seramai 61,684 orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Dungun bangun.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Bagi saya habiskan angka ini dulu.

- iv) anak-anak pendatang asing yang dilahirkan di negeri Sabah dianggarkan seramai 55,396 orang; dan
- v) pendatang asing tanpa izin termasuk pemegang pasport dan pas-pas yang tamat tempoh ditaksirkan sebagai PTI di mana bilangan mereka tidak diketahui. Okey.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma nak penjelasan berkenaan dengan yang dikatakan petugas khas tadi dan juga ada dikatakan bahawa peranan ditugaskan kepada Jabatan Perdana Menteri dan biasanya berkenaan dengan orang asing ini biasanya kita ada jabatan di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Jadi, dalam keadaan ini kadang-kadang kita tengok sama ada ia berkonflik dari segi tanggungjawab dan tugas ataupun ia juga kadang-kadang tidak boleh diselaraskan.

Jadi, apakah pendirian kerajaan supaya apa yang dinamakan tanggungjawab yang diberikan kepada tugas khas ya, di Jabatan Perdana Menteri ini diletakkan di bawah Imigresen di bawah kementerian Yang Berhormat supaya ia dapat diselaraskan diambil keseluruhan.

Jadi, apa pendirian sebenarnya kerajaan dalam hal ini supaya ia tidak dari segi panjangnya tidak dapat, tidak bertindih di antara satu sama lain dan boleh dipertanggungjawabkan dalam sebuah agensi sahaja. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat kerana Yang Berhormat berfikir serupa macam saya. Adalah menjadi harapan kementerian bahawa pasukan petugas khas persekutuan jika dikekalkan hendaklah diletak di bawah Jabatan Imigresen. Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi..

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada boleh saya buat tambahan sikit perkara tadi.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Okey.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya gembira kerana Yang Berhormat nampak *point* itu dan bersetuju sebab di antara faktor yang menyebabkan ramai PTI di negeri Sabah ialah jawatankuasa yang memilih pekerja asing ke Sabah adalah dipengerusikan oleh Petugas Persekutuan ini dan apabila dia mempengerusi termasuklah jabatan lain Jabatan Buruh dan sebagainya. Prosesnya begitu lama sekali sampai berbulan-bulan. Apabila berbulan-bulan terdapat 80 agen pekerja asing di Sabah, yang berdaftar berlesen lebih kurang 40. Mereka terpaksa menunggu berbulan-bulan.

Apabila dia menunggu berbulan-bulan lebih baik ambil PTI begitu saja, sebab sudah terlalu lama. Sebab ini petugas khas persekutuan ini dia *is not answerable to* Yang Berhormat punya kementerian kepada Director General Imigresen, sebab itu saya bersetuju dengan.... kalau boleh hal ini di bawa ke kementerian Yang Berhormat supaya diselaraskan, dipendekkan masa dia supaya majikan-majikan pun lebih menggalakkan kepada majikan untuk mengambil pekerja yang *regularize* yang bukan PTI. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat pandangan yang serupa seperti yang dari Dungun. Insyallah dan saya akan ambil ingatan. Saya berasa gembira kerana banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang berpendapat serupa dengan saya. Jadi insyallah bagilah masa sedikit bagi saya dalam bahasa Inggerisnya *to warm my seat* sikit dan mengetahui selok-belok kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keizinan untuk menetap pula selain daripada pas lawatan sosial dan pas lawatan kerja sementara, Jabatan Imigresen juga mengeluarkan Dokumen Imigresen 13, yang mana secara umumnya dikeluarkan kepada pelarian Filipina yang telah memasuki negeri Sabah pada awal tahun 1970-an. Dokumen ini dikeluarkan kepada pelarian tersebut bagi membolehkan mereka, menetap, bergerak, bekerja dan bersekolah bagi kanak-kanak yang mencukupi umur persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapat aduan berhubung pendatang asing yang memperoleh dokumen kad pengenalan, maka pihak kementerian dengan dibantu oleh pihak polis mengadakan siasatan rapi yang dijalankan pada tahun 1990-an.

Hasil siasatan mendapati bahawa terdapat dokumen pengenalan palsu yang dikeluarkan oleh sindiket-sindiket dan terdapat dokumen pengenalan yang dikeluarkan secara tidak teratur. Tindakan-tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut termasuk tindakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat. Mungkin Yang Berhormat semua masih ingat pada tahun-tahun 90-an tindakan telah diambil dan berapa daripada pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Pendaftaran Negara telah ditangkap dan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan sedikit Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Okey.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini soal pemalsuan. Kita boleh baca hampir setiap hari dalam akhbar tempatan di Sabah tentang orang-orang didakwa kerana memegang dokumen-dokumen palsu, sudah sekian lama bertahun-tahun dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Imigresen sebab baru-baru ini ada yang ditangkap, seorang ibu dan selepas itu dihadapkan di mahkamah dan sudah dibuat keputusan dia dipenjarakan lima tahun dengan denda RM30 ribu, tahniah.

Persoalan yang sentiasa bermain di fikiran rakyat Sabah ialah kenapa selama ini dibiarkan pemalsuan ini berlaku? Sebagai contoh Dokumen IMM13 itu sekeping kertas yang ibu ini dia pakai *scanner* komputer itu sahaja. Komputer *scanner* itu sahaja dan dia buat di rumah dan kata dia saya terpaksa buat sebab saya tidak ada sumber pendapatan

lain, sebab saya sara anak. Saya buat ini sebab dulu bekas suami saya pun buat macam ini...

Seorang Ahli: Bekas suami dia.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...bekas suami dia, dia sudah berpisah. Persoalan yang bermain di fikiran kita kenapa dibiarkan begini? Dibiarkan begini maknanya dokumen itu haruslah dibuat sesuatu supaya dia tidak boleh dipalsukan. Ini kertas seperti biasa. *Scan* sudah, sedangkan dokumen ini begitu punya penting di mana pemegang IMM13 ini boleh keluar masuk. Dia boleh balik Filipina, balik ke Sabah, barangkali balik pergi ke Indonesia sebab dia tunjukkan dokumen itu.

Bayangkanlah dari segi keselamatan. Orang-orang pegganas pun dia boleh palsukan dan dia boleh buat. Bayangkanlah kerana apa, saya ingin tahu, kerana selama ini kita sudah banyak cakap. Tahun 2000, kita orang di sini, banyak juga rakan-rakan Ahli Parlimen duduk bercakap. Kenapa dibiarkan itu persoalan kita. Kenapa? Kupas sedikit.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat saya sendiri pun berasa terkejut apabila saya melihat dokumen yang dikenali sebagai IMM13 dan lain-lain lagi dokumen yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang tidak lagi orang kata apa, mengikut masanya. *Out of date*, dia tidak ada *future-future* yang boleh menjamin keselamatan, sedangkan dalam dunia yang begitu moden sekarang ini kita ada kita punya cip yang begitu sofistikated, yang seharusnya diguna pakai. Insya-Allah kita akan lihat di antara perkara-perkara yang saya akan cuba memperbaikinya ialah tentang IMM13 yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengenal pasti semua dokumen yang dikeluarkan secara tidak teratur kepada pendatang asing yang boleh dikategorikan sebagai berikut:

- i) pengeluaran resit pengenalan sementara JPN1/9 atau JPN1/11 yang dikeluarkan kepada pendatang asing yang berasal daripada Indonesia, Filipina, Pakistan dan India sebanyak 16,770;
- ii) rekod-rekod asal yang dipinda bagi mengeluarkan kad pengenalan sebanyak 11,707. Kad pengenalan yang dikeluarkan kebanyakannya bertindih dengan kad pengenalan penduduk tempatan; dan
- iii) Kad pengenalan yang dikeluarkan kepada orang-orang yang tidak layak memilikinya adalah sebanyak 1,313 dan mereka ini memegang sijil kelahiran palsu atau diragukan.

Kebanyakan dokumen yang dikeluarkan secara tidak teratur ini dilakukan semasa Kad Pengenalan Plastik (KPP), atau Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) dilaksanakan. Berdasarkan kepada penjelasan ini adalah tidak benar bahawa pihak kerajaan telah mengeluarkan dokumen pengenalan kepada lebih 400 ribu kepada pendatang asing sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang di maklum...

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar]: *Let me finish*, bagi saya habiskan dulu banyak lagi ini. Sebagaimana sedia maklum, masalah pendatang asing di Sabah adalah di bawah tanggungjawab Pasukan Petugas Khas Persekutuan.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat saya hendak yang 400 ribu tadi.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Silakan.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat, bila saya sentuh 400 ribu dalam ucapan saya itu bukan daripada saya. Seperti mana dalam teks ucapan saya, saya cuma memetik daripada pernyataan saksi dalam perbicaraan Likas *election petition*,

OKK Hasnah Ibrahim. Itulah kesaksian yang menyatakan bahawa dia sendiri telah membawa 400 ribu permohonan kad-kad pengenalan daripada Sabah dibuat ke Shah Alam dalam mesyuarat dipengerusikan oleh bekas timbalan menteri. Itu kenyataan dalam mahkamah. Saya cuma petik dia dan sehingga pada hari ini, orang-orang yang disebut, nama-nama yang disebut tidak ada yang menafikan sebab itu hari ini rakyat Sabah kita boleh lihat *judgment* oleh Mohamad Kamil, pada ketika itu yang *nullified*. Pilihan Raya Likas itu.

Sehingga pada hari ini rakyat Sabah mempercayai bahawa rakyat ini penambahan penduduk yang luar biasa Sabah itu, hasil daripada itulah. Itu dalam pemikiran rakyat Sabah sebab tidak ada apa-apa penjelasan tentang apa yang didakwa oleh Hasnah Ibrahim dan kita ambil dia *as the* Ini di mahkamah soal *statement* dan apa yang memberi kewibawaan terhadap kesaksian. Itu ialah beliau sendiri ditangkap di bawah ISA, meringkuk di Kemunting selama beberapa tahun. Bila dia keluar dia tentu sekali merasakan *why did I have to pay for the price*. Apa saya sudah buat, tentu sekali. Itu sebab bermain dalam fikiran kita dan saya ingat kalau dikatakan ini tidak benar *then you have to prove otherwise*. Kita kena jelaskan, kita kena lihat kenapa pertambahan penduduk Sabah yang mendadak sedemikian rupa sehinggakan kadar pertumbuhan sampai lebih 5%, sedangkan peringkat nasional baru 2.6% dalam beberapa dekad yang lalu.

Kita boleh lihat dalam banci penduduk setiap 10 tahun. Ini yang penting harus kita lihat sebab apa, kajian-kajian yang dibuat oleh sarjana-sarjana dalam hal ini telah membuktikan dan ini saya ingat penting demi untuk mempertahankan kedaulatan negara kita, ketenteraman awam dan sebagainya sebab jika tidak perasaan-perasaan rakyat Sabah, pelbagai penduduk Sabah akan tenang di sana. Kenapa orang dibuat sedemikian rupa. Sebab itu saya mengatakan kalau ada perbuatan jenayah oleh pihak-pihak tertentu pada ketika itu tidak apa, kita boleh ampunkanlah orang-orang itu, tinggal lagi dokumen-dokumen itu, mari kita tarik balik sebab kita difahamkan melalui kesaksian kita tahu sebenarnya berapa siap, apakah nombor itu kita boleh tarik balik. Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri panjang lagi?

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi? Cuba.....

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Dalam penggulungan saya akan terjawab soalan-soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah-baiklah.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Sebagaimana saya maklum, masalah pendatang asing di Sabah adalah di bawah tanggungjawab Pasukan Petugas Khas Persekutuan, tetapi dalam banyak urusan berkaitan dengan pemalsuan dokumen dan pengeluaran dokumen yang tidak teratur telah ditandatangani oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara dan JIM melalui pelbagai cara. Di antaranya ialah pertama, meminda dan menyeragamkan Akta Pendaftaran Negara dan peraturan-peraturan di bawahnya bagi Semenanjung Sabah dan Sarawak. Penyeragaman ini banyak memberikan manfaat terutama di negeri Sabah kerana di antara pindaan yang dilakukan ialah memansuhkan peraturan yang membolehkan penggunaan surat sumpah pengakuan, kelahiran bagi melayakkan penduduk di Sabah memperoleh kad pengenalan.

Kedua, memperkenalkan program penggantian kad pengenalan iaitu daripada kad pengenalan plastik kepada kad pengenalan bermutu tinggi dan seterusnya kepada MyKad. Dengan pelaksanaan program ini bermakna kerajaan boleh merampas semula mana-mana kad pengenalan yang dikeluarkan secara tidak teratur kepada pendatang-pendatang asing. Banyak kad pengenalan tersebut telah dapat dirampas dan ditarik balik dan ada di antara pendatang asing yang menyedari mereka memperolehi kad secara tidak teratur atau palsu, tidak tampil untuk menukar kad pengenalan mereka.

Terdapat di antara mereka yang memegang kad pengenalan plastik JPP dan kad pengenalan bermutu tinggi KPD. Insya-Allah, bila kita melaksanakan rancangan ataupun cadangan yang mungkin dipersetujui oleh Kabinet untuk memberi masa kepada rakyat Malaysia menukar kad pengenalan mereka kepada MyKad sehingga tahun ini. Ini akan memerangkap mereka yang masih memegang kad pengenalan palsu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tak sikit? Terima kasih Yang Berhormat. Syabaslah kepada pihak Imigresen! Tetapi kemungkinan ada tak lagi selepas ini akan keluar lagi kad yang lain, sekiranya berlaku lagi penyelewengan, pemalsuan, kemungkinan. Apakah pihak Yang Berhormat sudah membuat kajian? Kita belum tahu, belum tahu saya rasa. Apakah pihak Yang Berhormat sudah membuat kajian yang menyeluruh dalam tempoh tertentu tidak akan berlaku lagi? Apakah sudah dilakukan? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Adakah Yang Berhormat maksudkan bahawa MyKad tu? MyKad yang kita sedang keluarkan, kemungkinan memang, kemungkinan sebab dalam dunia sekarang ini berbagai-bagai perkara akan berlaku.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Makna tidak ada jaminan lagilah?

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Teknologi moden akan diperkenalkan, buat sekarang ini, buat sementara waktu itulah kad yang terbaik untuk negara kita.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Ketiga, membatalkan dan menyenaraihitamkan dokumen-dokumen terutama kad pengenalan yang dikeluarkan secara tidak teratur atau bertindih dengan penduduk tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 19,518 pemegang semua resit pengenalan sementara JPN 1/9 dan 1/11 telah dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah diakui bahawa terdapat masalah oleh Jabatan Imigresen Malaysia di dalam menangani pendatang asing terutamanya pendatang tanpa izin di negeri Sabah. Di antara masalah yang dihadapi ialah:

- (i) pertindihan tugas dengan pihak Pasukan Petugas Khas Persekutuan yang diwujudkan bagi menguruskan pendatang asing di Sabah khususnya dalam tugas-tugas yang berkaitan dengan penangkapan, pengurusan di pusat tahanan dan pengusiran keluar PTI ke negara asal mereka;
- (ii) program penghantaran pulang PTI sering menemui kegagalan kerana dalam jangka masa yang singkat, mereka akan masuk semula ke negara ini. Dari tahun 2000 sehingga Februari 2006, seramai 74,868 PTI telah dihantar kembali ke negara asal mereka. Jika diambil kira jumlah yang dihantar pulang ini PTI di Sabah sudah berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat terhadap pendatang asing yang telah menetap melebihi 30 tahun dan anak-anak mereka yang telah dilahirkan di Sabah. Setiap kali tindakan pengusiran, mereka akan masuk semula ke negara ini kerana ada di antara mereka yang tidak pernah mengenali negara asal usul mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, sebelum itu kalau boleh. Masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran dan lain-lain mengenai kependudukan di Sabah, di mana awal 70an *population* ialah 650,000 dan sekarang tambah 4 kali ganda, 400% yang menunjukkan satu ancaman kepada kedaulatan negara dan keselamatan

rakyat Malaysia, rakyat Malaysia di Sabah. Satu krisis dihadapi oleh kita di Sabah dan bukankah ini patut ditangani dengan satu sikap yang baru, satu pendekatan yang baru. Ada cadangan bahawa satu Suruhanjaya Diraja diadakan untuk menangani masalah ini. Adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk memberi pertimbangan yang serius? Ini kerana mana ada tempat di mana ada *population* tambah 400% dalam tempoh 30 tahun.

Dan, sebenarnya masalah ini bermula dalam 70an. Kali pertama saya bangkitkan isu ini tahun 1977 apabila saya pergi ke Sabah, saya ada beri amaran bahawa masalah pendatang haram, pendatang asing akan menjadi satu ancaman kepada rakyat di Sabah. Sekarang kita tengok, hakikatnya *the chicken has come* - bukankah sudah sampai masa satu *bold step be taken* mengenai perkara ini?

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat. Memanglah saya akui tetapi bukanlah satu krisis. - Kita dapati bahawa masalah pendatang asing di negeri Sabah merupakan satu masalah yang kita harus tangani dan saya berjanji bahawa saya akan turun ke Sabah kerap kali untuk sendiri melihat keadaan di situ. Seperti mana yang telah saya terangkan tadi, dari awal-awal tadi sebelum Yang Berhormat masuk ke Dewan bagaimana mengikut sejarah, geografinya, bagaimana berlakunya perkara yang sehingga kini melibatkan satu *problem* yang kita harus tangani sama-sama. Saya mintalah Yang Berhormat masa untuk saya melihat perkara ini dan saya akan laporkan kepada Dewan ini, *I'll answerable to this Dewan, so I come back and talk to this Dewan*, Insyaa-Allah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun].

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Bagi saya masa supaya saya habiskan ini. Seterusnya Yang Berhormat saya ingin menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan, Ahli Yang Berhormat bagi Rasah, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mas, Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dan Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap berkaitan isu permit masuk penduduk tetap. Isu kawalan keselamatan dan waktu operasi di pintu-pintu masuk dan isu pengisian jawatan di Jabatan Imigresen Negeri Sarawak.

Adalah dimaklumkan bahawa peraturan imigresen menetapkan bahawa seseorang pemohon untuk menjadi penduduk tetap perlu tinggal di Malaysia secara berterusan selama lima tahun sebelum boleh memohon untuk mendapatkan permit masuk. Peraturan ini diguna pakai untuk semua warganegara asing yang berkahwin dengan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai garis panduan yang jelas bagi permohonan untuk penduduk tetap. Semua pertimbangan untuk permohonan adalah berdasarkan garis panduan ini. Mengikut peraturan di bawah Akta Imigresen, *Prohibition of Entry Order 1963* Jadual Para 3, 4 dan 5 yang berkuat kuasa selepas Hari Malaysia, salah satu syarat yang dikenakan untuk melayakkan seseorang memohon taraf penduduk tetap adalah isteri yang sah kepada warganegara Malaysia yang telah tinggal bersama suaminya di negara ini secara berterusan selama lima tahun atau lebih atas pas lawatan jangka panjang sosial, ataupun kerja sementara ataupun pas pengajian.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, kenyataan yang dinyatakan bahawa warga asing yang menetap selama 10 tahun sahaja yang layak memohon penduduk tetap adalah kurang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mas, pihak kementerian telah pun mengambil tindakan untuk melaksanakan projek CIQ di pintu-pintu masuk Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Brunei di Sarawak.

Seorang Ahli: [Menyampuk].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sini depan.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Oh, *sorry*.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada membangkitkan berkenaan dengan permohonan kewarganegaraan. Antara rintihan-rintihan adalah mereka perlu tunggu pada satu tempoh yang sangat lama, mungkin 10, 15 tahun. Dan, saya ada menerima satu pengaduan bahawa beliau anak tempatan dan di beranak di Kedah tetapi dia tidak dapat kewarganegaraan, dia dapat IC merah. Jadi, dia memohon, tapi sampai sekarang sudah 8 tahun, 9 tahun jawapan selalu ditanya, dia kata sedang dalam pertimbangan, itu sahaja.

Jadi, tidak patutlah kerana dia dilahirkan di sini. Dia ada surat beranak pun. Bapanya di sini, emaknya di sini, dia beranak di sini tetapi *red IC*. Saya berharap Yang Berhormat kalau boleh menolong, tolonglah pemohon ini. Sekian sahaja.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Okey, jawabnya boleh. Boleh. [Ketawa]. Yang Berhormat sila berhubung dengan saya. Memandangkan keperluan yang amat mendesak, untuk makluman juga, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, salah satu projek yang telah dipohon adalah pembinaan sebuah pos kawalan Imigresen di sempadan Malaysia-Indonesia iaitu di Ba'Kelalan.

Ini bagi memastikan pemantauan dan langkah-langkah keselamatan dapat diambil dengan lebih berkesan. Berkenaan dengan pembinaan pos kawalan Imigresen di sempadan Malaysia-Brunei, di Pendam Gadong, pihak kementerian akan mengambil perhatian dan akan meneliti cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Terap telah menyentuh mengenai waktu pembukaan dan penutupan di pintu-pintu masuk di sempadan. Untuk makluman Yang Berhormat, pembukaan dan penutupan pintu-pintu masuk di sempadan adalah berdasarkan faktor-faktor seperti berikut:-

- (i) laporan keselamatan dari agensi-agensi yang berkaitan seperti Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri dan Polis Diraja Malaysia;
- (ii) ia berkaitan dengan perjanjian sempadan, *border agreement* di antara negara-negara yang berkongsi sempadan dengan Malaysia;
- (iii) berdasarkan di atas permintaan negeri-negeri yang berkongsi sempadan dengan negara lain; dan
- (iv) semua pintu masuk adalah diwartakan di bawah Akta Imigresen 1959/63, setelah mengambil kira pandangan dari agensi-agensi keselamatan yang berkaitan seperti di atas serta faedah yang diperolehi oleh negara kita. Pada masa ini hanya pintu masuk Bukit Kayu Hitam yang dibuka hingga jam 12.30 malam. Manakala, pintu masuk lain seperti Padang Besar, Pengkalan Hulu, dan Rantau Panjang dibuka setakat jam 10.00 malam sahaja.

Bagi menjamin keselamatan negara dari aktiviti jenayah, kerajaan telah menambahkan ahli pasukan keselamatan seperti PDRM, anggota Tentera Malaysia, Imigresen dan UPP bagi memantapkan lagi aspek keselamatan di kawalan sempadan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching ingin mendapatkan penjelasan mengenai perjawatan di Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak dipenuhi dengan pegawai-pegawai dari Semenanjung berbandingkan pegawai-pegawai dari rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, jawatan Imigresen di Jabatan Imigresen Negeri Sarawak adalah jawatan Persekutuan dan pengisiannya terdiri dari pegawai yang berkhidmat dalam awam Persekutuan dan warganegara Malaysia. Ini bermakna faktor orang tempatan Sarawak atau Semenanjung bukan merupakan satu syarat pengisian jawatan di Jabatan Imigresen negeri Sarawak. Namun begitu, keutamaan sentiasa diberi kepada anak tempatan Sarawak untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut. Hanya jika tiada calon-calon yang layak, barulah calon dari Semenanjung dan Sabah dipertimbangkan. Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Sini, sini, sini, pandang ke sini.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Bandar Kuching, *okey, allright*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya ingin tahu berapakah orang Sarawak yang memohon untuk jawatan itu dan kenapakah mereka didapati bahawa mereka tidak layak? Dan apakah kelayakan yang dicari oleh itu jabatan? Mengapakah mereka gagal untuk diupah dalam memenuhi jawatan tersebut?

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Saya meminta maaf kepada Yang Berhormat. Saya tidak bolehlah menjawab soalan itu dengan tepat. Hanya untuk menyatakan di sini, bahawa Pengarah Imigresen negeri Sarawak adalah daripada anak tempatan walaupun beliau menjawat jawatan daripada Perkhidmatan Awam Persekutuan. Yang lain itu, saya akan bagi jawapan secara bertulis berapa ramaikah anak-anak negeri Sarawak yang memohon jawatan Imigresen di sana. Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian menyedari masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Bintulu berhubung karenah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, bandar Kuching bangun.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Menurut maklumat yang diberi kepada saya, sekarang Jabatan Imigresen Sarawak masih ada *vacancy*, kekosongan. Seramai 100 lebih *vacancy*. Bolehkah Menteri memberi satu jaminan bahawa anak Sarawak akan diberi keutamaan sekiranya kerajaan nak mengupah lebih banyak orang untuk memenuhi jawatan tersebut.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Ya, Yang Berhormat seperti mana saya jelaskan tadi, memang keutamaan diberi kepada anak-anak negeri Sarawak untuk mengisi jawatan. Tetapi terpulang kepada kelulusan yang diperolehinya. Terpulang kepada tahap kelulusan dan *eligibility* dan dia punya kelayakan. Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian menyedari masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Bintulu berhubung kerenah yang berlaku di kaunter-kaunter dan pendaftaran daftar lewat sijil kelahiran dan kad pengenalan di kawasan pendalaman.

Pihak kementerian telah mengarahkan pihak Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak supaya memantau perkara tersebut. Pada 19 hingga 21 Februari yang lalu, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian juga telah melawat di kawasan Ahli Yang Berhormat bagi memastikan masalah tersebut telah dapat diatasi. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Gelang Patah pula meminta supaya pihak kementerian mengkaji semula kadar denda yang dikenakan di atas kehilangan kad pengenalan atas alasan diragut, pecah rumah, kemalangan dan bencana alam seperti kebakaran dan banjir. Setakat ini, kehilangan kad pengenalan atas alasan bencana alam dikecualikan daripada denda jika mendapat pengesahan daripada pihak Jabatan Kebajikan. Sebagai contoh, mangsa Tsunami dikecualikan daripada denda dan bayaran semasa membuat permohonan gantian.

Walau bagaimanapun, bagi kehilangan kerana kecurian dan kemalangan dikenakan bayaran denda kerana diragui akan wujud permohonan-permohonan yang menyalah gunakan laporan polis. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa jumlah kad pengenalan yang hilang setiap tahun adalah besar serta membimbangkan. Kementerian sedang mengkaji semula langkah-langkah untuk memastikan jumlah kehilangan ini dapat dikurangkan. Antaranya untuk mengkaji semula bayaran denda yang sedang berkuat kuasa. Denda yang ada sekarang adalah RM10.00. Padahal, *MyKad* berharga RM28.45 sen. Adalah menjadi hasrat kementerian supaya setiap rakyat Malaysia sentiasa cinta dan tidak menghilangkan *MyKad*. Untuk penjelasan selanjutnya, ingin saya menjelaskan di sini bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, lebih kurang berapa minit akan selesaikan jawapan?

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Dua minit Yang Berhormat, dua, tiga minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk nak, selanjutnya saya nak beri penerangan tentang statistik kehilangan MyKad selama 5 tahun bermula dari tahun 2001, sebanyak 2,127, 995 kad pengenalan telah hilang. Ini oleh sebab kita telah mengenakan denda sebanyak RM10.00. Jadi saya mohon persetujuan, mohon sokongan dari Ahli Yang Berhormat bahawa kita bercadang untuk menaikkan denda ini kepada RM100.00, mungkin.

Seterusnya pada kali yang kedua, mungkin dihadapkan ke mahkamah. Untuk mahkamah jatuhkan hukuman kepada mereka yang menghilangkan kad pengenalan pada kali yang kedua. Jadi Ahli Yang Berhormat sekalian, saya fikir saya dah habis dah menjawab semua soalan. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, pihak kementerian akan memberi perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan. Sekian terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dato', sikit.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Oh, okey.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Menyampuk].[Ketawa].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah tutup.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tak, Menteri bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri Bagi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Menteri bagi. Saya tunggu habis Menteri, baru cakap. Datuk saya mohon satu persoalanlah, yang berbangkit daripada apa yang disebut oleh Bandar Kuching. Yang Berhormat daripada Bandar Kuching. Apabila pihak polis membuat *recruitment* pegawai ASP dan Inspektor baru-baru ini, saya dapati hanya sebahagian kecil sekali *recruitment* itu boleh dibuat di Sarawak. Pengambilan anak-anak Sarawak. Apabila saya berjumpa dengan pihak *recruitment officer* ini dan meminta penjelasan kenapa tidak banyak pegawai ataupun calon dari Sarawak dapat diambil, penjelasan dia bagi kepada saya ialah sedemikian.

Pengambilan pegawai ASP dan inspektor ini kata dia diberi kuota yang tertentu. Kuota Melayu, kuota Cina, kuota India dan kuota bumiputera Sarawak. Apabila *interviewers* ini, pegawai yang mengambil ini melawat seluruh Tanah Melayu. Bila melawat seluruh Tanah Melayu, didapati bahawa Semenanjung, Semenanjung didapati bahawa banyak pemohon dan akhirnya semua kuota Melayu itu dipenuhi di Semenanjung. Akhirnya tidak ada satu pun tinggal lagi kuota itu bila sudah melawat ke Sarawak dan ke Sabah.

Akhirnya apabila sampai ke Sarawak, *interview* dibuat hanya sebagai *token* sahaja. Sebenarnya mereka tidak ada kuota lagi untuk diisi oleh orang Melayu. Akhirnya orang Melayu di Sarawak tidak mendapat peluang masuk ke Jabatan Polis. Jadi persoalan saya adakah perkara yang sama berlaku dengan Jabatan Imigresen, kuota-kuota tertentu dan apabila sesuatu *ethnic group* itu sudah terisi, kalau umpamanya temu duga dibuat di Semenanjung, akhirnya orang Sarawak dan Sabah tidak dapat.

Kalau dibuat di Sarawak, akhirnya orang Semenanjung tidak dapat mengisi. Jadi macam mana untuk menyelaras kalau benarlah perkara ini berlaku supaya kuota-kuota yang bukan sahaja diberi kepada etnik tetapi juga diberi kepada negeri supaya tidak berlaku kepincangan seperti apa yang berlaku sebagaimana saya dijelaskan pihak polis yang meng"*interview*" calon ini.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak begitu pasti bagaimana pihak polis menjalankan cara untuk mengambil rekrut baru tetapi saya pasti bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menjalankan dia punya pengambilan perkara-perkara baru akan mengambil kira dan memberi peluang yang sepenuhnya kepada anak-anak tempatan bukan sahaja di negeri Sarawak dan Sabah melainkan mengikut negeri-negeri yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, sila.

8.32 m.m.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada sembilan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh hal-hal kementerian, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjangkah Yang Berhormat?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tetapi saya minta izin dengan Tuan Yang di-Pertua untuk tidak respons kepada dua isu iaitu penyakit kaki, tangan dan mulut serta *avian influenza* kerana perkara tersebut telah pun diterangkan dengan panjang lebar dalam usul....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, dalam tempoh masa 15 minit boleh selesailah.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya terus hendak rujuk kepada cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Gombak dan Yang Berhormat bagi Segambut berhubung dengan Mekanisme Pembiayaan Kesihatan Negara (MPKN).

Kerajaan sememangnya prihatin dan menyedari akan perlunya diwujudkan mekanisme pembiayaan insurans kesihatan yang sesuai untuk negara ini. Ekoran daripada keperluan tersebut kerajaan menerusi Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bersama dengan Kementerian Kesihatan telah mengkaji pelaksanaan bagi mewujudkan satu mekanisme pembiayaan berkenaan. Bagi menjadikan mekanisme berkenaan satu realiti, pelbagai model lain telah diteliti termasuk pengalaman daripada negara-negara luar.

Di samping itu, laporan daripada kajian yang telah dilakukan oleh EPU juga telah turut diambil kira dan perancangan sistem ini juga mengambil kira input atau maklum balas daripada pelbagai pihak dari sektor awam, sektor swasta serta badan-badan bukan kerajaan. Dalam isu ini, Kementerian Kesihatan sentiasa bersikap telus dan bersedia menerima pandangan serta input daripada pelbagai pihak. Pelbagai siri perbincangan, mesyuarat, taklimat, forum telah diadakan dan akan terus dianjurkan dari masa ke semasa.

Adalah dicadangkan supaya mekanisme pembiayaan kesihatan tersebut berasaskan kepada konsep insurans kesihatan nasional yang meliputi seluruh negara. Mekanisme ini akan memberikan lebih kesaksamaan atau ekuiti dan kebolehsampaian, *accessibility* terhadap liputan rawatan kesihatan yang menyeluruh serta merangkumi kos pembedahan dan rawatan bagi penyakit-penyakit kronik.

Selain itu menerusi integrasi antara perkhidmatan rawatan di hospital swasta yang telah 'diakreditasi', di mana kos rawatan akan dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Insurans Kesihatan Nasional. Cadangan mekanisme tersebut akan memberi faedah dan manfaat kepada kerajaan dan rakyat. Golongan rakyat yang berkemampuan akan dikehendaki membuat caruman dengan kos atau jumlah yang berpatutan dan tidak membebankan. Manakala mereka yang tidak mampu, warga tua, orang kurang upaya akan terus dibiayai oleh kerajaan secara subsidi silang atau *cross subsidy*, dengan izin.

Kerajaan menyedari pelaksanaan mekanisme pembiayaan kesihatan perlu dibuat dengan teliti dan kemas agar ia berjalan dengan lancar serta diterima oleh semua golongan masyarakat. Kerajaan menerusi EPU di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan telah mendapatkan khidmat pakar perunding untuk menghalusi pelaksanaan terperinci ini yang akan meliputi aspek seperti kadar had caruman, kaedah pembayaran kepada para pembekal perkhidmatan kesihatan, aspek perundangan, impak terhadap sistem kesihatan dan ekonomi negara dan sebagainya.

Kajian pakar perunding ini dijadualkan selesai dalam tempoh antara 12 hingga 18 bulan. Untuk makluman Dewan, Kausar Corporation seperti yang dinyatakan oleh pihak Yang Berhormat bagi Tanjong, bukanlah pakar perunding yang dilatih. Kerajaan menyedari bahawa terdapat pelbagai implikasi yang mungkin timbul akibat pelaksanaan mekanisme pembayaran kesihatan negara. Oleh yang demikian, kerajaan sebenarnya tidak tergesa-gesa dan amat berhati-hati dalam meneliti segala perkara yang berkaitan dengannya supaya pelaksanaan yang dibuat adalah terperinci serta dapat diterima oleh semua golongan masyarakat.

Sehingga setakat ini, maklumat terperinci mengenai perkara ini termasuk tarikh pelaksanaannya belum dimuktamadkan lagi dan kerajaan sebenarnya bersedia mendengar pandangan daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada perkara yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mas yang menyatakan kenapa banyak kes khususnya daripada daerah Limbang dirujuk kepada Hospital Umum Sarawak dan Hospital Miri. Hospital Limbang ini adalah sebuah hospital daerah tanpa pakar yang mempunyai kurang daripada 100 katil. Hospital Limbang menyediakan perkhidmatan perubatan sekunder asas walaupun dia menyediakan perkhidmatan pakar tetapi pakar yang datang adalah pakar yang datang dari sudut *visitingnya*, datang melawat sahaja.

Ekoran daripada itu, kebanyakan pesakit dirujuk kepada hospital yang ada pakar iaitu Hospital Miri dan Hospital Kuching. Ekoran daripada itu, kementerian maklum bahawa kes-kes, umpamanya kedatangan pesakit luar dan pesakit dalaman bertambah dan kita dapati bahawa sebenarnya sedikit sahaja pesakit yang dirujuk kepada pakar untuk rawatan lanjut. Untuk jangka panjang, kalau boleh kita hendak ramaikan lagi pakar terutamanya rakyat daripada Sarawak sendiri supaya mereka menjadi pakar. Cuma masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, bila dia sudah jadi pakar, sudah lama duduk di Kuala Lumpur minum air Lembah Klang, dia tidak hendak balik ke Sarawak pula.

Kedua, saranan daripada Yang Berhormat bagi Kudat supaya cadangan untuk menyerahkan urusan pentadbiran hospital kepada kakitangan sokongan tidak dijalankan. Sebenarnya kita sudah pun membuat satu *pilot project* di mana kita hanya membenarkan anggota-anggota dan kakitangan Kementerian Kesihatan yang terdiri daripada jururawat juga diberi kesempatan untuk menjadi pengarah. Perkhidmatan ini sebenarnya memberikan peluang kenaikan pangkat kepada mereka yang bukan daripada pegawai perubatan.

Yang Berhormat bagi Kudat juga meminta penjelasan kementerian supaya mengiktiraf doktor Pakar Klinikal dan mencadangkan supaya kementerian mengiktiraf doktor Pakar Kesihatan Awam. Ini pun telah pun dilakukan di mana kementerian mempunyai dua jenis pakar iaitu Pakar Klinikal dan satu lagi Pakar Kesihatan Awam, cuma Pakar Kesihatan Awam klinikal elauannya dapat 80% maknanya 20% kurang daripada Pakar Klinikal, itu adalah keputusan JPA.

Akhir sekali ada dua perkara, satu saranan bagi Yang Berhormat Hulu Langat supaya, terima kasihlah Yang Berhormat Hulu Langat menyatakan keprihatinan beliau terhadap Orang Asli. Tentang hal-hal kesihatan dan perkhidmatan perubatan Orang Asli ini sebenarnya Yang Berhormat bagi Kuala Langat, dia terletak di bawah Jabatan Orang Asli. Walau bagaimanapun kita ada dengan izin *interfacing* antara Jabatan Orang Asli dengan Kementerian Kesihatan. Kita bagi input-input, teknikal dan juga kepakaran kita kepada Jabatan Orang Asli supaya Orang-orang Asli tidak tertinggal dari sudut penjagaan kesihatan. Dan kita memang tahu Orang Asli masih lagi dibelenggu dengan beberapa penyakit yang memang khusus untuk Orang Asli. Perkara ini memang kita selalu berinteraksi dengan Jabatan Orang Asli memastikan bahawa tahap perkhidmatan kesihatan dan perubatan Orang Asli tidak tertinggal jauh dibandingkan dengan etnik-etnik lain.

Akhir sekali Yang Berhormat bagi Bagan menyatakan pelbagai produk makanan negara ini yang dikesan mempunyai bahan kimia yang boleh menyebabkan kanser. Antaranya kuaci, asam, minyak ikan kod, buah-buahan terutamanya yang diimport dari negara Thailand. Yang Berhormat bagi Bagan juga menyatakan rasa kesal pihak kementerian hanya menyedari perkara ini setelah ianya disiarkan dalam surat khabar atau

media cetak dan barulah ada kajian susulan buat. Kononnya tindakan ini menunjukkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) agak ketinggalan atau mundur dalam pengesanan kehadiran bahan-bahan berbahaya ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Santubong ya? Sekejap.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tunggu saya habis dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Okey sekejap ya, sekejap.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ekoran daripada itu sebenarnya pihak kementerian menafikan sekeras-kerasnya, malangnya saya sudah siap sedia Yang Berhormat Bagan ada soalan mengenai perkara tersebut, sudah siap sedia tetapi soalan tidak naik jadi saya boleh bagi jawapan yang sudah disediakan kepada Yang Berhormat Bagan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sebenarnya keperluan penggunaan bahan kimia dalam makanan bagi tujuan memproses tidak dapat dinafikan. Kementerian sentiasa memantau bahan kimia yang digunakan supaya ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan pengguna. Bahan kimia yang berbahaya sememangnya tidak dibenarkan penggunaannya dalam makanan berdasarkan pada Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985. Ingin ditegaskan bahawa sebarang tindakan yang diambil berhubung keselamatan makanan adalah sewajarnya berdasarkan kepada maklumat mengenai kejadian yang berlaku di negara asal. Ini penting kerana sebarang tindakan memerlukan bukti saintifik dan penarikan balik produk tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Datuk Timbalan Menteri. Berbalik kepada soalan Orang Asli dan klinik hospital di pedalaman. Pada satu ketika dahulu, pada tahun pertengahan tahun ketika dahulu lah, zaman saya muda lagi jadi Ahli Parlimen dahulu..1994, kerajaan pernah mengumumkan bahawa di luar bandar akan dibina klinik-klinik desa, dibinakan hospital-hospital di tempat-tempat tertentu *the cluster of settlement* di pedalaman Sarawak, Sabah dan sebagainya.

Tetapi hingga sekarang ini saya masih mendengar rungutan bahawa masih di pedalaman itu klinik-klinik desa tidak dibina dan program-program sepatutnya terlaksana semenjak berapa Rancangan Malaysia belum lagi terlaksana. Dan sekarang oleh kerana penerbangan helikopter tergendala sedikit, doktor udara tergendala sedikit jadi dengan sendirinya orang di luar bandar jadi tidak mendapat rawatan yang sempurna. Jadi apakah perancangan kerajaan supaya program yang asal itu iaitu Klinik Desa itu dilaksanakan secepat mungkin supaya kita tidak perlu menggunakan helikopter lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan umumkan esok mengenai bagaimana kita hendak menaikkan nilai tambah *delivery system* dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan terutamanya di Sabah dan Sarawak, tunggu esoklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh tamatkan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan banyak-banyak terima kasih. Mana-mana yang tidak dapat disentuh pegawai saya akan ambil perhatian dan membuat tindakan untuk membaiki keadaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk berikan jawapan.

8.46 min.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, pendapat, pertanyaan, teguran dan cadangan yang membina ke arah memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan sempena perbahasan usul Titah Diraja dalam sesi sidang Parlimen kali ini.

Saya ingin menyimpulkan pandangan pertanyaan serta cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan menyentuh mengenai Kementerian Belia dan Sukan kepada tiga bidang utama iaitu Pembangunan Belia, Rakan Muda dan Pembangunan Sukan.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Pembangunan Belia. Cadangan bagi Yang Berhormat Larut supaya dipantau aktiviti persatuan-persatuan belia di Malaysia ingin kementerian mengatakan bahawa memang dilaksanakan. Tetapi pemantauan kementerian hanya terbatas kepada isu-isu memberi nasihat, bimbingan ataupun teguran pada prestasi persatuan-persatuan belia.

Tidak lebih daripada itu memandangkan kuasa sebenarnya ke atas persatuan-persatuan ini adalah di bawah Pendaftar Pertubuhan. Walau bagaimanapun kementerian berharap jika Parlimen bersetuju dan meluluskan Akta Belia yang akan Insya-Allah dibawa pada bulan Jun kementerian bercadang untuk mewujudkan satu peruntukan perundangan khas supaya persatuan-persatuan belia dapat didaftarkan di bawah Akta dan kemudiannya membenarkan dan memberikan kuasa kepada kementerian untuk memantau dengan lebih dalam.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam telah memberi pandangan bahawa kelemahan Kementerian Belia dan Sukan tidak ada mempunyai *database* yang sebenarnya mengenai status seluruh belia Malaysia seperti berapakah jumlah belia yang menganggur, bekerja, yang belajar dan sebagainya. Ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua memang dipersetujui, itu sebabnya kementerian telah mewujudkan mengambil langkah Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia pada tahun lepas dengan harapan bahawa institut dapat menjalankan kaji selidik nasional terhadap isu-isu belia dan mewujudkan indeks belia untuk membantu kementerian melaksanakan dasar-dasar belia.

Yang Berhormat bagi Setiu pula memberi pandangan ketidakseimbangan jumlah belia dengan kakitangan kementerian di daerah-daerah yang menjadi punca kepada kelesuan belia. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak sebenarnya betul bahawa ketidakcukupan kakitangan belia, kakitangan Kementerian Belia dan Sukan di daerah-daerah menjadi punca kepada kelesuan belia. Masalah belia antara yang tidak pro aktif sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, adalah disebabkan bahawa belia-belia tidak minat memasuki mana-mana persatuan belia atas beberapa sebab.

Kalau dilihat daripada pendekatan ini, itu sebabnya kementerian mewujudkan Program Rakan Muda supaya dapat mengaktifkan belia kepada program-program yang dapat dibawa oleh kementerian baru...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Ini berkaitan dengan *database* belia ini. Kita Ahli-ahli Yang Berhormat wakil-wakil rakyat ini juga ingin turut membantu Kementerian atau Belia dan Sukan ini. Jadi dari segi *database* ini boleh tidak apabila telah disediakan dan kita ingin tempoh tertentu apa yang telah disediakan itu dikongsikan maklumat ini dengan wakil-wakil rakyat. Sebab kita boleh membantu mereka khususnya belia ini di luar bandar kita lihat masalah mereka ini ialah kejaya dan pendapatan. Jadi sebenarnya dalam konteks sekarang ini sebenarnya kita pun boleh membantu mereka kalau *database* ini boleh dikongsikan dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan yang disebut oleh Yang Berhormat itu memang, Insya-Allah akan dilaksanakan dan akan disenaraikan tentang isu-isu yang dipersoalkan kepada belia kita. Tuan Yang di-Pertua ingin saya membawa pada isu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bahawa dasar belia dan hala tuju belia perlu dikaji semula.

Sebenarnya Dasar Pembangunan Belia Negara yang telah diperkenalkan pada tahun 1985 telah dikaji semula pada tahun 1997. Kementerian tidak ada halangan sekiranya terdapat alasan yang kukuh dan munasabah untuk mengkaji semula dasar tersebut agar selaras dengan tuntutan dan keperluan pembangunan belia masa kini. Namun demikian, dasar yang sedia ada sebenarnya dilihat masih relevan dan selari dengan misi dan visi pembangunan negara. Kementerian ini sentiasa bersikap terbuka serta bersedia untuk menerima sebarang cadangan penambahbaikan ke atas dasar tersebut asalkan ianya membawa kesan yang positif kepada pembangunan modal insan belia di dalam negara kita. Yang Berhormat bagi Tangga Batu pula menimbulkan pertanyaan, kenapakah jumlah belia berkesatuan tidak seimbang dengan jumlah belia yang tidak berkesatuan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyedari wujudnya ketidakseimbangan jumlah belia berkesatuan dengan yang tidak berkesatuan. Perkara ini berpunca daripada pelbagai faktor misalnya kepimpinan persatuan belia yang lemah, aktiviti kurang menarik persatuan, pengurusan yang lemah persatuan tidak aktif, persepsi negatif terhadap persatuan belia, kekurangan sumber kewangan dan beberapa faktor desakan ekonomi yang menyebabkan ramai belia tidak begitu minat untuk menjadi ahli persatuan belia. Walau bagaimanapun, kementerian telah menjalankan program kempen menambah ahli persatuan belia mulai tahun 2006 dengan kerjasama Majlis Belia Negeri-negeri, dengan harapan untuk menambahkan keahlian persatuan-persatuan belia dan menjadikan persatuan belia kuat seperti dahulu Tuan Yang di-Pertua. Kementerian juga berharap dengan wujudnya Akta Belia ini, secara tidak langsung akta ini dapat memperkasakan semula pertubuhan belia dalam negara kita dan mengembalikan minat di kalangan belia untuk menyertai persatuan. Yang Berhormat bagi Kuala Langat pula mewujudkan cadangan bahawa kementerian harus memperbanyakkan.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit berkenaan dengan kegagalan persatuan dalam menarik belia-belia untuk menyertai persatuan belia. Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri beri sedikit komen tentang peranan persatuan belia ataupun Majlis Belia Malaysia dalam memastikan belia-belia kita sekarang ini berminat untuk menyertai persatuan.

Pada saya mungkin belia-belia tidak menunjukkan minat untuk persatuan kerana peranan dan tanggungjawab. Majlis Belia Malaysia hari ini seolah-olah macam menutup ruang ini untuk disertai oleh belia-belia kita, dan kalau kita lihat pengerusi-pengerusi Majlis Belia Negeri kebanyakannya telah pun menjangkau 50-an dan 60-an. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azalina binti Othman Said: Kementerian menyedari bahawa banyak kes persatuan belia mempunyai kepimpinan yang lebih daripada umur belia. Mungkin ini disebabkan mereka ini masih minat dan sayang kepada gerakan belia. Tetapi kementerian mendapat maklumat bahawa belia tidak minat kepada kepimpinan yang lebih tua daripada mereka. Jadi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu memang tepat. Kementerian melihat bahawa Majlis Belia Malaysia bersama dengan gerakan belia dengan adanya Akta Belia nanti, harus mewujudkan satu hala tuju yang lebih dapat membina gerakan belia dalam negara kita. Tambahan juga kewujudan Majlis Perundingan Belia Negara yang akan diturunkan di peringkat negeri dan daerah, diharapkan dapat memperkasakan gerakan belia selain daripada majlis belia peringkat negeri dan daerah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Langat menimbulkan isu berkenaan Pertubuhan Pengakap Malaysia dan menyalurkan peruntukan kewangan bagi melaksanakan aktiviti tersebut. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian baru-baru ini telah melantik Ketua Pengakap Negara yang terdiri daripada kalangan Ahli Parlimen iaitu Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh dan pelantikan beliau adalah selama lima tahun. Pelantikan di bawah Akta Parlimen nombor 38 tahun 1968.

Kementerian memang memberikan bantuan kewangan kepada Gerakan Pengakap ini dan harapan kementerian juga Gerakan Pengakap ini yang memang begitu aktif di sekolah-sekolah dan di sekolah rendah dan sekolah menengah dapat dibawakan di universiti-universiti tempatan dan juga swasta. Kementerian berharap sangat bahawa badan-badan beruniform yang didaftarkan di bawah kementerian dapat berjalan dengan aktif untuk menarik minat belia-belia kita menjadi ahli-ahli persatuan beruniform.

Yang Berhormat bagi Jerai pula mencadangkan bahawa kementerian membuka kaunter khas di pusat membeli belah supaya belia-belia dapat maklumat bagaimana hendak memasuki persatuan belia yang beruniform mahupun yang tidak beruniform, di samping itu belia boleh mendapat maklumat tentang aktiviti yang dianjurkan kementerian. Kementerian cukup berterima kasih kepada cadangan, insya-Allah akan dilaksanakan.

Berkenaan dengan isu Rakan Muda Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Maran menyarankan supaya umur penggerak Rakan Muda dilanjutkan kepada 40 tahun. Ini sedikit sebanyak boleh mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua pihak kementerian tidak bercadang untuk melanjutkan umur penggerak Rakan Muda kepada umur 40 tahun. Sebenarnya definisi Rakan Muda Tuan Yang di-Pertua ialah antara 15 hingga 25 tahun.

Ini termasuk dalam Dasar Pembangunan Belia Negara yang mendefinisikan apakah itu umur Rakan Muda. Kementerian juga melihat bahawa tempoh perkhidmatan Penggerak Rakan Muda hanyalah sehingga mereka mencapai umur 26 sahaja dan ini sejajar dalam umur Rakan Muda yang ditakrifkan oleh kementerian. Di antara peranan penggerak Rakan Muda ialah untuk menggembelngkan tenaga remaja melibatkan mereka di dalam aktiviti-aktiviti berfaedah, yang membawa mereka ke dalam arus pembangunan negara. Iaitu kementerian mahu melihat penggerak Rakan Muda menjadi telinga dan mata kepada kerajaan dan juga dapat mendampingi belia-belia kita memahami kehendak dan cita rasa mereka dan membawa mereka menyokong pendekatan kerajaan ke arah belia cemerlang, gemilang dan juga terbilang. Berkenaan dengan isu pembangunan sukan.....

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Minta laluan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sekejap sahaja, masa tidak cukup.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak respons sedikit tentang penggerak Rakan Muda. Saya faham bahawa Rakan Muda ialah terdiri daripada mereka yang muda sehingga 25 tahun. Tetapi tugas yang diberi kepada mereka ini ialah penggerak. Sebab itu saya mencadangkan supaya penggerak ini memberikan kelonggaran sedikit supaya mereka ini terdiri daripada orang yang berpengalaman sehingga umur....

Saya mencadangkan kalau pihak kementerian perlu melanjutkan sehingga 40. Saya ambil 40 rasionalnya kerana 40 ini ialah umur belia, walaupun bukan Rakan Muda. Tetapi kalau kita boleh melanjutkan sedikit umur mereka kepada mungkin 30 ataupun 35 tahun, dengan ini saya kira membolehkan penggerak ini memimpin rakan-rakan muda mereka ini. Sebab saya tengok apa yang ada sekarang ini yang lepas ini, saya nampak berperanan baik bagi membantu Rakan Muda untuk mengerakkan program mereka. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah kementerian akan mengkaji pelantikan penggerak ini, iaitu ujian untuk fasa pertama dan Insya-Allah kalau dilihat kesan lebih kepada mereka yang lebih berumur akan dilaksanakan apabila dibawanya kesan-kesan pelantikan ini kepada kabinet untuk laporan tentang kejayaan program ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Berkenaan dengan isu pembangunan sukan Yang Berhormat bagi Arau mencadangkan supaya kementerian memperkenalkan sukan ragbi sentuh ataupun dipanggil *touch rugby* di peringkat sekolah, universiti dan negara memandangkan sukan tersebut tidak memerlukan perbelanjaan yang besar, sesuai pada semua peringkat umur dan tidak memerlukan kawasan yang luas dan dikategorikan sebagai sukan tidak lasak.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman semua Yang Berhormat sekalian, sebenarnya Kementerian Belia dan Sukan memang menyambut baik cadangan mewujudkan sukan ragbi sentuh sebagai satu sukan alternatif kepada sukan masa. Saya baru-baru ini telah berjumpa dengan Jawatankuasa Persatuan Ragbi Malaysia dan telah memberikan pandangan bagaimana dapat sama-sama untuk mempopularkan sukan ragbi sentuh ini seperti sukan futsal, iaitu sukan bola sepak yang dibentuk dalam keadaan yang lebih senang supaya pemainnya tidak begitu ramai.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, cadangan seterusnya itu perlu dibawa kepada bidang kuasa kementerian berkenaan memandangkan Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai bidang kuasa untuk memperkenalkan sukan di peringkat sekolah ataupun universiti. Yang Berhormat bagi Jerai pula menyarankan supaya kementerian....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak melahirkan dan berfungsi kebanggaan atas pencapaian Malaysia Sukan Komanwel di *Melbourne* baru-baru ini, tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan atlet kita. Kita dapat 7 emas, 12 perak, 10 gangsa. Kementerian mungkin akan memberi ganjaran, imbuhan kepada atlet-atlet yang berjaya ini. Saya hendak menyarankan kepada kementerian, jangan lupa pula memberikan ganjaran, imbuhan kepada jurulatih-jurulatih yang juga berjasa dalam mencapai kejayaan-kejayaan ini. Jangan sampai kita lupa. Kadang-kadang macam juga kita di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, penyanyi kita puja-puja. Pengubah lagunya kita lupakan, penulis liriknya kita lupakan. Jadi kalau boleh, Yang Berhormat Menteri, itu satu.

Kedua, saya hendak bertanya tentang badan-badan sukan ini Tuan Yang di-Pertua, fasal sudah menyentuh sukan ini. Ini bukan soal salah kementerian tetapi salah badan-badan sukan ini. Setiap kali saya hendak minta perhatian menteri ataupun bagaimana agaknya nilai kementerian kepada badan-badan sukan ini. Kita seolah-olah ditipu oleh badan-badan sukan ini. Ini bukan kementerian yang salah, ini badan-badan sukan ini.

Setiap kali dalam pertandingan di peringkat antarabangsa kalau kita gagal, kita akan dengar pengurus pasukan mereka yang bertanggungjawab tentang sukan ini kata kami akan buat post-mortem sebagai satu jalan keluar mereka hendak menyelamatkan tengkuk mereka, hendak buat post-mortem. Tapi hasilnya tidak pernah kita tahu dan bila ada pertandingan yang akan datang, pasukan yang sama juga akan gagal.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sekejaplah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biarlah Tuan Yang di-Pertua. Sedikit, sekejap. Lepas ini saya tidak hendak menyoal pun tidak apalah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sabarlah Tuan Yang di-Pertua. Saya pun bersabar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cepat sedikitlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sampai pukul 10 ini bersabar ini. Pukul sembilan lebih sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Banyak lagi ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Satu Tuan Yang di-Pertua. Biar kita faham bukan soal kita hendak menyalahkan kementerian. Kadang-kadang badan sukan ini sendiri mempunyai tanggungjawab yang kadangkala dia meletakkan kesalahan ini kepada orang lain. Jadi kementerian memang beria-ia hendak memajukan sukan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukup. Dah faham dah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, pertandingan bola sepak umpamanya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak Tuan Yang di-Pertua, tidak. Stadium kita *first class!* Tapi apabila ada pertandingan bola sepak saya tengok tonton daripada siaran langsung TV, tidak ada penonton Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: *Low class!*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak ada penonton. Jadi macam sia-sia kita belanja berjuta-juta.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tapi apabila kita hendak marah kepada pencapaian bola sepak ini apabila kita sentuh dia punya AFM apa?

Seorang Ahli: FAM.

[Dewan riuh][Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]*....dia melenting. Jadi dia akan melentinglah, dia tidak terima. Lebih-lebih lagi naib presidennya sebelah saya ini.

[Dewan riuh][Ketawa]

Tidak melentinglah, dia akan kutuklah saya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini serius Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Seolah-olah TV kita pun membuat kerja sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini sebenarnya macam mana? Post-mortem, post-mortem demi post-mortem, dia punya hasil "ilek".

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat. Menteri boleh jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri tidak salah ini Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menarik perhatian supaya badan-badan sukan....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Menteri sudah faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:ini bertanggungjawab bukan soal kementerian sahaja hendak pikul beban ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duit bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik Yang Berhormat. Sudah faham.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Stadium *special!*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya bola sepak ini punya cerita sepuluh hari sepuluh malam pun tidak boleh habis. Ragbi lagi hebat dari bola sepak sebab Yang Berhormat bagi Arau ada depan saya.

[Dewan riuh][Ketawa]

Yang Berhormat bagi Larut itu raja bola sepak Yang Berhormat. Sebenarnya bagi kementerian kita memang ada program ganjaran 10% kepada jurulatih. Tetapi walau bagaimanapun dalam mesyuarat lembaga minggu depan akan dikaji semula sebab saya dimaklumkan tidak semua ganjaran telah dilaksanakan atas apa-apa sebab dan persatuan telah dimaklumkan kemungkinan antara 10% hingga 20% daripada jumlah kemenangan. Baru-baru ini sukan Komanwel juara emas akan mendapat RM80,000, perak RM40,000 dan gangsa RM20,000.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan badan-badan sukan sebenarnya kementerian juga telah memantau bahawa banyak badan-badan sukan kalau bila kalah dituduhnya kesilapan atlet. Ahli-ahli persatuan kadang-kadang mungkin boleh melepas batuk di tangga kerana pejabat sukan kita telah bercakap dan berbincang tentang apakah perlunya kita dengan izin Tuan Yang di-Pertua *accountability* daripada persatuan sukan sendiri. Tapi sayang seribu kali sayang kerana keadaan....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Menteri, Kuala Terengganu. Tentang konsep memantau tadi dan juga *accountability*. Saya hendak tanya Yang Berhormat dan konteks pembangunan sukan ini, apakah kedudukan semasa Persatuan Taekwon-Do Malaysia sekarang ini yang sudah pun dibawa sehingga ke mahkamah yang menyebabkan anak-anak kita yang amat berminat dalam taekwon-do ini tidak dapat aktif lebih-lebih lagi dalam pertandingan di peringkat antarabangsa yang tidak berapa lama lagi ada ASEAN *Games* yang melibatkan taekwon-do dan juga pertandingan di antara negara-negara di Asia ini yang menyebabkan kita tidak boleh terlibat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Kita tidak mahu menjadikan kita ini orang-orang pemimpin ini seperti gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah, anak-anak kita itu tidak dapat berkembang dari segi bakat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Apakah tindakan susulan untuk kita mendamaikan supaya tidak sampai dibawa ke mahkamah. Kalau boleh kita ini boleh menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, kalau dapat dalam lima minit lagi.

Datuk Azalina binti Othman Said: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Lewat sudah ini.

Datuk Azalina binti Othman Said: Sebenarnya berkenaan dengan isu taekwon-do itu kesnya akan didengar pada tahun ini dan sebenarnya taekwon-do telah diwakilkan dan akan diwakilkan melalui perwakilan Majlis Olimpik Malaysia. Jadi walaupun gajah sama gajah, sebenarnya pelanduk tidak mati dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang sangat penting iaitu Yang Berhormat bagi Jerai....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Taekwon-do. Oleh kerana saya pun ada bangkitkan hal ini dalam perbahasan tahun lalu supaya Yang Berhormat Menteri boleh selesai masalah ini oleh kerana beliau sendiri ada terlibat dalam sukan ini bolehkah dia menjelaskan bagaimana dia sudah sedaya-upaya untuk mendapat satu penyelesaian yang baik dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya melalui proses pejabat pesuruhjaya sukan, prosedurnya ialah untuk membuat rayuan kepada menteri dan apa yang berlaku sebelum rayuan dapat dibuat persatuan telah membuat kes di mahkamah yang menyebabkan bidang kuasa menteri ini terhenti sebentar dan saya telah dimaklumkan mahkamah telah mengarahkan mereka untuk membuat rayuan kepada menteri memandangkan proses rayuan itu masih ada. Perkara itu tidak dilaksanakan memandangkan antara pihak *dispute parties* dengan izin Tuan Yang di-Pertua daripada Persatuan Taekwon-do tersebut dengan wakil ataupun peguam kepada kementerian iaitu di AG's office.

Jadi di sini saya masih dimaklumkan kes adanya satu permohonan *in chambers* yang akan dilaksanakan untuk membuat beberapa keputusan. Tapi sebenarnya selaku menteri jika ada apa-apa proses yang dilaksanakan insya-Allah akan dilaksanakan dengan seadil-adilnya Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Jerai menimbulkan isu berkenaan dengan program masuk ke desa ataupun kampung peringkat akar umbi untuk mencungkil bakat-bakat baru. Sebenarnya kementerian sangat bangga dengan program ini kerana kementerian telah melaksanakan program ini yang dipanggil program mengenal pasti bakat; *talents identification, talents counting* dan program latihan atlet yang telah dimulakan semenjak daripada tahun 1987 dan lanjutan daripada program ini beberapa pusat latihan telah ditubuhkan dan atlet berbakat telah mengikuti program tunas cemerlang, program pusat latihan negeri dan program bakat khas.

Pada 6 Ogos 2005 Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa Kabinet telah mewujudkan program yang dipanggil Cari *Champion* di mana kanak-kanak di antara umur lima hingga 15 tahun telah dilaksanakan ujian bakat untuk menguasai lapan jenis sukan yang telah dikategorikan oleh jawatankuasa Kabinet. 3,000 kanak-kanak telah diuji bakat dan daripada 3,000 ini terwujud juga anak-anak daripada masyarakat golongan Orang Asli di mana uji bakat telah dilaksanakan di Pekan, Gua Musang, dan juga Hutan Belum.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kementerian melihat untuk menentukan kejayaan sukan dalam negara kita, kita mesti mempunyai sistem yang dapat menggalakkan anak-anak kita bersukan di sekolah rendah, sekolah menengah dan juga universiti kerana mereka sebenarnya adalah bakal-bakal juara bagi negara. Yang Berhormat bagi Larut dan Yang Berhormat bagi Beluran telah mewujudkan dakwaan bahawa kerajaan ada menyediakan bajet untuk pembinaan kompleks sukan komuniti di setiap kawasan Parlimen tetapi tujuan pembangunannya tidak kesampaian kerana pelaksanaan tidak ketara.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2006 Unit Perancang Ekonomi bersetuju untuk meluluskan pembinaan sebanyak 30 buah kompleks. Di samping itu tiga buah akan dilaksanakan secara percuma. Anggaran kos bagi setiap kompleks adalah sebanyak RM3 juta dan saya dimaklumkan insya-Allah pada esok hari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membuatkan sedikit pengumuman berkenaan pembinaan kompleks ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Insya-Allah dengan kewujudan kompleks ini kementerian melihat akan berfungsi untuk mewujudkan budaya sukan di dalam masyarakat terutama sekali dalam masyarakat luar bandar.

Yang Berhormat bagi Arau pula telah mewujudkan saranan supaya atlet-atlet kita dalam usaha untuk membentuk atlet yang berkualiti disarankan supaya kementerian memberikan perhatian kepada amalan pemakanan atlet di mana bajet yang khusus perlu disediakan. Yang Berhormat bagi Arau, bagi pihak kementerian kita sangat berterima kasih

pada soalan ini kerana sebenarnya Majlis Sukan Negara telah mempunyai unit pemakanan yang memberi perkhidmatan berbentuk khidmat nasihat, ujian status pemakanan, program pemberian makanan serta program pemberian makanan tambahan.

Seramai tujuh orang pegawai pemakanan dan dua orang pegawai telah dilantik untuk bertugas. Majlis sukan negara juga mempunyai sebuah kafeteria khas yang bertujuan untuk memastikan segala kualiti makanan yang dihidangkan sesuai untuk keperluan seorang atlet.

Mulai 2005 majlis telah menambahkan peruntukan pembelian makanan bagi setiap atlet daripada RM24 sehari kepada RM30 dan *budget* pemakanan telah dibelanjakan dan diluluskan mengikut tahun adalah pada 2005, RM875,000 kepada 2006, RM900,000.

Cadangan daripada Yang Berhormat bagi Sungai Petani mencadangkan Perdana Menteri supaya Kementerian Belia dan Sukan dibahagikan kepada dua iaitu Kementerian Belia dan Kementerian Sukan agar dengan itu mutu sukan dapat mencapai prestasi yang tinggi hingga ke peringkat antarabangsa hendaklah dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya, pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk membahagikan kementerian kepada dua. Ini adalah kerana apa yang berlaku sekarang, kementerian mempunyai dua jabatan iaitu Jabatan Belia dan Jabatan Sukan dan tambahannya adalah Majlis Sukan Negara iaitu satu badan yang diwujudkan untuk mempunyai pelaksanaan khusus untuk membangunkan sukan di dalam negara kita secara sukan elit.

Di bawah program belia pula, kementerian juga mewujudkan bahagian Rakan Muda. Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan telah diwujudkan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan 15 Menteri Kabinet menjadi ahli badan ini dan ini menunjukkan bahawa memang kerajaan melihat sukan sebagai satu kepentingan dalam pelaksanaan agenda negara untuk mewujudkan modal insan ke arah cemerlang, gemilang dan terbilang.

Dan akhir sekali Yang Berhormat bagi Setiu mewujudkan soalan tentang menerapkan seni mempertahankan diri persilatan Melayu supaya dapat mengurangkan masalah sosial di kalangan belia juga dicadangkan kepada kementerian supaya dapat mengadakan demonstrasi tentang seni mempertahankan diri seperti silat, taekwando dan karate. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mewujudkan Kejohanan Kebangsaan Seni Mempertahankan Diri sejak tahun 1997 dan kementerian melihat bahawa memang seni mempertahankan diri sangat diminati oleh remaja. Kelebihan seni ini, ia wujud di sekolah dan juga di universiti.

Terdapat 16 disiplin seni mempertahankan diri di bawah kejohanan ini. Dan pada tahun 2005 Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mewujudkan Rakan Muda Waja Diri Kebangsaan sebanyak 10,000 ahli-ahli waja diri telah melaksanakan persembahan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat apakah Yang Berhormat telah menjurus ke penghujung atau....sebab saya ada bangkitkan isu Melbourne. Sebelum itu, saya hendak membetulkan fakta daripada Sri Gading stadium tidak kosong, masih ada yang menonton. Tapi Sri Gading tidak mahu menonton apa boleh buat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya cepat masa tidak ada..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya dalam mukadimah saya dalam perbahasan, saya ambil serius tentang masalah Menteri Belia dan Sukan ketika berada di perkampungan Sukan Komanwel di Melbourne. Apakah Yang Berhormat tidak mahu langsung menjelaskan sedikit di manakah puncanya tentang, mungkin bagi Yang Berhormat itu perkara yang kecil tetapi bagi kami sebagai wakil negara kita, kita tidak tahu apakah laporan daripada media-media yang lain, media asing yang lain. Jadi apakah penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Menteri boleh jawab..

Datuk Azalina binti Othman Said: Sebenarnya Yang Berhormat bagi Larut saya sangat berterima kasih kerana Yang Berhormat sungguh prihatin kepada keadaan saya ketika di Melbourne. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Larut isu itu sebenarnya kecil

kerana Queen Elizabeth pun tidak dapat masuk pada khemah perkampungan pada hari tersebut. Wujud kesilapan teknik pada pegawai kita kerana kita menganggap mana-mana hari boleh dilaksanakan. Mana-mana pihak dapat pergi melawat kem latihan tapi sebenarnya kami baru dimaklumkan bila kami sampai bahawa kerana hari itu ialah hari pembukaan kepada sukan Komanwel yang menyebabkan bahawa sistem keselamatan begitu ketat dan mereka tidak mahu mana-mana pihak mengambil kesempatan dengan kewujudan atlet yang keluar daripada khemah untuk menghadiri program pelancaran tersebut.

Walau bagaimanapun sebenarnya pihak Majlis Olimpik ataupun persatuan sukan ke Majlis Sukan Negara tidak bersalah, Yang Berhormat. Sebenarnya adalah sistem yang berlaku di Melbourne, di Australia.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cuma satu sahaja, apakah pesuruhjaya kita di Malaysia tidak bersama dengan Menteri? Di manakah beradanya pesuruhjaya Malaysia di sana?

Datuk Azalina binti Othman Said: Sebenarnya saya pun tidak tahu Yang Berhormat sebab kehadiran kementerian di sana tidak dengan adanya pesuruhjaya kecuali kali kedua saya hadir barulah wakil *embassy* hadir di lapangan terbang. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil berat mengenai hal yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya telah cuba menjelaskan semua perkara yang dibangkitkan. Sekiranya terdapat perkara yang dianggap belum lagi jelas saya bersedia untuk menerima sebarang pertanyaan atau soalan secara bertulis daripada mana-mana ahli-ahli Yang Berhormat. Pihak kementerian berjanji akan menjawab dan menerangkan sebarang pertanyaan secepat mungkin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Menteri Penerangan untuk memulakan jawapan.

9.05 mlm.

Menteri Penerangan [Datuk Zainuddin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ipoh Timur telah membangkitkan mengenai penyiaran karikatur yang menghina Islam oleh akhbar Denmark menerusi RTM yang mana tiada tindakan diambil oleh kerajaan berbanding dengan tindakan akhbar Sarawak Tribune yang telah digantung penerbitannya.

Sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Penerangan sendiri kesal atas penyiaran yang berlaku kerana *gatekeepers* atau video *editors* RTM terlepas pandang atau *over look* aspek sensitif dalam klip berita atau puitis visual yang pantas dan tangkas, *splitting*. Ini tidak sama dengan *still photo* yang mudah dilihat yang dipilih oleh *editors* ataupun penyunting akhbar untuk penyiaran akhbar atau majalah. Seperti Yang Berhormat maklum dengan izin media *print is permanent* dan *electronic media is splitting*.

Kekesalan kementerian tidak sahaja kerana penyiaran itu telah menyentuh perasaan orang Islam tetapi tanpa sedar telah turut menjadi alat konspirasi barat untuk mengalih perhatian umat Islam terhadap perkara yang lebih besar pada masa itu, iaitu pengeboman orang-orang Islam yang tidak berdosa dengan menimbulkan semula isu karikatur yang telah pun disiarkan oleh sebuah akhbar di Denmark beberapa bulan sebelumnya.

Mereka telah berjaya mengalih perhatian umat Islam kepada isu yang sebenarnya. Inilah media *imperialism* yang kadang-kadang tidak disedari oleh kita. Atas kekesalan inilah, Kementerian Penerangan sendiri telah mendapat pandangan daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. KDN memaklumkan bahawa penyiaran oleh RTM itu adalah tidak tertakluk di bawah Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984, kerana akta ini berkuat kuasa terhadap bahan-bahan penerbitan termasuklah semua jenis dokumen bercetak dan

rakaman suara tetapi tidak meliputi bahan penyiaran yang tersiar di media elektronik seperti televisyen dan multi media.

Walaupun begitu, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah mencadangkan supaya kementerian mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai yang terlibat dengan penyiaran karikatur berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ketua Pengarah Penyiaran telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pegawai-pegawai yang telah dikenal pasti terlibat dalam penyiaran karikatur tersebut. Tindakan tatatertib akan diambil ke atas mana-mana pegawai yang didapati bersalah menyiarkan karikatur berkenaan.

Satu lagi yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, mengenai perkara ini. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil satu sikap yang teknikal dan realistik. Masalah bukan sama ada ia melanggar *Printing Presses and Publication Act* tetapi kalau adakah dianggap sebagai satu kesilapan dalam masyarakat kita. Kalau kesilapan *printed media* atau *electronic media* patut tidak ada perbezaan. Dan sampai sekarang RTM tidak buat apa-apa mohon minta maaf kenapa sampai 'TV 7' ada yang terbuka dengan meminta maaf atas perkara ini tapi sampai sekarang sungguhpun ada tindakan yang ada disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Tapi kenapa RTM enggan membuat satu pendirian yang terbuka untuk memohon maaf dalam perkara ini.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua saya ingat saya telah mengambil masa yang tepat yang lebih sesuai untuk menyatakan kekesalan saya di sini pada hari ini. Dan kita telah bertindak mengikut peraturan undang-undang yang telah nasihatkan kepada kita. Mengikut peraturan yang telah dimaklumkan tadi. Satu lagi perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat Ketua Pembangkang adalah mengenai ucapan saya yang mengkritik media di negara ini yang gagal memahami makna kebebasan dan tidak mengikut peruntukan yang terkandung dalam Akta Percetakan dan Akta Hasutan serta mengenai garis panduan yang dibuat.

Sukar saya menyatakan di sini bahawa setiap syarikat media memang tertakluk kepada perundangan negara dan kod etika bertujuan menjamin kebebasan individu, rakyat dan keselamatan negara. Dalam pada itu, masih terdapat media yang tidak menghayati dasar penyiaran nasional yang tidak tertulis yang telah cuba diterapkan melalui seminar, forum dan juga menerusi Akta Percetakan, Akta Hasutan, Rukun Negara dan lain-lain perundangan. Akta-akta ini adalah bertujuan untuk mengawal akhbar dan media dari menceroboh hak seseorang dari memainkan isu yang boleh membangkitkan perasaan sakit hati antara kaum dan agama dan juga menggugat kestabilan dan keselamatan negara.

Oleh sebab tiada penghayatanlah maka adanya media yang telah salah mentafsirkan kebebasan dan ketelusan yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Mereka telah mentafsirkannya untuk keluar dari norma-norma dan prinsip-prinsip perundangan Malaysia yang telah sekian lama menjadi panduan kepada kebebasan akhbar di Malaysia.

Maka itu kita dapat lihat beberapa akhbar membuat laporan yang bersifat bias, sentimen dan berat sebelah dalam laporan mengenai tahanan wanita yang didakwa sebagai wanita China yang dikatakan diketuk-ketampikan oleh polis. Laporan sensasi dalam hal ini, tanpa mempedulikan sensitiviti rakyat dan penghormatan kepada pihak berkuasa telah sampai kepada peringkat membangkitkan perasaan kemarahan kepada pihak penguasa yang mencemarkan maruah negara.

Selain isu ketuk-ketampi ada pula akhbar yang menyiarkan rencana-rencana yang bertujuan untuk menghapuskan identiti bangsa Melayu di Malaysia sebagai Islam. Umpamanya sebuah rencana yang disiarkan oleh sebuah akhbar pada 4 Januari 2006 menyatakan, "*Malaysia will eventually require ending the automatic identification of Malay with Muslim and the acknowledging that different in interpreted*", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. "*Interpretation of Islam can co-assist within the same free dominantly Muslim state.*" dan sebuah lagi rencana yang disiarkan oleh akhbar sama memberikan gambaran bahawa seseorang ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri sebut mana, apa *quote* itu supaya kita tahu dari mana itu.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Akhbar the *New Straits Times* pada 4 Januari 2006... dan sebuah lagi ...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Bukan *defenders the New Straits Times* - kita mahu tahu apa *source* itu.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Dan sebuah lagi rencana yang disiarkan oleh akhbar yang sama memberikan gambaran bahawa seseorang telah memeluk agama Islam kerana tertekan oleh dominasi Melayu dalam pasukan tentera.

Pendirian Kementerian Penerangan, akhbar di Malaysia tidak seharusnya menjadi suara kebebasan dan demokrasi asing tetapi sepatutnya menjadi alat pembentukan nasionalisme Malaysia atau nasionalis Malaysia mengikut acuan Malaysia dan bukan ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan, Yang Berhormat Menteri, sudah naik pangkat menteri, minta maaf, ya, terlupa. Tahniah. Bila menjadi Senator pun saya ada ucap tahniah - sedar bahawa apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang jawatan 30 bulan dahulu adalah satu jaminan bahawa *mass media* akan lebih terbuka, lebih bebas. Sampai sekarang nampaknya ini tidak ditunaikan. Sebaliknya, nampaknya mengikut ucapan dan pendirian Yang Berhormat Menteri apa yang patut dilakukan ialah lebih memperketatkan *control* mengenai media. Bukankah ini kontradiksi khasnya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah berkata buat sesuatu jaminan kepada wartawan-wartawan bahawa akan mengkaji memorandum mereka supaya memastikan ada ruang *mass media* di negara kita.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Siapa Yang Berhormat. Yang Berhormat membuat tafsiran mengikut kaca mata Yang Berhormat dan saya rasa banyak pihak malah di Dewan ini sendiri kita telah melihat bagaimana penggunaan kebebasan itu berlaku. Demikian juga dalam akhbar-akhbar dan tentunya ia adalah mengikut batas-batas dan nilai-nilai Malaysia dan bukannya *Malaysian Malaysia* yang telah mencemarkan kejernihan, keharmonian dan kebebasan di negara ini sendiri. *Malaysian Malaysia* bukan merupakan doktrin Malaysia tetapi doktrin asing yang telah mencetuskan tragedi di Malaysia. Maka kalau ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Apa ertinya? *Spread it out*. Jangan sembunyikan daripada apa... Adakah Yang Berhormat mahu kata bahawa DAP sebuah parti yang bahaya kepada negara? Kata begitu dan tunjuk, beri bukti. Jangan buat sebagai *gobble propagandist minister* di negara ini. Kita mahu satu *minister* yang bertanggungjawab bukan untuk memutarbelitkan isu-isu di negara kita. Kita tidak mahu *Nazi gobble* di Malaysia abad ke-21.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Saya faham Yang Berhormat. Tetapi saya rasa saya tidak harus menerima cabaran kalau untuk menjawab semua kerana saya boleh memberikan sejarah. Saya mengikuti sejarah daripada awal dan saya boleh membuktikan satu persatu dalam hal ini. Saya menyaksikan peristiwa pembunuhan dengan mata kepala sendiri pada 13 Mei...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Siapa merujukkan itu peristiwa 13 Mei? Siapa?

Datuk Zainuddin bin Maidin: Saya boleh menyatakan itu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini boleh buat apa-apa tuduhan. Tapi kalau mahu kata begitu, relax satu *Royal Commission Inquiry* - apa sebab dan latar belakang. Ya, Yang Berhormat buat pendirian sendiri oleh sebab *political interest*. Kalau mahu buat begitu kita boleh respons. Ini sangat tidak bertanggungjawab. Jangan buat andaian-andaian semacam itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat. Boleh...

Datuk Zainuddin bin Maidin: Baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau kita boleh...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Ketua Pembangkang ini dia seolah-olah terasa makan cili terasa pedas. Sampai begitu mempertahankan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...sedangkan penjelasan yang diberi tidak faham-faham lagikah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...*hit and run*, kita *focus on it*, siapa yang mencetuskan?

Datuk Zainuddin bin Maidin: Okey, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat...

Datuk Zainuddin bin Maidin: Biar saya teruskan. Saya percaya bahawa prinsip kebebasan kewartawanan Malaysia dan kebebasan media Malaysia akan dapat diperkukuhkan lagi dengan wartawan-wartawan sendiri menjadi benteng pertahanan kebebasan menerusi penubuhan media Malaysia. Akhbar-akhbar mestilah percaya kepada diri sendiri dan mengambil inisiatif untuk menubuhkan Majlis Media Malaysia yang amat penting untuk menjamin kebebasan media negara ini. Mereka tidak seharusnya dikelirukan dengan dakwah dan hasutan pihak tertentu yang menimbulkan anggapan penubuhan majlis ini akan mengekang kebebasan bersuara sebaliknya.

Apa yang mereka harus sedar kerana tidak adanya majlis inilah maka tindakan saman malu beratus juta ringgit telah diambil dengan sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak yang tertentu dan juga oleh pihak-pihak korporat. Tindakan mereka ini akan menyebabkan akhbar-akhbar terpaksa ditutup, akhbar-akhbar yang akan bankrap dan terpaksa digulung tika. Penutupan akhbar kerana kerugian dan kebangkrapan adalah penutupan kebebasan yang sebenar kerana wartawan bukan sahaja hilang kebebasan untuk bersuara tetapi juga mereka akan hilang pekerjaan dan mata pencarian. Maka itu seluruh wartawan perlu sentiasa sedar antara idealisme, ilusi dan realiti dan tidak terperangkap dengan harimau yang menyembunyikan kuku.

Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Pasu pula...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Terakhir, terakhir. Mengenai kebebasan akhbar. Yang Berhormat ada sebut mengenai ancaman yang dihadapi oleh akhbar. Tetapi satu ancaman yang besar yang nampaknya tidak diberi perhatian ialah mengenai *political control - political ownership* akhbar, *New Straits Times*, *Utusan* - dan sebab itu Yang Berhormat sendiri dipecat daripada *Utusan Malaysia* pada suatu masa dahulu. Bukankah apa yang kita mahu ialah untuk menghapuskan *political ownership* media oleh *political party* supaya kita boleh ada syarat-syarat untuk *mass media* di negara kita.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Yang Berhormat, secara ringkasnya bukan penyingkiran. Saya 'dinaikkan pangkat' menjadi Penasihat *Utusan Melayu* dan bukan kerana soal kebebasan. Itu soal yang lain, bukan soal kebebasan. Itu satu tuduhan - kenyataan yang tidak bertanggungjawab. [*Ketawa*]

Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pula

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagi?

Datuk Zainuddin bin Maidin: Ya, ada dua tiga lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Baik. Teruskan.

Datuk Zainuddin bin Maidin: ...kalau diberi kesempatan untuk saya teruskan. Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pula telah membangkitkan perkara kenaikan harga minyak dengan pembinaan pintu gerbang Angkasapuri.

Untuk maklumat Dewan yang mulia, pembinaan pintu gerbang ke Angkasapuri oleh Kementerian Penerangan adalah merupakan sebahagian daripada pelan peningkatan kemudahan Kompleks Angkasapuri yang bertujuan untuk meningkatkan keindahan dan imej Kementerian Penerangan. Kompleks Angkasapuri telah dibina pada tahun 1960, sudah nampak tua dan wajar mempunyai wajah baru dan juga berimej baru.

Urusan pembinaan pintu gerbang Angkasapuri telah bermula pada bulan Ogos 2005 dan disiapkan pada 15 Januari 2006. Pemilihan kontraktor yang menjalankan kerja pembinaan telah dibuat melalui tender terbuka yang bermakna kementerian telah membuat pemilihan secara adil dan berhemah. Oleh yang demikian pembinaan pintu gerbang Angkasapuri tidak sesuai dikaitkan dengan isu pemotongan subsidi minyak yang berlaku setelah pembinaan gerang itu siap.

Yang Berhormat bagi Beluran dalam mempersoalkan kecekapan pentadbiran awam telah bertanya mengapa stesen televisyen kerajaan tidak menyiarkan pengumuman kenaikan harga minyak secara langsung. RTM sebagai media kerajaan tidak mengadakan siaran secara langsung mengenai pengumuman kenaikan harga minyak kerana memang tidak ada sidang media khusus mengenai pengumumannya. Seperti media lain, RTM hanya menerima maklumat tersebut melalui kenyataan media yang dikeluarkan oleh pejabat Perdana Menteri pada malam 27 Februari 2006.

Walaupun tidak ada siaran langsung mengenainya tetapi kenyataan mengenai pengumuman kenaikan harga minyak itu telah disiarkan melalui berita di *screen scroll news* dan diulang beberapa kali melalui berita melalui setiap jam di radio dan TV selepas itu.

Yang Berhormat bagi Dungun telah menyentuh tentang Rukun Negara dan memuji usaha Kementerian Penerangan memartabatkan kepentingan Rukun Negara dalam masyarakat Malaysia. Kempen penghayatan Rukun Negara sebenarnya adalah salah satu kempen di bawah kempen menyemarakkan nyanyian lagu Negaraku dan penghayatan Rukun Negara yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan bagi tempoh 2005 - 2009.

Kempen ini dihidupkan semula memandangkan ramai di kalangan rakyat Malaysia yang tidak memahami dan menghayati Rukun Negara secara mendalam. Walaupun selepas 35 tahun ideologi kebangsaan ini dilancarkan iaitu pada 31 Ogos 1930.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri saya minta penjelasan boleh? Tangga Batu.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya mengucapkan tahniahlah di atas kegiatan RTM di dalam merencanakan kempen penghayatan Rukun Negara. Dan baru-baru ini RTM juga telah menyediakan satu program Debat Perdana yang menghayati prinsip-prinsip dalam Rukun Negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengaitkan permasalahan ini dengan masalah integriti RTM. Di mana pada 26 Mac baru-baru ini, RTM telah mempromosikan seorang pemimpin parti pembangkang. Seorang pemimpin parti DAP iaitu Profesor Ramasamy untuk menjadi anggota panel di dalam program Debat Perdana yang membincangkan tentang prinsip kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Tetapi akhirnya Profesor Ramasamy tidak datang, yang datang pula saudara Lim Guan Eng. Jadi di mana integriti RTM di dalam mempromosikan orang yang lain yang timbul orang lain dan di mana *control mechanism* dia Yang Berhormat Menteri? Boleh Yang Berhormat Menteri jawab perkara ini.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kami juga merasa malu oleh sebab kami telah menjanjikan kepada orang ramai bahawa wakil daripada DAP yang akan hadir ialah Profesor Ramasamy, seorang yang mempunyai integriti yang tinggi dan memang kehadirannya ditunggu-tunggu ramai. Tapi apabila beliau tidak hadir dan digantikan oleh anak lelaki kepada Ketua Pembangkang Ipoh Timor. Maka ini telah mengejutkan orang ramai dan beliau pula telah berkali-kali mewakili partinya dan ini ada juga orang mentafsirkan berbagai-bagailah. Apakah Ramasamy ini tidak diiktiraf oleh DAP?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat mungkin ada kongkongan Yang Berhormat daripada parti pembangkang. Itulah kata orang.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Tiada kebebasan dalam DAP sendiri. Itu yang kami terima. Itu anggapan orang ramai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Nampaknya daripada Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Menteri mahuisu ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: "Kata dulang paku serpih, kata orang dia yang lebih".

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Menteri mahu *politicize* isu ini. Yang Berhormat Tangga Batu dilaporkan kepada saya adalah seorang anggota panel itu dan dia ditunjuk dapat pukulan hebat dalam perbahasan itu, orang pun tidak beri sokongan kepada beliau dan sangat *jealous* dan oleh sebab ada sokonganuntuk penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sudahlah mengaku sahajalah Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Untuk penjelasan, sebab Profesor Ramasamy tidak boleh hadir kerana dia pergi luar negeri. Kenapa ini boleh menjadi satu isu yang besar di Parlimen? Adakah oleh sebab Yang Berhormat Tangga Batu '*lost out*' dalam TV dia mahu datang sini untuk ...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya mempersoalkan integriti RTM? Siapa yang makan cili dia terasa pedas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Profesor Ramasamy pergi luar negeri ada ganti. Apa integriti? Integriti ialah lawan korupsi tetapi boleh...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*] [*Menyampuk*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Mana ada kebebasan dalam Dewan ini? Tidak ada kebebasan.

[*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini tidak timbul integriti tetapi *debate* '*lost out*'. Malu datang sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Cukup. Yang Berhormat Menteri sudah habis ke? gulung.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ipoh Timor terasa pedas. Terasa cili.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cakap sahaja kebebasan. Tidak ada kebebasan. Malu ke? Ketua Pembangkang malu ke? Tak ada orang lain ke? Anak sendiri ke? Mempromosi anak ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup! Cukup!

Seorang Ahli: Sudahlah. Itu bukan Tangga Batu bangkitkan. Balik pada isulah.

[*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup-cukup. Duduk semua. Yang Berhormat Menteri tidak payah jawab. Gulung. Dalam dua minit selesaikan.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Jawapan saya yang terakhir Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab menteri lain tunggu.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Saya minta izin untuk memberikan jawapan yang terakhir. Mengenai soalan Yang Berhormat bagi Parit yang bertanya mengapa drama yang disiarkan di TV dan TV swasta ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Zainuddin bin Maidin: Ada hendak tanya lagi, saya masa tidak ada ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Secara ringkasnya.

[Membetulkan pembesar suara rosak]

Seorang Ahli: Ini semua pembangkang punya hallah ini.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bising-bising sampai *mike* pun rosak.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Ayah boleh bela anak. Ayah saya jarang bela saya. Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya dalam Titah Di-Raja tentang Rukun Negara sebenarnya kita mesti memandang serius. Kerana Rukun Negara ini penting bukan sahaja dari segi prinsipnya, tetapi juga dari segi hasratnya lima perkara yang saya nyatakan mungkin Yang Berhormat sudah jawab sedikit sebanyak tadi. Tetapi apakah kerajaan bersedia seperti di Amerika Syarikat dia ada enam perkara meletakkan sebagai *preambles* ataupun mukadimah dalam perlembagaan.

Jadi, apakah Kementerian Penerangan ataupun kerajaan sendiri supaya mengambil berat perkara ini, supaya penegasan tentang hasrat dan prinsip Rukun Negara ini dapat menjadi *preambles* dalam perlembagaan supaya kita letakkan ia sebagai satu autoriti yang tinggi di dalam Perlembagaan kita. Kalau kita hendak jayakan Rukun Negara selain daripada gerakan kementerian dan sebagainya, kita juga mesti meletakkan prinsip dan hasrat Rukun Negara dari itu di tempat yang sewajarnya. Sahaja saya hendak tanya. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat saya hendak sambung sedikit Yang Berhormat. Saya tidak puas hati Ketua Pembangkang ini fasal Debat Perdana. Sebenarnya Kota Melaka sudah kalah

Seorang Ahli: Duduk! Duduk!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...dia hendak promosi anaknya. Itu sahaja ceritanya Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Debat Perdana empat orang lawan satu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yalah Larut duduklah.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat bising tolong keluarlah. Sila keluar - bisinglah. Yang Berhormat baiklah *one to one* - semua keluar bising. Jawab Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Zainuddin bin Maidin: Sebenarnya. Itulah jawapan saya terakhir. Itu kita berpandangan. Pandangan Yang Berhormat itu adalah sangat-sangat baik dan menjadikan mukadimah dalam Perlembagaan negara. Dan ini memerlukan kajian dan akan saya kemukakan. Ini adalah jawapan saya yang terakhir.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dato' sebelum akhir. Tuan Yang di-Pertua soalan yang lain. Kalau soalan saya dibenarkan Dato' Menteri jawab sepatah sahaja. Cukup ringkas. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana kenaikan pangkat itu satu.

Yang kedua, mengubah "Infotainment" kepada "Inforia". Tahniah. Permintaan saya dan saya ini mewakili ramai termasuk Menteri-menteri Besar pun kirim salam dengan Dato'. Saya dulu bergantung dengan Menteri Penerangan yang lama kerana *RIMA* - Radio Irama Melayu Asli. *Klasik FM* ini tukar balik kepada RIMA dan permintaannya. Ini permintaan daripada Menteri-menteri Besar boleh tak disebarluaskan kepada seluruh negara kerana orang daripada Lembah Kelang ini tidak setebal agaknya kemelayuan kalau dibandingkan dengan di seluruh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat permintaan boleh buat selepas mesyuarat ini maka terkeluarlah daripada tajuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta jawapan Menteri secara rasmi kerana ia akan menjadi perkara yang terjadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Yang Berhormat Cukuplah. Habis ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta satu Dato'.....

Datuk Zainuddin bin Maidin: Ini saya jawab secara ringkas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab ada lima menteri tunggu lagi.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua iaitu memang kita sedang mengkaji untuk memperluaskan siaran ini ke seluruh Malaysia. Tetapi nama klasik itu lebih tepat, oleh sebab dia tidak hanya menyiarkan lagu-lagu Melayu asli tetapi juga lagu Melayu yang berbagai-bagai lagu-lagu lama. Jadi itu pandangan dengan apa yang saya kemukakan. Ini secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua tentang Yang Berhormat bagi Parit mengenai bahasa-bahasa rojak yang digunakan oleh siaran-siaran swasta.

Untuk makluman bahawa pihak Kementerian Penerangan atas arahan daripada Kabinet telah pun membentuk Jawatankuasa Penyelarasan Bahasa di Penyiaran. Dan ini kita telah membentuk sebuah sekretariat di Dewan Bahasa untuk memantau bahasa-bahasa rojak dan penyalahgunaan bahasa yang digunakan di siaran-siaran radio dan akan membuat teguran cara terbuka dari masa ke semasa menerusi akhbar dan sebagai, termasuklah bahasa rojak digunakan oleh menteri-menteri sendiri atau pun Ahli-ahli Dewan Rakyat baik pembangkang baik penyokong kerajaan. Selain daripada itu kita juga telah memutuskan bahawa bahasa yang akan digunakan ialah bahasa Johor Riau dan istilah "bahasa Melayu" akan dipakai sebagai Bahasa Malaysia menurut amanat Almarhum Tuanku Abdul Rahman dahulu. Itu sahaja pengumuman.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat minta sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit sahaja Yang Berhormat, ini fasal bahasa Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta sekarang ini dijemput Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.

9.40 m.m.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan Rafique]: Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Semasa perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda yang Di-Pertuan Agong saya akan memperjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong telah mencadangkan Kementerian membuat kajian menyeluruh berkaitan dengan kesan toksik terhadap para penduduk di sekitar Jinjang Utara dan juga mencadangkan pemberian pampasan kepada mereka. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, sehingga kini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur belum menerima sebarang laporan atau aduan mengenai kewujudan kesan toksik terhadap penduduk di sekitar Jinjang Utara. Walau bagaimanapun DBKL sentiasa mengambil langkah-langkah positif memastikan masalah ini tidak berlaku.

Saya percaya bekas tapak pelupusan yang berada di sekitar Jinjang Utara yang dimaksudkan adalah di Taman Beringin. Bekas tapak pelupusan sampah ini akan di baik pulih untuk dibangunkan sebagai tempat rekreasi dan tanah lapang setelah kerja pemuliharaan disempurnakan. Projek pemuliharaan dan guna semula dengan izin *reutilization* ini akan dilaksanakan dua fasa. Fasa pertama terdiri daripada kerja-kerja kejuruteraan awam, alam sekitar dan landskap asas iaitu, dengan izin:

- (i) *art works of chapping excess road, fencing and drainage;* dan
- (ii) *leachate collection system, treatment facilities, landfill gas collection, landfill gas various monitoring wells and turfing restoration master plan.*

Manakala fasa kedua akan melibatkan pembangunan taman dan kemudahan rekreasi untuk kepentingan masyarakat setempat. Buat masa ini tapak tersebut sedang di rawat dan akan ditanamkan dengan rumput dan pokok rendah sebelum di buka kepada orang ramai. Walau bagaimanapun kerja ini mengambil masa untuk menghilangkan gas dalam tanah rawatan perolehan sisa pepejal. Berkenaan dengan cadangan pampasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri. Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak boleh biar. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beri soalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Tadi kenyataan Yang Berhormat ada kesilapan juga. Mengapa ada kesilapan? Di kawasan, di kawasan itu tapak pelupusan sampah itu adalah selama lebih 30 tahun. Dan sekarang 15 hari bulan ini sudah ditutup. Saya berharap di tutup. Adakah Yang Berhormat sedar, pada mulanya 10 tahun yang lepas, pihak DBKL kata ini untuk sisa pembinaan sahaja *construction waste*. Tetapi di dalam 10 tahun, itu bukan sahaja *construction waste*. Itu hampir 2000 tan sampah dibuang di situ setiap hari. Ini yang pertama.

Yang kedua, itu *leachate* itu sekarang masih mengalir ke kawasan yang rendah. Walau pun dia kata *treatment* pelan tetapi tidak ada. *Treatment* pelan yang dulu, sudah dibuang dibiarkan begitu sahaja. Tidak ada orang menggunakannya. Dan pihak syarikat baru ini betul. Pihak DBKL ada buat betul juga kerana telah melantik CyPark untuk rawatan, buat kali yang pertama di dalam 30 tahun ini. Tapak yang lama itu tidak ada rawatan langsung. Tidak ada, yang baru ini, itu langkah betul jugalah. Ada. Tapi *leachate* tidak di rawat. Memang tidak. setakat ini pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apa hendak?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak ini pihak Yang Berhormat memastikan ada *treatment* pelan di situ. Memang tidak ada sekarang. Yang ada itu sudah dibiarkan di *advantage*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Menteri boleh jawablah.

Dato' Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat, kita juga akui tapak pelupusan sampah ini sudah 30 tahun dan dalam masa itu ketinggiannya telah pun melebihi yang telah dipersetujui iaitu 88 meter berbanding dengan 85 meter. Pada 15 hari bulan ini tapak itu telah ditutup dan dengan itu sampah-sampah yang saya maksudkan tadi iaitu sampah yang pernah dihantar di sini iaitu sampah kebun, sampah *bulky* dan sisa binaan akan dihantarkan ke Bukit Tagar dan juga Dengkil, Selangor dan dengan itu kita nampak

sampah-sampah domestik sahaja anggarannya 1300 sehingga 1500 tan dan juga sampah binaan, sampah kebun, tayar buruk dan tanah anggaran 100 kepada 600 tan. Sampah-sampah ini akan dihantar kepada Bukit Tagar dan Dengkil. Oleh sebab itu kerajaan telah membuat keputusan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri. Cuma saya minta kalau dapat sampah-sampah yang dibawa ke Bukit Tagar itu...oleh kerana lebu raya Bukit Tagar belum siap, tetapi terpaksa melalui jalan ke Kuala Selangor, berbondong-bondong lori. Kalau dapat lori kontena Dewan Bandaraya itu ditutup Dato' Menteri di sebelah atas, supaya sampah tidak jatuh berciciran di tengah jalan dan air *leachate* juga jatuh sepanjang yang menimbulkan kesan kepada pengguna jalan raya dan bau busuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Tujuan Yang Berhormat mahu itu sampah masuk ke Kuala Selangorlah.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Cuma minta tutup Tuan Yang di-Pertua, saya telah tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat. Lori-lori yang dipunyai oleh syarikat Alam Flora sekarang ini telah diberi notis supaya lori-lori ini ditutup supaya sampah ini tidak terjatuh di jalan-jalan apabila mereka berjalan kepada tapak pelupusan, Tapak pelupusan di Bukit Tagar.

Dan dengan itu kita balik kepada soalan tadi Yang Berhormat bagi Kepong. Pada masa ini tapak ini projek pemulihan guna semula *utilization* ini telah diberikan kepada Tetuan CyPark Environment Sdn. Bhd. dan tadi pun saya sudah sebut tentang *treatment* yang akan dilakukan...sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan itu, saya alu-alukanlah kerana melantik CyPark. Walau bagaimanapun bolehkah Yang Berhormat memastikan, setiap bulan kita ada analisis untuk *leachate* itu dan juga untuk gas dan di umumkan kepada orang ramai. Supaya di dalam tempoh 20 tahun ini atau 30 tahun kita tahu setakat mana toksik ini atau gas-gas toksik dan *leachate* ini dapat dilepaskan. Kerana inilah, adakah Yang Berhormat sedar dengan adanya *dump side* ini ataupun tapak ini, sungai Jinjang sudah tercemar. Sungai Jinjang itu mengalir ke Sungai Batu dan Sungai Batu mengalir ke Sungai Klang. Sungai Klang tercemar. Itu satu faktornya kerana ada tapak pelupusan ini dan setakat ini *leachate* pun tidak dirawat. Tidak langsung.

Dato' Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya yakin jawatankuasa di bawah Bandaraya Kuala Lumpur akan menentukan laporan-laporan yang tertentu akan dikemukakan supaya kita dapat menentukan projek pemulihan guna semula akan dikemukakan supaya kita dapat menentukan projek pemulihan guna semula oleh Tetuan CyPark Environment Sdn. Bhd. ini dapat kita kaji dan juga dapat kita monitor dengan izin. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah Yang Berhormat?

Dato' Zulhasnan Rafique: Saya ada 3-4 Yang Berhormat.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesaikan dalam 10 minit.

Dato' Zulhasnan Rafique: 10 minit ya! Yang Berhormat Kepong membangkitkan isu berkenaan usaha Kementerian Wilayah Persekutuan dalam menangani kilang yang beroperasi secara haram di kawasan industri kargo Taman Wangsa Permai dan kawasan sekitarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, sebenarnya pihak DBKL telah mengambil tindakan merobohkan kilang-kilang haram sekitar Kuala Lumpur kerana kilang-kilang ini tidak mematuhi peraturan perancangan sedia ada. DBKL akan terus mengambil tindakan berperingkat-peringkat terhadap kilang-kilang yang masih beroperasi secara

haram termasuk di kawasan industri Kepong dan Pagoh serta kawasan sekitarnya. Selain daripada itu DBKL juga sedang memperincikan kajian draf pelan tempatan Kuala Lumpur dijadualkan siap pada Disember 2006. Di bawah DBKL ini, DBKL akan mengenal pasti tapak-tapak yang terlibat dengan aktiviti industri secara haram lebih terperinci. Mengikut DBKL ini adalah langkah-langkah yang diambil seperti berikut:

- i) penutupan pembinaan industri haram di kawasan kediaman;
- ii) merasionalisasikan industri yang beroperasi di kawasan perdagangan; dan
- iii) penempatan semula industri haram di kawasan industri.

Yang Berhormat Segambut telah membangkitkan cadangan supaya Kementerian Wilayah Persekutuan menghadkan jumlah kemasukan kenderaan di kawasan perniagaan utama di sekitar Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut pada masa ini Kerajaan sedang menjalankan kajian terperinci untuk menghadkan kemasukan kenderaan persendirian di dalam pusat bandar Kuala Lumpur. Akan tetapi pelaksanaan skim sebegini perlulah diteliti dan kemungkinan pelaksanaannya hanya akan dapat dipertimbangkan selepas usaha penstrukturan perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Kelang oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai pengangkutan awam.

Yang Berhormat Bukit Bintang telah membangkitkan isu berkaitan tindakan merobohkan kuil di Jalan Davis Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, tindakan merobohkan kuil tersebut adalah mengikut prosedur perundangan yang telah ditetapkan di mana DBKL telah mengeluarkan 5 notis daripada April 2004 sehingga Januari 2006 kepada pihak pengurusan kuil tersebut. Walau bagaimanapun, pada waktu itu DBKL tidak mengambil tindakan yang lebih tegas berdasarkan sensitiviti agama dan juga belum wujud keperluan menggunakan kawasan tersebut pada waktu itu. Akan tetapi

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Dato' Zulhasnan Rafique: Tak habis jawapan lagi. Tetapi kemudiannya tapak tersebut sangat-sangat diperlukan bagi tujuan Projek Pembinaan *Smart Tunnel* oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Disebabkan kelewatan pemindahan projek ini telah tertangguh sekian lama jadi kerajaan telah menanggung kos kelewatan projek yang besar.

Untuk makluman Yang Berhormat, sewaktu operasi tersebut dilaksanakan DBKL telah menyediakan lori untuk memindahkan patung kuil tersebut, namun pihak kuil enggan menerima bantuan DBKL. Sebaliknya wakil pihak kuil yang lain kemudiannya telah memprotes tindakan tersebut dan seterusnya menaikkan semula patung kuil dan mendirikan khemah sementara di kawasan kuil lama. Akibatnya buat masa ini kuil tersebut masih berada di tapak berkenaan.

Sebagai maklumat tambahan, DBKL juga telah menawarkan tapak gantian sementara kepada pihak kuil untuk berpindah iaitu di Jalan Seladang, Jalan Pelanduk tetapi pihak pengurusan kuil telah menolak tawaran tersebut walhal pada dasarnya kerajaan tidak menawarkan dan memberi sebarang pampasan atau tapak alternatif.

Dalam isu ini jelas terbukti DBKL masih memberi pertimbangan berdasarkan sensitiviti agama. Memandangkan keadaan dan keperluan yang begitu terdesak untuk kepentingan orang ramai dan menyiapkan Projek *Smart Tunnel* ini, seterusnya Yang Berhormat Bukit Bintang juga memainkan peranan sebagai wakil rakyat dalam menasihati mereka untuk menerima cadangan baik dari DBKL.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar tentang pemindahan kuil Hindu ini ke tempat yang lain. Saya pun bersetuju berpindah sebab ada projek di sana akan tetapi tindakan yang dilakukan oleh direktorat penguat kuasa DBKL yang tidak strategik dan tidak peka tentang agama. Mereka merobohkan kuil, memecahkan patung dan tanam dalam tanah. Ini adalah satu kelakuan yang tidak boleh dimaafkan oleh para

penganut agama Hindu ini. Pegawai-pegawai ini haruslah diberi kursus tentang Perlembagaan Persekutuan Seksyen 3(1) dan

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua ini ada dibangkitkan di dalam ucapan Yang Berhormat semasa ...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ... sebab kursus harus diberi kepada...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...apa yang dibangkitkan

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ...mereka tidak sensitif tentang ini.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...dan hujah-hujah ini telah pun disampaikan semasa perbahasan Yang Berhormat, betul?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya mencadangkan di sini bahawa mereka haruslah ada kursus...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sudah sampaikan maka tidak payah ulang lagilah.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ...dan saya amat kecewa oleh kerana tindakan yang dilakukan oleh direktorat dengan merobohkan dan tindakan yang dilakukan ini. Saya minta maaf kepada masyarakat Hindu bahawa inilah satu tindakan yang tidak boleh dimaafkan. Saya bersetuju dipindahkan sebab ada projek yang sangat mustahak. Saya minta Yang Berhormat Menteri boleh membantu mereka berpindah ke satu tempat tetapi tidak ada surat tentang kuil ini dipindahkan. *I want black and white*, dengan izin dan *black and white* haruslah diberi kepada Jawatankuasa Kuil Hindu ini menjamin mereka akan dipindahkan ke tempat sementara. Sebabnya kita tidak mahu nampak satu tindakan yang dibuat oleh PBT yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Cukup.

Dato' Zulhasnan Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di atas pemindahan yang dilakukan oleh penguat kuasa yang tidak peka dan sensitif saya baru tadi membaca. Sebab itu saya hendak baca semua sekali, sebab saya tahu Yang Berhormat akan membangkitkan perkara ini. Kita telah beritahu tadi 5 notis telah diberi daripada April 2004 sehingga Januari 2006. Dengan itu juga kita telah menentukan ada satu kawasan yang kita dapat pindahkan kepada mereka dan juga pada masa ini kuil itu masih didirikan di situ.

Kita ada tandatangan pegawai kuil itu yang telah menandatangani notis itu dan bersetuju untuk berpindah. Tetapi apabila pihak DBKL datang mereka masih membantah. Saya ingat isu ini kalau kita hendak berkelahi di sini Tuan Yang di-Pertua tidak habislah. So, inilah jawapan kita. Saya sudah dengar jawapan Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya ingat pegawai-pegawai penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memainkan satu peranan yang baik dan kita meminta Yang Berhormat memainkan peranan yang sama.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Penjelasan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas inilah Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya bersetuju tapak berpindah sebab ada projek, tetapi saya tidak boleh terima oleh kerana patung dipecahkan dan ditanam dalam tanah. Itu satu tindakan yang tidak boleh diterima oleh agama Hindu - kerana ia melampau.

Dato' Zulhasnan Rafique: Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kuil tersebut masih berada di tapak berkenaan. Saya ingat kita berhentilah isu ini di sini ya!

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Beralih kepada tajuk yang lainlah.

Dato' Zulhasnan Rafique: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga membangkitkan isu projek Plaza Rakyat yang terbengkalai selama 9 tahun, ingin

mengetahui status terkini projek tersebut. Sebenarnya isu ini telah dibangkitkan sebelum ini oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, dijawab pada 10 Oktober tahun lalu oleh saya sendiri. Oleh sebab itu, saya ingat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk masuk dengan mendalam dalam isu ini.

Sahaja saya hendak beritahu projek Plaza Rakyat terletak di bawah status projek-projek terbengkalai yang diaktifkan semula. Mengambil kira masalah yang dihadapi oleh Plaza Rakyat termasuklah masalah kewangan semasa kegawatan ekonomi tahun 1997, sedang menstrukturkan semula syarikat, memelihara imej DBLK dan di atas kepentingan pembeli-pembeli sendiri, kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan kontrak supaya Plaza Rakyat menyiapkan projek tersebut.

Pada masa ini, kemajuan projek di tapak adalah 37.3% tetapi masalah juga timbul dari perspektif konsep pembangunan projek ini. Sewaktu ditandatangani pada waktu itu iaitu 1997, iaitu bina sewa pindah milik yang tidak *marketable*, dengan izin. Buat masa ini untuk maklumat Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, pihak pemaju sedang berunding dengan kerajaan untuk menukarkan konsep pembangunan projek ini supaya lebih *viable*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah 10 minit Yang Berhormat, sudah lebih berbahas.

Dato' Zulhasnan Rafique: Lebih?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Dato' Zulhasnan Rafique: Boleh, boleh. Sila.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana tapak ini dimajukan oleh pemaju dengan usaha sama dengan DBKL, salah satu pemilik tanah ini. Adakah tanggungjawab dalam memastikan bahawa projek ini akan disiapkan sebab ada 211 pembeli tapak di projek ini. Mereka rugi banyak. Sebab itu bank....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:bukan mereka tidak bayar faedah. Adakah satu projek yang diusaha sama DBKL dengan pemaju, adalah satu tanggungjawab sosial bahawa DBKL haruslah teruskan projek ini dengan sempurna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okeylah Bukit Bintang. Baiklah, cukuplah.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Bolehkah Yang Berhormat beri jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa projek ini akan siap pada satu masa yang diberi oleh DBKL?

Dato' Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini untuk maklumat Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, pihak pemaju sedang berunding dengan kerajaan menukarkan konsep pembangunan projek ini supaya lebih *viable* dengan izin bagi semua pihak. Kerajaan Wilayah Persekutuan sememangnya memandang serius isu dan masalah ini untuk ditandatangani bagi memastikan pembeli-pembeli dapat menerima premis-premis yang telah dibeli mereka menerusi projek Plaza Rakyat ini. Terma perjanjian yang baru mengenai konsep ini sedang diteliti oleh Jabatan Peguam Negara. Apabila saya jawab soalan Yang Berhormat pada tahun yang lepas Tuan Yang di-Pertua, saya telah keluar Dewan dan jumpa pembeli-pembeli....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepatutnya tidak payah jawablah.

Dato' Zulhasnan Rafique: Saya ingat isu ini kita telah memberi jaminan kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Zulhasnan Rafique: Dengan itu, insya-Allah, kita akan menentukan projek ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin selepas perjanjian ini dapat ditandatangani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Itu sahajalah, sudah habis.

Dato' Zulhasnan Rafique: Ada lagi, kalau.... Ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Zulhasnan Rafique: Okey. So, dengan itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Saya pun kasihan Menteri Pelancongan.

Dato' Zulhasnan Rafique: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tunggu dari semalam sampai sekarang. *[Ketawa]*

Dato' Zulhasnan Rafique: Okey Yang Berhormat, terima kasih. Dengan itu, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Zulhasnan Rafique: Yang Berhormat yang lain termasuk Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Seputeh dan yang lain-lain yang kita belum lagi memberi jawapan pada hari ini, kita akan beri jawapan bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Menteri Pelancongan, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Nanti, nanti Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Akan menjawab secara bertulis. Cukuplah, baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ada banyak isu sensitif berkenaan dengan UMNO. Tetapi saya rasa ini perlu dijawab. Saya sudah tunggu sampai sekarang. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Tunggu empat hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Menyampuk]* Selepas ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya. Saya tunggu satu minggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini, Pengerusi UMNO Wilayah boleh bincang sama Yang Berhormatlah. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya selalu dengar Yang Berhormat Menteri Pelancongan ucap tentang Kementerian Wilayah Persekutuan. Kita bagi *chancelah*, bagi orang baru, Menteri baru, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Betullah, itu kasi *chancelah*. Yang Berhormat Menteri Pelancongan sila jawab.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Tidak boleh, tidak boleh. Saya tidak boleh jawablah. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri Pelancongan, boleh bagi *chance* lagikah? Bagi Timbalan. Timbalan Yang Berhormat Wilayah Persekutuan.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita tidak mahu kasi dia *chance*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, terima kasih. Teruskan, teruskan.

Dato' Zulhasnan Rafique: Tidak apakan. Yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis?

Dato' Zulhasnan Rafique: Tidak. Ada soalan daripada Yang Berhormat bagi Seputeh. Kalau beliau hendak saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya. Saya bagi tiga minitlah.

Dato' Zulhasnan Rafique: Tiga minit, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga minit.

Dato' Zulhasnan Rafique: Yang Berhormat bagi Seputeh membangkitkan isu berkaitan premis pejabat cawangan UMNO Seputeh dan pejabat MCA cawangan OUG didakwa menghalang pembinaan dan pembesaran jalan oleh pihak berkuasa. Yang Berhormat bagi Seputeh telah menyatakan sesuatu yang tidak tepat apabila mendakwa premis Seputeh itu adalah pejabat cawangan UMNO. Sebenarnya premis tersebut digunakan sebagai sebuah pusat khidmat masyarakat Seputeh yang mana ianya boleh digunakan oleh semua masyarakat tanpa mengira fahaman bangsa dan agama.

Untuk maklumat Yang Berhormat bagi Seputeh, antara aktiviti yang dilaksanakan di premis ini adalah tadika, pusat kegiatan kaum ibu dan Pusat Giat MARA. Ianya telah beroperasi sejak 15 tahun yang lalu. Tetapi oleh kerana wujud keperluan pembinaan jambatan, pihak berkenaan telah bersetuju untuk berpindah. Projek ini telah dijadualkan selama 95 minggu bermula daripada 17 Ogos 2004 sehingga 12 Jun 2006. Tetapi kontraktor projek hanya dapat menyiapkan 20% daripada skop pekerja berbanding dengan 92% seperti yang dijadualkan.

Punca kelewatan projek ini berpunca daripada kerja-kerja utiliti termasuklah mengalih paip air, program pengambilan tanah di hadapan pagar institut latihan perindustrian dan Pusat Khidmat Masyarakat Seputeh yang baru selesai serta masalah koordinasi jajaran dengan Lebuhraya Pantai Baru yang juga telah selesai. Oleh kerana kelewatan ini, pihak kontraktor telah memberi tempoh sehingga Mei 2006 untuk pusat khidmat masyarakat dipindah ke tempat yang baru. Sukacitanya saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa sebuah pusat khidmat masyarakat yang baru di Danau Desa akan siap dibina pada penghujung April 2006. Proses pemindahan akan dilaksanakan selepas itu. Tiga kontena telah disediakan di tapak baru untuk membantu proses pemindahan peralatan dari pusat ini. Tadika pula akan dipindahkan ke Taman Usahawan Kuchai.

Waktu yang sama, pihak kontraktor sedang memohon kepada DBKL untuk melanjutkan tempoh projek yang pertama, berikutan kelewatan yang berlaku. Manakala, Pusat Khidmat MCA cawangan OUG yang telah beroperasi selama 20 tahun, pula terlibat di dalam cadangan membina jalan sambungan *missing link* di Jalan Awan Besar ke Lebuhraya Shah Alam – Kuala Lumpur. Kedudukan bahagian pagar dan anjung bangunan berkenaan, dapur tadikanya, pagar Rukun Tetangga dan gelanggang *gate bowl*, didapati berada di atas kawasan longkang jalan, siar kaki yang dicadangkan. Pihak yang berkaitan telah bersetuju untuk mengalihkan halangan-halangan tersebut dan keseluruhan kerja-kerja pengaliran halangan telah selesai. Tidak langsung menjejaskan jadual pelaksanaan projek ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cukuplah masa Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:yang tadi yang di pejabat cawangan UMNO Seputeh sekarang, pemimpin UMNO menafikan iaitu cawangan dia dan dijadikan sebagai pejabat perkhidmatan Seputeh. Kenapa saya tidak pernah dijemput ke sana untuk buat apa-apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu sepatutnya dijadikan sebagai pejabat perkhidmatan saya kan? Jadi saya tidak pernah dan kita tahu itu memanglah cawangan UMNO Seputeh. Selama ini, semua orang di kawasan saya tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas ini, Yang Berhormat boleh jumpa ini Menteri Pelancongan juga, Pengerusi UMNO.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tetapi Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Saya ingat cukuplah. Yang Berhormat Menteri Pelanconganlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini memang satu penyalahgunaan kuasa yang memang tidak patut...*[Dewan riu]*

Dato' Zulhasnan Rafique: Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak, saya boleh jawab. Kalau tidak hendak, saya boleh duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah.

Dato' Zulhasnan Rafique: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ia menghalang projek Kerajaan Barisan Nasional. Ada dua projek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Projek Jejantas sepatutnya melalui Jalan Kuchai Lama itu dihalang oleh cawangan itu.

10.06 mlm.

Menteri Pelancongan [Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelancongan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat yang telah sama-sama membahaskan perkara-perkara mengenai Kementerian Pelancongan dan memberikan pandangan-pandangan dan rancangan-rancangan yang amat berguna...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya cakap tentang penyalahgunaan UMNO Seputeh, bekas Pengerusi UMNO Seputeh bangun cakap hendak...

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: ...kepada usaha-usaha kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Cakap hendak bagi...

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sandakan telah membangkitkan mengenai kekurangan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Inilah Menteri yang mendirikan... yang menjadikan cawangan UMNO Seputeh...

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor:promosi tempat-tempat pelancongan di Sandakan. Adanya flora dan fauna yang menarik di Sandakan. Untuk maklumat Ahli Dewan yang mulia ini, Sabah merupakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sudah pergi Sandakan. Wilayah sila duduklah, cukuplah.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Duduklah Wilayah, okeylah. Banyak ceritalah *you* daripada Seputeh semua. Kita sudah cerita sini berkali-kali.

Seorang Ahli: Jangan kacaulah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bermula daripada Yang Berhormat semasa menjadi Pengerusi UMNO Seputehlah. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat. [*Nada tegas*]

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Untuk maklumat Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Menteri telah sebut. Pusat khidmat itu wujud 15 tahun. Saya jadi Ketua Bahagian Seputeh 10 tahun sahaja, faham? Dan tidak pernah ada pejabat UMNO. Itu adalah Pusat Khidmat Masyarakat Seputeh, okey. *Please understand that!*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi itu pejabat saya jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bila boleh saya dapat kunci hendak masuk ke sana?

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: *You* pun kadangkala datang, intai-intai pun *you* datang juga, apa. *You* pun datang intai-intai juga dalam kawasan itu apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita berada di Kementerian Pelancongan Yang Berhormat.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Ya, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Pelancongan. Bukan Wilayah Persekutuan lagi. Ya, dengan izin. Untuk maklumat Ahli Dewan Yang Berhormat mulia ini....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini pagar makan padilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Memang pagar makan padi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa ini? [*Ketawa*]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Makan pagar. [*Menyampuk*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu setinggan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, duduklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:setinggan boleh menghalang projek Kerajaan Barisan Nasional. Mana ini boleh?

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Mana ada halang?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Selepas itu kontraktor kena kerajaan bayar.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Belum tiba waktu. Dia tadi Yang Berhormat Menteri Wilayah telah sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sudah buat keputusan. Saya minta Yang Berhormat Menteri Pelancongan menjawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Menyampuk]

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini penyalahgunaan...

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: ...Sabah merupakan salah satu destinasi yang unggul di Malaysia. Dalam usaha mempromosikan negeri Sabah, kementerian tidak pernah meminggirkan Sandakan daripada aktiviti-aktiviti promosi pelancongan sama ada di dalam dan di luar negara. Promosi-promosi pelancongan adalah dibuat melalui agensi kementerian iaitu Tourism Malaysia dengan meneruskan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik dengan menggunakan *tag line*, dengan izin, 'Malaysia Truly Asia'.

Di antara destinasi-destinasi pelancongan ini di Sandakan dipromosikan ialah meliputi pusat pemuliharaan Orang Utan Sepilok, Sungai Kinabatangan bagi melihatkan hidupan liar seperti *proboscis monkey*, Seputeh ada *proboscis monkey* [Ketawa], Gua Mantong dan *turtle island*. Walau pada setiap tahun, Kementerian Pelancongan melalui Program Mega Fame telah membawa kumpulan media, krew filem dan juga para pengusaha pelancongan dari luar negara bagi mempromosikan tempat-tempat tarikan pelancong berkonsepkan *eco-tourism*, flora dan fauna yang terdapat di Sandakan.

Di samping itu, usaha mempromosikan Sandakan bukan hanya terletak pada bahu Kementerian Pelancongan sahaja. Malah, ianya juga memerlukan kerjasama yang padu dari semua pihak terutamanya daripada pengusaha-pengusaha pelancongan bagi menarik pelancong-pelancong agar tinggal lebih lama di negara ini serta memberikan impak yang sewajarnya kepada kemajuan industri pelancongan di Sandakan dan Malaysia pada amnya.

Tegasnya di sini kementerian pelancongan ini akan sentiasa mempromosikan Sandakan sebagai salah satu destinasi pelancong yang harus dikunjungi oleh para pelancong dari dalam dan luar negara. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan telah meminta penjelasan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kementerian supaya mendapat menarik kembali pelancong-pelancong asing mengunjungi Pulau Pinang yang terjejas akibat Avean Influenza ataupun dengan izin selesema burung.

Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pelancongan melalui agensinya iaitu Tourism Malaysia akan mengeluarkan maklumat-maklumat terkini berhubung perkara ini dan akan memanjangkan mengenainya kepada seluruh pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negara. Pihak kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Kesihatan bagi mendapatkan perkembangan terkini dan menggambarkan sebenarnya mengenai perkara ini.

Selain itu, kementerian juga mengambil pendekatan dengan menjemput wakil-wakil media luar negeri datang ke Malaysia khususnya Pulau Pinang untuk melihat dan mengalami sendiri keadaan terkini dan tahap kesihatan di negeri tersebut dan Malaysia umumnya. Dengan demikian mereka akan mendapat gambaran sebenar mengenainya dan boleh memaklumkan kepada umum supaya tidak timbul tanggapan yang salah sehingga boleh menjejaskan kedatangan pelancong ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Langkawi telah mencadangkan agar pihak Kementerian Pelancongan dan pihak Kementerian Pengangkutan berbincang bersama-sama pihak Sistem Penerbangan Malaysia supaya mengadakan penerbangan terus dari negara-negara tertentu ke Pulau Langkawi. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan ini, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas cadangan yang dikemukakan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya memang mengambil perhatian terhadap masalah yang timbul....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Sri Gading.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat, apa pun kita akan sampai tengah malam Yang Berhormat. Tetapi kerana tugas yang murni kita sanggup...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa hendak bincang sekarang?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, itu baru pembukaan Tuan Yang di-Pertua, saya berikan pujian kepada Yang Berhormat yang sabar. Satu usaha murni kerajaan dan usaha murni kerajaan ini terletak di bawah bidang Kementerian Pelancongan iaitu Hotel Malaysia.

Seorang ahli: Seri Malaysia!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Seri Malaysia, begini murni hasrat dan tujuan kerajaan. Dan di antaranya bukan sahaja hendak memberikan kemudahan kepada pelancong luar negara tetapi juga pelancong dalam negeri. Tetapi rata-rata Tuan Yang di-Pertua, Dato' Menteri pelancongan yang baru, tahniah di atas pelantikan itu, dia telah menjadi usang. Sudah tidak ada daya tarikan, sudah tidak menepati objektif penubuhan di peringkat awal. Apakah ada usaha-usaha yang akan dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri atas perkara ini supaya diceriakan semula, digemilangkan semula, di cahayakan semula Hotel Seri Malaysia. Nama begitu gah memakai nama negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tetapi service dan keadaan premisnya, pengurusan, makanan, layanannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, memang, memang...Menteri fahamlah, faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak sepadan dengan nama Seri Malaysia. Seri ini dalam Bahasa Melayu Tuan Yang di-Pertua ialah suatu yang bercahaya dan Malaysia ini nama negara.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri sudah bangun untuk menjawab, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat dari Sri Gading, perhatian terhadap Hotel Seri Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sri Gading, kita sedang melihat dan pihak kementerian sedang melihat dan kalau perlu untuk diberi satu latihan semula kepada pengusaha-pengusaha francais Seri Malaysia ini kita akan laksanakan perkara ini. Sebenarnya kementerian sedang meneliti dan mengawasi apa yang sedang berlaku terhadap perhotelan Seri Malaysia kerana kita memang menyediakan tahap bintang yang tertentu kepada hotel-hotel. Insya-Allah, kita akan pantau apa Yang Berhormat telah sebutkan dan kita akan memastikan bahawa nama Seri Malaysia ini menjadi gemilang dan juga terbilang, terima kasih Yang Berhormat.

Kementerian saya memang mengambil perhatian terhadap masalah yang timbul berkenaan dengan pemberhentian penerbangan oleh Sistem Penerbangan MAS beberapa destinasi di dalam negara. Satu pertubuhan dengan pihak-pihak yang berkaitan telah pun dijadualkan iaitu pada bulan April 2006...

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri - Langkawi.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Saya habiskan sekejap sahaja Yang Berhormat. Ini bagi membincangkan masalah-masalah tersebut. Kementerian akan mencari jalan bagi mengatasi agar kedatangan pelancong tidak terjejas. Cadangan Yang Berhormat akan dibangkitkan dengan pertemuan berkenaan untuk penelitian dan pertimbangan yang lanjut, sila Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Apa yang telah dibangkitkan pada tahun-tahun lepas ialah memberi laluan kepada Arab Emirates untuk melakukan *free freedom* mungkin ke Dubai, ke Langkawi to Sydney boleh kita dapatkan menceriaikan lagi Langkawi itu Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Yang sebenarnya ini bukan bidang kuasa Kementerian Pelancongan. Untuk makluman yang Langkawi, apabila saya berada di ITB baru-baru ini, saya juga telah bertemu dengan urusan atasan syarikat-syarikat penerbangan yang tertentu di mana kita juga berbincang dengan masalah-masalah penerbangan di dalam negara. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, kita akan bertemu dengan pihak-pihak yang tertentu pada bulan April ini dan insya-Allah kita akan bangkitkan apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Terap telah mencadangkan kepada kerajaan untuk mengkaji semula waktu penutupan pintu keluar masuk kepada Malaysia - Thailand seperti di Bukit Kayu Hitam dan di sempadan-sempadan lain di Utara, seawal 6 petang bagi mengelakkan pelancongan dari Malaysia masuk ke Thailand dan menyebabkan gejala sosial dan pengaliran tukaran wang asing dari Malaysia ke negara tersebut. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat di atas cadangan yang dikemukakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kementerian sentiasa berusaha untuk menggalakkan pelancong-pelancong domestik termasuk juga pelancong dari negeri-negeri utara tanah air untuk melancong dalam negara. Melalui program galakan pelancong domestik *Cuti-Cuti Malaysia*. Melalui program ini, pengaliran wang ke negara asing akan dapat dikurangkan.

Di antara beberapa strategi yang telah diambil, bagi mempromosikan cuti-cuti Malaysia ialah dengan menggalakkan agensi-agensi pelancongan menyediakan lebih banyak pakej-pakej pelancongan yang memenuhi cita rasa pelancong tempatan pada kos yang berpatutan. Oleh yang demikian kementerian bersependapat dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat supaya penutupan pintu keluar masuk di sempadan Malaysia Thailand dan tutup seawal 6 petang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya pula berpendapat lain. Soal maksiat bukan soal penutupan pukul 6, pukul 8 atau pukul 10, itu soal yang terasing. Tetapi kalau tutup pukul 6 dia tidak sempat balik, dia tidur lagi di sana lagi besar belanja kena keluar. Kita tidak sempat balik dan yang pergi ke sempadan ini Yang Berhormat Menteri termasuk Yang Berhormat Menteri agaknya ialah orang-orang perempuan kita. Kalau dia pun tidak sempat balik, dia pun kena tidur hotel di sana, makan di sana lebih lagi belanja. Jadi kena berhati-hati kerana soal maksiat bukan soal masa kerana biar kita berfikiran terbuka, abad yang ke-21.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin pergi itu adalah Yang Berhormat, Yang Berhormat berpengalaman kah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan soal pengalaman tetapi biasalah kadang-kadang kita tidak sempat balik Tuan Yang di-Pertua terpaksa tidur. Tidur bayar hotel, bayar makan maknanya konon hendak menahan duit keluar kepada negara asing malahan lebih. Jadi, apakah untung ruginya harus? Saya tidak berkompromi dengan maksiat tetapi soalnya bukan tutup pukul 6 petang. Ini saya punya pendapat, saya ingat Yang Berhormat Menteri lebih terbuka fikiran.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Ya, terima kasih Yang Berhormat dari Sri Gading. Walaupun saya sebut tadi kementerian bersependapat dengan cadangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat daripada Padang Terap, bukan cadangan saya. Jadi walaupun bersependapat dengan Yang Berhormat daripada Padang Terap tetapi soal penutupan awal atau pun diperlambatkan atau pun dipercepatkan adalah bukan bidang kuasa Kementerian Pelancongan, ini masalah yang saya hendak sebut. Tetapi Yang Berhormat sudah naik dan telah tanyakan soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh bantu dia mendapatkan satu pas istimewa.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Insya-Allah boleh, boleh Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh dapat Yang Berhormat?

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Boleh! Tuan Yang di-Pertua, hendak minta pas istimewa saya ingat kena minta dengan Yang Berhormat Padang Terapkan, orang utara. Tuan Yang di-Pertua, akhir kata selagi lagi saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan yang mulia ini yang telah bersama-sama memberi sumbangan yang positif dalam perbincangan-perbincangan yang berkaitan secara langsung dan ataupun tidak langsung dalam membangunkan industri pelancongan negara. Segala teguran, cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat akan membantu Kementerian Pelancongan di dalam mencapai visi kementerian menjadikan Malaysia sebuah negara pelancongan yang terunggul dan menarik untuk dikunjungi. Dengan izin, '*Malaysia Truly Asia*', dengan izin, '*Malaysia Welcomes The World*'. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sila.

10.20 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak Jabatan Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan perbincangan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja, yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh sebab banyak perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat, saya mencadangkan untuk membangkit perkara-perkara yang dianggap penting oleh JPM dan yang lain itu saya akan menghantar jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Tanjong membangkit isu berhubung dengan memorandum menteri bukan Islam mengenai kebebasan beragama. Sukacita dijelaskan prinsip kebebasan beragama bukan sahaja bermaksud setiap individu bebas menganut agama pilihannya malah ia juga merangkumi keperluan yang lebih luas seperti saling menghormati serta peka terhadap isu-isu sensitif agama lain terutamanya dalam konteks perpaduan dan harmoni yang telah lama dikecapi di negara ini. Arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar sembilan menteri bukan Islam menarik balik memorandum yang diserahkan kepada beliau tidak ada kena-mengena dengan prinsip kebebasan beragama.

Ini adalah kerana seperti mana yang telah saya sebut dalam jawapan saya tempoh hari, keputusan telah pun dibuat iaitu bahawa kita bersetuju supaya perkara ini dibawa kepada pihak Peguam Negara untuk Peguam Negara melihat undang-undang yang tertentu yang mana kita boleh menambahbaikkan kalau sekiranya ia melibatkan perkara-perkara yang ada kaitan di antara agama di dalam negara kita. Yang keduanya sudah tentulah dalam hal ini mesyuarat Jemaah Menteri merupakan saluran yang sedia ada yang sepatutnya digunakan oleh setiap menteri untuk bebas menyuarakan sebarang pendapat mereka dan selalunya seperti yang kita sebut memorandum ini hanya diberikan oleh satu

pihak kepada pihak yang lain kalau sekiranya mereka tidak mempunyai kesempatan untuk mengambil bahagian di dalam perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Bukankah benar bahawa ini bukan kali yang pertama bahawa ada memorandum yang diberi oleh menteri-menteri kepada Perdana Menteri bukan oleh kerana mencabar *authority* Perdana Menteri tetapi supaya boleh lebih *consist*, tepat supaya isu-isu yang terlibat boleh dikemukakan dan kedua dalam isu ini bukankah nampaknya dalam masa itu mengikut laporan-laporan dalam surat khabar bahawa satu perbincangan di Kabinet akan diadakan kemudian tetapi oleh sebab kontroversi memorandum oleh sembilan orang menteri yang bukan Islam di mana mereka diarahkan untuk tarik balik memorandum itu dan di mana Yang Amat Berhormat kata bahawa dia belum baca dan tidak payah untuk baca menunjukkan bahawa prinsip Perdana Menteri sebagai '*primus inter pares*' di mana semua dalam kabinet sebenarnya equal tetapi Perdana Menteri, '*primus inter pares*' *first among* it post, nampaknya sudah dirosakkan sehingga semacam *principle* dengan budak-budak nakal dan nampak bukankah ini satu *over turning of a* prinsip politik sangat mustahak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang saya menjadi anggota pentadbiran iaitu semenjak tahun 1995 tidak pernah berlaku di mana menteri memberi memorandum kepada Perdana Menteri. Kedua, ingin saya sebutkan di sini iaitu bahawa keputusan berkenaan kajian yang perlu dibuat dihantar kepada Peguam Negara telah dibuat dua minggu sebelum memorandum itu dihantar. Maka, dalam masa dua minggu sudah tentulah tidak ada keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara maka tidak ada keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara maka tidak ada sebab mengapa memorandum harus dihantar kepada Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, boleh penjelasan. Masa itu sangat jelas, Perdana Menteri sendiri pun ada kata dalam surat khabar bahawa perkara ini akan dibincang dalam Kabinet sebelum timbul atau bangkit kontroversi memorandum sembilan menteri bukan Islam tetapi setelah dua bulan isu ini tidak dibincang, bukan sahaja tidak dibincang nampaknya sudah dikebumikan walhal isu ini masih menjadi satu isu yang dapat perhatian semua rakyat oleh sebab isu-isu hak kepentingan rakyat Malaysia bukan Islam. Berikutan dengan kontroversi Moorthy dan artikel 121(1A) dan kenapa perkara ini Kabinet belum buat satu perbincangan supaya memorandum sembilan orang menteri, isi kandungan memorandum itu belum dibincang oleh Kabinet?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita telah bincang, apa yang disebut dalam memorandum itu adalah perkara yang sama yang telah kita bincang dua minggu sebelum itu dan kita telah pun membuat keputusan supaya perkara yang dibangkit walaupun kita tidak baca memorandum itu tetapi perkara yang sama supaya perkara itu diserahkan kepada pihak Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang kita supaya dia mengkaji apa yang telah dibincangkan dan supaya dia akan datang balik kepada kita secepat yang mungkin dan sudah tentulah dia akan makan masa sedikit kerana undang-undang yang perlu dilihat itu ialah banyak undang-undang sebenarnya yang ada kaitan berkenaan dengan *custody of a children*, berkenaan dengan pembahagian harta, berkenaan dengan nominee EPF...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:ini semua undang-undang yang perlu dilihat oleh Peguam Negara dan dia sudah tentu akan memakan masa sedikit untuk memberikan laporannya kepada kita balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi sebab itu kita sedang menunggu dan tidak betul kalau sekiranya kita tidak mengambil berat tentang kandungan memorandum itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Penjelasan memang satu penjelasan itu kerana saya berasa dengan kenyataan Yang Berhormat tadi saya berasa 'pelik binti hairan'. Kerana kalau perkara ini dibincang dengan panjang lebar

dua minggu yang dulu kemudian ada 10 menteri lagi menghantarkan satu memorandum yang mengandungi perkara yang sama saya pelik. Kalau ada perbincangan yang panjang lebar maka mereka masih tidak puas hati sehingga menghantar memorandum kepada Yang Amat Berhormat. Ini saya tidak boleh faham. Dia sudah bincang panjang lebar, semua pun terlibat menyertai perbincangan kemudian mereka tidak puas hati lagi hendak hantar memorandum. Ini memang tidak boleh faham Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau Yang Berhormat pun tidak faham tentang mereka saya lagi tidak faham. Jadi soal-soal ini tanyalah kepada sembilan menteri yang tandatangan jangan tanya kepada saya sebab saya pun 'ajaib bin hairan' juga, saya pun tidak faham mengapa setelah kita bincang memorandum perlu dihantar. Saya harap tanya kepada sembilan menteri yang bukan Islam yang telah tandatangi memorandum itu. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh Timor...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan boleh? Yang Berhormat ada kata bahawa beliau belum baca pun memorandum itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun kata dia belum dan tidak akan baca isi kandungan memorandum itu. Kalau begitu bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh tahu apa yang dalam isi kandungan memorandum? Dia sudah buat satu kesimpulan apa yang ada dalam memorandum bahawa tidak perlulah memorandum itu dikemukakan, bahawa beliau belum baca itu dan adakah Yang Berhormat kata bahawa kelakuan sembilan orang menteri yang bukan Islam yang kemukakan memorandum itu tidak bertanggjawab?

Bukankah ini menunjuk bahawa sungguhpun Yang Berhormat kata bahawa panjang lebar, panjang lebar berapa lama ada bincang oleh Kabinet? 10 minit, 15 minit yang menunjukkan bahawa kepada mereka tidak cukup panjang lebar supaya isu-isu yang penting belum boleh dibincang dengan mendalam. Dan bukannya ini bererti sebenarnya bahawa tidak keadaan yang adil, yang dalam iklim, dalam Kabinet di mana boleh membenarkan perbincangan yang sepenuhnya, yang bebas, yang terbuka.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita telah dimaklumkan bahawa memorandum itu mengandungi perkara yang sama. Jadi soal sama ada mereka puas, tidak puas hati kita bincang dalam Jemaah Menteri, kalau pukul 9.30 sampai pukul 1, itu dekat empat jam lebih. Dan saya masih ingat bahawa dalam masa dua minggu sebelum memorandum itu dihantar, sememangnya kita memakan masa yang panjang berbincang perkara ini, itu dalam ingatan saya, berapa lama saya tak ingat tapi kita telah berbincang perkara ini secara serius dan kita telah mendapat persetujuan supaya ianya diserahkan kepada Peguam Negara. Soal mereka puas, tidak puas tanyalah 9 Menteri itu, soal sama ada dia kurang ajar, tidak kurang ajar, itu terpulang kepada persepsi masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh juga membangkitkan isu kod etika dan pengisytiharan harta bagi Ahli Parlimen. Dimaklumkan bahawa kod etika Ahli Parlimen kerajaan, merupakan usaha kerajaan Barisan Nasional memantapkan lagi khidmat bakti wakil-wakil rakyat Barisan Nasional. Ini tidak bermakna Ahli Parlimen berlatar belakangkan politik lain tidak dapat menggunakan kod etika tersebut.

Selaras dengan kod etika tersebut, pengisytiharan harta oleh Ahli-ahli Parlimen kerajaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun diamalkan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mengambil tindakan sekiranya pengisytiharan harta tidak dibuat. Sesungguhnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan terus memantau dan mengambil tindakan bagi menjamin kewibawaan semua wakil rakyat Barisan Nasional yang berkhidmat pada rakyat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan pelaksanaan sistem *ombudsmen* seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Belud. Kerajaan perlu

menjalankan kajian teliti sebelum memutuskan sama ada hendak melaksanakan sistem *ombudsmen* di negara ini. Penelitian dari segi segala aspek perlu dilakukan bagi memastikan ia benar-benar sesuai untuk dilaksanakan. Pada masa yang sama, kerajaan akan memantapkan organisasi Biro Pengaduan Awam agar ia dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada orang ramai sebelum sebarang keputusan dibuat untuk mengadakan sistem *ombudsmen* di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut mempersoalkan ketidakhadiran pegawai-pegawai kanan dalam mesyuarat-mesyuarat khususnya di peringkat negeri dan daerah. Sebenarnya kehadiran pegawai-pegawai kanan kerajaan dalam mesyuarat-mesyuarat adalah berdasarkan kepada keperluan. Mereka akan hadir sekiranya kehadiran mereka diperlukan bagi membantu apa-apa urusan yang berkaitan dengan mesyuarat berkenaan. Dalam keadaan biasa, memadailah setiap kementerian diwakili seorang pegawai yang bertanggungjawab melaporkan kepada kementerian masing-masing untuk tindakan selanjutnya. Dan Yang Berhormat juga sudah tentu terlebih maklum iaitu bahawa setiap negeri itu banyak daerah dan tidak mungkin pegawai kanan itu boleh hadir dalam semua mesyuarat daerah yang diadakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya minta penjelasan Yang Berhormat? Saya ingat fakta itu mungkin tidak betul, yang saya sebut Jawatankuasa Daerah, Jawatankuasa di peringkat daerah di mana adanya ketua-ketua jabatan. Kalau ikut arahan daripada Ketua Setiausaha Negara, semua ketua jabatan wajib hadir, tidak boleh diwakilkan kecuali Timbalan Ketua Jabatan yang terkanan. Jika tidak dia ada kuorum, sekarang ini ada kuorum, kalau kuorum tidak cukup, tidak boleh bermesyuarat seperti dulu. Itu yang saya maksudkan Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat mungkin ada kesilapan, maksud Yang Berhormat Ketua Jabatan Daerah ya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Menganggukkan kepala*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha okey, kalau Ketua Jabatan Daerah berbeza daripada Ketua Jabatan yang dimaksudkan kalau bagi negeri. Jadi ada negeri satu sahaja untuk dia menghadiri semua daerah mungkin tidak boleh tapi seperti mana Yang Berhormat sebut, Ketua Jabatan Daerah mesti hadir, saya rasa itu adalah satu perkara yang betul sebab Ahli-ahli Yang Berhormat juga hadir dalam mesyuarat seperti itu. Ini saya akan maklumkan kepada pihak JPA.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cuma Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat, sewaktu sidang Parlimen, mintalah Jawatankuasa ini tidak bermesyuarat. Sudah tentu Ahli-ahli Parlimen tidak dapat hadir ke mesyuarat kerana wakil tidak dibenarkan mewakili Ahli Parlimen kecuali Menteri ataupun Timbalan Menteri. Jadi minta sikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya lihat masalah yang berlaku di peringkat daerah ini, kalau sekiranya pada waktu kita bersidang mungkin akan makan masa dua, tiga bulan. Kemungkinan pada waktu itu kita minta supaya Pejabat Daerah mengadakan mesyuarat pada hari Sabtu ataupun Ahad, ataupun Jumaat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Belud meminta diwujudkan garis panduan yang jelas mengenai pelantikan pegawai-pegawai yang telah bersara. Dimaklumkan bahawa kerajaan melantik secara kontrak pegawai yang telah mencapai umur persaraan wajib apabila terdapat keperluan demi kepentingan perkhidmatan awam dan negara. Garis panduan mengenai pelantikan kontrak selepas bersara wajib terdapat dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 tahun 2003. Pekeliling ini menerangkan antara lain seseorang pegawai boleh dilantik secara kontrak selepas bersara wajib dengan mengambil kira kepentingan perkhidmatan iaitu jawatan-jawatan kritikal, kepakaran yang dimiliki terutama perkhidmatan perubatan, kesinambungan tegas dan kepimpinan yang diperlukan oleh perkhidmatan serta penyelesaian urusan-urusan penting dalam suatu tempoh yang diperlukan.

Asas ini telah digunakan secara konsisten dalam semua pelantikan kontrak selepas bersara. Sekiranya terdapat pegawai lantikan kontrak tidak mempunyai motivasi untuk bekerja, kerajaan boleh menamatkan kontrak perkhidmatan mereka pada bila-bila masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berupa pertanyaan. Saya ditanya oleh seorang ibu tunggal yang suaminya telah pun meninggal dunia, seorang pesara kerajaan. Selepas 12 tahun dia menikmati pencen terbitan, maka pencen itu dipotong setengah. Si isteri ini yang kematian suami anggota kerajaan yang bersara, selepas 12 tahun dia menikmati pencen terbitan itu, pencennya dipotong setengah. Mereka merayu supaya kerajaan timbangkan semula, supaya pencen itu jangan dipotong kerana waktu itu umur mereka sudah begitu lanjut. Waktu itulah mereka sakit, jadi beban hidup mereka dengan sakit dan berbagai-bagailah, masa itulah nak memanjakan cucu. Tapi apabila dipotong pencen terbitan itu, dia menjadi kesukaran dalam hidup. Mereka merayu supaya janganlah dipotong, teruskanlah pencen terbitan itu supaya tidak terjejas kehidupan mereka. Ini rayuan mereka, kalau ada pandangan Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya agak bersimpati dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bukan sahaja dia dipotong setengah tapi mungkin nilai mata wang itu juga bertambah kecil, jadi bertambah susahlah. Jadi Insya-Allah saya akan membawa perkara ini kepada pihak Ketua Setiausaha Negara untuk beliau pertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ampang menyarankan supaya umur persaraan bagi pensyarah dilanjutkan kepada 66 tahun. Dimaklumkan bahawa di bawah Undang-undang Persaraan bagi perkhidmatan awam semua pegawai dikehendaki bersara wajib apabila mencapai umur 56 tahun. Pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan umur persaraan wajib. Sebaliknya untuk memenuhi keperluan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu seperti pensyarah atau profesor di universiti seperti dibangkitkan, kerajaan akan terus mengamalkan pelantikan secara kontrak bagi pegawai-pegawai yang bersara wajib.

Melalui cara ini kerajaan dapat memastikan hanya pesara yang benar-benar berpengalaman dan mempunyai kepakaran dan telah membuktikan prestasi kerja yang tinggi dilantik untuk terus berkhidmat bagi memastikan kesinambungan tugas dan menyediakan kepimpinan yang diperlukan oleh organisasi berkenaan.

Dasar pelantikan kontrak secara selektif ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan supaya jentera kerajaan dianggotai oleh pegawai-pegawai yang dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada organisasi dan seterusnya kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan mengenai isu pelanjutan umur persaraan, *retirement age*. Perkara ini sudah banyak kali disebutkan dan pun ada pengumuman selalu ada keluar dalam surat khabar bahawa kajian yang terakhir dibuat untuk melanjutkan umur persaraan. Selaras dengan perkembangan baru-baru ini di mana *life spent* sudah lebih panjang dan *lifestyle* yang lebih sihat. Dan kenapa dalam perkara ini, Malaysia yang begitu lambat, yang terlewat untuk mengadakan perubahan semacam negara-negara yang lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita adalah sebuah negara yang muda di mana kita tidak seperti setengah negara-negara lain, di mana warga-warga tua itu mungkin lebih ramai. Jadi, oleh sebab itu pada peringkat ini, memang kita telah buat kajian. Tapi kita merasakan, iaitu bahawa di peringkat negara Malaysia

dalam tahap pembangunan kita sekarang ini, kita merasakan bahawa apa yang dilaksanakan oleh kita itu adalah baik memandangkan iaitu, seperti mana yang saya sebutkan tadi, kita merupakan negara muda. Ramai orang-orang muda yang ada dalam negara kita ini, peratusannya tinggi.

Maka, oleh sebab itu kita merasakan kita harus memberikan peluang kepada mereka untuk mendapat kenaikan. Kalau dinaikkan 10 tahun lagi, ini akan melambatkan kenaikan pangkat bagi mereka yang merupakan majoriti di dalam negara kita pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ada satu, dua, tiga, empat perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, rasuah ya. Ipoh Timor, Permatang Pauh, mencadang agar Badan Pencegah Rasuah dijadikan sebagai sebuah badan bebas. Perkara ini banyak kali dibangkit, dan kita tegaskan bahawa sejak penubuhannya, BPR diberikan kebebasan menjalankan penyiasatan terhadap mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997, tanpa mengira kedudukan, jawatan dan sebagainya. Kerajaan mempunyai keyakinan yang penuh di atas kewibawaan BPR. Agensi khusus yang dipertanggungjawabkan untuk membendung dan mencegah jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di negara ini.

Kerajaan juga berpuas hati dengan keberkesanan BPR dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab membanteras jenayah rasuah mengikut kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang. Oleh yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk meletakkan BPR di bawah tanggungjawab Parlimen.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga menyarankan supaya diadakan tinjauan umum terhadap amalan rasuah. Adalah dimaklumkan bahawa tinjauan maklum balas awam yang baru dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Mac 2006 akan mengadakan tinjauan isu-isu yang melibatkan kepentingan orang ramai dari semasa ke semasa.

Oleh yang demikian, cadangan Yang Berhormat supaya Biro Pengaduan Awam membuat tinjauan umum mengenai gejala rasuah akan dikaji dan dijalankan apabila tiba masanya kelak. Mengenai saranan supaya Biro Pengaduan Awam meneliti aduan-aduan daripada peserta kursus Biro Tatanegara, dimaklumkan Biro Pengaduan Awam akan mengambil perhatian terhadap perkara ini.

Yang Berhormat Tanjung pula menyeru supaya dilakukan penstrukturan semula amalan politik, ekonomi dan sosial bagi mengurangkan amalan rasuah. Sememangnya adalah menjadi visi kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bebas dari jenayah rasuah. Oleh itu, kerajaan sentiasa komited untuk membanteras rasuah. Kesungguhan kerajaan dapat dilihat melalui pelbagai usaha, bersepadu dan berterusan yang dilaksanakan. Ini meliputi tindakan *punitive* dan *preventive* yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memperbaiki sistem perundangan dan kehakiman di negara ini. Yang Berhormat Kota Bharu mencadangkan supaya ditubuhkan mahkamah perlembagaan bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan perlembagaan.

Pada masa ini, kerajaan belum bercadang menubuhkan mahkamah perlembagaan di negara ini. Sekiranya terdapat sesiapa yang mempunyai niat berbuat sesuatu yang berkecenderungan untuk menghasut tindakan undang-undang boleh diambil sama ada di bawah Seksyen 4, Akta Hasutan 48, dibaca bersama Seksyen 3, Akta yang sama ataupun di bawah Seksyen 298 dan 298A, Kanun Keseksaan. Jika kenyataan-kenyataan tersebut dibuat dengan niat, menyakitkan perasaan keagamaan seseorang, atau boleh memecah-belahkan perpaduan kaum di negara ini. Mengikut undang-undang yang ada, mana-mana

orang yang membangkitkan isu-isu yang negatif, berkenaan kaum dan agama, boleh dituduh di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dan kewibawaan untuk mendengar dan memutuskan kes-kes sedemikian.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Ipoh Timor, agar Perlembagaan Persekutuan dipinda, khususnya Perkara 121, kerajaan telah meminta Jabatan Peguam Negara supaya mengkaji undang-undang dan peraturan-peraturan berhubung pemelukan agama Islam oleh orang bukan Islam seperti pemberitahuan kepada keluarga, pembubaran perkahwinan, hak menentukan agama kanak-kanak, hak jagaan nafkah isteri dan anak, warisan dan penentuan, status agama seseorang yang meninggal dunia. Ini adalah supaya isu pertukaran agama menjadi lebih jelas dan tidak menimbulkan kekeliruan kepada mereka yang memeluk agama Islam ataupun bagi keluarga mereka. Kerajaan tidak bercadang meminda Perlembagaan Persekutuan mengenai perkara ini, Fasal 1 dan 1A, Perkara 121, serta senarai 2 dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, memberi definisi yang jelas mengenai pembahagian bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Kedua-dua sistem tersebut ditadbirkan secara berasingan dan kewujudan mereka adalah secara serata.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Keputusan kerajaan bahawa tidak mahu meminda Artikel 121, 1(a) demikian dengan fasal kecil yang baru, 121, 1(b) supaya menjelaskan kedudukan dan membawa peruntukan itu ke kedudukan 'pre1988', adakah ini satu keputusan dibuat oleh Kabinet? Sebelum Memorandum 9 orang menteri dikemukakan atau ini dibuat oleh Perdana Menteri sendiri sahaja, tanpa keputusan dibuat oleh Kabinet? Bolehkah satu penjelasan dibuat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soal 121 ini tetap wujud sama ada Perdana Menteri membuat keputusan berseorangan ataupun beramai. Dia sudah wujud. Kalau sekiranya 121 ini belum wujud, mengikut sebelum ini, maka apa juga keputusan yang perlu dibuat, sudah tentu ianya mesti dibuat oleh Kabinet. Tapi ini keputusan tentang satu perkara yang sudah ada. Jadi, tidak perlulah untuk Perdana Menteri kalau sekiranya dia mahu untuk mengatakan bahawa tidak ada perlu untuk kita meminda kerana undang-undang itu sudah ada. Jadi sebab itu, saya rasa tidak berbangkit soal sama ada dia buat keputusan bersendirian ataupun tidak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bukan masalah wujud, tak wujud Perkara 121, 1(a). Oleh sebab isu M. Moorthy dan Artikel 121 dan 1(a) yang timbul, ada beberapa pandangan bahawa satu cara untuk selesai kontroversi itu ialah ada satu pindaan untuk menjelaskan. Bukan untuk menghakiskan apa-apa peruntukan yang ada dalam 121, 1(a). Tetapi untuk menjelaskan bahawa itulah yang apa dihasratkan untuk selesai masalah di mana kedua-dua pihak ialah orang Islam. Tetapi tidak terlibat, di mana orang bukan Islam adalah satu antara parti itu.

Bukankah benar bahawa itu pun ada ditimbulkan, saya percaya oleh menteri-menteri bukan Islam dalam satu perbincangan yang ada disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Bukankah ini antara perkara-perkara yang ada dalam isi kandungan Memorandum 9 orang Menteri. Oleh sebab ini membayangkan *consensus* masa itu. Oleh sebab itu, sama ada mahu pinda atau tidak mahu pinda untuk menyelesaikan isu ini, patut satu keputusan dibuat. Adakah ini keputusan dibuat oleh Kabinet atau tanpa Kabinet, satu keputusan sudah dibuat bahawa tidak mahu ada pindaan. Kalau begitu, bukankah ini menunjukkan bahawa Kabinet atau sekurang-kurangnya menteri-menteri yang bukan Islam dalam Kabinet sebenarnya tidak ada peluang untuk memberi pandangan mereka. Tidak ada ruang untuk satu perbincangan yang terbuka, yang bebas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Perdana Menteri membuat apa-apa keputusan, perkara ini sudah tentu dia merujuk kepada Penasihat Undang-undang kita, iaitu Peguam Negara. Dan apabila telah mendapat pandangan daripada Peguam Negara tentang perkara ini, maka Perdana Menteri membuat keputusan sama ada dia berbincang ataupun tidak. Sebagai Perdana Menteri, dia berhak untuk membuat keputusan kerana dia adalah Perdana Menteri. Dia merupakan ketua parti kepada parti yang majoriti dalam Dewan Rakyat. Jadi kalau Yang Berhormat rasa tak puas hati, Yang Berhormat bolehlah bawa usul di sini, dan kita undilah tengok sama ada kita hendak sokong ataupun tidak. Saya percaya, memang tetap kalah 121 dibawa dalam

Dewan ini, kerana Yang Berhormat sudah tentu tahu iaitu untuk kita meminda, kita perlu kepada 2/3.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak mungkin pihak yang mahu meminda ataupun... duduk dulu. Prosedur duduk dahulu, saya bercakap mana boleh berdiri..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk dulu. Jadi saya pun tak boleh bercakap kalau Yang Berhormat berdiri. Jadi soal ini, Perdana Menteri pada bila-bila masa, sebagai Perdana Menteri, yang mendapat mandat daripada rakyat, menerusi Ahli Dewan Rakyat yang dipilih dalam pilihan raya yang bebas dan aman. Jadi, dia berhak untuk membuat keputusan pada bila-bila masa, kerana dia merupakan ketua kepada parti yang terbesar. Sebab itu, saya merasakan bahawa sama ada dia mahu rujuk ataupun tidak, itu adalah merupakan hak dia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Soalnya bukan mengenai parti menang, pilihan raya besar, majoriti besar, ada 92% kerusi di sini, tetapi isunya adalah sama ada ada proses demokrasi, ada *consensus*, ada perbincangan, ada *consultation* dalam Kabinet dalam Barisan Nasional atau tidak. Kalau mengikut hujah-hujah Yang Berhormat Menteri, ini menunjukkan bahawa langsung tidak perlu ada *consensus*, langsung tidak perlu ada *consultation*. Keputusan dibuat oleh sama ada oleh Perdana Menteri atau sama ada oleh satu pihak *backbone* dalam Barisan Nasional, UMNO, cukup! Semua yang lain perlu ikut, *drag by the nose!* Ini bukan *consensus*. Ini bukan musyawarah. Inilah *hegemony*. [Disampuk]

Saya mahu tahu hari ini apakah perkara ini sama ada Kabinet buat satu keputusan tidak perlu ada satu pindaan atau langsung Kabinet tidak diberi peluang untuk berbincang dan membuat keputusan. Ini mustahak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia memang soal majoriti sebab ini demokrasi. Kalau *you* suara minoriti, janganlah marah kalau majoriti tidak setuju dengan awak. Ini demokrasi, kita semua tahu ini demokrasi. Jadi seperti mana yang telah saya sebut, kita tidak ada sistem *referendum* di mana kita hendak tanya kepada rakyat balik tentang satu-satu isu. 121(A) ini memang sudah ada. Bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hendak mewujudkan satu benda yang baru.

Kalau dia hendak mewujudkan satu benda yang baru dalam Perlembagaan, itu perlu dia tanya kepada Ahli Jemaah Menteri, kepada Parti Barisan Nasional tetapi ini perkara yang sudah ada dan perkara yang sudah ada sudah tentu telah mendapat sokongan daripada Parlimen yang dahulu. Jadi tidak perlulah dia hendak bertanya kepada Jemaah Menteri kerana dia merasakan iaitu bahawa menerusi nasihat yang telah dibuat oleh Peguam Negara, tidak perlu. Dia kata kekal kerana itulah perkara yang telah wujud selama beberapa belas tahun. Jadi tidak perlu.

Kalau hendak buat benda baru dalam Perlembagaan, itu perlu tanya. Tetapi untuk hendak mempertahankan atau tidak, tidak perlu tanya. Jawapan sudah ada. Parlimen dahulu telah pun dan seperti mana saya sebut, kita sudah tahu iaitu bahawa Perdana Menteri pada masa waktu kita tidak ada pilihan raya, dia telah diberikan mandat oleh rakyat untuk memimpin negara dan dia kena pimpinlah. Kalau dia rasa bahawa tidak perlu pinda, tidak perlu pindalah. Kalau tidak ada yang puas hati di sini, boleh suarakan tidak puas hati di sini boleh suarakan tidak puas hati. Tetapi majoriti bersetuju dengan apa yang dia buat. Itu hakikat sebenarnya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Tetapi isu ini bukan benda yang baru atau benda yang lama. Isu ini ialah 121(1)(A) dan pindaan ini dibuat pada tahun 1988, sekarang ada timbul masalah dan masalahnya ialah sama ada jaminan yang dibuat pada tahun 1988 bahawa pindaan itu tidak akan menjejaskan hak rakyat yang bukan Islam boleh dihormati dan cara untuk menghormatinya ialah satu pindaan yang baru dan bukan isu majoriti atau minoriti.

Isunya ialah sama ada dalam Kabinet, dalam kerajaan, ini isu bukan Parlimen. Dalam Kabinet, dalam Kerajaan Barisan Nasional ada ruang untuk satu *consultation*, satu perbincangan sebelum satu keputusan yang mustahak diambil dan kalau apa yang Yang Berhormat Menteri kata, ini satu pengakuan bahawa tidak ada perbincangan, musyawarah atau *consultation*. Tidak perlu pun. Semua mengikut Perdana Menteri atau sesiapa yang ada kuasa buat keputusan, *the rest* semua boneka sahaja, *puppets*, ikut sahaja tidak boleh bantah, tidak boleh mengeluarkan atau melahirkan hasrat-hasrat mereka. Di mana demokrasi? Demokrasi ialah *consultation, consensus*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita dalam masalah ini, kalau tidak faham, susah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipo Timor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah kata iaitu bahawa Perdana Menteri dia ada hak. Kita bagi mandat kepada dia untuk menjadi Perdana Menteri, untuk dia ambil keputusan. Kalau *you* tidak puas hati, *you* punya pasal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Pindah ke tajuk lainlah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ahli-ahli Jemaah Menteri yang lain tidak merasakan bahawa mereka tidak puas hati.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi sebab itu jangan bangkit kerana hari ini pun saya hendak beritahu 121, kalau kita undi dalam Dewan ini pun kalah, memang kalah. Jadi tidak perlulah kita hendak katakan *consult* ke tidak *consult* kerana sememangnya Perdana Menteri diberikan kuasa mengambil keputusan dia. Itulah Perdana Menteri sebab kita sudah bagi kuasa. Jangan marah kalau rakyat bagi kuasa kepada dia. Rakyat bagi kuasa kepada Perdana Menteri menerusi Ahli-ahli Parlimen yang menang dalam pilihan raya dan kami 92%. Jangan marah kepada kami kalau rakyat pilih kami untuk duduk dalam Dewan dengan majoriti 92%, marah rakyat. [*Tepuk*]

Kalau tidak puas hati, pilihan raya akan datang, bangkit perkara yang sama, kita hadapi dalam pilihan raya akan datang. Apa takut? Kita jantan di sini. Kita bertanding di bawah. [*Tepuk*] Kalau kalah, kalah. Jangan kata tidak ada *consultation*, itu hal kita. Kita jemaah menteri telah buat keputusan bahawa kita bagi mandat kepada Perdana Menteri kita.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi tidak perlu tanyalah sebab itu cara kita. Cara DAP, dia punya fasal. Kita tidak mahu tahu pun cara DAP macam mana.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak perkara. Saya hendak pergi kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan. Cukuplah, pindah ke tajuk lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah jawab tadi, tidak payahlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tidak perlu tunjuk hebat daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timurlah, tidak usah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Saya just hendak confirm.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah jawab semua. Ini soal Perdana Menteri telah buat keputusan dan jemaah menteri setuju dengan keputusan dia. Yang tidak betulnya ialah akta-akta yang perlu dipinda. Tidak ada kena-mengena. Moorthy tidak beritahu kepada anak dan bini dia, dia tukar agama, bukan salah 121(1A). Itu salah dia. Mengapa kalau salah dia, kita hendak pinda 121(1A), tidak ada kena-mengena. Jadi oleh kerana itu soalnya ialah mungkin undang-undang atau akta-akta yang di bawah itu yang masih ada lagi *loose* ke apa ke, yang itu yang perlu diperbetulkan, 121A. Saya hendak beritahu kita tidak akan pinda 121(1A) ini. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terakhir, terakhir.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur juga mempersoalkan masalah diskriminasi...

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri, beralihlah, beralihlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...dalam perundangan negara. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah membangkitkan tentang ketetapan yang diambil pada Mesyuarat Agong Tahunan Bar Malaysia Yang Ke-59....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...supaya dihapuskan segala bentuk diskriminasi dengan merujuk secara khusus kepada pelantikan panel peguam...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan. Sila duduk, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...oleh syarikat persendirian, bank dan pertubuhan. Menurut Yang Berhormat, resolusi itu menyebut antara lain...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan kacaulah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...(a) bahawa syarikat persendirian, bank dan pertubuhan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...berpegang kepada amalan bahawa firma peguam tidak akan dilantik sebagai panel mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...melainkan jika terdapat pematuhan kuota etnik bangsa dalam firma peguam itu dan (b) bahawa tidak ada undang-undang di negeri ini yang membenarkan amalan diskriminasi sedemikian. Perlulah ditegaskan bahawa pelantikan panel peguam oleh syarikat persendirian bank dan pertubuhan adalah urusan pengendalian syarikat, persendirian, bank dan pertubuhan itu sendiri dan tidak ada apa-apa kaitannya dengan kerajaan, tidak ada apa-apa arahan daripada kerajaan mengenainya dan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor itu tidak ada undang-undang yang mengizinkan.

Kerajaan tidak bercadang untuk mencampuri urusan persendirian secara demikian dan terpulanglah kepada kebijaksanaan rakyat, bank dan pertubuhan itu untuk mengendalikan urusan perniagaan masing-masing sebaik mungkin supaya tidak wujud dakwaan adanya apa-apa bentuk diskriminasi dalam menguruskan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya juga menyarankan supaya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional meningkatkan peranannya untuk memberi kefahaman mengenai kebebasan beragama di negara ini. Seharusnya rakyat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum perlu berbangga dengan tahap pencapaian perpaduan dan pembangunan negara. Islam merupakan agama persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan oleh penganut-penganutnya. Justeru itu, perlu ada kesedaran beragama di antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia dan menghormati agama Islam sebagai agama persekutuan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berhubung dengan Yang Berhormat bagi Kepong supaya diteruskan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan Ayer Hitam.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...dimaklumkan kerajaan telah membuat keputusan untuk menangguhkan Suruhanjaya Antara Agama yang dicadangkan itu. Keputusan ini dibuat memandangkan kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sememangnya sering mengadakan dialog antara agama dari masa ke semasa. Tambahan pula perbincangan-perbincangan untuk menubuhkan suruhanjaya tersebut menimbulkan kontroversi dan telah melebarkan jurang antara rakyat yang berlainan agama.

Di samping itu, perkara-perkara negatif yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Kepong tidak wujud dan hanya digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak bagi tujuan sempit mereka. Rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan menganuti pelbagai agama sebenarnya hidup dalam suasana aman, harmoni dan saling memahami antara satu sama lain. Selain itu, kerajaan merasakan tidak perlu untuk mewujudkan sebarang Jabatan Antara Agama pada masa ini seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: [Kepong] *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: [Kepong] Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, Yang Berhormat bagi Kepong, yang lain sila duduk.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Saya, saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, teruskan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okay terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri cuma ada beberapa persoalan yang saya ingin kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri sebelum saya teruskan. Pertamanya adakah setuju atau tidak bahawa setiap rakyat, setiap individu rakyat Malaysia ini adalah aset negara. Setuju atau tidak setiap rakyat ini juga adalah modal insan yang penting untuk pembangunan negara?

Setuju atau tidak tentang titah Diraja di mana Yang di-Pertuan Agong telah mengatakan bahawa rakyat perlu meningkatkan keutuhan, kewibawaan diri, integriti, perlu bermoral, berakhlak, beretika dan bertanggungjawab kepada pembangunan negara. Sekiranya tidak ada nilai-nilai tersebut atau kualiti-kualiti tersebut sebagai seorang rakyat Malaysia maka sukarlah untuk menjadi agen untuk merangsang pembangunan negara dari segi pembangunan ekonomi dan juga pembangunan sosial. Dan setuju atau tidak Yang Berhormat Menteri bahawa kualiti-kualiti ataupun nilai-nilai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa banyak yang setuju itu Yang Berhormat ?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, ya. Bahawa kualiti-kualiti itu dapat dipupuk ataupun disemai melalui ajaran agama yang betul dan bahawa kerajaan juga bertanggungjawab untuk memastikan rakyat ini memperoleh kualiti-kualiti dan nilai-nilai yang saya sebutkan itu. Maka perlulah ada satu mekanisme yang perlu dipastikan adanya pemupukan dan penyemaian nilai-nilai tersebut.

Dan, apakah pihak kerajaan boleh mempertimbangkan supaya model negara lain seperti Indonesia diambil kira. Sebab di negara Indonesia jumlah penduduk adalah 208 juta rakyatnya di mana rakyatnya 87% adalah beragama Islam. Mereka masih mempunyai jabatan-jabatan untuk agama-agama lain. Dan di sini saya hanya mencadangkan satu jabatan sahaja untuk menjaga kebajikan sebagai satu jentera pentadbiran kerajaan untuk memastikan rakyat Malaysia kita ini dapat dibimbing atas landasan yang betul. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua semenjak kita merdeka tidak pernah berlaku pergaduhan disabitkan oleh kerana agama di negara kita. Apa yang ada mungkin ialah rusuhan kaum sahaja pada 1969 tetapi bukan kerana agama. Oleh hal demikian walaupun saya setuju dengan apa Yang Berhormat sebut iaitu perlu ada persefahaman semua. Kita telah berjaya melakukan ini tanpa kita mempunyai apa-apa jabatan. Oleh kerana itu saya merasakan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri iaitu cadangan untuk mengadakan jabatan antara agama itu adalah tidak perlu kerana adalah baik supaya agama masing-masing mereka mengendalikan hal agama mereka.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ayer Hitam. Terima kasih Dato' Seri Menteri. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri tadi saya rasa pemeliharaan keharmonian agama di negara yang merupakan masyarakat majmuk ini amat penting. Dan saya juga sebagai rakyat Malaysia termasuk juga Kelana Jaya mengakui bahawa agama rasmi di negara kita adalah agama Islam yang patut kita hormati. Dan pada waktu yang sama kebebasan agama juga diberi. Itu memang sebagai rakyat Malaysia saya menghayati apa yang termaktub dalam perlembagaan. Jadi persoalan saya Yang Berhormat, mungkin dari perspektif orang bukan Islam ada beberapa masalah yang perlu diperhalusi.

Sebagai contoh ada penagih dadah yang menyamar sebagai sami Buddha itu akhirnya akan memudaratkan agama itu sendiri. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat mekanisme yang boleh digunakan bagi membanteras perkara ini atas nama menjaga keharmonian agama itu sendiri. Dan saya hendak beri jaminan bahawa daripada pemerhatian saya, JAKIM menjalankan tanggungjawab yang baik untuk menjaga kebajikan Islam itu tidak menjadi pertikaian. Jadi mekanisme yang boleh digunakan untuk bagi kita membantu dan memantapkan lagi pengurusan dari segi agama bukan Islam. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Seperti mana yang telah saya sebut sebentar tadi, iaitu bahawa kita berbilang agama dalam negara kita. Dan selama kita merdeka kita tidak pernah ada masalah pergaduhan daripada segi agama disabitkan oleh agama. Oleh hal yang demikian, dalam soal-soal yang tertentu seperti Yang Berhormat sebut tadi, adalah elok ianya dikendalikan oleh struktur agama itu sendiri. Kalau ianya berlaku di kalangan orang Kristian maka sudah tentulah kita mahukan supaya ketua agama Kristian untuk menyelesaikan masalah mereka dan begitulah juga dengan Buddha dan Hindu dan begitu jugalah Islam, ya.

Jadi, oleh kerana itu saya merasakan bahawa untuk mengatasi masalah ini selama hari ini, ianya lebih baik kita letakkan kepada ketua agama masing-masing supaya mereka dapat menyelesaikan dengan cara mereka sendiri. Kalau tidak ini kan mungkin ada jabatan, mungkin pula hendak buat secara pemilihan penagih dadah cara Islam pula yang ini mungkin akan dimarahi oleh agama lain sebab itu elok agama masing-masing menjaga kepentingan mereka, itulah yang terbaik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi ke, Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua akhir sekali, akhir sekali...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Cameron Highlands.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dengan adanya satu jentera sebegini saya rasa mungkin maklumat-maklumat yang boleh menjadi dasar-dasar dan asas-asas penting dapat membantu dalam kerajaan memahami agama-agama lain. Saya rasa mungkin ada kekangan dari segi *feed back* maklum balas daripada beberapa agama yang lain.

So, mungkin saluran ini dapat membantu dalam perancangan pembangunan negara. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh membawa isu ini kepada Jemaah Menteri supaya dapat kita lihat satu mekanisme dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membuat maklum balas begini dari segi agama lain. Mungkin agama lain dia hendak bagi sumbangan kepada pembangunan negara tetapi saluran itu tidak ada. Macam mana apakah pandangan bagaimana saluran itu lebih berkesan boleh dilakukan?

Setakat ini ketua-ketua agama ini mungkin mereka rasa tidak boleh sampaikan hasrat dan juga pandangan mereka. Apakah mekanisme yang boleh kita wujudkan, kalau tidak boleh disetujui dengan mekanisme ini supaya maklum balas dan perhubungan ini dapat dieratkan lagi antara agama-agama yang begitu penting di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat tanya kepada kita cadanglah mekanisme tetapi mekanisme yang dicadangkan iaitu mengadakan jabatan antara agama itu kerajaan merasakan tidak perlu diadakan. Tetapi kalau Yang Berhormat merasakan ada mekanisme yang lain, sila bagi tahu kepada kita tetapi yang jabatan ini sememangnya pada masa ini kita merasakan tidak perlu untuk diwujudkan. Tuan Yang di-Pertua...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Sayalah bangkitkan hal ini, sayalah bangkitkan. Kalau mengikut cara demokratik Yang Berhormat selepas tiga orang berucap barulah bagi saya. Jadi itu cara demokratik dan cara penyelesaian masalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Perbetul dalam parti dululah sebelum kata dekat orang.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya masih ingat berapa bulan yang dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang lain diam.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...saya bangkitkan masalah azan di sini. Orang yang pertama yang membidas saya itu Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Dan ini satu bukti yang menunjuk kita mesti ada saluran yang lain kalau tidak Yang Berhormat Menteri sendiri pun tidak ada toleransi [Disampuk]. Dan soalnya, bolehkah pihak kerajaan mempertimbangkan untuk menyelesaikan masalah? Memang di dalam Mahkamah Tinggi Sivil dan juga Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai kedua-dua mempunyai nilai-nilai dan prinsip yang sama di dalam dua-dua agama ini. Bolehkah kita cari cara untuk...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini berucap ke minta penjelasan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat teruskan. Pendekkan Yang Berhormat, pendekkan pendekkanlah Yang Berhormat ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Larut tidak ada disiplin langsung, tidak ada disiplin langsung. Kita minta penjelasan. Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat, kedua-dua mahkamah ini ...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita menyarankan agar peruntukan rumah ibadat bukan Islam tidak diabaikan. Jadi saya ingin memaklumkan bahawa peruntukan bagi tujuan projek keagamaan bukan Islam sememangnya disediakan di bawah peruntukan khusus seperti peruntukan Yang Berhormat Ahli Parlimen.

Peruntukan Yang Berhormat Menteri dan peruntukan projek khas di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri tertakluk kepada kelulusan tertentu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun peruntukan untuk tempat ibadah adalah peruntukan di bawah Ahli Parlimen, khas untuk ahli Barisan Nasional tetapi peruntukan itu saya tahu hanya untuk beli meja kerusi, aktiviti bagi agama yang bukan Islam tidak dibenarkan. Jadi tadi Yang Berhormat

ada kata tidak pernah berlaku pergaduhan kerana agama. Kita di sini juga tidak ingin melihat keadaan itu berlaku. Persefahaman dan penghormatan adalah dua hala di dalam sebuah masyarakat majmuk. Apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar tentang bahayanya tindakan beliau menyokong tindakan Ketua Polis Negara mewajibkan semua pegawai wanitanya ...

[Dewan riuh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...memakai tudung ini. Apakah rasional...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...apakah rasional di bawah sokongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini. Saya amat risau keharmonian ini akan terjejas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Teguran dan tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya juga ingin tanya Yang Berhormat Menteri apakah Yang Berhormat Perdana Menteri kita terlalu dibebankan dengan kerja kerana beliau adalah Perdana Menteri. Beliau juga adalah Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Beliau juga Menteri Kementerian Kewangan sehingga beliau tidak ada kawalan ke atas pegawai polis. Apakah masalah ini timbul, kalau ia saya ingin beritahu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu satu tuduhan jahat Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini sangat bahaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...tindakan Perdana Menteri menyokong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...arahan Ketua Polis Negara berkenaan isu tudung ini. saya haraplah Yang Berhormat Menteri...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu uniformlah...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...boleh sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...tindakan beliau ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila...cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa rasional? Apa rasional?

[Dewan riuh]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perkara Yang Berhormat bangkit itu, saya sudah sedia maklum dan ianya sebenarnya di luar daripada bidang saya untuk menjawab. Jadi terima kasihlah di atas segala pandangan dan seperti mana yang telah saya sebut di mana saya tidak jawab, bukan kerana tidak penting, tetapi kerana kesuntukan masa, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila. Yang Berhormat minta boleh habiskan dalam 15 minit Yang Berhormat?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin] Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

11.12 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja dan telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Jabatan Perdana Menteri menghargai segala pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab sebahagian sahaja daripada isu-isu dan persoalan yang telah ditimbulkan kerana kesuntukan masa.

Yang pertama iaitu telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya iaitu beliau membangkitkan bahawa JAKIM telah mengeluarkan garis panduan tata cara membaca doa tanpa membuat rujukan kepada pemimpin-pemimpin agama lain. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, garis panduan tatacara membaca doa dalam majlis-majlis rasmi kerajaan seperti sambutan hari-hari kebesaran Islam, keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke luar negara dan lain-lain adalah selaras dengan Perlembagaan dan Peruntukan Islam sebagai Agama Persekutuan. Oleh itu rujukan kepada pemimpin-pemimpin agama lain adalah tidak perlu.

Yang Berhormat bagi Petra Jaya telah menimbulkan...

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri pembetulan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa JAKIM telah mengeluarkan. Di dalam ucapan, saya menyebut bahawa saya telah difahamkan bahawa JAKIM sedang membuat, merangka satu garis panduan. Saya telah difahamkan oleh pihak JAKIM bahawa garis panduan itu adalah merujuk kepada semua. Maka saya minta supaya jangan kelirukan perkara ini. Sebab saya tidak mengatakan belum, ok. Itulah yang saya hendak menimbulkan perkara ini kerana sekiranya seperti apa yang diberitahu kepada saya oleh pegawai JAKIM, kalau garis panduan itu adalah dirujuk kepada semua rakyat berbilang agama, maka perlulah ada pemahaman dua hala supaya mendapat, memberitahu masyarakat lain supaya dapat menerima adanya persefahaman dalam hal ini. Dan sekiranya tidak melibatkan penganut-penganut agama-agama lain, maka tidak ada masalah. Itu sahaja terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih di atas penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Cuma apa yang telah saya timbulkan tadi ialah soal doa. Panduan yang dibuat oleh JAKIM itu sebenarnya pembaharuan terhadap apa yang telah pun disebarikan sebelum ini. Beberapa tahun yang dahulu telah pun sedia ada garis panduan tersebut. Garis panduan tersebut adalah merupakan panduan sahaja bagaimana pembaca-pembaca doa daripada kalangan orang Islam yang hendak membaca dalam majlis-majlis rasmi. Ini telah dibuat lagi suatu macam suatu contoh dalam panduan tersebut supaya ianya memudahkan pembaca-pembaca doa dalam majlis-majlis rasmi. Jadi saya rasa doa ini saya rasa cukup jelas kepada kita bahawa dia adalah menurut pandangan Islam adalah ibadah. Jadi tidak ada pandangan mesti mendapat kelulusan ataupun pandangan tidak berkaitan, sebab ia adalah merupakan bacaan ibadah dalam Islam.

Selain daripada itu, saya terus kepada apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya yang ingin bertanya, yang telah menimbulkan persoalan tentang isu persijilan halal yang masih berlarutan. Banyak sekali telah menimbulkan persoalan-persoalan. Jadi saya akan memberi jawapan secara ringkas sahaja kerana kesuntukan masa. Iaitu pertama bagaimana kekeliruan masih banyak berlaku berkaitan sijil halal di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, kekeliruan yang sering dibangkitkan oleh pengguna kerana terdapat pelbagai jenis logo halal di pasaran. Ini kerana pada masa ini

tiada peruntukan undang-undang yang mewajibkan pengusaha menggunakan logo halal JAKIM. Mengikut Akta Perihal Dagangan 1972, pengusaha berhak menggunakan sebarang logo halal asalkan produk berkenaan adalah halal. Terhadap persoalan yang kedua, yang telah ditimbulkan ialah mengapa sijil dan logo halal masih dipertikaikan dan diragui.

Tuan Yang di-Pertua, terhadap soalan ini pengeluaran sijil dan logo halal JAKIM dilaksanakan secara telus berdasarkan standard halal Malaysia MS1500 2004 dan manual prosedur persijilan halal Malaysia. Oleh itu, sebarang pertikaian dan keraguan merupakan kes terpercil. Soalan ketiga, bilakah proses persijilan ini dilaksanakan sepenuhnya?

Proses persijilan halal telah dilaksanakan oleh JAKIM sepenuhnya bermula pada Januari 2003. Soalan yang keempat, beliau juga mencadangkan agar dibangunkan sistem persijilan halal yang komprehensif di peringkat nasional dan antarabangsa seperti mana persijilan ISO yang diguna pakai di seluruh dunia. Terhadap persoalan ini, kerajaan telah pun meneliti piawaian dan juga standard halal yang digunakan supaya ianya lebih komprehensif mencakupi aspek kebersihan, sanitasi dan keselamatan makanan.

Standard ini dikenali dengan standard halal Malaysia halal Malaysia MS1500 2004 iaitu satu garis panduan bagi makanan halal berhubung pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan. Bagi melengkapkan standard halal, kerajaan sedang menggubal standard halal untuk produk bukan makanan, iaitu produk kosmetik dan juga dandanan diri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mencelah ketika Yang Berhormat bagi Petra Jaya membahaskan usul ini. Saya mendapati di dalam sektor dandanan dan kosmetik ini telah timbul kekeliruan tentang logo halal. Dan saya telah bertanyakan kepada Yang Berhormat Petra Jaya supaya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri adakah pihak kementerian mempunyai pakar yang benar-benar dapat menentukan bahawa halalnya produk dandanan dan kosmetik tadi itu menepati syariat ibadah, menepati keperluan peribadatan umpamanya pewarna rambut yang berasaskan tumbuhan-tumbuhan inai, halal digunakan. Tetapi ada pewarna rambut yang membentuk lapisan kepada rambut seperti cat yang tidak akan ditembusi air apabila kita berwuduk ataupun mandi hadas. Jadi ini akan menyebabkan berlakunya kekeliruan dan mungkin tidak sah wuduk kita itu tadi. Apa pendapat Menteri tentang perkara ini?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebagaimana yang telah saya sebut dalam jawapan saya tadi ialah sedang melengkapkan iaitu belum lagi dilengkapkan sepenuhnya sedang dalam proses untuk penyediaan. Kalau standard tentang halal MS1500 2004 telah selesai, telah dirasmikan, telah dilancarkan dan telah diedarkan iaitu dibangunkan piawai tersebut. Tapi itu dalam bidang pemakanan. Dalam bidang kosmetik ini sedang dalam proses. Jadi kita tunggu lagilah apa yang dibuat oleh penggubal tentang standard dalam bidang kosmetik ini. Jadi sudah tentulah akan diambil kira pandangan daripada apa Yang Berhormat tadi dari segi halalnya, dari segi hukumnya menurut syariat Islam.

Kerajaan juga telah bersetuju menjadikan standard halal Malaysia sebagai penanda aras standard antarabangsa bagi barangan halal. Pada peringkat permulaan usaha dilakukan melalui forum persidangan negara-negara Islam. Kita cuba mempromosikan standard ini di peringkat OIC, jadi ianya masih dalam peringkat promosi.

Soalan kelima yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya juga ialah memohon penguatkuasaan dipertingkatkan dan jika perlu diberi kuasa yang sama kepada pegawai-pegawai JAKIM, seperti mana kuasa pada pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah memberi kad kuasa kepada 57 pegawai JAKIM dan juga JAIN bagi penguatkuasaan bagi Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan "Halal")

1975 Akta Perihal Dagangan 1972. Seterusnya Yang Berhormat bagi Petra Jaya juga menimbulkan beberapa persoalan yang lain. Saya rasa ada lima soalan-soalan kecil yang telah ditimbulkan, iaitu sejauh manakah pihak yang bertanggungjawab seperti JAKIM membuat pemantauan dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menghapuskan kekeliruan di kalangan awam khususnya masyarakat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, JAKIM sentiasa membuat pemantauan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap penyalahgunaan logo halal JAKIM bagi menghapuskan kekeliruan masyarakat Islam. Jumlah pemantauan dan penguatkuasaan sijil halal JAKIM bagi tahun 2005 adalah dibuat ke atas sebanyak 648 syarikat. Terhadap persoalan yang lain bilakah sijil komprehensif dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, terhadap persoalan ini kalau sekiranya sijil komprehensif yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya iaitu sijil yang seragam, yang hanya dikeluarkan oleh JAKIM, maka sukacita saya maklumkan bahawa negeri-negeri telah bersetuju supaya JAKIM sahaja yang menjadi badan persijilan halal di negara ini.

Soalan ketiga berapakah jumlah yang memohon sijil halal. Jumlah syarikat yang memohon sijil halal JAKIM pada tahun 2004 sebanyak 1,097 dan pada tahun 2005 sebanyak 1,268. Terhadap persoalan berapa lama sijil halal dapat dikeluarkan, sekiranya sesuatu permohonan itu lengkap dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, maka sijil halal dapat dikeluarkan dalam tempoh dua minggu. Tetapi sekiranya terdapat kesilapan atau kegagalan mematuhi syarat-syarat dalam pengisian borang dan sebagainya yang telah ditetapkan, maka pengeluaran sijil dibuat dalam tempoh tidak melebihi dua bulan saya rasa kita boleh selesaikan.

Terhadap persoalan yang kelima berapa jumlah hotel yang ada sijil halal. Kerajaan tidak mengeluarkan sijil halal kepada hotel, tetapi mengeluarkan sijil halal kepada dapur hotel. Sehingga Mac 2006, jumlah dapur hotel yang mendapat sijil halal JAKIM adalah sebanyak 10 buah dan yang mendapat sijil halal JAIN adalah 88 buah dapur hotel. Terhadap persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang iaitu telah menimbulkan ataupun membangkitkan...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Mohon penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okay, sila.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Yang Berhormat, persoalan yang dibangkitkan tadi berkaitan dengan hotel ialah dapur. Jadi sama ada senarai ini dapat dikeluarkan terutamanya untuk memaklumkan masyarakat Islam tentang berapa hotel yang telah mendapat sijil halal bagi dapur mereka.

Kedua, ada satu perkara lagi yang saya bangkitkan tadi untuk kita menggalakkan persijilan halal terutamanya produk-produk kegunaan bukannya berbentuk makanan, misal kata kalau kita lihat saya pernah pergi ke masjid kampung baru satu *banner* yang besar dan juga risalah-risalah dikeluarkan mengatakan *Colgate*, *Darlie* dan beberapa jenis barang kegunaan harian, ubat gigi adalah haram sebab mengandungi unsur-unsur najis yang tidak boleh digunakan dan ini yang menimbulkan kekeliruan sebenarnya. Sebab itu saya mencadangkan tadi mana-mana produk yang telah dikeluarkan sijil halal *supermarket* atau kedai-kedai runcit mesti mengasingkan ini yang ada sijil JAKIM, ini tidak ada sijil JAKIM supaya orang jelas. Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya yang telah meminta penjelasan. Persoalan pertama iaitu terhadap nama-nama dapur hotel yang telah pun diperakui oleh JAKIM. Sebenarnya JAKIM telah mengeluarkan, telah memberitahu nama-nama tersebut. Saya rasa melalui *pamphlet* yang diedarkan dan juga melalui sebaran-sebaran lain. Saya rasa itu boleh didapati. Manakala soal barangan-barangan yang lain selain daripada pemakanan, jadi masih belum lagi sebab sebagaimana kita ketahui, iaitu standard selain daripada makanan halal tadi sedang dalam proses dibangunkan. Kalau siap nanti barulah boleh dilaksanakan untuk memastikan barang-barang selain daripada makanan halal boleh dipastikan kesuciannya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi untuk itu adakah kaedah untuk kita mengawal misal kata persatuan-persatuan pengguna Islam ini bagaimana supaya mereka tidak mengeluarkan apa-apa risalah yang boleh mengelirukan sebelum mendapat pengesahan daripada pihak JAKIM supaya tidak timbul kekeliruan ini. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa soal makanan cukup jelas ya. Selain daripada makanan itu belum lagi sebab standard itu sedang dibangunkan. Apabila dibangunkan nanti mungkin boleh dinyatakan barang-barang yang telah pun mendapat pengesahan daripada JAKIM, itu pun berdasarkan kepada kehendak mereka. Tidak ada paksaan cuma dari segi berniaga sahajalah. Berniaga yang ada tanda halal JAKIM itu mungkin bagi pengeluar-pengeluar itu dari segi perniagaannya mereka sangat mustahak untuk perniagaan. Tapi soal dasar kerajaan iaitu tidak memaksa mereka untuk memohon, maknanya bebas sama ada mereka hendak ataupun tidak itu soal mereka.

Tetapi sekiranya memakai tanda halal JAKIM ataupun tanda halal tapi tibanya dari segi pelaksanaannya tidak halal, itu boleh diambil tindakan dalam perihal dagangan itu dan juga ada pegawai-pegawai yang telah pun diperturunkan kuasa oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kepada pegawai-pegawai JAKIM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh habiskan Yang Berhormat ucapan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh habiskan. Minta gulung, minta gulung.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kalau hendak sekarang pun boleh habis, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okay.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Seorang Ahli: Hei, hendak apa lagi?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi banyak telah dijawab dengan isu halal, haram dan Yang Berhormat yang bertanggungjawab kepada hal ehwal Islam. Saya ingin bertanya pendapat dan pandangan Yang Berhormat berkenaan tindakan dan arahan Ketua Polis Negara yang mewajibkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...pegawai-pegawai Islam dan juga bukan Islam memakai tudung.

[Dewan riuh]

Apakah ini bercanggah dengan surah Al-Baqarah 256 – “*There is no compulsion in religion*”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukankah ini bercanggah dengan Islam Hadhari, sebab ini akan menjejaskan nama baik Islam sebab meminta memakai dan membenarkan mereka menanggalkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...mereka menanggalkannya selepas itu, ia seolah-olah menunjukkan *now you see, now you don't*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sekejap bertudung, sekejap tidak bertudung. Apakah Yang Berhormat ada meneliti dari aspek agama Islam, bukankah ini akan menjejaskan nama baik Islam apabila ada penindasan pemaksaan ke atas...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu *uniform*lah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...nilai-nilai agama Islam...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Uniform polis. Apa macam?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...pakaian tudung ke atas mereka bukan Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi haraplah agama Islam agama rasmi negara ini kita semua ada tanggungjawab mempertahankan nama baik agama Islam. Jadi saya harapkan pandangan Yang Berhormat Menteri dalam aspek ini.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa itu perkara itu telah pun dibincangkan begitu panjang dan dalam keadaan yang begitu terdesak begini, sedangkan Tuan Yang di-Pertua minta saya gulung soalan yang telah pun sedia ada pun banyak lagi, jadi hendak minta lagi bagi penjelasan ini tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya Yang Amat Berhormat Menteri harap faham, ini paling asas tanggungjawab Yang Berhormat Menteri menjaga nama baik Islam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Hal ehwal agama Islam, jadi saya pohonlah Yang Berhormat boleh bagi satu pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Batu Gajah...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penelitian bukankah tindakan ini ..

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okeylah boleh jumpa saya selepas ini..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mengapa mahu ada mesyuarat di luar?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jadi Tuan Yang di-Pertua saya rasa perkara-perkara yang...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini telah gagallah, telah gagal banyak bincang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Batu Gajah ikut peraturan, Batu Gajah. Cukuplah Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Adat Islam halal haram, JAKIM. Tapi yang paling asas mewajibkan pengamalan agama Islam dipaksa ke atas bukan Islam dan juga penganutnya sendiri. Saya harap...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu *uniform*lah, *uniform*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Batu Gajah..

Seorang Ahli: [Menyampuk] Para Menteri hendak jawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita sama-sama, tiada Menteri yang jawab...

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masih banyak lagi soalan-soalan yang dikemukakan kepada saya yang tidak sempat untuk jawab kerana memberi peluang kepada rakan saya yang terakhir iaitu untuk menjawab. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara yang dibangkitkan dalam kesempatan masa yang sangat terhad ini, mengenai isu-isu agama Islam yang sempat saya jawab. Mana-mana soalan yang tidak sempat saya jawab perkara tersebut telah pun dicatatkan dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri khususnya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri saya ingin memberi peringatan kita kena habiskan sebelum jam 12.00 Kalau boleh secepat mungkin.

11.34 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Mohd Effendi bin Norwawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Dungun, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Tanah Merah, Yang Berhormat bagi Lanang, Yang Berhormat bagi Sandakan, Yang Berhormat bagi Putatan dan beberapa ahli yang lain telah membangkitkan isu kenaikan harga minyak, implikasi dan langkah-langkah untuk menangani kesan kenaikan harga minyak. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat keputusan kerajaan menaikkan harga runcit, barangan petroleum sebanyak 30 sen seliter adalah bertujuan mengurangkan sedikit beban subsidi yang ditanggung oleh kerajaan.

Kenaikan harga runcit barangan petroleum yang dijangkakan tidak menaikkan kadar inflasi dan terlalu menyusahkan rakyat. Ini kerana pelbagai langkah telah diperkenalkan untuk memastikan ianya tidak menyumbang kepada kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Langkah-langkah ini termasuklah pelaksanaan sistem pembelian diesel bersubsidi melalui *fleet card* kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan awam, sistem e-nelayan dan petrol bersubsidi kepada nelayan persisiran pantai serta pengusaha-pengusaha bot penumpang di pedalaman Sarawak, Sabah dan Hulu Tembeling.

Mengenai perincian perbelanjaan dan subsidi yang terlibat dimaklumkan bahawa jumlah subsidi petroleum yang dapat diijamatkan dalam tahun ini dianggarkan berjumlah RM4.4 bilion. Wang ini akan dikembalikan kepada rakyat melalui pembaikan sistem pengangkutan awam. Bagi tujuan ini kerajaan telah menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam untuk membaiki sistem pengangkutan awam. Kerajaan yakin usaha ini, sekali gus memberi keselesaan kepada rakyat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan mengenai kumpulan khas untuk *public transport system*. Adakah satu *trust deed* sudah di *executed* mengenai perkara ini dan khasnya apa kandungan *trust deed* ini?

Datuk Seri Mohd Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua, kumpulan wang amanah ini sedang dalam peringkat penubuhan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah satu *trust deed* sudah di *executed* ?

Datuk Seri Mohd Effendi bin Norwawi: Ini saya belum pasti dan saya tiada butirnya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Bukankah, satu masalah apabila ada satu *trust fund* diadakan bahawa semua peraturan-peraturan untuk *control* perbelanjaan supaya tidak ada salah guna kuasa supaya ianya mengikut semua peraturan-peraturan Perbendaharaan yang perlu, boleh dielakkan?

Datuk Seri Mohd Effendi bin Norwawi: Saya kira wang amanah ini akan ditubuhkan mengikut peraturan-peraturan wang amanah dan sudah tentu akan mengikut segala peraturan-peraturan yang memastikan wang itu akan digunakan untuk yang seperti yang ditetapkan iaitu untuk pengangkutan awam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, soalan ialah oleh sebab ada *trust fund* bahawa semua peraturan-peraturan Perbendaharaan yang patut digunakan untuk semua perbelanjaan orang *public* tidak perlu mematuhi yang membuka satu ruang untuk salah guna kuasa.

Datuk Seri Mohd Effendi bin Norwawi: Saya pasti semua peraturan yang diperlukan untuk penubuhan wang amanah akan dipatuhi. Walau bagaimanapun kerajaan juga telah beberapa kali menaikkan harga runcit barangan petroleum, pada hakikatnya supaya jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan masih tinggi berikutan kenaikan harga minyak dunia. Kos subsidi minyak dari segi beban tanggungan subsidi dan pengecualian cukai telah meningkat dari 6.6 bilion pada tahun 2003 kepada 15.3 bilion pada tahun 2005. Sekiranya kerajaan tidak menaikkan harga runcit barangan petroleum pada tahun-tahun lalu, maka jumlah subsidi yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan tahun ini sahaja boleh mencecah lebih 17 bilion.

Ini sudah tentu boleh menjejaskan kedudukan kewangan negara dan usaha pembangunan negara. Walau bagaimanapun saya ingin menerangkan di sini harga runcit minyak di Malaysia masih merupakan di antara yang terendah di dunia, dan terendah di ASEAN kecuali Brunei.

Mengenai penjelasan kepada rakyat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sebenarnya rakyat sudah diberi penjelasan mengenai rasional kenaikan harga minyak sejak tahun 2005. Antaranya sesi penjelasan kepada rakyat di kawasan bandar, luar bandar oleh pemimpin-pemimpin negara termasuk Yang Berhormat Menteri-menteri dan pegawai-pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan.

Kerajaan juga telah menerbitkan dua buku kecil yang mengandungi penjelasan isu harga minyak dan subsidi. Kerajaan sedang dan akan melaksanakan program bertindakan supaya harga barangan dan perkhidmatan kekal, stabil dan kebajikan rakyat terus terjamin.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Di manakah rasionalnya apabila wang penjimatan wang daripada pengurangan subsidi tadi sebanyak RM4.4 bilion digunakan untuk penambah baikkan pengangkutan awam dalam masa yang sama Dasar Automotif Nasional telah menurunkan harga kereta. Kemudahan-kemudahan yang terdapat bank-bank yang menawarkan perkhidmatan mudah, mesra kepada pembeli kereta. Di mana minat rakyat akan mula kepada memiliki kereta dan tidak ke arah penggunaan pengangkutan awam tadi. Terima kasih Datuk.

Datuk Seri Mohd Effendi bin Norwawi: Sudah tentu tujuan negara ialah untuk mempopularkan penggunaan pengangkutan awam untuk mengurangkan sesakan di jalan raya dan kerajaan berpendapat kalaulah pengangkutan awam disediakan dengan lebih selesa ia akan lebih digunakan dan akan mengurangkan penggunaan kereta, kenderaan persendirian.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjimatan ialah RM 4.4 bilion daripada kenaikan harga *fuel* ini untuk pengangkutan awam ialah untuk satu tahun. Tapi untuk 5 tahun di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bererti ialah RM22 bilion. Akan kah RM22 bilion ini akan diguna khususkkan untuk pengangkutan awam?

Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi: Setakat ini rancangannya ialah digunakan untuk membaiki sistem pengangkutan awam. Tetapi apabila sampai masanya yang sistem pengangkutan awam didapati telah dibaiki kita akan semak semula penggunaan wang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau sudah ada tajuk lain boleh pindah ke tajuk yang lain.

Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi: Okey.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, satu. *Last.*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini pengangkutan awam, Tuan Yang di-Pertua, sampai atau tidak ke Melaka atau ke luar bandar sikit. Sampai atau tidak?

Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi: Ia bukan sahaja akan digunakan untuk ibu kota negara, tetapi juga akan digunakan untuk semua ibu kota di seluruh negara dan juga di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai untuk meningkatkan pengangkutan awam. Adakah kerajaan ada senarai projek-projek akan dilakukan... dan kalau belum ada, bilakah senarai ini akan disediakan? Untuk Sarawak berapa projek yang akan dijalankan? Sekarang sudah menjimatkan wang RM4.4 bilion - tahun ini sudah ada jimatkan wang itu dan bilakah akan dilaksanakan projek-projek itu? Bukankah ini satu *after thought*?

Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi: Saya ingat kerajaan bila membuat sesuatu pendekatan seperti ini selalunya menjalani satu proses yang terperinci, kita akan merancang yang sebaik-baiknya. *It is not an after thought.* Ia akan dilaksanakan secara sistematik dan mengikut kehendak dan keperluan yang ada. Jadi kita akan mengenal pasti di manakah program projek-projek pengangkutan awam yang paling penting, yang paling mendesak, yang paling perlu diperbaiki dahulu dan kita akan menjalankan program pembaikan ini mengikut prioriti dan kehendak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya telah membuat beberapa cadangan supaya diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerajaan amat menghargai cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai pembangunan modal insan, dimaklumkan bahawa budaya kecemerlangan serta mengutamakan prestasi tinggi diberikan penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan khususnya dalam pembangunan modal insan. Sehubungan ini prinsip meritokrasi akan diamalkan di mana perlu di semua peringkat dari sekolah hingga ke tempat kerja.

Yang Berhormat bagi Kuala Pilah menyarankan supaya dasar pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Sesungguhnya kerajaan akan meneruskan strategi pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan kaum. Walau bagaimanapun penekanan akan ditumpukan kepada Orang Asli dan kaum Peribumi di Sabah dan Sarawak. Kerajaan berazam membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pada umumnya, pencapaian negara dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar setakat ini amat membanggakan. Pencapaian ini dapat dilihat dengan pengurangan kadar kemiskinan keseluruhannya. Keseluruhan isi rumah di Malaysia daripada 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada hanya 5.1 peratus pada tahun 2002. Kadar kemiskinan tegar juga berkurangan dari 6.9 peratus pada tahun 1985 kepada 1 peratus pada tahun 2002.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah, Yang Berhormat?

Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi: Sudah hendak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Boleh gulung, Yang Berhormat.

Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi: Ya. Berkenaan penyusunan semula masyarakat, dasar kerajaan adalah jelas bahawa pengenalan kaum berasaskan fungsi ekonomi perlu dihapuskan.

Yang Berhormat bagi Bera juga menyarankan supaya penswastaan tidak melahirkan syarikat monopoli dan mengemukakan beberapa cadangan. Sesungguhnya penswastaan tidak bertujuan mewujudkan monopoli.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menyarankan supaya Petronas melaporkan terus dan bertanggungjawab kepada Parlimen. Di bawah peruntukan Seksyen 32 Akta Pembangunan Petroleum 1974, Petronas adalah di bawah kawalan dan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Petronas yang ditubuhkan oleh kerajaan sebagai syarikat milik kerajaan akur dengan prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan.

Saya rasa itu sahajalah perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab UPE. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab oleh pegawai tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah selesai jawapan dari menteri-menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah itu, disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Kesebelas”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguh sehingga jam 3.30 petang hari esok Jumaat 31 Mac 2006.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.46 malam.